

**Bil. 36**

**Khamis  
6 Oktober 2011**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	18)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011	(Halaman	19)
Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011	(Halaman	61)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
22. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
23. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
24. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
25. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
26. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
27. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Heng Seai Kie - *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato' G. Palanivel – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
40. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
41. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO

16. Yang Berhormat Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO

48. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raim Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO



78. Yang Berhormat Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa)  
– UMNO

**AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato' Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)

10. Yang Berhormat Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)

17. Yang Berhormat Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato’ Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

**AHLI (PSM)**

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

**AHLI (Bebas)**

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzil Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

**Kosong**

1. - Tiada - (Titiwangsa)

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Khamis, 6 Oktober 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan langkah dan usaha kerajaan dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah di negara ini bagi menghadapi kos kehidupan yang semakin meningkat dan membantu golongan terbabit tidak tercalar daripada arus pembangunan dengan program transformasi yang dilaksanakan kerajaan sekarang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan lima soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Katil, Yang Berhormat Tenggara pada 24 Oktober, Yang Berhormat Sepang pada 31 Oktober, Yang Berhormat Machang pada 1 November dan Yang Berhormat Jempol pada 30 November kerana kesemuanya menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan khasnya di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif yang dapat membantu meringankan beban rakyat. Antara langkah dan strategi yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengawal harga barang kawalan yang merupakan barangan keperluan asas seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras dan juga bahan api;
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Jawatankuasa Kabinet ini berfungsi untuk mengenal pasti mekanisme bagi mengatasi masalah gangguan bekalan dan isu kenaikan harga barangan keperluan;
- (iii) mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia yang merupakan inisiatif oleh kerajaan yang diharap dapat mengawal kenaikan harga barangan runcit supaya tidak dinaikkan sewenang-wenangnya dan pengguna yang berpendapatan rendah masih dapat membeli barangan tersebut berdasarkan kepada kemampuan dan keperluan mereka;
- (iv) meneruskan projek pengedaran barang-barang perlu seperti gula, tepung gandum, minyak masak dan bahan api di kawasan pedalaman di seluruh negara terutamanya di Sabah dan di Sarawak supaya penduduk pedalaman dapat menikmati harga barang kawalan pada harga yang diwartakan;
- (v) menjalankan Kempen Kuasa Pengguna yang mendidik pengguna mempraktikkan kuasa mereka dalam membuat pilihan barangan yang ditawarkan pada harga yang berpatutan dan memberi nilai untuk wang atau dengan izin, *value for money*;

- (vi) memperkenalkan program Menu Rakyat 1Malaysia dalam membantu rakyat mendapatkan makanan dengan harga yang berpatutan dengan kerjasama kementerian dan pengusaha premis makanan. Program ini menawarkan pakej makanan dengan harga berpatutan bagi sarapan pagi dan makan tengah hari;
- (vii) mengawal harga barang perlu semasa musim perayaan supaya harga barangan keperluan utama seperti daging ayam, bawang, telur dan sayur-sayuran adalah mencukupi dan tidak dinaikkan sesuka hati oleh peniaga yang mengambil kesempatan sewaktu musim perayaan;
- (viii) mengadakan sesi dialog dan perbincangan secara berkala dengan industri yang berkaitan bagi menerangkan tentang isu kenaikan harga dan meminta supaya industri tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga secara keterlaluan dan dalam masa yang sama memohon komitmen industri untuk menambahkan bekalan; dan
- (ix) kementerian turut menganjurkan Kempen Penurunan Harga dengan kerjasama *hypermarket* dan *supermarket* yang bertujuan memastikan harga barangan keperluan di pasaran diturunkan dan barangan tersebut dijual pada harga yang berpatutan dan juga pengiktirafan anugerah Kedai Harga Patut kepada premis perniagaan yang menjual barangan keperluan pengguna pada harga berpatutan dan berdaya saing bertepatan dengan kualiti barangan serta perkhidmatan yang ditawarkan.

**Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak Menteri yang menjawab. Golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah menghadapi masalah inflasi antara 2.5 peratus hingga 3.5 peratus tahun ini dan kenaikan harga barangan berterusan yang boleh menjurus mereka ke dalam golongan kelompok miskin terutamanya kerana jumlah pendapatan yang terhad dan setelah membayar sewa rumah, bayaran kenderaan dan pengangkutan serta bayaran berkaitan sekolah anak-anak mereka menyebabkan pendapatan tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan harian.

Jadi, soalan tambahan saya ialah mengapakah kerajaan atau kementerian tidak menguatkuasakan skim kawalan harga kepada semua barang makanan seperti mana yang dilakukan di musim-musim perayaan. Maknanya diteruskan setiap hari, setiap bulan bagi membantu membeli barangan ini dengan harga yang paling minimum kepada pengguna serta bagaimana langkah kerajaan untuk meningkatkan kesedaran kepada pengguna supaya mereka sedar bahawa barangan semakin meningkat dan keperluan untuk berbelanja itu mereka dapat minimumkan, paling minimum untuk dia belanja.

#### ■ 1010

Dan juga apakah kerajaan..., Bajet 2012 ini yang akan dibentangkan hari Jumaat nanti juga benar-benar mampu meringankan beban rakyat memandangkan kadar ekonomi global sekarang yang begitu tidak menentu pada hari ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sabak Bernam yang begitu prihatin mengenai cara-cara kita untuk menangani inflasi supaya kita dapat meringankan beban rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan sepatutnya kita seharusnya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sentiasa memikirkan yang terbaik dan baru-baru ini diadakan satu NKRA iaitu NKRA menangani kos sara hidup, Yang Berhormat. Di mana kita cari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri macam Perdana Menteri kita ini yang memikirkan segala-galanya...  
[Disorak]

Bermakna dia mendengar rintihan rakyat. Memikirkan sehingga ada satu lagi NKRA yang ketujuh iaitu NKRA untuk menangani kos sara hidup. Betul, Yang Berhormat. Yang Berhormat sekarang ini akses kepada internet dan sebagainya. Carilah mana-mana di dunia ini sehingga kita mencari...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Najib kerja, Rosmah ambil.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bermakna, Yang Berhormat semua ini difikirkan, Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan ketiga di tanya tadi, sama-samalah kita menanti bajet tahun 2012 ini yang *insya-Allah* akan menjadi bajet kepada rakyat. Bajet yang betul-betul untuk kita menangani masalah-masalah rakyat.

Yang Berhormat, saya tadi telah menyenaraikan segala langkah-langkah yang diambil khasnya di kementerian ini untuk supaya apa yang dirisaukan oleh Yang Berhormat itu dapat ditangani. Akan tetapi Yang Berhormat, kadang-kadang kedatangan inflasi ini, ini adalah fenomena global yang kadang-kadang kita susah hendak menyekat. Akan tetapi langkah-langkah yang kita ambil ini adalah sesuatu...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Menyampuk]

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Dengar dulu. Adalah sesuatu yang kita rasa boleh meringankan beban kepada rakyat. Kedai Rakyat 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia. Sehingga Menu Rakyat 1Malaysia pun kami fikir sebab walaupun daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah, sekali-skala ingin juga hendak makan dekat luar, Yang Berhormat. Jadi, sarapan pagi RM2 dan kalau makan tengah hari jangan lebih daripada RM4. Yang Berhormat fikirkanlah. Ini Yang Berhormat sekali-skala, Yang Berhormat sebelah sanalah berhadapan dengan saya, ucaplah terima kasih sebab Yang Berhormat pun kadang-kadang boleh juga makan yang RM2 atau yang RM4 itu pun. Sekali-skala boleh juga meringankan beban. Jadi, untuk meningkatkan kesedaran pengguna, terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu memang soalan yang begitu baik sekali. Memang kita meneruskan kempen-kempen untuk meningkatkan kesedaran pengguna serta supaya pengguna mengetahui hak mereka.

Jadi, kalau ada sesuatu barangan yang kita beli itu agak mahal pada satu-satu masa, jadi memanglah masa perayaan kita kawal. Akan tetapi Yang Berhormat, baguslah cadangan Yang Berhormat itu untuk mengawal seluruh masa. Bukan hanya musim perayaan tetapi Yang Berhormat kita juga memikirkan pengeluar. Kadang-kadang peniaga ini dia marah juga. Sekali-skala dia hendaklah dapat pendapatan lebih. Jadi, itu cadangan yang baik tetapi sama-samalah Yang Berhormat kita memikir yang terbaik. Akan tetapi untuk meningkatkan kesedaran pengguna, satu, kita mesti memaklumkan kepada mereka bahawa mereka ada hak. Kalau harga itu mahal, jangan beli dahulu barang itu sehingga harganya turun. Satu lagi sila gunakan portal iaitu [www.1pengguna.com](http://www.1pengguna.com) untuk kita mencari harga yang terbaik, yang memberi harga yang terbaik sebab ada masa harga ayam memang kami akui. Ada harganya mahal tetapi ada juga *hypermarket* atau *supermarket* yang menawarkan harga yang rendah supaya boleh jugalah menjadi satu alternatif. Sekian, terima kasih.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, rakyat di luar sana menggelupur dalam keadaan harga barang. Ini bukan cerita harga rumah mewah atau kereta. Harga hendak makan, ini. Harga barang makin meningkat. Kadang-kadang *supply* barang dalam *market* pun tidak ada. Jadi, adakah kementerian akan mencadangkan kepada kerajaan supaya gunakan kaedah yang telah pun digunakan oleh banyak negara-negara di dunia ini bagi memberikan *food coupon* kepada mereka yang berpendapatan, *low income group* ini.

Kadang-kadang kita bagi subsidi. Subsidi gulakah, subsidi minyakkah. Subsidi ini *di'enjoy* oleh semua orang. Orang miskin pun dapat subsidi, orang kaya pun dapat subsidi. Akan tetapi kalau *food coupon*, dengan agensi yang kita ada, kita boleh *control*. Kenapa tidak kementerian fikirkan supaya rakyat yang betul-betul susah itu mendapat apa yang sepatutnya mereka dapat. Adakah kementerian fikir untuk mencadangkan kepada kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasihlah Yang Berhormat membangkitkan dari segi *food coupon* dan terima kasih juga ada beberapa cadangan yang kami terima melalui portal dan juga *email* telah mengatakan supaya kita mengadakan *food coupon* atau *food stamp*. Dia samalah.

Yang Berhormat, itu memang satu langkah atau cadangan yang baik tetapi sebelum kita betul-betul dapat mengimplementasikan *food coupon*, rasanya senarai orang-orang yang miskin, orang yang betul-betul kita perlu bantu harusnya dikemas kini dengan begitu baik. Ini kerana Yang Berhormat juga sedia maklum kita pernah hendak melaksanakan SUBUR Yang Berhormat ya dan didapati banyak kelemahan atau ruang di mana ramai yang kompelin di mana ramai nama-nama di situ tidak sepatut atau tidak seharusnya berada di dalam senarai itu.

Akan tetapi *insya-Allah* Yang Berhormat, kerajaan Barisan Nasional dan semua kita inilah sebagai wakil rakyat harus sama-sama membantu supaya senarai ini memang adalah senarai yang sahih, yang telah dikemaskinikan dan mungkin satu langkah seperti Yang Berhormat katakan tadi, subsidi ini *dienjoy* oleh semua orang. Akan tetapi kalau *food coupon* atau *food stamp*, ia akan betul-betul pergi kepada mereka yang harus kita bantu. Akan tetapi Yang Berhormat, itu adalah cadangan yang baik yang memang telah *insya-Allah*, akan dipertimbangkan kecuali mekanisme ini kita harus halusi lagi. Terima kasih.

**2. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK):

- (a) akan diswastakan sekali lagi, kali ini kepada pihak 1MDB dan Puncak Niaga Sdn. Bhd. ; dan
- (b) syarat-syarat utama yang akan dikenakan kepada penswasta.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara pada hari ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Beruas serta daripada Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Kuala Selangor pada 21 November 2011 memandangkan pertanyaan-pertanyaan ini menyentuh isu yang sama iaitu mengenai pengambilalihan syarikat milik kerajaan melalui Menteri Kewangan diperbadankan iaitu Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2000, kerajaan telah mengambil alih ekuiti IWK dengan bayaran sebanyak RM192 juta. Kerajaan juga telah membelanjakan lebih kurang sebanyak RM1.2 bilion bagi menampung defisit operasi IWK disebabkan oleh kadar tarif pembedaan yang rendah berbanding kos operasi sebenar perkhidmatan pembedaan yang disediakan.

#### ■ 1020

Jumlah liabiliti IWK sehingga Jun 2011 yang mana sebahagian besar daripada merupakan pinjaman sokongan kerajaan adalah sebanyak RM1.98 bilion manakala nilai aset pula adalah lebih kurang RM1.2 bilion.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan IWK buat masa ini sebaliknya kerajaan menyokong cadangan dan usaha yang sedang diterajui oleh pihak kementerian atau kementerian yang menjaga IWK iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang melibatkan tiga inisiatif iaitu:

- (i) penstrukturan semula industri pembedaan;
- (ii) kajian semula tarif pembedaan; dan
- (iii) pembiayaan perbelanjaan modal yang terjamin.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pastinya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.



Saya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah pun dalam media mengumumkan bahawa memang ada cadangan untuk menggabungkan atau menyerahkan IWK kepada 1Malaysia Development Berhad yang merupakan anak syarikat kerajaan. Jadi, saya ingin mendapatkan *confirmation* bahawa IWK ini hanya akan distrukturkan di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan bukannya distrukturkan kepada 1Malaysia Development Berhad bersama dengan syarikat swasta seperti Puncak Niaga Sdn. Bhd. yang pada masa ini mengalami masalah-masalah yang tertentu.

Kita perlukan satu jaminan daripada pihak kementerian bahawa jika ada sebarang penswastaan sama ada kepada syarikat kerajaan ataupun syarikat swasta secara langsung, penswastaan itu akan dibuat secara telus mengikut tender terbuka dan bukannya secara rundingan terus kepada pihak-pihak yang tertentu.

Akhir sekali, saya ingin mengetahui sama ada jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, sama ada rancangan untuk menaikkan tarif IWK, yang tadi dikatakan amat rendah dan menyebabkan kerugian. Dalam penstrukturan ini, adakah kemungkinan besar tarif IWK akan dinaikkan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengenai soalan iaitu penswastaan IWK. Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan mengenai isu penswastaan seperti yang saya jawab tadi, itu adalah jawapan yang kita tidak akan buat penswastaan pada masa ini. Yang Berhormat juga bangkitkan kalau ada penswastaan kita lakukan, memang kita akan mengadakan tender terbuka. Memang saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat. Itu cara yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat juga...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bersetuju atau kerajaan yang bersetuju?

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Saya setuju. Mengenai isu hendak menaikkan tarif itu, kita buat masa ini serahkan kuasa ini kepada pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Seperti yang kita sedia maklum, caj-caj yang kita sedia ada hanya RM8 satu bulan yang kita caj pada rumah-rumah yang nilai tahunannya lebih daripada RM600. Mereka hanya di caj RM8. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang lain seperti di Singapura adalah RM27.6; Hong Kong RM10.8; Thailand RM9.6; manakala Australia RM78.4 untuk satu bulan. Sekian.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah subsidi kerajaan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. setiap tahun dan sehingga kini, berapakah jumlah subsidi yang telah diberikan kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. ini? Pada masa yang sama, apakah perancangan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., cara-cara untuk bayar balik subsidi ini kepada kerajaan ataupun sama ada kerajaan akan menghalalkan ataupun *write-off* subsidi-subsidi yang diberi kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. ini? Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekiranya berlaku satu situasi yang mana 1MDB akan mengambil alih IWK ini, adakah ini membawa manfaat kepada kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor atas soalan mengenai isu kewangan IWK. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya telah jawab tadi, kita mengambil alih melalui Menteri Kewangan di perbadanan iaitu anak syarikat agensi Kementerian Kewangan. Kita ambil alih pada tahun 2000 dengan harga RM190 juta dan kita telah membelanjakan RM1.2 bilion dalam tempoh sepuluh tahun ini. Kalau kita buat satu *average* iaitu RM140 bilion satu tahun. Memang mereka ada liabiliti yang saya sebutkan tadi iaitu RM1.98 bilion. Ini kita memang serahkan kepada kementerian yang berkenaan supaya mereka mengambil tindakan yang sewajarnya dan kita akan berbincang dengan pihak yang berkenaan. Buat masa ini, tidak ada apa-apa keputusan. Sekian.

**3. Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]** minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada beliau melihat sebarang kebaikan dengan campur tangan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menggalakkan pelaksanaan sistem kaunter teksi berkupon ke Johor Bahru sedangkan sistem ini mewujudkan keadaan orang tengah dan menaikkan kos kepada penumpang teksi. Jika ya, sila nyatakan kebaikan itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Johor Baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem kaunter perkhidmatan teksi merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh pihak pengendali bangunan seperti di terminal pengangkutan awam dan pusat membeli-belah. Setakat ini terdapat 23 lokasi kaunter teksi berkupon di seluruh negara.

Pelaksanaan kaunter perkhidmatan teksi diwujudkan hanya jika ia memberikan manfaat kepada pengguna dan selagi pemilik premis hanya mengendalikan kaunter perkhidmatan teksi berkupon yang bermeter. Ia adalah selaras dengan pewartaan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 311 berkuat kuasa pada 3 September 2010 yang mana penumpang hanya boleh dikenakan bayaran tidak melebihi RM2 bagi setiap sewaan di kaunter teksi. Ini bermaksud, tambahan tambang yang dikenakan kepada penumpang tidak boleh melebihi RM2 bagi setiap perjalanan dan teksi diwajibkan menggunakan meter. Adalah menjadi satu kesalahan sekiranya pemandu teksi beroperasi tanpa menggunakan meter.

Pelaksanaan sistem kaunter teksi di Larkin Sentral dan Plaza Angsana Johor Bahru, merupakan inisiatif pemilik premis iaitu Damansara Assets Sdn. Bhd. dan UDA Holdings Sdn. Bhd. memandangkan kawasan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan panas yang mana teksi pernah didapati tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih kepada penumpang. Dimaklumkan juga bahawa pelantikan Mesra Indah Jaya Sdn. Bhd. untuk beroperasi di kedua-dua kawasan, bukannya dilantik oleh SPAD tetapi merupakan inisiatif pemilik premis tersebut.

#### ■ 1030

Kerajaan mencadangkan agar syarikat Mesra Indah Jaya bekerjasama dengan Persatuan Teksi Johor Bahru supaya setiap kutipan RM2 itu diberikan sebahagiannya untuk tujuan kebajikan pemandu-pemandu teksi di Johor Bahru. Adalah dimaklumkan bahawa mulai tahun hadapan SPAD akan melesenkan semua terminal pengangkutan awam seperti kaunter teksi termasuk di Johor Bahru. Pelesenan ini akan memudahkan SPAD untuk memantau dan memastikan operasi dan perkhidmatan yang diberikan adalah tidak membebankan pengguna dan pengusaha teksi.

Ini termasuk sama ada menghapuskan terus sistem kupon atau mengurangkan kadar. Dimaklumkan juga rangka kerja nasional pengangkutan awam darat sedang dimuktamadkan. Ini termasuk kajian secara komprehensif agar satu polisi yang holistik dapat dirangka bukan sahaja di Johor Bahru tetapi merangkumi sistem perkhidmatan teksi termasuk keberkesanan penggunaan meter dan kaunter perkhidmatan teksi di seluruh negara. Polisi ini adalah penting bagi melindungi kepentingan semua pihak terutamanya para pengguna dan pemandu teksi. Terima kasih.

**Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya saya dengar bahawa ia bergantung kepada minat atau kehendak atau keinginan pemilik premis. Hujah ini pun tidak munasabah kerana teksi *stand*, perhentian teksi itu sudah pun wujud di kedua-dua tempat. Bermakna sekarang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat telah membolehkan pemilik premis untung tidak pasal-pasal. Sedangkan sepatutnya dia buat kerja tanggungjawab sosialnya.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah kalau dikatakan ianya kawasan panas, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa banyak aduan yang telah diterima oleh pengguna di kedua-dua kawasan panas itu. Berapa banyak penguatkuasaan yang telah dilakukan kepada teksi yang telah melanggar atau mengenakan caj yang berlebihan dan tidak menggunakan meter. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi mulai tahun hadapan kita akan melesenkan semua terminal seumpama ini. Saya akan mencadangkan kepada kerajaan supaya menghapuskan terus sistem kupon supaya tidak menyusahkan semua pihak.

Mengenai penguatkuasaan pula ialah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ini mula beroperasi pada bulan Januari tahun ini. Bukan kita ingin lepas tangan tetapi penguatkuasaan akan diteruskan dan akan dipertingkatkan, dan saya juga telah maklumkan kepada SPAD supaya penguatkuasaan dilaksanakan serta-merta secepat mungkin secepat yang boleh menggunakan segala peruntukan dan juga staf yang ada.

**Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya tanya sekali lagi soalan tambahan. Saya ingin merakamkan perasaan dukacita sebagai Ahli Parlimen Johor Bahru bagi kawasan – ini kerana kedua-dua kawasan ini datangnya daripada dalam kawasan Parlimen saya. Saya berharaplah bahawa apabila sesebuah agensi mengambil alih kerja agensi yang lain janganlah gunakan helah bahawa kami baru bermula tugas. Saya harap ini boleh disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada agensi yang berkenaan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pastinya saya akan menyampaikan perkara itu dan saya juga telah menerima memorandum daripada pengusaha teksi Johor Bahru yang mana saya sendiri menyokong memorandum ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tunggu Yang Berhormat Rantau Panjang untuk berdiri. Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ambil perhatian ke atas saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah lama tidak dengar suara wanita pada pagi ini.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya berdiri sudah banyak kali, sudah dua, tiga kali sebab itu saya malas berdiri... *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan saya iaitu pertama kali saya ingin penjelasan apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan ingin melaksanakan program ini di seluruh negara, saya ingin penjelasan. Apakah kajian yang telah dibuat terutamanya perkhidmatan teksi di kawasan sempadan?

Saya sudah banyak kali mengemukakan isu ini di Parlimen iaitu di mana pencerobohan teksi luar ke dalam negara kita yang mana menjejaskan pendapatan di dalam negara. Jadi sejauh mana peranan yang dimainkan oleh pihak kementerian untuk memastikan kebajikan pemandu-pemandu teksi tempatan dapat dijaga dalam isu berkaitan dengan teksi di sempadan ini. Sejauh mana dari segi penambahan hasil apabila SPAD ini dilaksanakan kepada pemandu-pemandu teksi. Adakah akan meningkatkan lagi pendapatan mereka? Minta penjelasan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang kerana menyatakan perkara itu dan saya akan pastikan bahawa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang itu dimasukkan dalam rangka kerja nasional pengangkutan awam darat yang sedang dimuktamadkan. Terima kasih di atas cadangan bagus daripada pihak pembangkang.

**4. Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah Hospital Segamat menyediakan kemudahan sistem ultrasonik untuk pesakit. Jika ya, sebutkan bilangan mesin yang ada dan jumlah kakitangan yang kini bertanggungjawab. Jika tidak, adakah sistem ini akan diberi kepada pihak hospital.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bakri di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, Hospital Segamat ada menyediakan perkhidmatan pemeriksaan *ultrasound* untuk pesakit-pesakit.

Pada masa ini terdapat lima unit mesin *ultrasound* yang berfungsi dengan baik yang ditempatkan di Jabatan Pengimejan Diagnostik iaitu sebanyak dua unit, Klinik Obstetrik dan Ginekologi dua unit dan dewan bersalin satu unit.

Mesin-mesin *ultrasound* di Klinik Obstetrik dan Ginekologi dewan bersalin digunakan oleh dua orang pakar Obstetrik dan Ginekologi dan empat orang pegawai perubatan. Di antaranya untuk mengesan yang pertama sebarang *abnormality* di dalam organ reproduktif pesakit wanita seperti ketumbuhan dan yang kedua untuk mengesan keadaan janin di dalam rahim ibu hamil termasuklah kedudukan uri. Mesin *ultrasound* di Jabatan Pengimejan Diagnostik digunakan oleh pakar radiologi pelawat daripada Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar untuk lain-lain kes yang dirujuk daripada pelbagai jabatan seperti kes-kes batu karang dan ketumbuhan dalam sistem perkumuhan meliputi buah pinggang, pundi kencing dan uretra serta hati, pundi hempedu, pankreas dan sebagainya.

Mesin *ultrasound* adalah selamat digunakan dan tidak memerlukan sebarang perlindungan khas kepada kakitangan yang menyediakan, mengendalikan mesin dan pesakit.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang dibagi tadi. Soalan tambahan yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai masalah kelengkapan perubatan di Hospital Segamat. Walaupun Daerah Segamat merupakan daerah yang paling tua di negeri Johor, pembangunan infrastruktur di daerah tersebut agak tidak memuaskan berbanding dengan daerah lain yang tumbuh selepas Daerah Segamat.

Kedudukan geografi Segamat yang terperinci di mana pesakit-pesakit di kawasan tersebut terpaksa pergi ke hospital-hospital di luar kawasan tersebut untuk mereka memperoleh rawatan selanjutnya. Penduduk-penduduk dari Segamat bahkan Tangkak terpaksa datang ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar yang terletak di bandar Muar dengan perjalanan berjarak 88 kilometer. Dengan latar belakang yang saya sebut tadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri senaraikan sehingga kini ada berapa jenis rawatan yang tidak dapat dijalankan di Hospital Segamat dan pesakit-pesakit terpaksa datang ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar.

Senaraikan projek naik taraf yang akan dilaksanakan di Hospital Segamat dalam RMKe-10 dan tarikh projek tersebut dilaksanakan. Adakah kementerian mengadakan rancangan untuk membina atau menaik taraf hospital-hospital di kawasan utara tengah di negeri Johor supaya mengelakkan jarak perjalanan yang panjang untuk pesakit-pesakit di kawasan pedalaman. Terima kasih.

#### ■ 1040

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Bakri, pakar radiologi dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar melakukan perkhidmatan lawatan pakar sebulan sekali ke Hospital Segamat. Semasa ketiadaan pakar ini, terdapat juga pesakit-pesakit yang dirujuk di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar dan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk pemeriksaan *ultrasound*. Pada masa ini Yang Berhormat, sebenarnya seorang pakar radiologi sedang menjalani proses pewartaan di Hospital Batu Pahat dan dijangka akan memulakan khidmatnya di Hospital Segamat pada bulan Disember 2011. Oleh sebab itu tidak ada keperluan lagi untuk Hospital Segamat mendapatkan lawatan daripada pakar dari hospital yang lain. Mereka akan mempunyai pakar radiologi mereka sendiri bermula Disember 2011.

Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, suka cita saya memaklumkan bahawa kemudahan mesin CT-Scan telah pun diluluskan dan dijangkakan akan memulakan perkhidmatan di Hospital Segamat pada awal tahun 2012. Pada masa ini pihak hospital masih dalam proses untuk membina bangunan khas dan seterusnya pemasangan peralatan tersebut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, penggantian peralatan perubatan akan dibuat secara berterusan mengikut keperluan dan keutamaan.

Untuk senarai Rancangan Malaysia Kesepuluh, saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya yang hampir dengan Segamat ini ialah Ledang, sempadan sahaja tetapi Ledang lebih mudah ke Muar, lebih dekat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya begini. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, membuktikan bahawa Hospital Segamat sudah pun bertukar taraf daripada hospital biasa kepada hospital pakar sebenarnya. Kalau dahulu ada lima doktor pakar, sekarang sudah ada 11 orang. Tadi pun sudah disebutkan. Cuma isunya Tuan Yang di-Pertua ialah, Hospital Pakar Segamat tersebut yang sudah naik taraf perlu pembesaran bangunan dan daripada maklumat yang saya dapat, masalah utamanya ialah kawasan yang sempit dan memerlukan tanah sebelah. Tanah sebelah itu adalah tanah RTM. Oleh kerana ini masalah yang dahulu telah dibangkitkan, adakah pihak Kementerian Kesihatan sudah mendapat persetujuan daripada RTM untuk mengambil alih tanah tersebut bagi tujuan memudahkan lagi operasi dan perkhidmatan hospital pakar tersebut? Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Ledang, di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk menaik taraf Hospital Segamat kepada hospital pakar major iaitu akan mempunyai kepakaran sebanyak 20 kepakaran. Pada masa ini Hospital Segamat hanya mempunyai sembilan kepakaran dan katil untuk Hospital Segamat adalah sebanyak 314 tambahan daripada jumlah katil sebelum ini.

Sama ada kerajaan ataupun jabatan kesihatan negeri telah mendapat persetujuan daripada RTM mengenai tanah tersebut, saya akan maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**5. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, adakah kerajaan telah mengkaji kriminologi penyerang asid dan bercadang mengawal penjualan asid di pasaran terbuka, memandangkan jenayah menyerang mangsa rompak dengan asid tanpa alasan membalas dendam kerap berlaku.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tebrau yang mengemukakan pertanyaan pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan empat lagi pertanyaan yang lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Kuala Langat pada hari ini di soalan nombor 8, Yang Berhormat Setiu pada 31 Oktober, Yang Berhormat Sepitang pada 2 November dan Yang Berhormat Kuala Kedah pada 29 November. Terima kasih.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik dari tahun 2009 sehingga Ogos 2011, sebanyak 58 kes simbah asid telah dilaporkan berlaku di seluruh negara. Pecahan statistik mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kes
2009	3
2010	10
2011 (sehingga Oktober)	45 (termasuk 25 kes secara bersiri yang berlaku di Kuala Lumpur)

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 33 kes yang dilaporkan adalah bermotifkan rompak, perasaan cemburu atau niat membalas dendam. Pihak polis telah mendapat cecair yang dilakukan dalam kes-kes ini mengandungi kandungan asid yang tinggi dan menyebabkan kecederaan kekal.

Manakala baki 25 kes iaitu kes-kes yang dilakukan secara bersiri di Kuala Lumpur, pihak polis masih menjalankan siasatan untuk mengenal pasti motif kejadian serangan bersiri tersebut. Walau bagaimanapun, pihak polis telah mengenal pasti cecair yang digunakan dalam kes ini yang mana mengandungi kandungan asid yang rendah.

Pihak polis amat memandang serius serta komited untuk menyelesaikan dan membanteras kes-kes simbah asid ini. Sehubungan itu, pihak polis sedang menubuhkan satu pasukan khas untuk mengkaji kriminologi penyerang dan mendapati kes-kes simbah asid ini merupakan kes jenayah yang berlaku secara berkala.

Walaupun bagaimanapun, pihak polis telah melipatgandakan operasi bagi mengenal pasti dan mengesan suspek yang belum ditangkap. Buat masa ini pihak polis telah mengeluarkan lakaran wajah atau *photo fit* jenayah melalui media masa dan memohon orang ramai agar dapat turut membantu dalam memberi maklumat untuk memberkas penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri merasakan kajian yang menyeluruh perlu diadakan terhadap perolehan bahan asid ini. Justeru, kementerian sedang mengkaji untuk meminda undang-undang bagi mengetatkan kawalan ke atas perolehan bahan asid. Walau bagaimanapun, kajian ini memerlukan penglibatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk meneliti penggunaan asid bagi industri, dan bagi Jabatan Peguam Negara pula, bagi menyediakan rang undang-undang tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih ke atas jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat kepada angka-angka yang didedahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kebelakangan ini dari tiga kes pada tahun 2009, 10 kes pada tahun 2010 dan meningkat ke 45 kes dalam tahun ini, ini satu angka yang amat mengagumkan.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana sudah menjalankan kajian kriminologi untuk mendapat sebab-sebab yang sebenarnya. Selain daripada membalas dendam, mungkin ada kes-kes yang secara *random* sahaja yang setahu saya ada kes-kes yang secara *random* tanpa sebab langsung. Jadi kajian kriminologi itu akan membantu kita mendapatkan cara-cara untuk menyediakan langkah-langkah mengurangkan jenayah seperti ini. Serangan dengan asid adalah satu jenayah yang amat kejam dan dikeji, dan hukuman yang dikenakan mesti cukup menghalang, *it must be deterrence*, dan membayangkan kekejaman jenayah ini.

Soalan saya, adakah perundangan yang sedia ada mencukupi untuk menghalang bakal penjenayah seperti ini? Apakah program bantuan disediakan untuk membantu mangsa yang sengsara termasuk kaunseling, rawatan khas seperti *plastic surgery* untuk mengurangkan penderitaan mereka? Akhir sekali, saya juga memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang berapa banyak jumlah kes simbah asid yang belum lagi diselesaikan dan apakah sebab-sebabnya ianya tidak dapat diselesaikan? Terima kasih.

■ 1050

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tebrau. Pertama, kes yang berlaku pada tahun 2011 yang mana meningkat begitu ketara sekali. Ini oleh kerana terdapat 25 kes cara bersiri yang telah saya nyatakan tadi yang mana hari ini kita masih lagi belum dapat menyelesaikan kes ini. Akan tetapi, pihak polis merasakan bahawa ini mungkin merupakan kes *random* yang berlaku.

Sehubungan dengan kes-kes yang berlaku ini berkaitan dengan simbah asid. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Tebrau bahawa kes serangan asid ini adalah satu kes yang begitu keji yang mana pihak kerajaan sentiasa mengambil perhatian serius berkaitan dengan kes-kes yang berlaku berkaitan dengan simbah asid ini. Daripada segi perundangannya, terutama dalam hukuman yang ada pada hari ini di mana kes-kes seperti ini sama ada ia didakwa di bawah seksyen 324, di bawah *Penal Code* ataupun seksyen 326 yang hukumannya lebih berat lagi.

Sehubungan dengan pengawalan berkaitan dengan memperoleh bahan asid ini, ini sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa ia perlu dibuat kajian bagaimana kita boleh mengawal berkaitan dengan perolehan asid ini. Ini perlu melibatkan kementerian-kementerian sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan asal tadi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya mereka meneliti berkaitan dengan penggunaan asid ini di industri. Jikalau kita tidak ambil kajian ini bahawa asid ini merupakan bahan yang penting untuk memproduksi barang-barang lain. Begitu juga Peguam Negara, perlu melihat daripada untuk mewujudkan undang-undang supaya setimpal daripada apa kawalan tidak menjejaskan daripada ekonomi kita. Buat masa ini kementerian telah pun membuat perbincangan dalam perkara ini...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Rantau Panjang. Giliran sebelah kiri, soalan asal daripada beliau. Sila.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam isu simbah asid ini kita melihat di antara mangsa yang ramai adalah di kalangan golongan wanita. Isu ini adalah amat serius sebab dia menyebabkan kecacatan seumur hidup. Jadi, setakat ini saya ingin penjelasan berapa ramai yang telah diambil tindakan yang telah ditangkap terhadap penjenayah ini dan dengan undang-undang yang sedia ada sekarang ini, apakah denda ataupun hukuman yang dikenakan kepada mereka? Setakat ini, apakah tindakan yang dibuat untuk mangsa-mangsa ini terutama dari sudut perlindungan dan sebagainya untuk memastikan kes-kes ini tidak berulang dengan lebih serius dalam negara kita. Minta penjelasan.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai undang-undang saya telah nyatakan tadi bahawa daripada segi hukuman yang diambil di bawah *Penal Code* sama ada seksyen 324 atau seksyen 326. Jadi daripada segi hukuman penjara itu, saya perlu memberi jawapan secara bertulislah sebab ini saya rasa berat hukumannya.

Sehubungan dengan mangsa yang menerima kecacatan ini, jadi program bantuan yang dibuat oleh pihak kementerian di mana kita merujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutamanya untuk memberi kaunseling kepada mereka. Jadi, ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana apa yang kita lihat mangsa ini menghadapi bukan sahaja kecacatan muka ataupun lain-lain badan, tetapi trauma yang mana kita merasakan sedih apabila kejadian seperti ini berlaku. Inilah yang kita merujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya mereka dapat diberi kaunseling kepada mereka.

Sehubungan dengan kes-kes tidak dapat diselesaikan, cuma empat kes sahaja daripada 58 kes, 54 kes tidak dapat diselesaikan. Oleh kerana apa yang kita lihat bahawa di antara faktor yang menyebabkan siasatan kes ini belum dapat diselesaikan oleh kerana mangsa tidak dapat mengesahkan suspek semasa kejadian berlaku dan juga tiada saksi yang tampil ke hadapan untuk membuat siasatan dan mengesahkan penyerang walaupun gambar-gambar lakaran atau *photo-fit* telah disiarkan di media massa dan televisyen. Itu masalah yang besar. Sehubungan dengan kes yang dapat diselesaikan, hanya empat kes sahaja yang mana kes-kes ini yang didapati bermotifkan pertamanya kerana cemburu atau niat balas dendam. Ada satu kes itu kerana wanita tidak dapat melaksanakan tanggungjawab beliau kepada suaminya. Itu kes-kes yang menyebabkan mengapa berlaku berkaitan penyimbahan asid ini...

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak Yang Berhormat Arau beria-ia sangat. Bukan soalan isu-isu dan benda-benda baru, saya benarkan lagi satu soalan.

**Dato' Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya daripada penjelasan ataupun jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tidak nafikan bahawa berlaku peningkatan mendadak seolah-olah menjadi satu trend. Malah negeri-negeri yang sebelum ini belum ada lagi kes yang terlibat telah mencatat rekod seperti di Perlis, Kelantan dan sebagainya.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, memandangkan penjualan terbuka ini dibuat ataupun dilesenkan di bawah Akta Racun. Bermakna kata, ia di kedai-kedai ataupun *retailers* yang terlibat, adakah atau tidak kerajaan mengawasi dengan menggunakan buku log supaya setiap pembeli asid berkenaan untuk aktiviti-aktiviti pertanian dan sebagainya kita dapat mengetahui di mana penjualan ini dibuat dan kita dapat mengetahui apa tujuan sebenarnya pembelian ini dan juga intipan yang dibuat oleh pihak polis melalui secara diam-diam, misalnya di tempat berkenaan bagi kita mengenal pasti pembeli-pembeli di kedai asid berkenaan. Ini kerana kedai yang menjual asid itu tidak banyak di bandar-bandar kecil.

Bila berlaku ini tidak ada *lack of controlling*, dengan izin, kepada perkara-perkara – ada kawalan yang lebih ketat dan khusus untuk kita mengawal selia sama ada mereka yang membuat pembelian terbuka di kedai-kedai runcit ataupun kedai yang telah dilesenkan untuk penjualan lesen ini akan kita mendapat rekod dan kita dapat mengesan sejauh mana kemungkinan berlaku jenayah-jenayah seperti mana yang kita anggap terlalu serius, yang mendatangkan kecacatan kekal kepada mereka yang disimbah dan mencetuskan ketakutan terutamanya untuk wanita sekarang yang menjadi sasaran terbuka untuk mereka berjalan-jalan ataupun bersiar-siar di tempat terbuka sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Seperti mana Yang Berhormat kata tadi, pencurah asid bersiri masih belum lagi dapat dikesan oleh kerajaan sehingga kini.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Arau di atas keprihatinan Yang Berhormat. Ini memang betul. Kes ini mendadak hanya pada tahun 2011 kerana kebanyakan kes ini berlaku di pertamanya di Kuala Lumpur, keduanya di Selangor dan ketiganya di Kelantan.

Jadi, apa yang saya nyatakan tadi untuk pengawalan ini memang ada longgar sedikit dan inilah yang kita sedang membuat kajian, perlu dilihat kerana Yang Berhormat tadi ada membuat cadangan supaya menunjukkan buku log dan lain-lain lagi supaya pengawalan yang ketat dapat dibuat. Jadi inilah kajian yang kita buat dan kita melihat kalau undang-undang yang berkaitan perlu membuat pindaan pada masa hadapan.

#### ■ 1100

**6. Tuan Wong Ho Leng [Sibu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapakah rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah telah dibina di Sibu dalam lima tahun yang lalu. Apakah syarat-syarat dan kelayakan untuk rumah-rumah tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan perumahan di Sarawak dikawal selia oleh Kementerian Perumahan dan Pembangunan Bandar Sarawak. Berdasarkan oleh maklumat yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sejumlah 1,280 unit rumah kos rendah telah dibina oleh *Housing Development Corporation* (HDC) Sarawak di bawah Rancangan Perumahan Rakyat ataupun RPR Sibu daripada tahun 2007 sehingga 2011. Harga jualan bagi RPR berkenaan adalah pada harga RM37,000 seunit.

Selain daripada itu sejumlah 1,333 unit rumah kos rendah dan 936 unit rumah kos sederhana rendah telah dibina oleh pemaju swasta daripada tahun 2007 sehingga 2011, harga jualan bagi rumah kos rendah yang dimajukan oleh pemaju swasta adalah di antara RM47,000 seunit dan rumah sederhana rendah pula ditetapkan pada harga RM80,000 seunit. Syarat-syarat dan kelayakan bagi memiliki rumah kos rendah di Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) hanya warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja yang layak memohon rumah kos rendah;
- (ii) hendaklah berumur di antara 18 tahun sehingga 65 tahun dan telah berkahwin;
- (iii) pemohon adalah pasangan tidak memiliki mana-mana rumah kos rendah atau mana-mana harta tanah;



- (iv) pendapatan kasar bulanan suami isteri hendaklah di antara RM650 sehingga RM2500 sebulan;
- (v) individu wanita bujang berumur 30 tahun ke atas layak memohon; dan
- (vi) ibu tunggal, janda, balu, duda layak memohon.

**Tuan Wong Ho Leng [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak pemohon di Sibu mendapat gaji kurang daripada RM800 sebulan. Mereka memohon untuk membeli rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah tetapi diberitahu mereka mesti menunggu. Akan tetapi selepas tiga tahun lebih mereka masih lagi menunggu, ini amat tidak adil kepada mereka.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah tindakan yang akan diambil? Saya faham ada satu projek kos rendah di kawasan Rantau Panjang di Sibu, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, *the stage of completion of this project*, dengan izin.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat Sibu, sebenarnya polisi yang saya sebutkan tadi adalah merupakan polisi kerajaan negeri dan tidak ada kena mengena dengan polisi kerajaan pusat. Sepatutnya soalan ini tidak dikemukakan kepada Parlimen dan harus dikemukakan kepada peringkat negeri kerana soalan Yang Berhormat adalah kena mengena dengan soal kos rendah yang dibina oleh negeri. Jadi walau bagaimanapun kerajaan persekutuan juga bertanggungjawab ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat daripada Rancangan Malaysia Kelapan dan seterusnya kesembilan dan kesepuluh, sejumlah RM360.9 juta dibelanjakan oleh kerajaan persekutuan untuk membina rumah kos rendah PPR di Negeri Sarawak.

Taburan bagi pembinaan rumah-rumah tersebut adalah seperti berikut, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, PPR Sri Wangi Kuching sebanyak 200 unit, PPR Batu Lima Kuching 816 unit, PPR Batu Gong, Siburan Sarawak sebanyak 500 unit dan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan PPR Saduan Sibu sebanyak 500 unit dan PPR Kemana seribu unit dan sementara bagi *second rolling* Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, kita juga akan merancang untuk membina di negeri Sarawak atas permintaan kerajaan negeri. Jadi jika Yang Berhormat ingin mendapat penjelasan yang lebih jelas, saya menjawab hari ini hanya maklumat yang kita terima daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang Rancangan Perumahan Rakyat Termiskin yang dahulu pernah diletakkan di bawah kelolaan Bank Negara tetapi kemudiannya dipindahkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ingin bertanya adakah skim ini masih lagi berjalan dan kalau masih berjalan di manakah projek-projek yang telah dijalankan, yang sedang dijalankan dan yang akan dijalankan serta apakah syarat-syarat yang diletakkan untuk pemohon untuk mendapatkan rumah di bawah program ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Sebenarnya kalau Yang Berhormat masih mengimbas kembali dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan untuk Belanjawan 2011, di mana projek ini diteruskan tetapi telah pun dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan tidak lagi di bawah kementerian saya. Kalau Yang Berhormat ingin tahu adakah skim ini telah dinamakan semula iaitu PBR yang telah pun dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah iaitu sebanyak 38,000 unit di seluruh negara. Terima kasih.

**7. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bilangan jalan yang akan dibina/dinaik taraf yang termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk dilaksanakan di kawasan Parlimen Hulu Selangor.

**Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini terdapat tiga projek pembinaan jalan raya di kawasan Hulu Selangor yang sedang dan akan dilaksanakan menerusi peruntukan Kementerian Kerja Raya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu seperti berikut:

- (a) projek membina jalan pintas Rawang *bypass*, dengan izin, keseluruhan pelaksanaan fasa satu projek ini dijangka siap pada 15 Disember 2011. Pada masa kini kemajuan fizikal kerja di tapak adalah 95 peratus. Skop projek melibatkan pembinaan dan naik taraf jalan empat lorong dua hala atau *dual carriageway* daripada persimpangan Sungai Choh hingga ke Taman Warisan Negeri di Templer Park, panjangnya 18.5 kilometer dengan kos sebanyak RM260.5 juta. Dalam tempoh separa kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh ini Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan kepada agensi pusat untuk melaksanakan fasa kedua projek ini yang melibatkan skop pembinaan *elevated structure* sepanjang 3.3 kilometer melalui Taman Warisan Negeri dengan anggaran kos projek sebanyak RM395 juta.
- (b) projek pembinaan persimpangan bertingkat Sungai Buaya di kilometer 436 di satu Lebuhraya Utara-Selatan. Pembinaan projek ini telah dijalankan pada 14 Jun 2011 yang lalu dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 24 bulan iaitu pada 13 Jun 2013. Projek ini melibatkan kos sebanyak RM81 juta yang akan ditanggung oleh syarikat konsesi PLUS Express Way Berhad, manakala kos pengambilan balik tanah pula dianggarkan sebanyak RM20 juta ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Pembinaan persimpangan bertingkat ini dijangka bakal memberikan manfaat kepada lebih 100,000 pengguna khususnya di sekitar kawasan Sungai Buaya, Sungai Choh, Serendah dan Utara Rawang yang akan menjimatkan masa perjalanan mereka antara 40 minit sehingga 1 jam; dan
- (c) membina jalan dari Kampung SJK(C) Timah hingga Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung di Hulu Selangor. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baru mengikut piawai JKR R3 sepanjang 2.3 kilometer menghubungkan Kampung SJK(C) Timah ke Kampung Bunga Raya, Bukit Beruntung. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM8.2 juta ini dijangka akan dimulakan pada akhir tahun ini dengan tempoh siap kerja ialah selama 12 bulan.

■ 1110

Untuk makluman Ahli Yang terhormat juga, bagi tempoh separuh kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Kerja Raya juga telah mencadangkan pembangunan kepada agensi pusat bagi melaksanakan projek menaik taraf jalan persekutuan FT1 dari *Templer Park* ke Tanjung Malim, Perak. Projek dengan anggaran kos sebanyak RM350 juta ini melibatkan skop menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada sepanjang 43 kilometer kepada empat lorong dua hala termasuk menaik taraf 11 buah jambatan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan yang memberi harapan kepada rakan-rakan saya di Hulu Selangor khususnya dalam projek menaik taraf FT001 dari *Templer Park* ke Tanjung Malim, yang mana merupakan harapan penduduk-penduduk bukan sahaja di kawasan parlimen Hulu Selangor tetapi juga di kawasan Selayang dan juga Tanjung Malim. Terima kasih.

Walau bagaimanapun, saya harap projek pelebaran jambatan itu akan diberi perhatian khasnya jambatan di Batang Kali kerana ini merupakan salah satu masalah bukan sahaja semasa waktu memuncak tetapi setiap hujung minggu, apabila ramai pelancong-pelancong yang pergi ke Bukit Fraser dan juga Genting menggunakan jalan tersebut, yang mana memberi masalah kepada penduduk tempatan ini. Oleh yang demikian saya harap Kementerian Kerja Raya akan mengambil inisiatif secepat mungkin untuk memastikan khasnya jambatan di Batang Kali itu dilebarkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, memang adalah satu cadangan yang baik. Kita tahu jambatan-jambatan yang sedia ada telah pun dibuat selepas kita mencapai kemerdekaan ataupun sebelum ini. Banyak jambatan telah pun sempit, tidak dapat dilalui oleh kenderaan yang banyak sekarang dan kenderaan berat. Saya akan mengambil perhatian ini dan saya juga tahu di kementerian kita ada bercadang untuk melebarkan jambatan-jambatan yang lama ini. Memang banyak yang berlaku dan hingga hari ini saya fikir jambatan Batang Kali, kita akan mengambil perhatian yang serius.

**8. Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, jumlah nilai subsidi minyak yang ditanggung oleh kerajaan bagi semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk pengangkutan darat, udara dan laut serta nilai penjimatan oleh Kerajaan Pusat sejak subsidi minyak itu dikurangkan bermula pada tahun 2008.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008 jumlah tanggungan subsidi kerajaan bagi sektor pengangkutan adalah sebanyak RM13.123 bilion. Menurun pada tahun 2009 kepada RM3.873 bilion dan meningkat semula pada tahun 2010 kepada RM7.489 bilion. Pada tahun 2011, jumlah nilai subsidi minyak yang ditanggung kerajaan di Semenanjung Sabah dan Sarawak masing-masing bernilai RM8.642 bilion, RM7.791 bilion dan RM0.883 bilion untuk pengangkutan darat, pengangkutan bot penumpang sungai dan nelayan bagi tempoh bermula Januari tahun 2011 sehingga Julai tahun ini. Dianggarkan jumlah subsidi bagi tahun 2011 untuk sektor pengangkutan akan meningkat sehingga RM16.38 bilion.

Penurunan dan kenaikan pada jumlah subsidi ini adalah akibat daripada perubahan harga minyak di pasaran global serta kadar tanggungan subsidi yang berubah-ubah mengikut harga pasaran. Tiada subsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi pengangkutan udara dan laut. Subsidi merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang ditanggung oleh kerajaan bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan di pasaran. Jumlah bantuan kewangan dan kadar subsidi berubah-ubah mengikut harga pasaran global. Sebarang penurunan harga tidak diambil kira sebagai suatu penjimatan kepada kerajaan tetapi dianggap sebagai pengurangan kepada perbelanjaan peruntukan subsidi bagi tahun semasa. Walau bagaimanapun, perubahan dasar kerajaan yang bersetuju menaikkan harga runcit bahan petroleum pada bulan Julai dan Disember dalam tahun 2010, dianggarkan pengurangan perbelanjaan tanggungan subsidi kepada kerajaan sebanyak RM697.11 juta pada tahun 2010. Terima kasih.

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tahu bahawa memang tidak dinafikan bahawa begitu banyak dan begitu besar sekali diberi kepada *fuel subsidy* ini. Adakah pemantauan yang dijalankan kepada penyeludup-penyeludup bahan ini? Disebabkan kita tahu di negara jiran-jiran kita begitu banyak sekali yang telah dapat menjayakan menyeludup minyak seperti ini. Jadi, apakah pemantauan dan juga setakat ini berapa nilai yang telah di seludup? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Yang Berhormat memang, betul Yang Berhormat bahawa wang subsidi ini memang begitu besar sekali dan kalau kita bandingkan di rantau Asia ini. Harga kita adalah yang terendah sekali dan oleh sebab itulah memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, memang dikatakan ada berlakunya ketirisan.

Kita memang mengambil langkah-langkah yang begitu ketat untuk memastikan bahawa ketirisan ini tidak berlaku sebab ini akan menyebabkan kerugian kepada negara di mana stesen-stesen minyak di sempadan memang kita pantau begitu ketat sekali dan kita mengehendak juga dari segi orang tempatan untuk membeli bahan-bahan minyak ini. Mestilah bahan bersubsidi ini tidak dibenarkan kenderaan asing untuk membeli, di mana kita nampak sahaja kenderaan asing memang tidak dibenarkan untuk membeli minyak-minyak yang bersubsidi.

Oleh sebab itulah kita apungkan RON97 supaya mereka boleh membeli RON97 sebab itu adalah pada harga pasaran. Jadi Yang Berhormat, memang kita berterima kasih juga dengan agensi-agensi yang lain yang telah menjalankan tugas bersama dengan kementerian ini untuk memantau supaya tidak berlakunya dengan berleluasa. Dengan banyak maklumat yang kami terima daripada mereka-mereka yang telah banyak membantu mengatakan sehingga kenderaan itu telah dibuat supaya ada *spare* tangki minyak untuk mereka membawa dan ini adalah bagi kereta tempatan.

■ 1120

Ini semua dipantau tetapi bagaimanapun kami memerlukan banyak maklum balas daripada orang awam untuk membantu supaya kita dapat sentiasa menangkap mereka yang sering menyeludup. Di sini kita ingin menyarankan supaya adalah juga rasa kesetiaan atau patriotik, patriotisme kepada negara sebab segala apa yang tiris yang keluar ini adalah kerugian kepada negara kita yang telah berbelanja begitu banyak untuk membantu rakyat sendiri meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat khususnya bagi kos-kos pengangkutan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita tidak nafikan penguatkuasaan dibuat di kawasan sempadan begitu ketat tetapi Yang Berhormat kena maklum bahawa penyeludup-penyeludup ini, mereka merupakan orang-orang yang pakar. Selain daripada Yang Berhormat katakan pembesaran tangki dan kemungkinan kereta yang digunakan bukan kereta daripada negara jiran tetapi mereka menggunakan kereta tempatan.

Oleh sebab itu kita mahu melihat kekerapan masuk keluar itu yang harus dipantau oleh pihak kementerian. Bukan kita melihat kenderaan yang mengisi minyak sebab kecenderungan mereka membuat penyeludupan ini di kawasan-kawasan terpencil, di kebun-kebun getah, di jalan-jalan sunyi yang sememangnya sukar untuk dikawal oleh pihak keselamatan sebab itu berlaku perkara ini dengan berleluasa. Walaupun dikawal tetapi berlaku dengan seolah-olah macam tidak ada kawalan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

Kedua, tentang kenderaan pengangkutan awam terutamanya lori-lori perdagangan Yang Berhormat. Saya ingin bertanya di sini, dahulu kerajaan telah menaikkan kadar minyak ini dan menyebabkan inilah alasan yang digunakan oleh sesetengah peruncit dan juga pemborong untuk menaikkan harga barangan disebabkan mereka sudah tidak ada subsidi pada kenderaan pengangkutan perdagangan ini terutamanya lori-lori, kontena dan sebagainya. Jadi di sini, apakah kita sememangnya sudah pun memberi subsidi dan kita mahu biar apa yang kita berikan kepada rakyat ini setimpal dengan apa yang mereka patut nikmati. Jadi, langkah-langkah di sini kita perlu pihak kerajaan atau pun kementerian khususnya yang bertanggungjawab dan diberi amanah untuk melaksanakan perkara ini supaya melihat perkara ini secara lebih menyeluruh dan termasuk membuat pemantauan secara bersepadu. Kita bukan tidak percaya kepada pegawai-pegawai di kementerian Yang Berhormat sahaja tetapi biar ada gerakan bersepadu supaya mereka lebih *transparent* terhadap semua perkara yang berlaku terutamanya di kawasan sempadan seperti mana Yang Berhormat bangkitkan tadi.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau itu. Inilah yang kita katakan Yang Berhormat. Macam mana kita memantau dan menguatkuasakan masih juga berlaku ketirisan dan sebagainya dan Yang Berhormat itulah tadi saya juga masih menyeru supaya maklumat-maklumat daripada orang awam ini begitu kami hargai. Sebenarnya memang dapat banyak membantu pihak-pihak berkuasa.

Terima kasih Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat, bukan sahaja pegawai daripada kementerian kita tetapi ianya adalah bersama dengan pihak kastam, polis, APMM, dan sebagainya yang sama-sama meronda kawasan-kawasan sempadan untuk memastikan bahawa tidak berlakunya banyak ketirisan ke kawasan-kawasan jiran. Saya lupa memberitahu tadi Yang Berhormat bahawa kita juga ada satu formula bagi minyak-minyak bersubsidi kita ada nano teknologi yang kita gunakan supaya boleh diketahui bahawa minyak yang di seludup itu termasuklah minyak yang bersubsidi. Ini yang kita selalu buat didakwa di mahkamah sebab ada bukti melalui nano teknologi sebab ada keluar warna lain yang *confirm* kan bahawa ini adalah minyak bersubsidi.

Yang Berhormat, mengenai subsidi yang ditarik daripada lori-lori dan sebagainya sebab didapati bahawa mereka ini agak susah dikawal tetapi Yang Berhormat bolehlah pegawai saya akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat ini khasnya lori yang membawa pengangkutan barangan-barangan daripada yang kita import daripada negara jiran. Ini kerana seperti Yang Berhormat katakan bila subsidi ini ditarik, mereka juga menaikkan harga barang-barang yang kita import khasnya sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya.

Terima kasih Yang Berhormat di atas maklum balas itu sekali lagi. *Insyallah* mungkin jawatankuasa tertentu akan menilai semua dari segi pemberian subsidi ini sebab setakat ini sebelas kategori yang menikmati subsidi diesel bersubsidi ini iaitu bas sekolah, bas ekspres, bas berhenti-henti, bas mini, bas pengantara, kereta sewa, teksi, van mayat, lori mayat, ambulans yang dikendalikan oleh badan sukarela dan bomba yang dikendalikan oleh badan sukarela. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, kenapa pembinaan loji penapisan air di Lubok Antu yang bernilai lebih kuran RM34 juta belum lagi bermula sedangkan bekalan air bersih di daerah Lubok Antu sering kali terputus. Ini telah memberikan masalah besar kepada penduduk yang menggunakan air untuk utusan kehidupan seharian mereka.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Lubok Antu. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kementerian ini telah memuktamadkan proses perolehan bagi melantik kontraktor untuk pelaksanaan projek membina dan menyiapkan bekalan air luar bandar kawasan Lubok Antu bahagian Sri Aman.

Projek ini dijangka bermula pada pertengahan Oktober ini dan dijangka siap pada pertengahan Mei 2013. Maknanya, projek ini memakan masa lebih kurang 18 bulan. Penyerahan milik tapak akan dilaksanakan dalam satu minggu lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak ada soalan tambahan tetapi saya ingin mengucapkan bagi penduduk Lubok Antu khasnya kawasan Pekan Lubok Antu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mungkin bukan Lubok Antu akan tetapi projek yang sama, serupa di Kapit dari kementerian yang sama juga. Ini kerana projek itu sekarang boleh dikatakan dalam keadaan yang mungkin agak terbengkalai. Jadi, apakah tindakan akan diambil dan apakah tindakan daripada kementerian ini untuk mengarahkan kontraktor itu mempercepatkan penyiapan projek yang begitu penting juga di Kapit. Sekian, terima kasih.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk projek menaiktarafkan loji di Kapit, kita sedang mengambil beberapa tindakan dengan mengadakan perbincangan dengan kontraktor tersebut. Sekiranya perlu nanti selepas beberapa prosedur yang perlu dipatuhi, kita akan mengambil tindakan yang lebih tegas sampailah ke tahap di mana kita akan membatalkan kontrak mereka. Akan tetapi prosedur-prosedur yang tertentu perlu dipatuhi untuk tindakan tersebut. Sekian, terima kasih.

**10. Tuan S. Manickavasagam [Kapar]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah kementerian akan menggubal Akta Keselamatan Pendidikan supaya pendidikan bahasa ibunda dan agama tidak didiskriminasikan.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun negara Malaysia mempunyai pelbagai kaum dan agama, Kerajaan Barisan Nasional yang adil ini tidak pernah menganaktirikan mana-mana pihak. Ini dapat dibuktikan dengan peraturan undang-undang yang termaktub di negara ini.

Pada masa ini peruntukan sedia ada di bawah Akta Pendidikan 1996 adalah memadai dan mampu menangani keperluan sistem pendidikan negara dan sehubungan itu akta yang berkaitan kesamarataan tidak perlu dibangkitkan.

■ **1130**

Bagi tujuan pengajaran agama di sekolah, seksyen 50, dan seksyen 51, Akta Pendidikan telah memperuntukkan keperluan pengajaran agama di institusi pendidikan. Selain itu melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4, Tahun 2011, pelaksanaan pengajaran *Bible Knowledge* kepada murid-murid beragama Kristian di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan selepas waktu persekolahan. Kementerian Pelajaran Malaysia telah turut membenarkan pengajian *Bible Knowledge* di sekolah bagi membantu murid untuk menduduki peperiksaan di peringkat SPM. Di samping itu murid-murid juga turut didedahkan dengan amalan pengetahuan mengenai keagamaan serta perayaan-perayaan semua kaum di negara ini seperti dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dan Sivik dan Kenegaraan serta mengenai aktiviti kelab dan persatuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia juga tidak meminggirkan pengajaran bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Ini termasuklah pengajaran bahasa etnik. Buktinya selain daripada bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar di sekolah kebangsaan, bahasa ibunda telah menjadi bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina [SJK(C)] dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil [SJK(T)]. Kedudukan bahasa ibunda di sekolah-sekolah tersebut dinyatakan melalui peruntukan dalam seksyen 17, Akta Pendidikan 1996. Di samping itu KPM juga menawarkan bahasa etnik bagi memenuhi kehendak-kehendak kumpulan minoriti tersebut bergantung kepada keupayaan KPM. Ini termasuklah bahasa Iban, KadazanDusun dan bahasa Semai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.31 pg.**

**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai, diputuskan:

- (i) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011;
- (ii) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011

Seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di No. 1 dan No. 2, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 4 petang, hari Jumaat, 7 Oktober 2011.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN POS 2011**

#### **Bacaan Kali Kedua dan Ketiga**

**11.33 pg.**

**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal selia industri pos dan *courier* serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Diucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini perkhidmatan pos diselia di bawah Akta Perkhidmatan Pos atau ringkasnya APP 1991 yang mengawal selia Perkhidmatan Pos Malaysia Berhad selepas ianya dikorporatkan pada tahun 1992.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] **mempengerusikan Mesyuarat]***

Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos tahun 2011 ini akan menggantikan Akta 1991 itu dalam usaha kerajaan mengemas dan memperkasa industri perkhidmatan pos dan kurier di negara ini. Pada 1 November 2001 kerajaan telah memindahkan fungsi kawal selia pos dari Ketua Pengarah Jabatan Pos kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau ringkasnya SKMM. Melalui satu pindaan kepada Akta Perkhidmatan Pos 1991. Kewujudan badan kawal selia bebas bagi sektor pos telah menjadi trend di seluruh dunia setakat ini. Hal ini turut berlaku di United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat dan negara-negara di bawah Kesatuan Eropah. Selari dengan perkembangan pesat dan perubahan struktur industri pos itu sendiri.

Selepas dikorporatkan perkhidmatan pos terus mengalami beberapa proses transformasi seperti penyenaian di Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 2002. Terbaru penjualan keseluruhan kepentingan Khazanah Nasional di dalam PNB dengan berkuat kuasanya akta baru ini. Ia akan menjadikan Malaysia sebagai negara terawal di dunia menswastakan sepenuhnya perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan kepentingan khazanah tersebut dijangka akan memberi tekanan kepada pelaksanaan Sistem Pemberian Perkhidmatan Sejagat atau UFO kepada seluruh penduduk di Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar.

Oleh itu kerajaan memerlukan *instrument* perundangan dan kawal selia pos yang lebih komprehensif bagi memastikan kepentingan rakyat dan negara terus terpelihara dengan matlamat seperti berikut antara lain:

- (i) mewujudkan mekanisme kawal selia ekonomi, sosial dan teknikal yang lebih berkesan agar industri pos dapat terus tumbuh dengan mampan secara *inclusive* dan memastikan kepentingan negara, industri dan rakyat terus terpelihara;
- (ii) memastikan modal perkhidmatan pos luar bandar yang berkesan wujud walaupun kerajaan tidak lagi mempunyai kepentingan ekuiti di dalam Syarikat PNB;
- (iii) memastikan suasana persaingan yang sihat dan adil di antara PNB dan syarikat-syarikat kurier;
- (iv) membangunkan industri pos secara lebih teratur dalam menyediakan akses fizikal secara meluas dan berkualiti selain daripada objektif-objektif yang memberi kesempurnaan kepada Model Ekonomi Baru; dan
- (v) fungsi SKMM sebagai badan kawal selia industri pos diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, pewujudan rang undang-undang baru ini adalah sangat penting untuk memenuhi objektif dasar kebangsaan industri pos dan kurier, antaranya:

- (i) memastikan penyediaan perkhidmatan pos secepat yang berkualiti dan disediakan untuk seluruh rakyat;
- (ii) menggalakkan pertumbuhan industri pos yang cekap, kompetitif dan berinovasi;
- (iii) menjadikan Malaysia sebagai pusat atau hab serantau perkhidmatan pos dan kurier;
- (iv) mengawal selia bagi faedah jangka panjang pengguna;
- (v) memastikan tahap keyakinan pengguna yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan pos;
- (vi) menjamin keselamatan pekerja, barang dan rangkaian pos dan
- (vii) mewujudkan industri pos yang responsif kepada perubahan teknikal ekonomi dan sosial serta keperluan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai 17 bahagian dan 112 fasal yang meliputi pelbagai kepentingan, aspek dan faktor. Butiran-butiran huraian bagi setiap bahagian dan fasal adalah seperti yang terkandung di dalam rang undang-undang. Penggubalan rang undang-undang ini mengandungi perspektif global berpandangan ke hadapan dan berpandu kepada teras-teras baru. Pada awal tahun 2001 telah diadakan kajian dengan firma juruperunding dari Kanada bagi tujuan mengenal pasti kelemahan industri pos di negara ini dan kaedah-kaedah mengenainya. Pada tahun 2006 pula kementerian telah mengadakan taklimat dan rundingan dengan wakil-wakil industri pos serta kurier. Juga jabatan-jabatan kerajaan dan mempelawa mereka untuk memberi ulasan terhadap prinsip-prinsip utama yang menjadi asas kepada peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengadakan sesi perundingan dengan badan-badan bukan kerajaan atau NGO dan persatuan pengguna seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). Rundingan juga telah diadakan dengan persatuan industri kurier iaitu Persatuan Syarikat Pengendali Ekspres Malaysia dan *Conference of Asia Pacific Express Carriers* (CAPEC) bagi memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk memberikan pandangan dan cadangan mengenai rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin bahawa dengan pandangan serta sumbangan badan-badan tersebut, kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini akan memberi suatu pikulan tanggung jawab yang lebih bererti dan berjaya, *insya-Allah*.



## ■ 1140

Walaupun bagaimanapun, kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak khususnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan industri perkhidmatan pos dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

## 11.41 pg.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana mencadangkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011, seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam ucapan tadi. Akta Perkhidmatan Pos 2011 dicadangkan bertujuan untuk menggantikan Akta Perkhidmatan Pos 1951 dan untuk membuat peruntukan-peruntukan baru untuk mengawal selia dengan lebih baik industri perkhidmatan dan melindungi perkhidmatan pos sejagat. Pada pandangan saya, perkhidmatan pos seperti perkhidmatan awam, seperti pengangkutan, bekalan air, bekalan tenaga, tidak seharusnya diswastakan dan bila diswastakan walaupun ada rang undang-undang ini, rakyat akan mengalami beban sebab bila syarikat swasta mengambil perkhidmatan, mereka akan mencari keuntungan.

Perkhidmatan pos tidak boleh memberikan keuntungan kepada syarikat-syarikat selain daripada mengadakan kadar yang tinggi. Inilah yang akan membebaskan rakyat. Kita telah tengok pada masa dahulu, bila Pos Malaysia diswastakan, kerajaan telah menjamin bahawa perkhidmatan kepada desa dan luar bandar tidak akan terjejas. Bagaimana jaminan dapat ditunaikan dengan penswastakan yang pertama di dunia kepada syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia kerana tujuan syarikat yang disenaraikan ialah untuk mencari keuntungan.

Bolehkah kerajaan atau suruhanjaya ini memaksa syarikat swasta untuk memberikan perkhidmatan kepada desa dan luar bandar, di mana mereka akan mengalami kerugian. Kita telah tengok bila MAS diswastakan, dan perkhidmatan kepada Sabah dan Sarawak terjejas dan bila diberikan kepada AirAsia, syarikat yang mencari keuntungan, mereka tidak lagi menjalankan perkhidmatan itu. Pada akhirnya, kerajaan yang terpaksa menanggung bayaran kepada perkhidmatan-perkhidmatan ini. Pada pandangan saya, ini akan terjadi kepada perkhidmatan pos kepada luar bandar terutamanya kawasan Sabah dan Sarawak.

Kedua ialah bagaimana kita dapat mengawal kadar setem? Dan bagaimana manfaat dapat diberikan kepada rakyat? Pos Malaysia ini sebelum ini telah bermula pada abad ke-18 *straight settlement*, rizab yang ada pada Pos Malaysia dikutip oleh rakyat yang menggunakan perkhidmatan oleh kerajaan yang memberikan sumbangan iaitu juga wang rakyat. Bila Pos Malaysia diswastakan, dan disenaraikan di Bursa Malaysia, pengurusan Pos Malaysia telah membayar balik dengan secara tunai, rizab-rizab yang ada, tetapi wang ini bukan diberikan oleh saham-saham baru, wang *reserve* ini di kumpul pada masa Pos Malaysia bermula sebelum diswastakan tetapi mereka yang mendapat manfaat adalah pemegang saham yang baru.

Bagaimana ini boleh dikawal oleh suruhanjaya untuk menjaga manfaat rakyat. Dengan penjualan daripada Khazanah kepada DRB-HICOM, apakah amalan dan dasar ini? Ini kerana pemegang utama DRB-HICOM ialah Syed Mokhtar Albukhary, beliau juga telah membeli Pelabuhan Tanjung Pelepas iaitu pelabuhan yang kedua terbesar di negara kita. Beliau memiliki Malakoff Corporation Berhad, penjana kuasa elektrik bebas yang terbesar di negara. Beliau juga ada kepentingan di Bernas yang memonopoli edaran beras di negara.

Kepentingan di Gas Malaysia, mengedarkan gas, ada kepentingan di Alam Flora sisa-sisa pepejal, ada kepentingan di MMC Gamuda dan menjadi pengurus projek KLMRT. Ini bermakna satu individu akan memegang semua perkhidmatan awam. Pada pandangan saya adalah satu amalan yang tidak memuaskan bahawa seseorang akan ada kuasa untuk kesemua perkhidmatan awam. Saya meminta kerajaan untuk mengkaji semula dasar ini supaya perkhidmatan awam tidak berada di dalam jagaan seorang sahaja.

Isu yang saya hendak timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah, penjualan Khazanah 32.2 peratus kepada DRB-HICOM dengan harga RM3.60, jumlahnya ialah RM622.79 juta. Mengikut OSK Research, mereka mendapati bahawa harga penjualan ini adalah cukup baik untuk pembeli, mengapa? Ini kerana Pos Malaysia ada beberapa tanah di kawasan strategik di Kuala Lumpur dan di seluruh negara yang telah digunakan sebagai pejabat pos. Akan tetapi apabila kegunaan ini ditukar daripada pos kepada komersial, nilai tanah ini akan naik berlipat ganda. Contohnya ada tanah seluas 10.5 hektar, potensi nilainya bila pertukaran syarat ialah RM218.5 juta. Tanah Pejabat Pos di Brickfields yang mengikut *booked value* ialah hanya RM2.2 juta, tetapi dengan pertukaran syarat kepada komersial, nilainya boleh menjadi RM136.3 bilion.

#### ■ 1150

Juga ada 1.3 hektar di Jalan San Peng dekat projek *Pudu Jail* yang akan dibina. *Booked value* ialah RM6 juta tetapi potensi di kawasan itu nilai berakhirnya ialah RM107.4 juta. Saya hendak meminta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, bagaimana harga untuk penjualan ditetapkan di mana nilai tanah ini tidak diambil kira? Ini adalah seperti pertukaran saham di antara AirAsia dengan MAS, di mana nilai aset MAS dan juga hutang AirAsia tidak diambil kira. Hanya menggunakan harga tutup pada satu hari yang tertentu dan selepas hari itu harga itu juga turun dan pada pendapat rakyat itu tidak memberikan manfaat kepada kerajaan.

Oleh sebab itu saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan bagaimana harga penjualan 32.2 peratus Pos Malaysia ditetapkan dan pada akhirnya bagaimana kerajaan boleh mengawal sesuatu industri? Bagaimana keseluruhannya ini boleh menjamin bahawa kadar dan setem tarif itu tidak memberikan beban kepada rakyat, di mana perkhidmatan ini hanya dapat diberikan dengan cara yang memberikan kerugian kerana ini adalah tanggungjawab kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Arau.

#### 11.52 pg.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Akta Perkhidmatan Pos 2011 ini yang antara lain bahawa rang undang-undang ini adalah dicadangkan untuk menggantikan Akta Perkhidmatan Pos bagi tahun 1951 dengan peruntukan-peruntukan baru serta kawal seliaan yang lebih jelas yang dibuat menerusi pindaan akta ini.

Saya sebenarnya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Selayang pada sesetengah perkara tadi yang dibangkitkan bahawa kita harus mengambil iktibar kepada beberapa perkara terutamanya kita lihat apabila IWK diswastakan pada suatu masa dahulu, syarikat konsesi yang mengendalikan IWK mengambil semua tanah-tanah yang berharga di tengah bandar raya kemudian dia tidak dapat mengendalikan urusan perkhidmatan IWK yang menyebabkan ianya terpaksa diambil alih oleh kerajaan selepas itu. Kita minta supaya dalam perkara ini apabila berlaku dan kebetulan kerugian yang terkumpul yang berlaku pada perkhidmatan pos disebabkan beberapa perkara.

Soal persaingan, soal kurang penggunaan urusan pos apabila keadaan masa yang mendesak supaya lebih digunakan kegunaan teknologi, *email* dan sebagainya yang menyebabkan Pos masih dijalankan sebahagian daripada tanggungjawab sosialnya iaitu terpaksa menjual setem pada kadar harga tradisi yang sebenarnya tidak mendatangkan keuntungan apa-apa kepada Pos.

Cuma di sini kita melihat dari sudut persaingan. Saya berharap dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri, kawalan yang lebih jelas dapat dibuat oleh Yang Berhormat Menteri terhadap perkhidmatan yang sebenarnya cukup menguntungkan tetapi tidak mendatangkan keuntungan secara cepat. Akan tetapi keikhlasan syarikat yang hendak mengambil alih pengendalian perkhidmatan ini dia haruslah ikhlas supaya kita tidak kira siapa sebab penswastan ini daripada *corporatization* dan juga *privatization*, dengan izin. Kita melihat dari segi gaji ramai kakitangan mempertikaikan. Contohnya gaji posmen. Ketika mereka dalam perkhidmatan kerajaan dan mereka yang tidak menandatangani untuk berkhidmat dengan syarikat korporat dan juga swasta masih menikmati gaji yang mahal walaupun ada beberapa orang dalam perkhidmatan Pos berbanding dengan mereka yang gaji permulaan mereka yang menyertai program penswastan ini.

Jadi perkara-perkara begini yang menimbulkan keluh kesah di kalangan kakitangan yang melibatkan soal-soal kebajikan mereka. Sebenarnya mereka adalah merupakan sokongan kepada perkhidmatan yang memang secara tradisinya sudah lama menjadi urusan alat komunikasi yang cukup penting kepada negara kita dan di peringkat dunia keseluruhannya. Jadi dengan akta baru yang kita buat ini termasuk penubuhan suruhanjaya yang membolehkan kawal selia dari segi kewangan dan sebagainya, kita berharap fokus kepada anak-anak syarikat kerana alasan yang diberikan oleh Khazanah ketika itu kerugian ini disebabkan oleh mereka tidak dapat mengawal keputusan-keputusan yang dibuat oleh anak-anak syarikat terhadap sebarang urusan perniagaan ataupun transaksi yang melibatkan perniagaan ketika itu. Ini kerana saya difahamkan yang PAC juga telah memanggil pihak Khazanah dan inilah jawapan yang diberikan kepada pihak PAC, penjelasan-penjelasan berhubung dengan kerugian yang terpaksa ditanggung selain daripada persaingan yang sedia ada yang dihadapi oleh pihak Pos dengan syarikat-syarikat swasta yang lain yang menawarkan kadar perkhidmatan yang lebih menarik, cepat dan selamat yang menyebabkan keyakinan orang terhadap perkhidmatan Pos pada peringkat awalnya dilihat begitu kurang. Contohnya, kita melihat dalam urusan pengendalian jemaah haji.

Lembaga Tabung Haji itu duduknya dalam kerajaan. Kenapa tidak diberikan kepada perkhidmatan Pos secara keseluruhannya? Kenapa pakej-pakej yang mahal seperti Almas, pakej Zamrud diberikan kepada syarikat swasta yang lain, tidak diberikan kepada kerajaan yang menyebabkan di sini sepanjang urusan pengendalian jemaah haji di Mekah, rombongan lebih daripada 20 juta atau 30 juta jemaah menghantar barangan pulang ke tanah air termasuk penghantaran air zamzam. Ini yang perlu dilihat. Kalau yang untung kenapa diberi pihak lain? Keutamaan diberi kepada syarikat kerajaan dahulu kerana di sinilah kita lihat dapat menampung beberapa kekurangan yang mana berlaku, yang mana sukar untuk kita atasi bagi perkara-perkara yang lain seperti mana LSG Sky Chefs dalam MAS. Katering itu memang keuntungan kepada kita, aset MAS.

Jadi bila kita bagi hak selama lebih 25 tahun kepada syarikat swasta yang lain yang kononnya pada masa itu mencatatkan kerugian yang besar, yang tidak dapat ditanggung oleh MAS dan kita membuat keputusan-keputusan yang seumpama ini yang menyebabkan berlaku kerugian yang begitu besar kepada kerajaan.

Saya amat berharap dengan kuasa-kuasa yang diberikan melalui akta ini kepada Yang Berhormat Menteri, kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada suruhanjaya, tetapi Yang Berhormat Menteri harus membuat pemantauan terperinci bahawa untuk kita menghasilkan perkhidmatan yang lebih *excellent*, yang lebih cekap, yang lebih berdaya saing, orang-orang boleh nampak kita pada suatu masa terus cuba menggunakan perkhidmatan kapal terbang sendiri. Kalau kita hendak melabur dalam perniagaan seperti ini, kita harus membuat pengiraan-pengiraan yang begitu terperinci. Kalau kita hendak terlibat dalam perniagaan kapal, kita tidak boleh membeli aset, cukup untuk kita *chartered* di awal permulaan perniagaan kita. Begitu juga dahulu apabila Pos membuat kesilapan, bila kita hendak membuat urusan di dalam kargo udara, kita melihat bagaimana apa yang berlaku di dalam *past months* yang menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh perkhidmatan yang sebenarnya, kalau kita lihat mempunyai daya saing dan mampu mencatat keuntungan walaupun tidak dengan kadar yang segera seperti mana tenaga dan perniagaan minyak yang lain-lain.

Perniagaan ini memerlukan pelaburan yang besar tetapi tidak mencatat keuntungan atau pulangan *return of investment* (ROI) dengan izin, tetapi tidak dengan kadar yang segera.

■ 1200

Jadi Yang Berhormat Menteri perlu membuat pemantauan setiap keputusan yang dibuat sama ada menerusi syarikat Pos sendiri ataupun anak-anak syarikatnya bahawa, setiap lembaga pengarah ini kita tidak tahu, soal manusia, mereka kadang-kadang ada perkara yang memerlukan Yang Berhormat Menteri meneliti setiap keputusan ini. Walaupun sukar untuk Yang Berhormat Menteri melihat semuanya tetapi sekurang-kurangnya secara *random* dibuat pemantauan terhadap setiap keputusan yang dibuat oleh lembaga pengarah sama ada menerusi mesyuarat ataupun menerusi CR iaitu *circular resolution*, dengan izin. Kita akan dapat melihat keputusan-keputusan ini tidak merugikan syarikat-syarikat.

Jadi dalam hal ini saya merasakan bahawa saya menyokong penuh akta ini untuk mengemaskinikan, terutamanya kita mengetahui bahawa harta ini adalah aset yang cukup berguna kepada kerajaan. Kajian-kajian terperinci perlulah dilakukan oleh pihak Kementerian dalam usaha memastikan perkhidmatan yang dapat kita tawarkan mendapat keyakinan daripada orang ramai bahawa perkhidmatan ini sebenarnya perkhidmatan yang cekap. Termasuk kita mengemas kini urusan-urusan pengendalian-pengendalian perkhidmatan di *post office*, pejabat pos, *postal agent*, wakil-wakil pos, mini pos, *stamp agent* dan lain-lain dan untuk urusan seperti mana yang dilakukan sekarang kerana Pos masih diyakini terutamanya bagi mereka di kawasan luar bandar yang merasakan bahawa perkhidmatan inilah yang terdekat di hati mereka untuk mereka menjalankan sebarang urusan termasuklah transaksi kewangan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong akta ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

12.01 tgh.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Akta Perkhidmatan Pos 2011 yang dibentang oleh Yang Berhormat Menteri bagi menggantikan Akta Perkhidmatan Pos 1991. Memang saya juga turut yakin bahawa akta baru ini bagi mengganti Akta Perkhidmatan Pos 1991 bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pos bukan sahaja dalam negara kita ataupun di peringkat sejagat yang berpusat di negara kita termasuklah perkhidmatan *courier*.

Saya hanya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sesudah Pos Malaysia diswastakan pada tahun 2002 sehingga sekarang, apakah kerajaan masih lagi memegang *golden share* di dalam Pos Malaysia Berhad ini? Sebab saya bertanya demikian kerana pegangan *golden share* ini penting bagi menentukan Suruhanjaya Perkhidmatan Pos ini bukan sahaja mencapai tahap yang diharapkan oleh kerajaan dan rakyat dari segi perkhidmatannya, tetapi juga mereka tidak boleh membuat apa-apa keputusan yang boleh menimbulkan kemarahan rakyat terutamanya dari segi caj-caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak pejabat pos.

Apakah selama ini kerajaan, pihak Kementerian mempunyai kuasa untuk menentukan bahawa jika pihak Pejabat Pos ataupun mana-mana syarikat yang akan diberi lesen pos ataupun *courier* untuk menaikkan caj, mereka mesti mendapat kebenaran daripada pihak Kementerian? Kita tidak mahu lihat apa yang terjadi seperti baru-baru ini di mana Astro menaikkan caj kepada pelanggan-pelanggan yang luar biasa manakala perkhidmatannya cukup tidak memuaskan.

Semua pelanggan Astro tahu filem-filem, drama ataupun apa jua bentuk tayangan yang dipersembahkan di Astro diulang tayang banyak kali, yang merupakan filem-filem yang sama dan kadang-kadang perkhidmatan putus. Kalau berlaku hujan ataupun sedikit ribut, segala perkhidmatan putus sama sekali. Manakala bayarannya kita lihat, kalau diambil beberapa *channel*, sampai harga RM1,000 lebih satu tahun. Jadi memang menghisap darah dan ini monopoli oleh pihak tentu terutamanya pemegang saham utama dalam Astro.

Jadi kita berharap dalam perkhidmatan pos tidak berlaku demikian. Ini kerana perkhidmatan pos ini termasuk *courier* juga satu keperluan dari segi rakyat kerana kirim mengirim surat, penghantaran barang-barang merupakan satu keperluan bukan sahaja dari segi elektrik, air dan seumpamanya tetapi kita juga menganggap perkhidmatan pos ini begitu penting dari segi perkhidmatan kepada rakyat jelata. Jadi sebab itu saya ingin tanya bagaimanakah bentuk kuasa yang ada dengan di pihak kementerian sebelum pihak pos boleh mengenakan caj-caj tertentu?

Ini kerana kita tahu sekarang ini cukup mahal. Dulu kad hari raya harganya 30 sen, sekarang ini dah naik 20 sen. Bagi Menteri-menteri tidak ada masalah, sebab kad-kad hari raya itu dibayar oleh kerajaan. Ahli-ahli Parlimen macam mana? Setem kena bayar, pengundi berpuluh ribu. Kalau 10,000 pengundi hendak dihantar kad hari raya, kali dengan 50 sen berapa, 40 sen berapa? Jadi memang tidak adil. Maka sebab itu saya berharap contoh yang saya bagi ini untuk diberi perhatian supaya tidak sewenang-wenangnya walaupun kita sedar sesebuah syarikat, ia mestilah mendapat untung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Pasir Mas. Bolehkah Yang Berhormat Pasir Mas?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Kita berbicara soal Akta Perkhidmatan Pos, dan sebelum itu saya ingin bertanya Yang Berhormat Pasir Mas, sedarkah Yang Berhormat suatu ketika dahulu tidak begitu lama, bahawa Pejabat Pos ini telah kerugian sebanyak lebih kurang RM800 juta melalui anak syarikatnya dan pihak Khazanah pula merasakan bahawa itu di luar bidang kuasa dia. Ia tidak menyedari akan kerugian yang sebegini sedangkan ini melibatkan wang negara, wang rakyat. Jadi apakah Yang Berhormat Pasir Mas ingin bertanya kepada pihak kerajaan bahawa akta ini ada tidak jaminan bahawa tidak akan ada lagi kerugian yang sebegini? Ini kerana ini melibatkan wang rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya setuju dengan pertanyaan Yang Berhormat Kinabatangan dan dimasukkan sebagai sebahagian ucapan saya. Sekarang ini sudah jadi swasta. Kalau rugi pun, swasta yang rugi. Akan tetapi kepentingan institusi-institusi besar ada pegangan saham dalam syarikat Pos dan mestilah ianya diberi jaminan tidak akan berlaku lagi kerugian seperti yang dialami sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada ucapan Yang Berhormat Selayang tadi. Saya dengar tadi dia ada sebut pemegang saham terbesarnya iaitu Syed Mokhtar Al-Bukhary dan katanya Syed Mokhtar ini dia bilang syarikat-syarikat pegangannya dan dia kata ini macam seolah-olah tidak puas hatilah kerana seorang tokoh memegang banyak saham di dalam syarikat-syarikat perkhidmatan awam. Saya tidak tahulah dia ikhlas atau tidak atau pun kerana Syed Mokhtar Al-Bukhary ini orang Melayu.

Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, dalam senarai bilionair negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, berapa kerat sahaja orang Melayu. Apakah Yang Berhormat Selayang tidak tahu dan tidak sedar banyak juga peluang-peluang yang diberikan oleh kerajaan kepada tokoh-tokoh korporat daripada lain-lain kaum. Apa ini Jeffrey Cheah – saya kalau hendak sebut, William Cheng, Vincent Tan, berpuluh-puluh syarikat pegangan mereka. Mereka juga mendapat dan ada juga monopoli. Kita tengok YTL seumpamanya.

Jadi kalau ada seorang Melayu yang kaya ataupun dapat peluang, riuh-rendah, heboh. Inilah yang bila saya sebut orang kata saya ini ultra Melayu, orang kata saya ini rasis, tetapi saya hendak bercakap soal keadilan. Syed Mokhtar Al-Bukhary telah membuktikan keupayaannya dari segi perniagaan yang dia ceburi, jadi apa salahnya?

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak orang-orang Melayu, orang-orang Melayu terutamanya adalah orang-orang Islam. Ia ada kaum Bumiputera tetapi kalau orang Melayu adalah ramainya ialah orang Islam. Orang Islam tidak boleh ceburi dalam perniagaan-perniagaan yang diharamkan oleh agama. Kita tengok macam lesen judi. Genting dikuasai oleh Goh Tong.

■ 1210

Saya diberitahu, loteri oleh Ananda Krishnan selain daripada Astro dan macam-macam lagi dan Berjaya Sports Toto oleh Vincent Tan. Ada lagi apa nama, entah gambar-gambar kuda macam-macam...

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Nanti. Perniagaan ini Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh diceburi oleh orang Islam. Haram bagi orang Islam. Maka sebab itu, lesen-lesen diberi kepada orang bukan Islam. Akan tetapi, cuba bayangkan industri ini berbilion ringgit, melibatkan dari segi kewangan berbilion ringgit. Jadi, orang-orang Islam tidak boleh ceburi. Jadi, kalau adalah perniagaan sedikit-sebanyak untuk orang-orang Melayu yang dibantu oleh kerajaan, janganlah dibesar-besarkan sangat. Janganlah diungkit-ungkitkan sangat. Ya Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sedikit sahaja saya hendak tanya. Soalnya, Yang Berhormat menyebutkan tadi bagaimana syarikat-syarikat judi yang mendapat keuntungan begitu banyak. Saya hendak tanya siapa sebenarnya yang bertanggungjawab meluluskan lesen-lesen judi dan memberi tanah kepada tauke-tauke judi ini. Minta penjelasan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Wah, ini bola tanggung ini.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Bola tanggung *smash* kuat-kuat betul.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yalah Yang Berhormat. Lesen judi haram, lesen jual arak pun haram. Arak haram, di Kota Bharu lesen arak pun ada dan dikatakan untuk orang bukan Islam. Lesen judi ini pun untuk orang bukan Islam. Sekarang ini Yang Berhormat bercakaplah, betullah Kelantan tidak benarkan jual benda-benda ini, tetapi saya percaya bila dapat kuasa memerintah kerajaan pusat dengan PKR dengan DAP, lebih berpuluh-puluh lagi lesen judi saya rasa mereka akan luluskan. Saya percaya...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Lihat di Selangor, Selangor.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** ...Saya percaya perkara ini akan berlaku. Jadi dia hendak cari untung politik itu, pilih-pilihlah. Jangan terkena batang hidung sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit perkara ini supaya janganlah ada pihak-pihak kata dengan sengaja apabila melibatkan sedikit-sebanyak orang-orang Melayu mendapat peluang, maka dijadikan isu dan diungkit-ungkit. Saya percaya ia tidak ikhlas dan kita tahu ekonomi orang Melayu dan bumiputera masih jauh ketinggalan ke belakang. Maka sebab itu, kita harap - saya baca dalam akhbar baru-baru ini, kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada PEMANDU, mengatakan ada syarikat-syarikat GLC akan mula dijual saham-sahamnya, akan dilupuskan saham-sahamnya. Ini pun kena hati-hati supaya dipastikan pengagihan itu biarlah adil terutamanya gunakan proses pelupusan saham-saham dalam GLC ini sebagai satu matlamat untuk membantu kaum bumiputera mencapai sasaran 30 peratus kepentingan ekonomi dari segi pembahagian kekayaan dalam negara kita.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [Bangun]

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Pasir Mas. Saya pun setuju dengan saranan Yang Berhormat Pasir Mas iaitu peluang perlu kita beri kepada bumiputera dan sepatutnya tidak timbul ada perkara yang dibangkit ataupun dipersoalkan dalam hal ini di mana kedudukan jurang perbezaan yang ada. Akan tetapi yang menjadi kemusykilan saya juga saya percaya Yang Berhormat Pasir Mas, Melayu-Melayu yang berjaya ini jangan lupa diri. Mereka itu ditolong oleh kerajaan jadi kaya-raya, jadi bilionair. Jangan bila sudah jadi kaya-raya, dia lupa hendak tolong Melayu. Ramai yang buat perangai macam itu.

Ada syarikat-syarikat mereka pun tidak pakai pun tenaga pengurusan Melayu. Ambil CEO bukan Melayu, ambil CEO orang asing. Ini yang menjadi masalah.

Jadi kalau Melayu tidak tolong Melayu, bagaimana begini kita beri peluang kepada mereka. Mereka mendapat kekayaan, membina kekayaan, mereka lupa diri. Setengah itu mendabik dada pula, ini usaha saya. Apa kerajaan ada jasa pada saya? Saya kerja kuat, saya kerja siang malam. Ini semua perancangan saya, tidak ada bantuan kerajaan. Ramai usahawan Melayu yang cakap begini dan menyokong pembangkang yang tidak ada jasa satu pun kepada mereka... *[Tepuk]*

Ini pelik. Pembangkang pula yang untung. Kerajaan yang tolong mereka tidak untung. Tidak dapat apa. Ini saya harap Yang Berhormat, tolong betulkan pemikiran usahawan-usahawan dan peniaga-peniaga Melayu ini yang lupa daratan ini. Betul tidak?... *[Disampuk]* Ha, setuju semua. Kalau mereka macam itulah sifatnya, tidak perlu ditolong. Ramai lagi usahawan, bakal-bakal usahawan yang orang katakan tidak diberi peluang, dahaga dengan peluang, dinafikan peluang termasuk juga di mana kementerian-kementerian. Ini usahawan Melayu kecil-kecil hendak jumpa pun susah, hendak buat *appointment* pun susah termasuk Menteri pun. Ada yang susah hendak jumpa. Kalau bawa surat, letak ke tepi, tunggu dahulu. Kalau cerita pasal politik hendak menaikkan nama dia, hendak naikkan pangkat dia, hendak naik kedudukan dia, boleh cerita satu hari satu malam...

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Inikah pemimpin yang boleh membela nasib bangsa kita?

**Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya cakap ini pasal saya tidak jadi Menteri. Kalau saya jadi Menteri, saya tolong.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Mungkin ada benarnya dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pasir Salak sebab itu beliau nampak begitu bersemangat sekali, tetapi saya rasa tidak semua. Ada juga di kalangan usahawan-usahawan dan tokoh-tokoh korporat Melayu yang prihatin dan membantu juga kaum bumiputera. Cuma mungkin ada kes-kes yang terpencil barangkali, tetapi apa pun saya harap apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pasir Salak diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Saya sendiri pun Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana bila tiba masa perbahasan belanjawan nanti, tidak tahu bila masa akan dapat peluang, tetapi kalau dapat peluang panjang seperti pihak-pihak pembangkang itu bercakap. Saya sudah buat kajian sudah...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Pasir Mas, termasuk GLC-GLC mengambil CEO-CEO dan pegawai-pegawai kanan yang bukan terdiri daripada bumiputera. Apa hal ini?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya ambil maklum.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Termasuk Sime Darby sendiri. Sime Darby itu, Petronas pun, banyak lagi GLC. Kenapa orang Melayu sekarang ini masih ketinggalan, tidak mampu lagi hendak jadi CEO?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Betul, baik, baik.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat jangan *defend* tidak tentu fasal... *[Ketawa]* Nanti Yang Berhormat pula kena.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya bukan *defend*, tetapi kalau Yang Berhormat dengar betul-betul jawapan saya tadi tentu Yang Berhormat faham. Yang Berhormat serang saya buat apa? Saya bukan Menteri pun... *[Ketawa]* Kalau saya jadi Menteri, apa Yang Berhormat bangkit itu saya selesai dalam lima minit sahaja... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak maklum saya sudah buat kajian sudah Yang Berhormat Pasir Salak. Kalau saya cukup masa, saya sudah senarai semua syarikat yang di senarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Berapa kepunyaan kaum bumiputera, berapa bukan bumiputera. Siapa CEO dan siapa pegawai-pegawai kanan, *detail*. Ini sahaja pun akan mengambil masa, saya boleh bagi dekat Yang Berhormat. Saya sudah buat kajian. Saya ada *detail* bagaimana kedudukan kepentingan kaum bumiputera orang Melayu dan siapa CEOnya dalam syarikat-syarikat GLC termasuk gaji-gaji. Betul Yang Berhormat kata. Ada satu syarikat GLC, saya tidak hendak sebut lagi, saya kira dia punya elaun setahun sampai RM5 juta. Saya boleh *proof*, saya ada semua maklumat ini. Dari segi *claimnya*, macam-macam imbuhan. Betul. Jadi panjang, tetapi tidak ada kena-mengena dengan pejabat pos ini... [Ketawa]

Yang Berhormat Menteri pun ketawa sudah. Jauh sudah kita pergi ini. Jadi saya hendak balik kepada cerita hal pejabat poslah. Jadi satu lagi perkara saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bila dikeluarkan setem, setem ini dikeluarkan oleh pejabat pos. Siapa yang menentu? Adakah pihak kementerian atau ahli jawatankuasa menentu? Okey, hari ini sempena dengan pertabalan Yang di-Pertuan Agong, maka gambar Agong baru kita gunakan di setem-setem. Kadang-kadang gambar bunga.

■ 1220

Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat, memandangkan cerita Bukit Kepong timbul baru-baru ini, saya hendak cadangkan supaya dikeluarkan setem khas mereka polis-polis yang terkorban di waktu diserang oleh Komunis di Bukit Kepong sebelum ini. Keluarkan setem-setem ini supaya generasi muda, rakyat mengenali mereka ini dan mengetahui dan kita menghargai perjuangan mereka ini. Jangan setem-setem ini hanya setakat Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan atau bekas-bekas Perdana Menteri. Pejuang-pejuang pun kenalah keluar setem. Satu hari nanti saya hendak tengok setem Ibrahim bin Ali juga dikeluarkan oleh pejabat pos. Saya pun pejuang juga.

Janganlah setakat berlegar di kalangan golongan ini, daripada keluar-keluar bunga-bunga, baik keluar gambar Ahli Parlimen Pasir Salak contohnya. Ada juga maknanya menghargai pejuang-pejuang termasuklah polis-polis Bukit Kepong yang terkorban, barulah pelajar-pelajar generasi muda kita tahu dan mengenali pejuang-pejuang tanah air ini. Bukan setakat mereka yang disebutkan tadi, jadi siapakah yang menentukan gambar-gambar setem ini. Jadi saya harap ia juga di kawal dan ditentukan oleh jawatankuasa yang melibatkan kementerian yang bertanggungjawab kepada perkhidmatan pos.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tarik perhatian. Khidmat pos di luar bandar ini masih lagi kurang walaupun dilantik oleh wakil-wakil tetapi belum lagilah menjalar di desa-desa, di kampung-kampung di ceruk-ceruk kampung supaya diberi kemudahan kerana khidmat pejabat pos bukan setakat surat-menyurat. Menyimpan duit, mendaftar jadi pengundi, membayar bil-bil air, api, cukai tanah. Jadi banyak khidmat yang telah dibuat oleh pejabat pos. Jadi seboleh-bolehnya saya harap satu desa, satu kampung ada satu cawangan pejabat pos yang bukan setakat jual setem, ambil surat dan hantar surat, tetapi perkhidmatan yang lengkap seperti mana yang diberi kepada penduduk-penduduk di bandar dan di pinggir bandar. Jadi...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pasir Mas, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Pasir MAS, walaupun dalam perkembangan teknologi sekarang, rakyat lebih menggunakan kaedah lain. Akan tetapi di luar bandar, macam Yang Berhormat Pasir Mas sebut tadi perkhidmatan pos ini masih lagi diperlukan. Cuma kes-kes kadang-kadang orang kampung harap satu pekerjaan, tiba-tiba surat temu duga panggil sudah lepas tarikh. Maknanya ada kelemahan dari segi perkhidmatan, kecepatan sampai surat, lewat sampai dan sebagainya. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Pasir Mas?

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]:** Memang saya bersetuju. Malah baru-baru ini pun masih lagi berlaku di mana pelajar-pelajar menerima surat tawaran universiti lewat di luar bandar. Ini masalah urusan pejabat pos.



Jadi saya harap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong dapat diberi perhatian oleh pihak kerajaan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi khidmat di luar bandar. Saya cadangan tadi setiap kampung, setiap desa ada satu pejabat pos yang lengkap seperti yang diberikan khidmat di bandar-bandar. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Cuma saya hendak sebut di sini sedikit, dalam sekarang ini tersebar luas dalam *internet* Tuan Yang di-Pertua gambar saya tidur dalam Parlimen. Saya sudah dua hari selesema, saya makan ubat batuk dengan ubat. Jadi tertidur sedikitlah dua, tiga minit. Akan tetapi disiarkan seluruh dia kata ahli Parlimen Pasir Mas tidur. Padahal setahu saya, saya di antara ahli Parlimen yang aktif. Tidur dua, tiga minit pun ambil gambar sebar, punya tidak ada modal hendak serang saya. Maknanya macam bankrap punya geram kepada Presiden Perkasa, punya marah Presiden Perkasa tidur dua minit pun ambil gambar. Habis hantar. Saya tidak tahulah mungkin Barack Obama pun tengok... *[Ketawa]* Jadi saya kesianlah. Mereka ini kalau hendak serang pun, hendak buruk orang pun, carilah isu-isu yang munasabah. Ini kerana semua orang tahu, Yang Berhormat pun tahu Ahli Parlimen Pasir Mas tidak berhenti bercakap, betul atau tidak? Jadi ini disebar di seluruh negara, keluar di *internet*. Banyak saya terima ini... *[Menunjukkan telefon bimbit]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir MAS, mengambil gambar di dalam Dewan tanpa kebenaran Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dari segi peraturan mesyuarat.

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]:** Saya tidak tahu siapa yang ambil, daripada mana? Akan tetapi ini sah kerja puak-puak parti pembangkang... *[Ketawa]*

Saya gerenti, tetapi macam-macam. Samalah juga Yang Berhormat akhir sekali, dia sebut macam-macam, tidak habis-habis, dia kata ini katak tidur. Tidak habis-habis lagi katak. Padahal sebelah ini semua katak ini... *[Menunjuk kepada blok Pembangkang]* *[Ketawa]* Ahli Parlimen Machang katak, semua katak. Akan tetapi apabila sebut katak tuju kepada saya. Hebat sangatkah Dato' Ibrahim Ali ini? Jadi terima kasihlah di atas penghormatan dan atas pengiktirafan yang diberi kepada Ahli Parlimen Pasir Mas, sekian saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ledang.

## 12.26 tgh

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma harapkan supaya rang undang-undang ini akan menyediakan perkhidmatan yang paling cepak. Maknanya rang undang-undang ini akan mengujudkan satu persekitaran perkhidmatan pos tidak kisahlah pos kerajaan atau swasta, lain yang cepak. Akan tetapi saya mengambil nota daripada banyak ucapan rakan-rakan yang bercakap dahulu supaya kepentingan rakyat itu tetap di atas sekali. Akan tetapi saya hendak puji Pos Malaysia Berhad, kerana sejak akhir-akhir ini banyak idea baru dari segi perkhidmatan. Sampai ke tahap kalau kita hendak buat setem, buat setem dengan gambar muka kita pun boleh. Saya baru ini ada gambar dengan Pos Malaysia Berhad di Muar. Dapat satu setem gambar saya, cuma saya belum edar lagi. Boleh menggunakan setem muka kita macam saya, muka saya pada Kad Hari Raya, itu satu kreativiti yang patut kita puji.

Akan tetapi dari sudut lain, saya sentiasa harapkan supaya perkhidmatan tersebut juga mengambil perhatian tentang kemampuan rakyat khususnya dalam menghantar barangan surat dan sebagainya. Akan tetapi kita tidak bolehlah takut sangat dengan konsep penswastaaan dan sebagainya macam Nik Aziz pernah sebut orang yang takut dengan hudud ini macam takut dengan hantu. Itu Nik Aziz sebut, saya *quote* sahaja.

Macam kita sebut penswastaaan semua macam takut dengan hantu. Perkara yang penting, kalau berbalik kepada konsep persyarikatan Malaysia dahulu, niatnya baik, hasratnya baik. Cuma adalah beberapa kes di mana perjalanan sesuatu operasi penswastaaan itu berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang diswastakan tidak berapa menjadi ataupun tidak berapa menguntungkan rakyat kerana kelemahan dari segi pelaksanaan.

Jadi saya mengambil maklum tadi daripada Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Pasir Salak. Jadi saya menyeru supaya syarikat-syarikat GLC yang diurus oleh sesiapa sahaja tidak terlalu mementingkan kemewahan. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang kehidupan mereka ini...

**Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]:** *[Menyampuk]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Putrajaya kata dengan Ferrari dengan Lamborghini terlalu mewahlah itu... *[Ketawa]* Tidak sepadanlah, seperti langit dengan bumi kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai kerajaan. Jadi rakyat melihat itu sebagai satu kemewahan yang melampau dan rakyat *reflect itu* sebagai kos perkhidmatan yang tinggi tetapi membiayai kehidupan mereka yang diamanahkan. Ini persepsi rakyat. Jadi, ini perlu diberi perhatian.

■ 1230

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cuba berucap dekat dengan *mike*, tidak dengar dekat sini Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *Something wrong?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ada masalah *sound* Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kena jerit sedikit. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat perkhidmatan pos ada kaunter talian zakat, ada kaunter bayaran insurans, bayaran saman, bayaran bil, *road tax* dan sebagainya. Ini satu pendekatan yang baik dan saya cadangkan supaya kaunter ini diperluaskan bukan sahaja di Pos Malaysia Berhad juga di kaunter-kaunter lain, di syarikat swasta lain dengan persaingan yang sihat supaya rakyat boleh memilih yang mana terbaik bukan sahaja dari segi harga tetapi dari segi perkhidmatan.

Oleh demikian Tuan Yang di-Pertua, kalau semua perkhidmatan pos ini dapat diwujudkan suasana persaingan yang sihat, saya yakin rakyat akan mendapat perkhidmatan yang terbaik bukan sahaja dari segi mutu perkhidmatan ataupun mutu perkhidmatan yang lain sama ada penghantaran dan sebagainya tetapi dari segi harga, rakyat puas hati. Itu saya sering mendapat maklum balas daripada rakyat, cuma ada kawasan-kawasan terpencil Tuan Yang di-Pertua, kalau di Ledang ini, di Ledang saya sebut Sagil, tidak ada mini pos. Syarikat swasta pun tidak berani hendak buat mini pos di sana ataupun syarikat penghantaran lain pun tidak berani kerana kurang bilangan pelanggan dan penduduk walaupun jumlah pengundi di sana hampir 1,000 tetapi masih tidak menguntungkan.

Ini yang perlu dilihat Tuan Yang di-Pertua, supaya Pos Malaysia Berhad dapat melihat kawasan-kawasan terpencil dan memberikan perkhidmatan walaupun tidak untung kerana telah untung di tempat lain. Jadi, rakyat tidak akan *complain* kalau perkhidmatan semuanya cekap, tempat terpencil pun ada perkhidmatan walaupun mini pos sekalipun. Sekiranya pada masa yang sama CEO dan lain-lain syarikat GLC ini mewah kerana rakyat masih mendapat perkhidmatan yang terbaik. Hatta Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Ledang, boleh sedikit?

**Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Mikrofon *problem*.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tadi saya mendengar cadangan Yang Berhormat Ledang agar perkhidmatan pos ke kawasan-kawasan yang tidak menguntungkan diberi perhatian juga... tetapi setuju dengan saya, bahawa setakat hari ini gaji posmen-posmen ini saya rasa di tahap yang amat rendah tetapi kerjanya teruk, malah kerjanya amat penting. Seperti yang dikatakan tadi, kalau surat tidak sampai pada masa yang sepatutnya – saya rasa untuk memberi galakan motivasi kepada mereka ini saya rasa gaji para posmen ini perlu dikaji semula.

Maksudnya dipertingkatkan dengan mengambil kira kepentingan dan tanggungjawab mereka yang agak mencabar. Apa pandangan Yang Berhormat Ledang?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sama Yang Berhormat Ledang.

**Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]:** Yang Berhormat Ledang.

**Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Memandangkan apa yang dikatakan Yang Berhormat Ledang tadi, perkhidmatan pejabat pos ini mesti sampai ke luar bandar. Kita ini di luar bandar, mewakili rakyat di kawasan luar bandar. Kalau pejabat pos ini hanya ingin keuntungan sahaja seperti kata Yang Berhormat Ledang tadi maka tiada perkhidmatanlah di luar bandar sebab di kawasan saya Sibuti, pejabat pos ini mula-mula ada di Pejabat Kecil Daerah Niah. Kemudian oleh kerana tidak banyak orang menggunakan pejabat pos ini maka ditutup dan dibuka di Pekan Batu Niah sedangkan pejabat pos yang ada itu, dikatakan di Pejabat Daerah Niah itu adalah di atas bukit. Kalau di atas bukit, manalah rakyat hendak pergi ke sana, jauh.

Apalah salahnya pegawai-pegawai itu datang turun padang, tengok betul-betul, di pasar, di pekan untuk mengadakan pejabat pos supaya senang rakyat pergi untuk mengepos surat, membuat bayaran-bayaran bil tertentu. Apakah pandangan Yang Berhormat Ledang kalau kenderaan yang digunakan kadang-kadang rosak dan tidak ada minyak, elaun pun tidak dibayar, macam mana hendak mendapatkan perkhidmatan yang baik. Apa pandangan Yang Berhormat Ledang. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Sibuti dahulu. Perkhidmatan luar bandar yang perlu diberikan perhatian. Bermakna Pos Malaysia Berhad tidak boleh lepas tangan dalam memerikan perkhidmatan yang juga terbaik kepada masyarakat luar bandar, tidak kiralah sama ada untung atau tidak untung. Keuntungan di bandar bawa ke luar bandar. Itu maksud saya tadi, yang untung di bandar, di Kuala Lumpur bawa ke luar bandar. Penduduk Malaysia 28 juta. Saya yakin semua penduduk Malaysia memerlukan perkhidmatan pos, hatta yang baru lahir sekalipun. Contohnya akan datang mungkin perkhidmatan dari segi pendaftaran, ini fikir akan datang seperti surat beranak dan lain-lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ledang, sebuah pejabat pos di kawasan saya tidak dinaiktarafkan perkhidmatannya kerana dikatakan tidak menguntungkan dan *the people have to live with that kind of station*.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ini Tuan Yang di-Pertua, saya masukkan dalam sebahagian ucapan saya. Jadi, kalau timbul soal kenderaan tadi tidak ada minyak, saya tidak tahu di mana silapnya. Mungkin pengurusan agaknya tetapi Tuan Yang di-Pertua saya yakin, penduduk Malaysia seramai 28 juta boleh memberikan keuntungan yang tinggi kepada Pos Malaysia Berhad untuk memberikan perkhidmatan – limpahannya, untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat di luar bandar. Itu saya yakin.

Termasuk soal gaji tadi tetapi soal gaji ini biarlah Menteri yang jawab sebab baru-baru ini pun, tahun lepas gaji atau dua tahun lepas, gaji posmen baru sahaja diselaraskan dan dinaikkan, mungkin tidak cukuplah itu. Akan tetapi kalau perkhidmatan pos itu cekap dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik, rakyat suka menggunakan perkhidmatan pos, pos lebih kreatif, dapat menjana pendapatan dan saya yakin mampu untuk membayar gaji lebih kepada pos dan sebagai...

**Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap, ada tiga orang. Selepas Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Sri Gading.

**Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ledang. Memperkatakan mengenai dengan insentif dan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh perkhidmatan pos.

Apakah Yang Berhormat Ledang setuju, elaun rumah contohnya yang diterima oleh posmen saya difahamkan setakat ini baru seorang posmen masih di tahap lama, menerima RM110 elaun rumah. Bagi kerani pos RM127.

Melihat dengan keadaan semasa elaun yang sebanyak itu adalah jauh daripada kemampuan untuk menampung kehidupan mereka walaupun di pedalaman. Begitu juga saya rasa, apakah Yang Berhormat Ledang setuju untuk dilihat semula cuti posmen misalnya, setidak-tidaknya biar sama dengan cuti kakitangan kerajaan yang lain.

■ 1240

Ini yang kita tahu bahawa posmen hanya dapat cuti hari Jumaat, Sabtu minggu awal bulan bagi negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu sementara negeri-negeri lain hari Sabtu dan Ahad. Jadi bermakna, berbanding dengan kakitangan kerajaan yang lain mereka nampaknya tidak mendapat kemudahan-kemudahan yang sewajarnya.

Jadi apakah Yang Berhormat Ledang bersetuju supaya rang undang-undang ini juga mengambil kira tentang kedudukan-kedudukan ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya hendak bercakap ini sudah lama tetapi cakup salah, tidak cakap pun salah. Sepatutnya perkhidmatan pos ini tidak boleh diwastakan tetapi tidak boleh hendak cakaplah. Pasal antara perkhidmatan kerajaan yang paling hampir dengan rakyat di kampung-kampung dahulu, dia sama dengan polis. Di kampung saya dahulu dipanggil pejabat surat-menyurat. Dia tidak panggil pejabat pos. Kalau pergi ke Labis, ada lagi pejabat itu, pejabat surat-menyurat. Dahulu di sekolah kita diajar menulis surat ini, *al-mukarram*. Begitu pentingnyalah surat. Akan tetapi sekarang, saya difahamkan rakan saya menjual kad hari raya, yang hari raya lepas ini Yang Berhormat, tidak berapa laku pasal orang sudah pakai SMS inilah. Sudah tidak pakai surat. Dahulu antara hendak melahirkan rasa cinta itu ialah melalui kad hari raya. Ditaruh minyak wangi. Ini pengalaman... [*Dewan riuh*][*Ketawa*] Pengalaman Yang Berhormat Balik Pulau.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Macam pernah buat sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Pengalaman Yang Berhormat Balik Pulau. Dia hendak menyampaikan hasrat hati dia kepada kekasihnya...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Macam pernah buat sahaja... [*Ketawa*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [*Ketawa*] Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sahabat saya dari Baling dan Balik Pulau itu betul dan saya hendak bersama-sama dengan mereka. Gaji, kemudahan, dia KPI posmen ini dua sahaja. Satu, berapa banyak surat yang disampaikan pada hari itu. Keduanya dia amanah. Dahulu, emak bapak di kampung kirim duit anak belajar di bandar, dia masukkan RM20. Dahululah, dahulu. Ada sesetengah posmen tidak amanah, dia tengok ada duit, tidak sampai surat itu. Dahulu, tetapi sekarang sudah lain.

Jadi soal-soal ini, soal kebajikan ini dan kerajaan saya rasa jangan kira untung rugilah. Tolonglah, tolonglah berikan peruntukan yang secukupnya. Macam kata Yang Berhormat Beluran, pejabat pos dia sudah dalam keadaan yang 50 tahun dahulu itulah juga. Cawangan-cawangan di kampung-kampung itulah juga. Menumpang kedai dan sebagainya. Seriuslah kita hendak membantu rakyat ini. Bagilah peruntukan, saya tidak tahu esok ini ada atau tidak ada Yang Berhormat Menteri sudah kemukakan agaknya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan cadangan-cadangan untuk menaikkan lagi elaun, gaji, kemudahan-kemudahan.

Jadi saya rasa kita bersetuju di sini bersama-sama lihat kembalilah kebajikan posmen ini terutamanya. Bangunan-bangunan pejabat pos baik yang di bandar, di pekan, di Batu Pahat itu tahun 30. Sudah berapa tahun itu pejabat di sana? Akan tetapi *alhamdulillah*, ia besar, batu. Akan tetapi yang cawangan-cawangannya ada yang tidak berapa kena dengan peredaran masa pertukaran alam sekeliling. Jadi Yang Berhormat Menteri boleh agaknya dikemukakan penambahbaikan. Apa bahasa sekarang ini?

Yang Berhormat Menteri pandai bahasa ini, penambahbaikan... [Disampuk] [Ketawa] Okey, terima kasih Yang Berhormat Ledang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Mohon tambah sedikit Yang Berhormat Ledang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Ledang? Ya, sila Yang Berhormat..

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita dengar rata-rata ucapan tadi bahawa perkhidmatan pos ini apa pun yang kita buat, rasanya ia tidak meningkatkan perkhidmatanlah. Makin menurun ada sebab banyak tempat termasuk dalam kawasan sayalah. Kalau dahulu ia ada pejabat pos, sekarang sudah turun tarafnya kepada pejabat pos mini sahaja. Bukannya naik taraf perkhidmatan. Jadi hajat kita dahulu mungkin kita swastakan, perbadanankan itu adalah untuk menaikkan taraf perkhidmatan itu yang penting. Perkhidmatan ini ada dua, satu perkhidmatan luaran kepada orang ramai dan keduanya perkhidmatan kepada kakitangannya sendiri iaitu staf, pegawai dan sebagainya.

Jadi sekarang ini kalau kita lihat banyak perubahan dari segi *business*lah yang ada. Sebagai contoh, dahulu pos sudah banyak buat macam-macam *business* rasa saya selain daripada menjual setem, pos surat. Sekarang ini kalau hendak ambil *road tax* pun kita boleh pergi ke pejabat pos dan sebagainya. Akan tetapi dengan *new technology*, dengan teknologi baru ini kita lihat MyEG. Kalau hendak ambil *road tax* lebih senang dengan MyEG lah dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita lihat perkara-perkara ini tidak ada di pejabat pos. Contohnya komputer yang lebih baik. Maknanya mereka boleh membeli setem dari segi mungkin ada vendor setem di luar. Di Malaysia kita tidak ada. Kalau di negara barat mungkin kita boleh beli setem. Kita tidak perlu ke pejabat pos dan sebagainya. Jadi apa akal kita sebenarnya untuk memastikan dengan rang undang-undang baru ini, servis atau perkhidmatan pos ini kepada rakyat, kepada negara dan juga kepada perkhidmatan dalamannyalah iaitu staf dan sebagainya dapat dipertingkatkan? Mohon pandangan.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Ledang, satu minit, satu minit. Tuan Yang di-Pertua, melihat daripada hujahan teman-teman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini banyak berkonsepkan kepada peningkatan dan juga pengurusan pos itu sendiri. Saya jangan *miscommunication* di sini. Jangan kita apabila sebut tentang produktiviti itu kita menyalahkan ataupun dalam kepala kita pekerja menjadi beban. Kita tidak mahu melihat seperti mana MAS yang dikeluarkan KPI. Merudumnya MAS itu kerana masalah pekerja yang tidak efisien. Ini tidak boleh berada dalam minda Ahli-ahli Yang Berhormat.

Apa yang hendak kita tekankan di sini ialah motivasi untuk meningkatkan produktiviti. Jelasnya ialah itu kena seimbang. Pengurusan harus menggalas sepenuhnya, pekerja harus memikul tanggung jawab untuk memartabatkan pos, itu pokoknya. Yang Berhormat Sri Gading perlu akur hujah ini... [Ketawa] Apa pun yang penting ialah tidak ada imbuhan yang sesuai atau seimbang, maka produktiviti itu akan lenyap. Yang Berhormat Ledang bersetujukah dengan saya bahawa *main power* atau pekerja itu wajib diambil kira ataupun agenda utama. Sekian.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Kuala Langat. Saya merumuskan, apa-apa yang berkaitan dengan kebajikan pekerja, staf pos, patut disokong dan dibantu.

Saya yakin suruhanjaya ini ada fungsinya. Oleh sebab itulah daripada awal tadi saya menyokong rang undang-undang ini dan saya yakin perkara ini akan turut diteliti. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi Pos Malaysia Berhad perlu lebih kreatif, perlu lebih inovatif. Saya yakin umpamanya kalau perkhidmatan kaunter lebih selesa, lebih cekap, tidak lagi suasana dahulu seperti di Beluran hatta di Ledang walaupun moden sedikit tetapi macam *post office* zaman dahulu jugalah. Jadi ini yang menyebabkan mungkin kekurangan pelanggan. Maka sebab itulah pos tidak menjadi pilihan terbaik.

Oleh yang demikian, saya juga tadi menggalakkan supaya wujud satu persaingan yang sihat agar semua dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

■ 1250

Tuan Yang di-Pertua, kedua terakhir kalaulah boleh sementara kerajaan sedang melaksanakan program kedai 1Malaysia ini, di beberapa tempat dah wujud, di Ledang belum wujud lagi, di Beluran saya rasa jauh lagi. Mungkin suruhanjaya ini juga boleh melihat jika boleh *post office* menjadi satu terminal kepada kedai 1Malaysia. Tidak perlu kita cari tempat lain, cuma mungkin tambah sana tambah sini sahajalah. Kalau ada kekurangan barangan harian, tidak mustahil kita boleh merujuk kepada *post office*, tempat yang paling dekat dengan kita dari dulu sampai sekarang, *post office* lah ataupun Pos Malaysia Berhad lah tempat kita merujuk.

Macam di Ledang, saya di Ledang Tuan Yang di-Pertua, mungkin di luar bidang kementerian, kadang-kadang saya pun hairan minyak masak kurang. Rakyat hendak menuju ke mana? Saya nampak *post office* yang paling dekat sekali, mungkin suruhanjaya ini boleh melihat jika boleh kebajikan rakyat keseluruhannya, khususnya perkhidmatan jualan, bekalan barang-barang utama, kedai 1Malaysia boleh kita kaitkan kepada semua kaunter pos. Maknanya, bukanlah ambil atau beli barang di kaunter, tidak tetapi kita berurusan di situ, ada tempat untuk kita menuju dan sebagainya, itu maksud saya.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ada tinggal beberapa minit lagi, boleh sekejap.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Ledang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya beranggapan bahawa beberapa perkhidmatan penting yang dulu dilaksanakan oleh Pos, sekarang tidak dibuat kerana langkah-langkah penjimatan yang dibuat kerana kos telah tinggi. Bila saingan banyak, kos pula tinggi mungkin melibatkan kerugian kepada perkhidmatan pos menyebabkan ada perkhidmatan-perkhidmatan penting kepada rakyat tidak dapat dilaksanakan. Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Ledang, wakil pos ini banyak yang dibuat di kawasan-kawasan luar bandar, kampung-kampung seberang sungai dan sebagainya, mungkin kalau perkara ini dilaksanakan semula tetapi ditambah baik, dengan cara ini juga dia boleh membantu rakyat. Kadang-kadang orang kampung kerana hendak bayar bil elektrik RM10, tambang dia pergi RM20. Jadi, kos sara hidup kepada orang kampung begitu tinggi. Apakah kerajaan boleh membantu dengan mewujudkan semula wakil pos ini dan perkara-perkara ini dapat membantu rakyat. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Ledang.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Jiran ya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ledang. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat Ledang katakan tadi mengenai cadangan untuk mengaitkan kedai 1Malaysia dengan semua kaunter-kaunter pos dalam kita hendak mempelbagaikan *business* Pos Malaysia itu. Kalau tidak salah saya ada satu projek yang sekarang ini dianjurkan oleh Pos Malaysia yang dibuat bersama-sama dengan peniaga-peniaga yang memasarkan produk secara *online*. Jadi pada pendapat Yang Berhormat Ledang, adakah ini boleh sedikit sebanyak membantu untuk memperkembangkan lagi *business* pejabat pos itu dan adakah ini juga boleh kita kaitkan dengan apa Yang Berhormat Ledang katakan tadi mengenai penjualan produk-produk melalui pos. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong dan terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Lenggong, itulah perkara tadi, maksudnya tadi kalau perkhidmatan di luar bandar itu sama ada mini pos, wakil pos, diberi perhatian yang penting semula, saya yakin perkara-perkara yang ditimbulkan oleh malahan Tuan Yang di-Pertua tadi pun tidak akan timbul.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Parit Sulong sebab dia nampak dan faham tentang perkara yang saya cuba kaitkan. Yang Berhormat Parit Sulong ada projek 1Nita Tuan Yang di-Pertua, ataupun *women entrepreneurs online*. Ini yang saya katakan pendekatan-pendekatan tadi Tuan Yang di-Pertua, yang perlukan satu inovatif, kreativiti di kalangan para eksekutif Pos Malaysia Berhad yang hebat. Saya yakin impaknya ialah sudah tentu kepada kerajaan, rakyat dan saya berbalik kepada 1Malaysia tadi, kalau ini boleh berlaku saya yakin Pos Malaysia Berhad akan menjadi tulang belakang yang kuat kepada kerajaan kerana di situ rakyat nampak bahawa Pos Malaysia Berhad telah pun melangkah setapak lagi dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat keseluruhannya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah suruhanjaya ini akan berfungsi tidak lama lagi. Maknanya, saya dapat gambarkan akan wujud satu persekitaran, persaingan, perkhidmatan pos ataupun penghantaran barangan yang besar, kita menjadi hub terminal dan sebagainya. Cuma saya bimbang, seperti biasa Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang sama ada ataupun bagaimana suruhanjaya boleh mengawal, memantau pengedaran bahan-bahan, dokumen-dokumen komunis malahan fahaman ataupun serangan di bawah tanah ini oleh pihak Yahudi. Saya selalu berpesan dengan masyarakat di tempat saya, apa yang berlaku di sekeliling negara Yahudi iaitu negara-negara Arab di sekeliling Yahudi itu, itu semua adalah mainan Israel. Kita jangan lupa perkara yang sama juga berlaku di tempat kita.

Bagaimana suruhanjaya memantau sebab saya yakin ada penghantaran termasuk senjata. Baru-baru ini di Pelabuhan Klang yang lengkap dengan *ensor* dan sebagainya pun boleh terlepas dan akhirnya dapat kesan dalam kontena yang diisytiharkan sebagai perabot rupanya kenderaan mewah. Itu di pelabuhan yang canggih, banyak lagi dan adakah suruhanjaya ini juga akan melihat perkara tersebut supaya kita sama-sama *alert*, dengan izin. Bagaimana perkara ini boleh berlaku, perkara-perkara yang tidak sihat ini...

**Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Ledang, sekejap, satu perkara.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *Last* sekali selepas itu saya hendak gulung.

**Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]:** Kita hendak tanya bagaimana suruhanjaya ini boleh mengawal mesin untuk kita mengesan pengedaran dadah melalui pos. Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Itu saya masukkan dalam teks ucapan saya. Jadi, itu kebimbangan saya tentang kemungkinan-kemungkinan perkara-perkara yang tidak sihat, negatif yang boleh mengancam keselamatan negara pada masa akan datang. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**12.58 tgh.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011. Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan tentang baru-baru ini banyak pejabat pos terutama di bandar-bandar yang telah berpindah daripada kawasan perumahan atau kawasan kedai-kedai ke *shopping center* terutama di PJ, PJ Selatan di seksyen 17. Dulu ada satu pejabat pos di perumahan telah pindah ke *shopping center* Jaya One. *So*, selepas pemindahan itu, ramai penduduk yang *complaint* tentang tidak menyenangkan mereka pergi ke *shopping center* kerana mereka terpaksa bayar bayaran *parking* dan kena jalan jauh sampai tingkat satu atau dua dan untuk mereka yang warga emas, mereka memang tidak mampu ke pejabat pos yang terletak di *shopping center*.

Hal ini berlaku juga di Amcorp Mall di PJ, dulu pejabat pos di Jalan Sultan senang orang datang untuk menguruskan membayar bil-bil elektrik atau air tetapi sekarang pejabat pos itu telah pindah ke Amcorp Mall tingkat tiga. Bayangkan orang tua, warga emas, macam mana hendak sampai ke tingkat tiga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sambung petang.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**2.32 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan saya terhadap Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011. Tadi saya bangkit tentang masalah perpindahan pejabat pos dari kawasan perumahan atau di kedai-kedai ke tempat *shopping centre* di mana banyak berlaku sekitar Petaling Jaya Selatan dan ini menimbulkan banyak masalah terutama golongan warga emas yang mana mereka mengadu tentang kesusahan mereka untuk pergi kerana mereka terpaksa bayar *parking* RM3. Kalau nak tunggu satu jam tambah lagi *parking*, RM4.50 dan selepas *parking* mereka kena jalan satu jarak yang agak jauh hendak naik atas, tiga tingkat. Saya rasa ini sangat menyusahkan, bukan nak menyenangkan rakyat untuk pergi ke pejabat pos untuk mengadakan urusan pejabat pos. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang peruntukan tanah dalam satu *development* besar.

Memang ada tanah yang diperuntukkan seperti pejabat polis, klinik dan juga pejabat pos. Apa yang berlaku selama ini, saya nampak di Selangor banyak *development* yang besar, ada peruntukan tanah itu tetapi sampai sekarang tidak ada pembinaan pejabat pos langsung terutama di Kota Kemuning, di Bandar Botanik dan di banyak tempat lagi. Tanah ada tetapi tidak ada usaha-usaha untuk membina satu pejabat pos di sana dan yang digunakan hanya kedai-kedai. Saya hendak tanya tentang tanah-tanah yang terbiar ini, masalah tanah-tanah ini telah disalahgunakan. Digunakan oleh mereka yang menjalankan kegiatan yang haram. Tanah-tanah ini juga *dioccupied* oleh syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti yang saya rasa macam letak barangan, simpan stok. Jadi, saya hendak tanya, di Selangor berapakah jumlah tanah ini yang telah diperuntukkan untuk membina pejabat pos dan juga saya difahamkan ada beratus ekar tanah ini yang terbiar di Selangor.

Ketiga, saya ingin bangkit isu kawasan Parlimen saya di Petaling Jaya Selatan iaitu di Dun Taman Medan. Kawasan Taman Medan merangkumi Taman Datuk Harun iaitu PJS1, PJS2, PJS3 dan PJS4. Keempat-empat kawasan ini, jumlah penduduk-penduduk melebihi 50,000 tetapi sampai sekarang tidak ada satu pun pejabat pos di sana. Sebelum Lebuhraya *New Pantai Express Highway* (NPE) dibina, penduduk di Taman Medan mereka pergi ke pejabat pos yang terdekat atau yang terjauh dekat seksyen 1, *PJ Old Town*, bandar lama. Pada masa itu tidak ada *highway*, senang mereka keluar masuk tetapi selepas NPE dibina, ia amat menyusahkan. Penduduk terpaksa buat satu pusingan besar pergi balik untuk menjalankan urusan di pejabat pos. Penduduk di Taman Medan selama ini minta supaya kementerian bina satu pejabat pos di sana untuk kemudahan penduduk di sana terutama penduduk-penduduk Taman Datuk Harun. Mereka memang perlu pejabat pos ini.

Perkara lain, saya hendak tanya tentang perkhidmatan pengeluaran setem-setem baru terutama *first day cover* atau pengeluaran sampul surat Hari Pertama. Sejauh manakah keuntungan kita mengeluarkan setem-setem baru ini terutama *first day cover*. Saya salah satu peminat untuk mengumpulkan *first day cover* tetapi saya tiada maklumat bila ia dikeluarkan, bila dilancarkan setem-setem baru, tidak ada. Kalau nak bandingkan dengan negara-negara lain, memang ada kemudahan ini. Mereka buat iklan di surat khabar tentang ada pengeluaran setem baru supaya orang boleh pergi pejabat pos beli tetapi di Malaysia langsung tidak ada berita ini.



Sejauh manakah keuntungan tentang keluaran sampul surat ini. Berapakah *percent* dalam keuntungan pejabat pos dari pengeluaran setem-setem baru?

Saya hendak tahu tiga perkara iaitu jumlah transaksi berapa, keuntungannya dan berapa setem baru telah dijual. Bukan setem biasa, setem baru yang dikeluarkan. Kemudian ada rungutan di Shah Alam, di tempat tinggal saya di mana pos laju *courier*, tentang pungutan kalau kita tak ada di kediaman. Surat *courier* tidak sampai so dia akan tulis satu keratan supaya panggil kita pergi kutip di pejabat pos laju tetapi baru-baru ini sebelum itu memang masanya sehingga pukul 8 malam tapi baru-baru ini dia tukar ke awal enam petang. So banyak mereka yang bekerja kompelin tentang bahawa mereka tidak dapat pergi ke pos laju untuk kutip surat itu kerana mereka baru lepas kerja dan tidak sempat. So mereka minta supaya kekalkan masa pukul lapan supaya mereka sempat pergi ke pos laju untuk dapatkan surat itu. Walaupun hari Sabtu dibenarkan ada urusan tapi mereka tidak boleh tunggu. Kadang-kadang surat pos laju ini penting.

■ 1440

Kalau hari Isnin mereka tidak dapat surat itu, mereka terpaksa tunggu sampai hari Sabtu untuk mendapatkan surat itu. So saya rasa, kementerian perlu mengkaji semula tentang waktu-waktu ini, perlu dilanjutkan sehingga pukul lapan malam.

Akhir sekali tentang pendaftaran atau penukaran tempat pusat mengundi di pejabat pos. Saya dapat *complaint* daripada kawasan saya. Ada beberapa pengundi yang sebelum itu telah pergi ke pejabat pos di *Ancorp Mall Shopping Centre* untuk menukar pusat mengundi mereka. Ada yang sudah buat enam bulan dan ada yang lebih setahun. Akan tetapi semasa mereka *check* di komputer, nama masih belum ditukar. So mereka pergi buat kompelin di pejabat pos. Mereka kata sudah hantar. Akan tetapi nama masih tidak wujud dalam komputer – daftar pemilih SPR. So saya rasa dalam keadaan ini saya haraplah kementerian dapat memberi perhatian tentang masalah ini, di mana dan pihak yang manakah kita perlu untuk mengadu kalau berlaku keadaan begini. Saya juga hendak tanya selama ini, berapakah jumlah atau sambutan orang ramai atau pengundi yang pergi ke pejabat pos untuk menukar tempat mengundi mereka? Berapakah *charge* yang dikenakan untuk perkhidmatan ini kalau pejabat pos uruskan untuk menukar tempat mengundi. Berapakah *charge* yang dikenakan? Kementerian bayar kepada pejabat pos.

Saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tawau. Selepas Yang Berhormat Tawau, yang dua orang Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang berdiri tadi itu bersedia.

2.42 ptg.

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011. Perkhidmatan pos di negara kita semakin hari semakin merosot. Ini bukan satu tuduhan liar tetapi satu hakikat yang benar. Sepatutnya memandangkan semakin canggihnya komunikasi hari ini khasnya dengan lahirnya alat-alat komunikasi moden seperti telefon bimbit yang boleh menerima dan menghantar pesanan pendek SMS, atau email, mesin faks, komputer dan boleh meneruskan email, khidmat pos perlu kelihatan berusaha memantap, bahkan meningkatkan lagi tahap daya maju dan kualitinya agar tidak terus terpinggir dalam arus perdana alam komunikasi.

Namun malangnya, kualiti terus merosot sehingga kejadian kehilangan surat dan bungkusan secara berkelompok sering kedengaran. Contohnya surat-surat, notis dan dokumen dari Parlimen ini pun mengambil masa dua hingga tiga minggu untuk tiba kepada pejabat saya di Tawau dan juga jemputan-jemputan dari kementerian-kementerian dari Kuala Lumpur ke Tawau juga sampai lewat, iaitu sudah lepas majlis yang tersebut itu. Contohnya *Christmas card* (kad Krismas) sampai waktu Tahun Baru Cina dan sebagainya. Saya ingin tahu, apakah sebenarnya berlaku dalam sistem saluran pos itu? Mereka hantar surat melalui kapal terbang atau perahu?

Kelembapan sedemikian dalam khidmat, penyerahan surat hanya akan menghakik lagi keyakinan rakyat terhadap khidmat pos kita sendiri. Perlu saya menjelaskan bahawa kelembapan yang dimaksudkan bukanlah kejadian yang berupa *isolated incident*, tetapi satu kejadian yang betul terserlah khususnya dari Semenanjung Malaysia ke Sabah. Di samping itu, dengan semakin bertambahnya kejadian jenayah bahkan keganasan *terrorism* yang berkaitan dengan khidmat pos, umpamanya pengedaran atau penyeludupan dadah berbahaya melalui bungkusan dan mel. Apakah Pos Malaysia telah bersedia meningkatkan kemudahan penapisan *penetration process* dan pengimbasan atau *imaging* bagi membendung berleluasanya jenayah yang berkenaan. Jika sudah berusaha, apakah fungsi kemudahannya itu dan berapa pula kos pembelannya.

Jika tidak, apakah sebabnya dan bilakah kita akan dapat kemudahan itu? Segala ini harus diberi pertimbangan serius ketika perundingan gaji bagi semua kakitangan Pos Malaysia juga. Dengan itu sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapit. Selepas Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Lipis. Selepas Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Kuala Kedah. Selepas itu kalau boleh Yang Berhormat Menteri sedia untuk menjawab.

#### 2.46 ptg.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 ini. Saya hanya hendak menyatakan bahawa perkhidmatan pos ini semestinya kekal dan ia masih relevan lebih-lebih lagi di kawasan yang jauh terpencil di luar bandar seperti di kawasan saya di Kapit dan sebagainya.

Cuma, saya ingin menarik perhatian pihak yang berkuasa dengan pos ini. Di Pekan Song di dalam kawasan saya di Daerah Song, oleh kerana pelanggan-pelanggannya adalah mereka yang datang jauh dari kampung-kampung ataupun rumah-rumah panjang di pedalaman yang memerlukan perkhidmatan ataupun *service* di pos ini. Selalunya dahulu keadaan agak membebankan mereka oleh kerana di sana ada seorang sahaja yang bekerja ataupun yang berkhidmat di Pejabat Pos di Song. Mungkin sekarang sudah bertambahlah.

Cuma dengan peluang ini saya ingin mengingatkan ataupun saya ingin pihak pos ini mengambil perhatian agar janganlah mereka yang memerlukan perkhidmatan pos ini yang jauh, yang miskin juga dari kampung-kampung ini dibebankan dengan kekurangan kakitangan di Pejabat Pos di Daerah Song dan juga di Kapit. Ini kerana ramai ketua kampung yang alamat mereka ini jauh di pedalaman, di rumah-rumah panjang, di kampung-kampung, mereka menggunakan beg pos yang berkunci. Jadi oleh kerana tempat itu adalah bangunan yang tidak begitu besar, sila lihatlah. Tengok bagaimana kita hendak besarkan sedikit dan juga untuk kita menambahbaikkan perkhidmatan pos kepada mereka ini.

Ini kerana walaupun kita sudah mulai banyak perkhidmatan melalui elektronik, kita faham kalau perkhidmatan pos secara tradisi, *the traditional roll of the post office* dulu, sekarang mungkin sudah berubah jauh kerana banyak *service electronic* yang boleh kita gunakan, *electronic banking* dan sebagainya. Mungkin ada kurang sedikit keperluan mengguna pos. Akan tetapi masih juga yang hendak menggunakan perkhidmatan pos seperti yang dahulu. Jadi sila lihatlah untuk ditambahbaikkan tahap perkhidmatan pos di kawasan pedalaman. Saya bukan hanya meminta ini untuk kawasan Kapit sahaja, tetapi di kawasan-kawasan pedalaman yang lain juga kerana walau bagaimanapun kita sudah maju, sudah ada perkhidmatan yang lain, pos ini masih relevan. Jadi saya berharaplah apa yang terkandung dalam untuk kita menambahbaikkan perkhidmatan pos ini, dalam rang undang-undang ini biarlah kita buat dengan sebaik-baik mungkin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lipis.

## ■ 1450

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 dalam Dewan yang mulia ini.

Saya percaya rang undang-undang ini yang akan menggantikan Akta Perkhidmatan Pos 1991 dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman seperti yang disebutkan oleh rakan saya tadi sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Terutamanya dalam keadaan sekarang, saya percaya perkhidmatan pos ini mempunyai banyak cabaran kerana ada pelbagai pemain sebenarnya seperti yang dinyatakan dalam huraian itu, mengenai dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan pos ini.

Jadi saya amat berharap menerusi rang undang-undang ini akan memastikan penyediaan perkhidmatan pos yang berkualiti dan menggalakkan pertumbuhan industri pos yang cekap, kompetitif dan berinovasi. Saya mahu Pos dapat meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan pos serta menjamin keselamatan dan kebajikan pekerja, barang dan rangkaian Pos sesuai dengan peredaran zaman pada masa kini.

Kecanggihan teknologi e-mel, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dan perantara komunikasi elektronik lain seperti rangkaian sosial maya adalah cabaran besar buat industri pos. Ini menyebabkan penggunaan surat konvensional semakin berkurangan. Apakah masih relevan kaedah *mail* sekarang kepada masyarakat? Jadi, inilah persoalannya. Apakah Pos Malaysia masih mempunyai ruang untuk perkhidmatan surat konvensional dan memperlihatkan Pos Malaysia sebagai perkhidmatan relevan dan ekonomik kepada negara, apakah ia masih penting bagi komunikasi secara fizikal?

Kalau kita lihat, Pos Malaysia adalah penyambung pada komunikasi yang bersifat sentuhan peribadi. Liputan Pos Malaysia sehingga kini adalah menyeluruh dan terus berkembang pesat serta dipercayai, sama ada di bandar dan luar bandar. Hanya kadang-kadang di luar bandar ini nampaknya servis itu mulai merosot dan semakin berkurangan kerana mungkin faktor keuntungan sangat diambil kira oleh perkhidmatan pos. Saya amat berharap menerusi rang undang-undang ini selain daripada merujuk pada surat konvensional, perkhidmatan pos mesti terus kekal relevan mahupun diguna pakai bagi tujuan inovatif atau yang lain-lain.

Sebagai contoh, saya ada melihat pengenalan *direct mail* dan peningkatan jumlah penggunaan perkhidmatan bungkusan berikutan perkembangan elektronik dagang atau e-Dagang. Ini satu perkembangan yang terlalu pantas.

Mengenai surat konvensional yang lebih tertumpu pada urusan yang lebih penting dan rasmi, saya melihat ia tidak mendatangkan masalah besar kerana sektor awam sahaja terlalu luas penggunaannya dan masih relevan rasa saya sehingga kini. Cuma pada masa sekarang ialah surat peribadi saya percaya semakin berkurangan kerana perubahan budaya dan cara berfikir generasi muda terhadap teknologi semasa. Golongan sekarang lebih senang ber-SMS, MMS, *video conference*, Skype dan sebagainya yang dikatakan sebagai dunia tanpa sempadan.

Jadi saya berharap perkhidmatan pos ini harus memikirkan pula bagaimana mereka mengambil peluang terhadap teknologi baru yang canggih ini bagi mereka dapat bersaing dan terus kekal relevan...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Ya.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Boleh.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Okey.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lipis ada membicarakan tentang perkhidmatan wakil-wakil pos di kawasan pedalaman atau di kawasan luar bandar. Cuma yang dihadapi oleh wakil-wakil pos, rata-ratanya mengatakan bahawa perkhidmatan boleh diberikan tetapi keuntungan kepada pengendali, wakil-wakil pos ini, langsung tidak ada. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan imbuhan yang setimpal dengan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat luar bandar? Ini kerana saya percaya bahawa, kerajaan dahulu tidak mementingkan pada keuntungan tetapi lebih mementingkan pada perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar. Apakah pandangan Yang Berhormat Lipis?

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Sebenarnya saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krau kerana membangkitkan perkara tersebut. Bagi saya di bandar rasanya tidak ada masalah dengan perkhidmatan pos ini. Di mana-mana tempa kalau kena dengan lokasinya, saya percaya mereka ini akan memperoleh keuntungan.

Akan tetapi di peringkat luar bandar, orientasinya lebih pada perkhidmatan. Jadi kalau kita mengharapkan wakil-wakil pos dan juga pejabat pos mini – ia ada wakil pos, kemudian ada pejabat pos mini rasa saya. Di kampung saya ada Pejabat Pos Mini. Sudah banyak kali bertukar tangan kerana memang katanya kalau mereka hendak mengharapkan pada servis yang perlu dibuat, memang tidak boleh. Jadi sebab itulah saya rasa kita masukkan ucapan Yang Berhormat Kuala Krau ini dalam ucapan saya agar kerajaan di samping memberikan nafas baru pada perkhidmatan pos ini, juga memikirkan apakah insentif yang boleh diberi kepada wakil-wakil pos yang pastinya mereka berada di luar bandar dan kalau kita fikirkan daripada segi keuntungannya, memang tidak ada.

Sebagai contohnya di Ulu Tembeling, Kampung Bantal di kawasan Parlimen Jerantut. Jalan raya pun tidak ada. Jadi, mereka mengharapkan laluan sungai untuk hendak sampai ke sana. Maknanya, semua surat-menyurat akan melalui bot, perahu untuk dibawa turun dan sebagainya. Jadi kalau kita hendak lihat daripada segi keuntungan, rasa-rasa saya memang tidak 'lepas' di sana itu.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi Tuan Yang di-Pertua mohon izin. Ini jelas dilihat di kawasan saya semasa Pilihan Raya Kecil Kerdau. Di bina sebuah wakil pos untuk kemudahan orang ramai di luar bandar dan sekarang ini nampaknya wakil pos itu sudah mahu ditutup atas alasan yang saya sebutkan tadi. Bersetuju atau tidak Yang Berhormat Lipis kalau saya mencadangkan supaya wakil pos ini diberikan kuasa juga untuk mengutip bagi pembayaran perkhidmatan yang lain seperti bil elektrik, bil air dan sebagainya, dan syarikat yang berkenaan memberikan komisen, dan bagi pihak kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi membolehkan wakil pos tersebut mengendalikan perkhidmatan yang lain?

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Saya pun bersetuju dengan perkara itu. Saya percaya yang ini rasanya di peringkat Pejabat Pos Mini ada tetapi di pejabat wakil pos, saya tidak pasti ada. Akan tetapi kadang-kadang ada pula syarat-syaratnya sebabnya Pejabat Pos Mini ini tidak disediakan oleh Pos Malaysia. Mereka terpaksa mencari tempat dan sebagainya. Jadi pernah suatu ketika saya pernah bertanya kepada pegawai ataupun staf yang menguruskan Pejabat Pos Mini ini, saya bertanya mengapa sekarang bil air dengan bil elektrik sudah tidak ambil, dia kata sebab dia tidak dapat menyediakan komputer untuk urusan tersebut kerana terpaksa ada *online* dan sebagainya. Jadi dia tidak boleh hendak bayar. Jadi perkhidmatan itu menyebabkan orang ramai terhalang daripada segi mendapat perkhidmatan.

Jadi, saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Krau, kalau kerajaan memikirkan mungkin melalui apa-apa caralah untuk memberikan insentif dan mungkin melalui pemberian komputer, *netbook* 1Malaysia atau apa-apa dan sebagainya, supaya pejabat-pejabat pos, wakil pos dan Pejabat Pos Mini ini diberikan kemudahan daripada segi komputer dan internet bagi mereka dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Jadi di sini saya hendak taulah, oleh kerana ledakan teknologi ini, apakah Pos Malaysia sebenarnya mengalami susutan *business* yang ketara? Apakah Pos Malaysia ada menjalankan kempen khas untuk mendekati golongan muda dan meningkatkan minat menulis surat seperti penganjuran pertandingan menulis atau sebagainya?

**■ 1500**

Apakah Pos Malaysia akan terus menjalankan kempen dan promosi bagi menggalakkan amalan penggunaan surat sebagai salah satu medium komunikasi pilihan rakyat di samping memperkenalkan setem-setem yang berinovatif dan lebih cantik. Ini boleh kita simpan. Saya tidak pasti sekarang minat anak muda menyimpan setem ataupun menyimpan benda-benda yang lain. Kalau dahulu kita antara hobi yang dimasukkan ialah menyimpan setem. Saya pun masih ada lagi koleksi setem daripada dulu-dulu yang masih saya simpan sehingga sekarang.

Jadi, saya hendak mencadangkan supaya Pos Malaysia menyediakan kios atau mesin seperti ATM bagi menjual setem sebagai contohnya di tempat-tempat yang strategiklah. Saya melihat penjualan di kaunter-kaunter sudah tidak sesuai lagi sebab sekarang ini orang ramai sudah hendak mudah. Jadi, kalau mereka pergi ke kaunter berbaris dan sebagainya mungkin mendapat masalah. Mungkin ada surat yang dihantar agak berbeza harga setemnya kerana bergantung kepada berat.

Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, Pos Malaysia perlu sentiasa inovatif. Ciptalah kios-kios yang meletakkan harga berat tertentu bagi mencipta perkhidmatan yang lebih pantas dan efisien. Sejak diperbadankan Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1962, Pos Malaysia sentiasa berkembang maju, saya percaya. Cuma kadangkala masalah berlaku sehingga boleh menjejaskan pandangan dan keyakinan pengguna. Sebagai contohnya, kelewatan surat-surat sampai ke destinasi. Ini memang menjadi rungutan, mungkin juga kerana masalah posmen yang kadang-kadang lambat dibayar gaji dan sebagainya. Saya tidak pasti, mungkin ada.

Soal sekarang ialah alamat lengkap, setem ada, tempat yang hendak dihantar pun tidak ada masalah. Kalau dahulu dikatakan alamat tidak lengkap, tetapi masih terlewat. Jadi saya hendak tahu, berapa peratuskah masalah ini menghantui Pos Malaysia. Saya berharap posmen-posmen kita mempunyai integriti yang tinggi dan bertanggungjawab bagi mengalas tugas yang besar walaupun hanya sepucuk surat yang hendak dihantar. Kita tidak mahu peranan dan fungsi surat konvensional yang semakin mengecil menyebabkan Pos Malaysia Berhad sering dianggap sebagai organisasi sekadar surat. Ini kerana banyak perkara-perkara lain yang boleh di main.

Seperti kata pepatah Cina, "Di mana ada masalah, di situ sebenarnya ada peluang". Jadi, matlamat Pos Malaysia harus begitu dan seharusnya mencari peluang baru untuk di eksplorasi dan ini sudah tentunya akan menjadikan industri perkhidmatan mel lebih dinamik dan berdaya maju. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Kedah. Selepas Yang Berhormat Kuala Kedah – Yang Berhormat Kuala Kedah dahulu, Yang Berhormat Indera Mahkota, selepas itu Yang Berhormat Jerai.

**3.03 ptg.**

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, selepas itu Yang Berhormat Sungai Petani. Selepas itu saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Kerana mengizinkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ingat-ingat Ahli Yang Berhormat, hari ini hari Khamis.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biasanya kita berhenti 5.30 petang sahaja.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun ada usul-usul sebentar tadi. Kecuali Ahli Yang Berhormat mahu juga sampai jam 10 malam.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian tentang pindaan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 dengan matlamat untuk menggalakkan pembangunan industri yang teratur dan melindungi perkhidmatan pos sejagat. Saya kesian juga kepada Yang Berhormat Menteri ini seolah-olah macam ditelan mati emak, di luah mati bapak. Dalam masa yang sama mendesak supaya kenaikan gaji pos. Dalam masa yang sama juga diminta untuk berkhidmat sosial kebajikan pos. Jadi, memanglah berat juga tanggungjawab Yang Berhormat Menteri untuk memastikan keadilan itu ditegakkan.

Apa pun Yang Berhormat Menteri, saya ada lima isu sahaja yang hendak disampaikan dengan ringkas. Pertama, yang berkaitan dengan soal kenaikan caj oleh Pos Malaysia terhadap bil-bil air. Baru-baru ini daripada 70 sen kepada 90 sen. Pada kita membebaskan dan kerajaan Negeri Kedah akhirnya membatalkan terus supaya bil-bil ini tidak dibayar di pejabat pos. Ini kerana kita hendak menjaga rakyat. Baru Kerajaan Negeri Kedah naik air 10 sen bising satu negara. Pos naik 20 sen tidak bising pun.

Jadi kita minta berunding, tetapi nampaknya pihak perkhidmatan pos tidak dapat menerima pandangan kerajaan negeri. Akhirnya kita kata tidak mengapalah, kita boleh wujudkan pusat-pusat pembayaran bil air di bawah SADA secara *mobile*, dengan izin, dan akhirnya kita dapat memberikan pulangan yang baik kepada rakyat. Kita dapat menjimatkan kos rakyat. Itu matlamat Kerajaan Negeri Kedah. Akan tetapi, sekiranya pihak pos dengan rangkaiannya yang saya rasa banyak di ceruk rantau tempat di lokasi boleh berunding dengan kerajaan negeri, apa salahnya sekiranya cadangan untuk mengembalikan pembayaran caj bil ini kepada 70 sen. Begitu juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga mengeluh dengan isu yang sama tentang kenaikan caj yang dikenakan oleh pihak pos.

Isu yang kedua yang ingin saya mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri adalah berkaitan dengan soal projek Myemail 1Malaysia. Myemail 1Malaysia ini yang diberi kepada syarikat Tricubes Berhad, sebuah projek ETP di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dikatakan disuntik dengan bernilai RM50 juta yang akan menjejaskan industri pos, yang akan menjejaskan syarikat pos. Jadi, sejauh manakah keberkesanan projek Myemail 1Malaysia ini sebab saya mendapati bahawa projek ini tidak mendapat sambutan rakyat Malaysia. Apakah punca-puncanya? Mungkin ada unsur-unsur sabotaj daripada dalam pihak pos sendiri. Ini kerana kalaulah semua pakat menggunakan Myemail 1Malaysia ini, maka mereka tidak akan berurusan lagi dengan pihak pos Malaysia yang menawarkan perkhidmatan yang hampir serupa ataupun pihak pos juga mempunyai cadangan-cadangan untuk mencipta sistem yang serupa. Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua terima kasih di atas celahan ini. Jikalau kita lihat daripada rang undang-undang ini, perkara 35(2) di situ ada menyebut Yang Berhormat Menteri boleh mempunyai ruang lingkup ataupun meletakkan fi kepada perkhidmatan pos elektronik. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Kedah dengan adanya rang undang-undang ini? Ini menyebabkan untuk masa-masa akan datang pihak suruhanjaya ini dengan kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri boleh mengatakan bahawa setiap pos elektronik ataupun *email* ataupun apa-apa yang menggunakan elektronik ini dikenakan harga, dikenakan bayaran, dikenakan caj. Ini kerana mereka menghadapi masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Saya rasa sekiranya pihak Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan budi bicaranya yang manfaatnya untuk rakyat, saya rasa tidak ada salahnya kita mengenakan kadar yang munasabah untuk *email-email* yang tertentu. Akan tetapi, biarlah benda itu relevan ataupun berbaloi untuk rakyat memberikan bayarannya. Terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Isu ketiganya ialah berkaitan dengan soal kerugian Pos Malaysia. Dalam mesyuarat yang lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada menyebutkan soal kerugian Pos Malaysia berjumlah lebih kurang RM227 juta tahun 2010.

Puncanya ialah kerana pelaburan yang tidak strategik dalam Transmile Group Berhad. Jadi ini di antara punca-punca mengapakah syarikat Pos Malaysia tidak mendapat keuntungan kerana salah pengurusan, salah pelaburan, salah dalam membuat keputusan-keputusan bijak pelaburan.

Akhirnya, bolehkah Dewan ini dimaklumkan tentang status saham dalam Pos Malaysia dalam Transmile ini. Ini kerana saya difahamkan turun sampailah tinggal hanya beberapa sen. Jadi inilah di antara perkara-perkara yang menjadi rungutan khususnya kepada kakitangan Pos Malaysia. Isu yang keempat ialah berkaitan dengan soal kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri soal isu pelupusan ekuiti 32.2 peratus kepentingan Khazanah Nasional Berhad yang disebut sebagai melalui satu pelupusan yang strategik. Jadi, saya difahamkan Khazanah merupakan pemegang majoriti di dalam Pos Malaysia.

Sekiranya di lupuskan ini, siapa yang akan ambil alih saham ini? Sudah barang pasti pihak-pihak yang bukan dimiliki oleh kerajaan ataupun mungkin dengan syarikat-syarikat tertentu yang mempunyai kepentingan dengan kerajaan, dengan orang-orang kerajaan dan sebagainya.

#### ■ 1510

Sehinggalah tidak langsung dibuat rundingan dengan kesatuan-kesatuan sekerja di dalam Pos Malaysia. Apa akan jadi nasib kepada kesatuan-kesatuan pos ini sekiranya syarikat swasta luar yang mengambil alih Pos Malaysia ini? Apa kepentingan syarikat-syarikat ini kalau tidak soal keuntungan? Mereka bukan melihat soal kebajikan, seperti mana berlaku kepada syarikat-syarikat yang lain yang diswastakan. Agak malang dan kemungkinan besar satu masa lagi posmen yang hantar ke rumah kita ialah posmen daripada Bangladesh, gajinya murah. Syarikat-syarikat ini dia bukannya memikirkan soal pekerja yang pentingnya gaji murah. Siapa yang boleh bekerja dengan dia gaji murah dan akhirnya dia akan ambilkan pekerja-pekerja tersebut untuk hantar pos ke Padang Besar dan sebagainya...

**Seorang Ahli:** Nepal.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Nepal, Indonesia, pekerja. Ya, ya Yang Berhormat Padang besar.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya hendak tokok tambah sahaja, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi termasuk juga hari ini pun berlaku, pagi-pagi yang hantar surat khabar di rumah dalam rata-rata bandar bukan orang tempatan tetapi orang asing. Adakah itu yang menjadi contoh untuk dijadikan, ditiru oleh pos?

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Ya, baik terima kasih. Ini satu contoh yang tidak mustahil akan berlaku. Ini kerana, apabila syarikat ini sudah tidak dimiliki oleh kerajaan yang memikirkan soal rakyat walaupun mungkin sekarang ini kerajaan sebut pekerja-pekerja asing ini hanya diberi enam sektor sahaja tetapi atas permintaan daripada syarikat-syarikat ini mereka akan tambah lagi sektor yang ketujuh perkhidmatan pos di mana pekerja-pekerja daripada Indonesia, pendedahan tanpa izin PATI daripada Bangladesh, Nepal akan menjadi posmen-posmen kerana apa gajinya murah. Syarikat boleh untung tinggi.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** [Bangun]

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Menteri, saya mohon supaya soal kepentingan Khazanah Nasional 32.2 peratus ini diberi penjelasan di dalam Dewan ini kerana kenyataan ini dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Ya sila.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya minta izin untuk mencelah. Ini topik yang sama mengenai dengan matlamat utama perkhidmatan pos yang mementingkan keuntungan.

Tadi Yang Berhormat sentuh tentang perkhidmatan perbelanjaan iaitu mengenai dengan penggajian pengambilan kakitangan. Akan tetapi saya lihat Yang Berhormat perkhidmatan pos ini juga mengambil *cutting cost everywhere* contohnya di kawasan Pekan Tuaran ini saya telah menulis surat kepada Menteri yang berkenaan. Saya tidak tahu di mana saya hendak tuju. Pejabat pos itu sudah wujud sejak merdeka. Pekan itu sudah itu membesar tetapi pejabat pos itu tidak ada tindakan daripada pejabat pos untuk membesar.

Satu lagi pekan kecil ini membesar apabila kita minta supaya pejabat pos ini buat bangunan, dia jawab Yang Berhormat buat bangunan sendiri nanti saya bagi agensi kepada orang. Jadi ini adalah saya terkilan apa Yang Berhormat sentuh ini. Ini merugikan kepada kita rakyat biasa. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Soal inovasi ini sepatutnya apabila diswastakan, dia tempat itu lebih menarik banyak produk yang boleh menarik orang untuk datang, tetapi nampak pos ini dia ketinggalan. Sepatutnya kita ada kemampuan pemikir-pemikir yang merancang *business* di dalam Pos Malaysia ini selepas diswastakan dengan suntikan kerajaan, dengan dokongan Khazanah dan sebagainya sepatutnya boleh memikirkan soal inovasi. Jadi soal yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan tadi soal *cutting cost* memanglah kalau boleh mereka hendak *reduce cost*, hendak kurangkan kos sebanyak-banyak yang mungkin.

Isu yang terakhirnya, saya minta Yang Berhormat Menteri beri penjelasan berkaitan dengan isu pos laju dengan pengurusan Telco Pos Berhad. Jadi apakah status terkini dan saya difahamkan kerana pos laju hendak *review* semula perkhidmatan Telco Berhad kerana masalah-masalah pengurusan. Jadi banyak rungutan daripada Telco Berhad, pekerja-pekerja dalam Telco Berhad yang minta supaya perkara itu dibincangkan kerana sudah ada perbincangan di peringkat atasan tetapi mereka pihak atasan pos beritahu kata ini arahan daripada pihak atasan lagi yang lebih atas lagi. Jadi tidak ada jawapan yang muktamad.

Jadi kalau Dewan ini tidak boleh memberikan jawapan yang tuntas daripada Yang Berhormat Menteri tidak ada yang lebih atas lagi daripada Dewan Rakyat. Terima kasih... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mempunyai dua perkara yang ringkas berkenaan dengan cadangan rang undang-undang ini. Pada pandangan saya rang undang-undang sedia ada Akta Perkhidmatan Pos 1991 dicadangkan untuk diganti dengan akta yang sama cuma menyebut tentang tahun sahaja 2011. Oleh kerana akta ini memasukkan satu perkara yang saya rasa sangat mustahak kepada kementerian iaitu mewujudkan suruhanjaya. Apa yang hendak ditekankan di sini ialah mewujudkan suruhanjaya iaitu beberapa jawatan, satu badan baru yang hendak diwujudkan. Selama hari ini tidak ada yang menguruskan berkenaan dengan perkhidmatan pos. Sama juga dengan badan-badan yang selama ini dibawa ke dalam Parlimen untuk mewujudkan suruhanjaya.

Kita ada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang diwujudkan yang mengambil alih penyeliaan seluruh fungsi perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di bawah perkhidmatan tersebut dan hari ini rang undang-undang perkhidmatan pos sudah tentu sangat jelas dicadangkan untuk menubuhkan satu suruhanjaya menyelia dan mentadbir. Nampaknya untuk mewujudkan satu pasukan baru atas tujuan-tujuan yang dikatakan. Saya nampak apa yang disebut tadi itu adalah rungutan dan masalah tradisi yang tidak berjaya diatasi atau dirangka untuk penyelesaiannya sehingga sekarang. Nampak gaya seolah-olah pihak kementerian menjanjikan dengan penubuhan suruhanjaya ini masalah-masalah yang disebutkan tadi boleh selesai. Sekiranya masalah itu menjadi masalah tradisi yang dibawa ke hadapan, digalas semula oleh suruhanjaya saya rasa matlamat untuk mewujudkan suruhanjaya sudah tentu tidak ada maknanya sama sekali.

Apa yang digariskan di bawah rang undang-undang ini dicadangkan sama juga seperti rang undang-undang yang menyebut tentang cadangan penubuhan suruhanjaya, mewujudkan jawatan-jawatan dan jawatan ini sudah tentu memerlukan satu belanjawan khas pula untuk menampung jawatan-jawatan tertentu.



Ini sudah tentu tidak dapat kita lari daripada hakikat cadangan yang ada di tangan kita pada hari ini. Dalam masa yang sama kita juga tidak boleh asingkan seperti rakan saya dari Kuala Kedah tadi pun sebut beberapa perkara. Kita juga tidak boleh hendak mengasingkan tugas yang pernah diberi kepada organisasi perkhidmatan pos iaitu pada tahun 2009 menjadi agen untuk membayar balik bayaran atau bayaran tunai kepada pengguna-pengguna jalan raya atas sebab menggantikan bayaran cukai jalan untuk satu tahun.

Saya rasa adalah lebih baik untuk memberitahu Dewan sehingga pada tamat tempoh yang ditetapkan pada tarikh itu, berapakah jumlah yang tertanggung yang kita tidak berjaya untuk agihkan kepada pengguna. Ini kerana kita menjanjikan bahawa ini adalah salah satu kaedah kerajaan menyusun semula subsidi dan subsidi ini di terjemah dalam bentuk kita memberi semula ataupun memulangkan semula wang-wang orang ramai, rakyat Malaysia yang membayar cukai jalan pada tahun itu.

Kita hendak tahu kerana perkhidmatan pos telah diberi tanggungjawab ini, amanah ini untuk melaksanakan program itu seboleh-bolehnya sebelum wujudnya fungsi suruhanjaya ini kita juga hendak tahu rekod satu amanah yang diberi. Sebenarnya tidak kena mengena sepatutnya dengan perkhidmatan pos, cukai jalan semua itu tidak ada kena-mengena tetapi mereka diberi tanggungjawab itu dan telah dilaksanakan pada tahun 2009 dengan satu jumlah.

Saya ada *figure*nya tetapi tidak perlu saya sebut di sini cuma hendak tahu setakat mana kejayaan dan apakah baki ataupun lanjutan daripada program yang kita minta tadi? Saya juga hendak tahu fungsi suruhanjaya yang bakal kita bentuk ini adakah juga menggariskan tentang kerjasama ataupun mungkin adanya komersial *cooperation* di antara beberapa syarikat servis asing seperti *Federal Express*, *Courier Service* dan berbagai-bagai lagi, berpuluh-puluh lagi jenis nama ataupun tanda nama mengendalikan urusan perkhidmatan yang sama ini.

#### ■ 1520

Apakah cadangan suruhanjaya ini untuk sekurang-kurangnya melihat nama baik ataupun *goodwill* dengan izin, perkhidmatan Pos Malaysia ini tidak akhirnya hilang begitu sahaja. Mungkin boleh diambil alih atau diusahakan untuk dimakan juga oleh – dalam istilahnya oleh syarikat-syarikat asing. Kita ada banyak aktiviti perbankan kita yang mengalami nasib yang sama, Bank Bumiputera Malaysia Berhad satu masa dahulu disebut tidak mungkin hilang *goodwill* nya tetapi sampai sekarang kuburnya pun tidak ada nisan. Banyak perkara lain yang kita boleh sebutkan tetapi saya cuma hendak sebagai langkah untuk melihat keazaman kementerian, lahirnya atau kita luluskan suruhanjaya ini adakah suruhanjaya juga mengambil inisiatif ke hadapan untuk melihat Pos Malaysia yang orang kata antara perkhidmatan yang tertua dalam negara kita yang menjadi lambang kemegahan negara kita tidak hilang juga seperti perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Saya melihat dalam huraian ada perkara (c) dan (h). Perkara (c) ini Tuan Yang di-Pertua disebut, “*untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan pos.*” Saya rasa teruja jugalah untuk dengar menjadi tumpuan dunia bagi perkhidmatan pos maknanya Malaysia. Barangkali selepas suruhanjaya ini dibuat inilah antara fungsi suruhanjaya, hendak menjadikan perkhidmatan pos di Malaysia ini tumpuan dunia. Ini digariskan bawah rang undang-undang ini. Selain itu juga dikatakan memastikan persaingan yang adil di kalangan pihak-pihak yang terlibat termasuk pelanggan. Dalam perkara mengatakan sebagai pusat tumpuan dunia bagi perkhidmatan pos, saya hendak tanya pandangan ataupun mungkin penjelasan rancangan kementerian, kita tidak dapat tolak sistem yang ada, yang *outreach*, dengan izin, yang ada dalam perkhidmatan pos ini. Memang ceruk mana pun dia boleh sampai. Lebih pada 10,000 wakil pos, mini pos, pejabat pos, di ambil semua apa ejen-ejen yang berkait dengan aktiviti pos ini di seluruh Malaysia lebih pada 10,000.

Jadi, infrastruktur yang telah pun sedia ada di lapangan ini, apakah ini menjadi aset asas kepada suruhanjaya untuk mempertingkatkan ataupun membuka kepada elemen kemasukan baru ataupun pelaburan baru untuk mengembangkan sistem perkhidmatan pos di negara kita. Berdasarkan pada rungutan yang kita dengar semuanya mengatakan aktiviti-aktiviti ini kian malap ataupun mati.

Semuanya kompelin, semuanya beri alasan, memberi bayangan seolah-olah perkhidmatan itu yang ada, yang menjangkau seluruh negara ini dianggap seperti tidak bermaya dan hampir menunggu masa untuk digantikan. Jadi adakah suruhanjaya ini melihat bahawa tanggungjawab ini antara yang utama, diletak atau digantung kepada suruhanjaya ini. Bolehkah suruhanjaya? Wajarkah suruhanjaya memainkan peranan? Sedangkan saya rasa atas status suruhanjaya ini dia cuma menyelia seperti juga suruhanjaya-suruhanjaya yang lain. Tanggungjawab ini tidak kepada satu badan yang akan ditubuhkan selepas kita luluskan rang undang-undang ini.

Jadi, rungutan ini tidak nampak macam ada justifikasinya sebagai penyelesaian. Saya juga tidak mahu berselindung, rasa ragu saya di sini, penubuhan suruhanjaya ini mempunyai satu maksud lain yang sangat bernilai komersial. Saya tidak dapat menyembunyikan rasa hati saya untuk menyebut perkara ini. Saya merasakan ada satu pertimbangan komersial yang sangat tinggi untuk kita ambil kira sekarang kerana rangkaianannya, infrastrukturnya yang sudah tersedia. Kenapa kita tidak daya upayakan infrastruktur ini. Kenapa kita hendak buat satu suruhanjaya barangkali selepas ini baru kita tengok. Oleh sebab itu saya kata pertimbangan komersial.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, kita tahu yang pejabat-pejabat pos, wakil-wakil pos, pos mini ada 12 yang dinyatakan bawah seksyen 24 – maaf enam tetapi diterjemahkan dalam bahasa Inggeris. Di seluruh negara menjadi sumber kepada masyarakat pendalaman sekurangnya kawan-kawan kita di sebelah Sabah dan Sarawak ada menyebut tadi menjadi medium sekurang-kurangnya. Itulah tempat kita belajar menyimpan wang, menabung apa sahaja yang berkaitan dengan asas pengendalian kewangan ataupun pentadbiran kewangan di peringkat kampung ataupun peringkat luar bandar.

Saya rasa sepatutnya kita menumpukan kepada meningkatkan keupayaan infrastruktur yang telah tersedia. Tidak pernah saya dengar cadangan pejabat pos atau kementerian mengatakan ataupun mengambil peluang untuk memberi ataupun menawarkan lesen-lesen seperti perkhidmatan kewangan yang berasaskan Islam kepada pos-pos yang bertaraf seperti mini pos, pejabat pos dan sebagainya, diletakkan lambang di situ. Kenapa *Western Union* boleh kita usahakan untuk masuk ke kawasan pendalaman untuk tujuan penghantaran wang, pengiriman wang dan penerimaan wang. Akan tetapi kita melupakan satu jenama yang cukup baik untuk kita labelkan di situ iaitu pejabat pos mini juga diberi pengiktirafan sebagai pengendali urusan kewangan yang berlandaskan kewangan Islam sekurang-kurangnya untuk penyimpanan wang, pengiriman wang ataupun apa sahaja yang berkaitan dengan kemudahan.

Walaupun dari segi skalanya agak rendah tetapi dia menyeluruh dan kita tahu di kawasan pendalaman, luar bandar yang akan menggunakan perkhidmatan ini sudah tentu kebanyakannya orang-orang Melayu Islam bumiputera yang duduk di luar bandar. Di bandar memang cukup dengan sistem yang agak baik secara elektronik dan sebagainya. Begitu juga saya teringat Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyebutkan tentang aktiviti gadaian yang dikatakan ada satu produk yang dibawa berkonsepkan perkhidmatan halal *Ar-Rahnu* disebut. Bank Rakyat pun bawa perkara yang sama. Kenapa pejabat pos yang berurusan atau letak di kawasan-kawasan pendalaman tidak mengambil kesempatan ini untuk menyatakan mereka juga mampu membawa pakej atau produk yang boleh ditawarkan atau urusan untuk membantu masyarakat di luar bandar dalam kes-kes seperti kalau mereka terpaksa menggunakan khidmat gadaian.

Sekurang-kurangnya kita ada produk yang boleh kita tawarkan, mereka tidak payah pergi ke bandar ataupun ke kawasan-kawasan yang jauh daripada tempat tinggal mereka dan pejabat poslah atau wakil-wakil poslah menjadi alternatif atau pilihan yang terlalu dapat dengan mereka. Akan tetapi kita tidak tawarkan perkara ini. Tidak ada usaha untuk ditawarkan. Dalam rang undang-undang ini juga tidak dinyatakan sebab saya katakan rang undang-undang ini memang memfokuskan dan menumpukan kepada penubuhan suruhanjaya, bukan menumpukan kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain yang hendak ditawarkan pada masyarakat terutamanya di luar bandar.

Ini yang menjadi agak menghairankan saya, kenapa kita tidak ambil kesempatan ini untuk dibentangkan atau dinyatakan dengan terang kepada Dewan sekurang-kurangnya kita beri pilihan kepada seluruh rakyat di negara kita yang medium ataupun infrastruktur yang sedia ada, kita menambahkan keupayaan ia untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat. Bukan hanya kita nanti dituduh atau diberi ulasan semata-mata untuk menumpukan pada nilai komersial. Nilai yang boleh mendatangkan keuntungan. Ini tidak sama sekali kita tolak sebab dunia hari ini memang melihat bahawa perkhidmatan ini bukan lagi perkhidmatan yang bersifat domestik semata-mata, ada yang perkhidmatan rentas sempadan.

Ada dua-tiga perkhidmatan antarabangsa yang sedang menunggu peluang untuk barangkali bergabung, untuk mengambil-alih, membeli saham ataupun menyuarakan pandangan, menawarkan kepada kita dalam bentuk apa sahaja.

■ 1530

*Exercise* ini ataupun cadangan ini telah pun agak jelas kita nampak dan saya yakin pihak kementerian juga nampak potensi ini tetapi saya bawakan hasrat selain daripada tidak salah untuk menumpukan pada nilai komersial yang begitu tinggi ini, tidak rugi juga kalau kita melihat perkhidmatan yang boleh yang sedia ada ini kita boleh peringkatkan untuk tujuan memberi kematangan kepada rakyat dan saya sudah tentu pada masa ini saya memilih untuk memberikan perkhidmatan ataupun meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat di kawasan pedalaman sekurang-kurangnya seperti dirungutkan oleh kawan-kawan kita, lebih besar daripada menumpukan kepada meraih ataupun cuba untuk mendapatkan keuntungan atau menumpukan kepada keuntungan yang besar semata-mata. Saya harap pertimbangan ini dilihat dan saya juga menunggu penjelasan di atas perkara beberapa isu yang saya bawakan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Padang Terap dan selepas itu Yang Berhormat Sungai Petani dan selepas itu Menteri menjawab.

3.31 ptg.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi ta'ala wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan satu akta yang akan menggantikan Akta Perkhidmatan Pos 1991.

Ada beberapa soalan yang saya ingin bangkitkan dalam satu industri perkhidmatan pos yang cukup dekat di hati rakyat dan membabitkan bagi saya satu industri yang lebih menawarkan satu bentuk tanggungjawab sosial sebenarnya kepada rakyat terutamanya di peringkat pedalaman.

Kita meneliti dan juga kita mengikuti perkembangan pos ini daripada Jabatan Pos sampailah kepada penubuhan ataupun kewujudan POS Malaysia sampailah kepada kerugian ratusan juta yang disebutkan dalam Dewan Parlimen ini sesi-sesi lepas dan juga sampai kepada negara kehilangan pegangan yang sangat strategik dengan penjualan Khazanah kepada DRB Hicom, yang bagi saya ini suatu isu yang cukup besar dan perlu diberikan perhatian. Saya ingin membangkitkan apakah sebenarnya yang terjadi kepada *golden share*, saham emas yang dimiliki oleh kerajaan dalam perkhidmatan pos terutamanya dalam POS Malaysia. Selepas daripada kewujudan ataupun akta ini yang akan diluluskan oleh Dewan pada petang ini, saya ingin bertanya adakah dalam konteks POS Malaysia kita sudah kehilangan satu pegangan yang strategik dengan 21 peratus sudah dimiliki oleh DRB Hicom.

Apa yang bakal terjadi kepada tanah-tanah yang sebelum ini, hartanah yang nilainya bagi saya besar nilainya, yang berada di tengah-tengah bandar yang sebelum ini diluluskan oleh kerajaan melalui akta-akta yang kita wujudkan sebelum ini. Adakah ia akan menjadi milik kepada korporat, milik kepada pihak swasta ataupun dikembalikan semula kepada rakyat.

Kalau kita hilang tanah-tanah yang strategik yang bernilai tinggi ini bagaimana lagi mungkin ia akan kembali semula kepada kerajaan kecuali membelinya mungkin pada masa-masa yang akan datang dengan harga yang lebih mahal dan bukan lagi seperti yang baru sahaja berlaku transaksi pada bulan April 2011 kalau tidak silap saya apabila Khazanah sudah pun memberikan laluan kepada swasta untuk menguasai POS Malaysia.

Soalan yang kedua Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak bangkitkan, ini yang berkaitan dengan adakah akta ini dengan penubuhan suruhanjaya yang kita hendak bincang selepas daripada ini, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota yang membabitkan juga implikasi kewangan, apabila ditubuhkan suruhanjaya ada pegawai-pegawai, ada kewangan yang perlu diperuntukkan di dalam bajet-bajet perbekalan kita selepas daripada ini, adakah ini salah satu daripada apa yang disebutkan sebagai liberalisasi yang berlaku di dalam perkhidmatan pos itu sendiri yang selepas daripada ini kalau kita lihat akta yang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan industri perkhidmatan pos ini.

Adakah maksudnya selepas daripada ini syarikat POS Malaysia ini akan bersaing dengan syarikat-syarikat yang lain yang akan dikeluarkan lesen baru pula, yang sudah tentulah bagi saya akan membabitkan persoalan persaingan, yang akan membabitkan mungkin persoalan kadar cukai, kadar setem, kadar fi yang baru yang akan membebaskan rakyat selepas daripada ini. Jadi saya memohon daripada pihak Menteri untuk memberikan penjelasan persoalan ini. Liberalisasi yang akan berlaku di dalam perkhidmatan pos ini, yang akhirnya akan membabitkan atau memberikan kesan kepada rakyat kebanyakan.

Jadi itu yang kedua yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan adakah kementerian sudah ataupun mempunyai bayangan-bayangan syarikat-syarikat baru yang akan diberikan lesen-lesen yang berkaitan dengan perkhidmatan pos tadi, yang bukan sahaja melibatkan syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita bahkan dengan tujuan yang disebutkan tadi dengan huraian, yang disebutkan dalam 'C' kalau tidak silap saya tadi. Ruangan 'C' tadi, dalam huraian pertama menggalakkan objektif dasar kebangsaan industri ini, menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan pos. Adakah ini juga maksud akan memberi ruang kepada syarikat-syarikat luar negara menguasai kepentingan strategik ini, yang sudah tentulah yang dibahaskan oleh sahabat-sahabat daripada pembangkang baik daripada kerajaan yang melibatkan soal keselamatan negara kita.

Seterusnya saya ingin membangkitkan juga dalam industri yang semakin bersaing ini tentang ada satu yang disebut di dalam akta ini bagaimana ia akan melibatkan tentang pos elektronik, sekarang kita menggunakan *email* percuma. Adakah selepas semua ini akan berlaku *email-email* seperti yang didedahkan oleh kementerian sebelum ini kewujudan *My Email* yang pernah disebut oleh POS Malaysia keuntungan mereka, perolehan mereka lebih kurang RM20 juta datang daripada penghantaran dalam bentuk fizikal baik, dalam bentuk surat baik yang melibatkan kerajaan yang akhirnya ditubuhkan diberikan kepada satu syarikat, 3Q kalau tidak silap saya, yang nilainya pun puluhan juta. Adakah *email-email* ini juga akan dikawal selia oleh suruhanjaya ini dan akhirnya kita kena bayaran setiap kali kita menghantar *email* maka akan dikawal oleh suruhanjaya, kena bayar lima duit kah, sekupang kah. Jadi ini satu benda yang sangat...

Dalam industri yang bersaing ini saya lihat sudah tentu mungkin setem-setem sudah tidak lagi menjadi keutamaan, terutama setem-setem yang melibatkan surat, melibatkan poskad dan sebagainya dan mungkin bentuk baru yang akan keluar selepas daripada ini. Adakah itu juga memberi kuasa kepada suruhanjaya untuk mengawal perkhidmatan pos ini dan akhirnya juga bebannya kepada rakyat.

Seterusnya saya ingin membangkitkan tentang pekerja-pekerja yang berada di dalam industri ini, saya prihatin terhadap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah, oleh kawan-kawan kita daripada Yang Berhormat Padang Besar, yang apabila syarikat swasta menguasai mereka akan memaksimumkan *profit*, memaksimumkan untung dan pada masa yang sama meminimumkan kos yang sudah tentu industri ini boleh dibuka bila-bila masa kepada pekerja-pekerja asing yang sekarang pun apabila pekerja ini dipindahkan daripada Jabatan Pos kepada POS Malaysia yang dikorporatkan, diswastakan.

Dan akhirnya apabila mereka pencen mereka yang ada dapat RM150, RM300 duit pencen, RM450 di bawah paras kemiskinan yang ditetapkan oleh negara kita, oleh kerajaan kita. Jadi ini perlu dilihat juga, saya lihat...

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Padang Terap minta penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Isu gaji pekerja pos ini saya ada tanya soalan di dalam Parlimen dalam sesi mesyuarat yang lalu yang sebelum inilah tentang kadar perbandingan di antara gaji posmen yang paling rendah di dalam perkhidmatan pos dengan gaji pihak pengurusan yang paling atas berbanding dengan kakitangan kerajaan PAR, pekerja am rendah dengan ketua setiausaha kementerian. Jadi perbandingan itu jauh, yang CEO dalam syarikat pos ini jauh lebih tinggi daripada KSU kementerian.

■ 1540

Akan tetapi, kakitangan pos ini jauh rendah gajinya berbanding dengan pekerja am rendah. Jadi, adakah Yang Berhormat Padang Terap merasai ini beban yang ditanggung oleh pekerja-pekerja bawahan di pihak Pos Malaysia. Beri penjelasan.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Saya sebut tadi apabila dipindahkan dijadikan jabatan yang kuasai penuh oleh kerajaan dan berpindah kepada Pos Malaysia yang masih lagi dikuasai oleh kerajaan melalui *golden shares* kemudian yang akhirnya dikuasai oleh pihak swasta. Ini sudah tentulah masalah isu gaji dan elaun yang timbul ini. Apa jadi selepas daripada ini? Adakah wujud lagi skim pencen ini atau pun yang sudah dipotong separuh, apa yang berlaku sebenarnya? Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian. Begitu juga apabila membicarakan. Ramai sahabat-sahabat daripada Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Lipis sebut tadi tentang industri ini apabila berada di pedalaman, untungnya mungkin tidak seberapa.

Kawan-kawan kita bangkitkan tentang persoalan tanggungjawab sosial. Kalau duduk mungkin memang tidak untung pun kadang-kadang. Ia tidak banyak transaksi yang berlaku apabila di pedalaman ini, bukan? Adakah pihak kerajaan melalui suruhanjaya yang ditubuhkan ini mempunyai kuasa sebagai misalnya, untuk memberikan subsidi? Ada subsidi. Kita boleh beri subsidi dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain, dan adakah juga boleh berlaku subsidi kepada Pejabat Pos ini yang berada di pedalaman yang tidak mencatatkan keuntungan? Adakah boleh berlaku demikian dengan penubuhan suruhanjaya ini? Jadi, itu isu yang seterusnya.

Saya juga hendak bangkitkan tentang bila kita- saya masih lagi berurusan dengan Pos Malaysia. Masih lagi, di mini baik, di pejabat Pos Malaysia baik dan di Pejabat Pos Kuala Nerang. Saya lihat beratur panjang dengan stafnya, kakitangannya yang sedikit. Tiga atau pun dua orang tidak silap saya. Adakah kita lihat? Ini kesusahan yang ditanggung oleh rakyat bawahan. Adakah suruhanjaya boleh memberikan nasihat melalui *public inquiries* sebagai misalnya, memberikan ruang kepada rakyat untuk memberikan pandangan-pandangan, cadangan balas dan sebagainya.

Akhirnya, meningkatkan keberkesanan tanggungjawab sosial yang kita sebut yang utamanya di peringkat luar bandar tadi. Jadi, perkara-perkara lain sudah dibangkitkan oleh saudara-saudara saya tentang surat-surat yang tidak sampai dan sebagainya. Jadi, kita mengharapkan dengan adanya suruhanjaya ini akan meningkatkan lagi sistem penyampaian atau pun boleh meningkatkan lagi perkhidmatan dalam perkhidmatan Pos Malaysia. Akan tetapi yang pentingnya ialah apabila kerajaan sudah kehilangan pegangan yang strategik dalam Pos Malaysia itu sendiri dan apa yang dinamakan tadi liberalisasi yang berlaku dalam perkhidmatan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Sungai Petani, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.43 ptg.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh beberapa perkara sahaja.

Saya masih ingat lagi apabila debat yang begitu hangat diperkatakan tentang Jabatan Pos Malaysia akan diswastakan pada satu masa dahulu. Pos Malaysia mempunyai *cash reach* yang hebat. Ada pihak-pihak yang agak cemas kalau sekiranya ia diswastakan, bukan sahaja *cash* akan hilang tetapi konsentrasi pihak yang menguruskan Pos Malaysia juga akan hilang kerana ia telah pun berwajah sebagai swasta. Akan tetapi kerajaan mengatakan, "*Jangan bimbang, Pos Malaysia akan naik taraf, perkhidmatan Pos Malaysia akan jadi lebih cekap dan efisien.*" Rakyat akan mendapat manfaat yang lebih baik daripada apa yang jabatan beri. Akan tetapi jelas nampaknya hari ini, kawan-kawan di pedalaman duduk di takuk yang lama. Pos Malaysia hilang *cash* dan Pos Malaysia rugi pula lagi. Kita tidak tahu apa akan jadi. Jadi sebab itu, kita hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah yang berlaku sebenarnya? Adakah setelah kita memberikan khidmat ini kepada satu kumpulan orang yang *so called* profesional dan *business minded*.

Akhirnya, bukan buat duit tetapi hilang duit, di mana silapnya? Itu yang pertama. Kedua, adakah syarikat hilang fokus? Sepatutnya ia fokus kerja-kerja dalam perniagaan yang ada kaitan dengan pos dan mengepos. Kalau pun dia ambil perniagaan-perniagaan, mestilah ada sinerginya. Saya setuju bahawa ada kawasan-kawasan pedalaman yang memerlukan perkhidmatan yang berbagai. Kita lihat POS Malaysia buat macam-macam. Dia jual insurans, bayar bil pun dia boleh terima dan macam-macam. Baguslah! Akan tetapi ada atau tidak lagi benda-benda yang dia laburkan, akhirnya tidak sangkut paut pun dengan hal-hal yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat yang menyebabkan sepatutnya pekerja-pekerja atau kakitangan yang bekerja tungkus-lumus dan sanggup berkorban kerana tidak mendapat gaji yang besar kerana mengharapkan syarikat maju tetapi syarikat melabur di tempat yang lain yang tidak bersangkut paut dengan perniagaan mereka. Akhirnya, bila rugi, yang menderita ialah kakitangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat yang keduanya ialah tentang *corporate social responsibility* ini. Betul, Pos Malaysia ingin maju dan buat macam-macam *business* tetapi juga Pos Malaysia tidak boleh melepaskan tanggungjawab sosial. Terdapat banyak kawasan-kawasan di luar bandar khususnya, tahap kedudukan perkhidmatan mereka masih pada tahap yang lama. Walau pun berbagai-bagai usaha telah dilakukan tetapi nampaknya tidak menampakkan kecemerlangan. Saya hendak beri sebagai satu contoh. Di uar-uar pos laju hantar hari ini, esok sampai. Hah! hantar hari ini, esok sampai ini Yang Berhormat Sri Gading. Akan tetapi saya ada satu rekod ini...

**Beberapa Ahli:** Dijamin sampai.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Hah! Jamin sampai dia kata. Hantar hari ini dijamin sampai esok. Akan tetapi ada satu kes nombor rujukan LG132520328MY hantar pada 3 hari bulan tetapi 6 hari bulan baru sampai. Ia makan masa walhal dalam Malaysia itu Yang Berhormat Sri Gading, bukan pergi Siam pun. Ia di Malaysia. Ini satu contoh...

**Seorang Ahli:** Sampai?

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Sampai itu sampailah. Ia langkah pergi Padang Besar itu.

**Dato' Seri Azmi Khalid [Padang Besar]:** Tidak, ia pergi Sungai Petani melalui Patani, Thailand.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Hah.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, sedangkan syarikat-syarikat *courier* yang lain ini sedang melabur, syarikat-syarikat *courier* antarabangsa sedang masuk dan mencuri perniagaan sedangkan Pos Malaysia ada rangkaian segala-galanya. Pandang kita lihat posmen kita pakai baju *multicolor*. Cantiklah dengan motor merah dan baju. Pandang sini kereta Pos Malaysia dengan *multicolor*, cantik. Akan tetapi kalau hantar pos laju 3 hari bulan ke Ketereh sampai 6 hari bulan, oh, beratlah ini. Maknanya, ini membuka ruang kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang lain. Kita lihat sama ada *courier-courier service* yang lain pula yang membuatkan perniagaan demi perniagaan dan makan peluang-peluang yang ada. Saya tidak tahu di mana sebab itu kita hendak tanya Yang Berhormat Menteri apa yang sebenarnya berlaku.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Silakan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Sungai Petani, pertama sekali saya melihat Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 biasanya kalau kita hendak buat suruhanjaya, akta itu pun namanya akta suruhanjaya. Akan tetapi di sini ia pakai nama perkhidmatan. Itu pun bagi saya kalau kita tidak baca isinya kita akan salah faham, satu. Adakah bermaksud apabila kerajaan memutuskan untuk menubuhkan suruhanjaya, ia telah menukar dasar bahawa dia hanya hendak menjadi, kita panggil *regulator* dan bukan lagi orang menyediakan perkhidmatan, itu satu, sebab tadi Yang Berhormat Sungai Petani menanyakan sama ada apa masalah-masalah kapasiti atau masalah tidak mampukah? Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Kedua, saya takut apabila benda ini ia hanyalah *regulator*, yalah jadi ia akan mengeluarkan lesen-lesen kepada pihak-pihak swasta untuk melakukan. Saya beri contoh hari ini. Mungkin perkhidmatan selepas ini mungkin akan menjadi makin baik. Kita bersangka baik tetapi saya akan lihat selepas ini orang yang akan mampu bekerja selama 24 jam tanpa henti ini seperti cerita-cerita kedai mamak nasi kandar 24 jamlah. Orang kampung hendak kerja di situ dengan gaji yang sedikit, dia tidak boleh. Jadi, terpaksa ambil pekerja asing.

#### ■ 1550

Kita tengok banyak apabila kita terlibat, kita hendak *print* dalam industri *printer*. Syarikat-syarikat *printer* kalau kita pergi tidak jauh daripada Kuala Lumpur ini yang bekerja sehingga siang malam semua pekerja asing. Orang ini sahaja yang boleh bekerja dengan gaji sedikit selama 24 jam. Jadi, kerja-kerja perkhidmatan ini esok saya takut nanti akan mengganggu gugat peluang pekerja-pekerja anak tempatan yang rata-rata merupakan salah satu pilihan. Jadi, saya rasa mohon Yang Berhormat Sungai Petani melihat aspek ini juga.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Saya juga mempunyai perasaan yang agak gusar dan risau seperti Yang Berhormat Indera Mahkota tadi. Ada terselit di dalam jiwa saya di mana salahnya? Ada sesuatu yang tidak kenakah kita ini sebab itu kita mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberikan penjelasan setulusnya serta terbaik untuk kita sendiri yakin bahawa apabila kita luluskan rang undang-undang ini bahawa bukan sahaja perkhidmatan tetapi juga aset negara ini berada dalam keadaan yang kita rasa yakin apa yang kita lakukan ini benar. Ya, Yang Berhormat Padang Besar.

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** Boleh saya? Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada sahabat saya dari Sungai Petani tadi. Satu lagi sebagai hendak membantu menokok tambah, antara aset kekuatan pos adalah kepercayaan rakyat kepada khidmat pos. Kalau kita masih ingat dahulunya orang simpan wang di *post office*.

Ada keluarga saya yang tidak yakin kepada bank bahkan simpan wang di *post office*. Itu adalah satu kekuatan yang besar. Namun hari ini saya ingin meminta pendapat Yang Berhormat kemungkinan juga dapat perhatian daripada pihak kerajaan. 40 peratus daripada rakyat masih tinggal di luar bandar. Bagaimana dengan penghantaran wang daripada anak-anak di bandar ke kampung-kampung.

Kalau dahulunya banyak *post office* di kawasan-kawasan luar bandar, di pekan-pekan kecil. Akan tetapi sekarang ini kalau dengan perubahan yang dicadangkan ini, adakah Yang Berhormat bersetuju agar *social responsibility* ini, tanggungjawab sosial ini dikembangkan, diperlihatkan ke arah begitu agar perkhidmatan ini dapat terus dinikmati di luar bandar? Terima kasih.

**Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]:** Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat. Selalu posmen datang rumah kita dia bawa tinggi-tinggi kita punya dokumen datang ke rumah sama ada posmen biasa atau pun posmen laju. Saya pernah berbincang atau pun berborak dengan dia orang. Saya kata berapa gaji *you* ini. Dia beritahulah gaji tetapi gaji amat rendahlah Tuan Yang di-Pertua, amat rendah.

Saya katakan adakah ini tanggungjawab atau ini ialah kerja pertama yang *you* minta dan kalau ada pilihan lain *you* minta. Dia kata Tuan Yang di-Pertua kalau ada pilihan lain, hari ini juga saya berhenti kerana memang tidak cukup. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Padang Besar tadi dan saya juga minta dan lihat isu ini dengan lebih mendalam kerana kalau mereka yang menjadi posmen ini memilih jawatan ini sebagai yang terakhir kerana seolah-olah macam tidak ada kerja lain dah bayangkanlah bagaimana dia punya *mood*, dia punya sayang jawatan ini kerana kebajikan mereka amat terabai.

Banyak kawan-kawan telah sebut tadi bukan sahaja *allowance* yang amat rendah tetapi keadaan kerja mereka yang amat tidak selesa apatah lagi di kawasan-kawasan dalam bandar ini yang cukup amat tidak selesa kawasan dia.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat soal kebajikan pekerja-pekerja ini. Di samping posmen, saya tengok kalau di *headquarters* itu mungkin cantiklah tetapi ada pos-pos yang kecil, kawasan-kawasan yang agak *semi urban*, pekan-pekan kecil kawasannya agak padat dengan orang *queue* seperti di Padang Terap dan lain-lain. Kerani itu terpaksa buat lima hingga ke belas-belas kerja. Saya tengok tangan bukan sahaja dua. Empat, lima macam-macam tangan dia bergerak dengan keadaan gaji yang tidak seberapa kalau dibandingkan dengan kawan-kawan, atau teman-teman mereka yang lain dan agensi kerajaan ataupun syarikat swasta yang lain.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua kita melihat bahawa rang undang-undang ini kalau diluluskan hendaklah mengambil kira semua yang kita sebut kerana akhir sekali bukan sahaja rakyat mesti mendapat yang terbaik daripada undang-undang yang akan kita luluskan ini tetapi juga kebajikan mereka yang akan mendukung peranan yang akan dimainkan juga mesti dilihat sungguh-sungguh sebab akhirnya semua pihak mendapat manfaat daripada undang-undang ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila.

### 3.55 ptg.

**Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]:** *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua saya dahului dengan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011.

Memulakan pembukaan jawapan ini Tuan Yang di-Pertua saya berterima kasih khas kepada Yang Berhormat Kuala Kedah sebab beliau seolah-olah mengetahui apa pemikiran di pihak saya. Misalnya beliau berkata, "*Yang Berhormat Menteri mungkin dalam keadaan ditelan mati emak, diluahkan mati bapa*" Jadi hendak menjawab itu, saya membuat provokasinya "*Ya tidak ya, kulum sahaja*".

Memang sukar bagi saya menjawab semua soalan ini oleh kerana sebahagian daripada perbincangan ini menjurus kepada hati nadi perkhidmatan kita. Jadi, saya mulai dengan pernyataan bahawa kami akan cuba sedaya upaya mengubah beberapa prinsip dan juga cara serta pelaksanaan jabatan yang dinamakan Pos Malaysia ini dalam suasana yang betul. Sebelum saya pergi jauh Tuan Yang di-Pertua, saya suka membetulkan satu konsep atau pun membetulkan *miss* konsepsi salah faham khususnya Yang Berhormat dari Indera Mahkota yang mengatakan bahawa ini adalah perwujudan satu suruhanjaya baru.

Kalau dilihat Ahli Yang Berhormat daripada akta ini khususnya pada takrifnya, kita jelas di situ tidak ada suruhanjaya baru. Suruhanjaya yang ada ialah suruhanjaya yang berkaitan dengan komunikasi dan tahun 1998. Jadi, ingin saya menyebutkan di sini takrif itu adalah untuk memberi kita penjelasan dan bahasanya yang digunakan adalah suruhanjaya ertinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

Jadi, tidak ada suruhanjaya baru. Cuma suruhanjaya yang ditakrifkan itu menjalankan tugas pengawasan dan penentuan hak-hak serta perkhidmatan yang lebih baik.



Jadi, dengan pembetulan sedikit keadaan itu saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan juga cadangan-cadangan yang saya anggap sangat bermanfaat. Terima kasih khusus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Balik Pulau, Sungai Petani, Padang Terap, Indera Mahkota, Padang Besar, Tuaran, Pendang, Kuala Kedah, Kuala Krau, Lipis, Kapit juga Tawau dan seterusnya PJ Selatan, Hulu Langat, Lenggong, Lipis sekali lagi, Sri Gading, Baling, Sibuti, Ledang, Pasir Salak, Pasir Mas, Arau dan Selayang.

Mungkin ada satu dua nama sewaktu mencelah tadi saya tidak dapat mencatat tetapi *insya-Allah* jawapan-jawapan yang akan saya berikan ini dapat hendaknya meleraikan perasaan dan juga sentimen yang telah dikemukakan.

Yang Berhormat Selayang mengemukakan hal berkaitan dengan penswastaan yang beliau duga membebankan rakyat dan menjejaskan perkhidmatan di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ini dikatakan akan hanya menyalurkan kepada keadaan mencari keuntungan. Sukacita kita memaklumkan iaitu memang betul tujuan syarikat adalah sebahagian besar daripadanya menokok pendapatan kewangan dan menjana keuntungan bagi pemegang-pemegang saham.

#### ■ 1600

Namun keuntungan ini adalah Tuan Yang di-Pertua untuk kebaikan semua dan ia disalurkan kepada pelbagai perkhidmatan sama ada yang telah diumumkan ataupun yang sedang disusun untuk dilaksanakan menerusi fungsi dan kuasa-kuasa baru ini. Misalnya penambahan nilai dari penswastaan telah menampung pelantikan 400 posmen komuniti di Sabah dan Sarawak. Angka ini telah ditokok baru-baru ini dan kini sebanyak dua juta penduduk telah beroleh nikmat penghantaran surat-surat ke rumah-rumah, rumah desa, rumah panjang dan sebagainya. Dahulunya mereka terpaksa datang ke apa yang disebut sebagai pusat pungutan surat. Ini amat menyukarkan kehidupan mereka.

Selain daripada itu Pos Malaysia juga sedang meneliti pelbagai jurusan ke arah kebajikan yang akan dilaksanakan setelah rasminya penubuhan kuasa-kuasa dan saluran urusan tersebut. Yang Berhormat Selayang juga bertanyakan tentang perkara yang berhubung dengan tanah milik pos Malaysia dan sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat juga bertanyakan tentang aset tersebut. Salah satu daripadanya yang dikaitkan dengan Brickfields, di samping ditanyakan apakah manfaat yang akan diperolehi oleh kerajaan. Perkara ini masih dalam perbincangan sebenarnya dengan pihak-pihak berkuasa dan tidak sekali-kali aset ini terus diambil alih begitu sahaja. Sebab penilaian sedang dilaksanakan dan usaha cermat telah diminta malah diarah, supaya tidak ada perkara-perkara yang boleh menjurus kepada penyalahgunaan kuasa ataupun cara-cara yang menimbulkan persoalan yang tidak nanti dapat kita pertanggungjawabkan.

Seterusnya perkhidmatan pos dirasakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak harus diwartakan dan tidak harus diswastakan sedemikian. Akan tetapi soal ini sudah pun kita putuskan semenjak tahun 1992 dan ianya telah berjalan sekian lama. Walaupun tidak begitu ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat yang memberi penghargaan kepada khidmat pos. Namun ianya masih merupakan salah satu daripada perkhidmatan awam kita yang sepatutnya kita juga beri sedikit kredit. Oleh kerana ia telah menukar beberapa prasarana dan juga kemudahan untuk masyarakat kita. Ditanyakan seterusnya bagaimana kadar setem dapat dikawal oleh SKMM iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia?

Jawabnya ialah rang undang-undang ini memberi prinsip-prinsip yang jelas untuk diikuti dan pemegang lesen seterusnya perlu mengiktirafnya menentukan kadar perkhidmatan yang ditawarkan seperti yang terkandung di bawah seksyen 36 dan seksyen 37. Saya percaya Ahli Yang Berhormat telah pun membaca peruntukan itu dan dengan kuasa legislatif sedemikian kita akan dapat mengatasi soal-soal kenaikan ataupun lebihnya harga yang dikenakan kepada bahan ataupun khidmat...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Menteri...

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Tentang harga setem dan pos...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Menteri, Yang Berhormat Balik Pulau sedikit Menteri berkaitan dengan lesen.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Izinkan saya meneruskan dahulu sebab banyak soalan yang perlu kita terangkan. Menurut fasal 100(h) Tuan Yang di-Pertua, ada kuasa di situ untuk membuat peraturan-peraturan yang menetapkan fi dan caj. Saya sesungguhnya amat sensitif terhadap kenaikan kos ataupun rakan-rakan di kementerian berpandangan sedemikian juga. Oleh itu satu panel harus kita wujudkan termasuk pengamal-pengamal yang mewakili *courier* atau industri kurier penghantaran bungkusan surat dan lain-lain, supaya menentukan bahawa kadar yang dikenakan ini hendaklah mendapat maklum balas dari persatuan pengguna dan juga daripada badan-badan yang bertanggungjawab terhadap kepentingan awam kita.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya Yang Berhormat Pasir Mas. Beliau mengimbangkan menerusi pertanyaan sesudah Pos Malaysia diswastakan, apakah kerajaan masih lagi memegang *golden share*, dengan izin? Jadi dengan pertanyaan itu sekali gus dapat dijawab. Kerajaan menerusi badan Menteri Kewangan yang diperbadankan MKD memegang *golden share* atau saham keemasan itu. Satu saham pada satu ketika dahulu dan telah tertakluk di bawah tataurusan Syarikat Pos Malaysia di bawah memorandum dan artikel yang telah diterima pakai setakat ini. Namun dengan penjualan saham Pos Malaysia kepada DRB-HICOM oleh Khazanah kuasa MKD sebagai pemegang saham keemasan itu ditukarkan kepada pelantikan *director* ataupun pengarah-pengarah mengikut dua ahli lembaga yang ditentukan di bawah memorandum berkenaan.

Jadi dengan kuasa tersebut dianggarkan oleh Khazanah bahawa pegangan dan juga bimbingan itu terus-menerus dapat dilaksanakan. Tentang setem kepada hari raya atau setem untuk hari raya yang diunjurkan oleh beberapa pihak termasuk Yang Berhormat Pasir Mas juga. Kenapa ia dinaikkan dari 30 sen ke 50 sen? Ini harus saya bawa ingatan kita sedikit kepada zaman lampau. Harga setem 30 sen telah kekal selama hampir 20 tahun. Jadi dalam tempoh hampir 20 tahun itu telah dibuat perkiraan dan dibandingkan dengan Thailand serta negara-negara ASEAN. Maka dibawa kepada penentuan dan juga pertimbangan kerajaan bahawa sampai masanya pada ketika itu. Kita meninjau dan menimbang semula harus dinaikkan kadar tersebut mengikut kadar yang telah pun kita hormati setakat ini.

Yang Berhormat Pasir Mas terus menanyakan siapa yang menentukan pengeluaran setem dan tema-temanya? Sebenarnya ada tiga pihak. Pertama ialah kementerian sendiri, kedua setelah dicadangkan oleh SKMM iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan ketiga perkhidmatan pos sendiri. Jadi ketiga-tiga pihak ini bermuafakat dan sekiranya ada dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahukan sesuatu tema itu dijadikan sebagai lambang setem ini pun boleh diterima, bukan ditentukan oleh seorang atau satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu kerajaan mengenakan Pos Malaysia dalam kerugian katanya, bagaimana ini berlaku? Saya suka menerangkan secara khusus iaitu satu penjelasan yang diasingkan antara pengurusan dengan apa yang didakwa sebagai kerugian. Pos Malaysia tidak pernah mengalami kerugian operasi semenjak Pos Malaysia dikorporatkan tahun 1992. Cuma yang disalahfahamkan di sini ialah pada tahun 2007 Pos Malaysia melaksanakan apa yang disebut sebagai dengan izin, *capital repayment* atau pembayaran semula atas *capital* ataupun wang taruhan yang asal dan pegangan aset yang asal.

Sebanyak lebih kurang RM800 juta iaitu wang tunai dari *capital reserved* atau rizaban kapitalnya dan telah dibayar kepada pemegang-pemegang saham Pos Malaysia. Setelah dipersetujui oleh pemegang-pemegang saham pos sendiri dalam satu Mesyuarat Agung pada tahun 2007. Itu sahaja muslihatnya dan di atas *capital repayment* tersebut ia adalah satu proses korporat yang biasa. Dengan keadaan sedemikian tidak harus dianggap bahawa Pos Malaysia mengalami kerugian dalam erti kata biasa.

Tuan Yang di-Pertua isu tersebut disusul dengan 1Desa 1Pejabat Pos, yang dipohon. Suka kita menerangkan bahawa di bawah strategi Pos Kebangsaan menjadi sasaran Pos Malaysia...

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Minta maaf.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Bahawa pejabat pos dipertanggungjawabkan untuk sekitar...

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Boleh saya...

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Nisbah 1:22,000 penduduk dan menjelang tahun 2014, nisbah 1:14,000 penduduk. Diharapkan dengan unjuran ini kita akan dapat satu pertumbuhan yang realistik bagi khidmat masa hadapan kita.

Yang Berhormat Ledang seterusnya meminta diambil kira tentang perkhidmatan pos di luar bandar...

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Minta maaf, boleh saya minta izin?

#### ■ 1610

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** ...Dilaksanakan dengan cekap dan tidak memberi satu caj yang mahal atau merugikan syarikat pos. Tunggu sekejap. Rang undang-undang ini telah mengambil kira kepentingan rakyat tanpa mengira faktor geografi sebenarnya.

Oleh itu, menjadi tugas pemegang lesen perkhidmatan sejagat yang mana disebut USO dan dalam undang-undang ini disebut perkhidmatan sejagat dan ia merupakan salah satu daripada sebab musabab rang undang-undang ini dibawa dan untuk dipohon kelulusannya. Lantaran itu, berlaku adil dengan pemegang-pemegang lesen mestilah dilaksanakan. Rang undang-undang ini perlu memberi Kumpulan Wang Perkhidmatan Pos, satu tumpuan yang baru dan di bawah peruntukan tersebut, diharapkan beberapa pembaharuan baru dapat kita laksanakan. Ahli Yang Berhormat sesungguhnya memang dipelawa untuk diberi teguran terus menerus selepas ini di atas kualiti perkhidmatan mereka.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Pohon penjelasan sedikit. Mana satu? Saya menghormati Yang Berhormat Padang Besar, Yang Berhormat Padang Besar bangun, sebab saya...

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak mempersoalkan kewajaran dari segi terminologi korporatnya memang *capital repayment* dan sebagainya. Pos mempunyai *reserve* yang besar, RM800 juta. Niat dia adalah untuk membangunkan tanah-tanah yang banyak dalam negara khususnya sebidang tanah yang terbesar di Kuala Lumpur miliknya dengan tujuan untuk membesarkan kekuatan dan juga *capitaliz*kan aset yang banyak.

Akan tetapi, keputusan dibuat untuk membayar balik modal dan sebahagiannya pergi kepada Khazanah, tetapi sebahagiannya kepada pemilik saham yang lain dan pada waktu itulah melambung saham-saham yang dimiliki oleh tuan-tuan punya lain itu. Maka, saya hendak mempersoalkan kewajaran keputusan itu pada waktu itu memandangkan keperluan-keperluan pos untuk membesarkan, adakah dengan membayar balik modal itu, sudah ada satu niat untuk mengkorporatkan pos, menjualkan pos dan kemudiannya mengatakan pos tidak ada wang?

Walhal, selalunya kekuatan syarikat adalah *reserve fund*. Ia merupakan aset. Bukanlah pemiliknya orang lain, sebahagian besarnya adalah Khazanah juga. Kewajaran untuk membayar balik itu tidak *justify*kan dengan sebaiknya. Malah, itulah rakyat melihat bahawa dengan mengeluarkan wang yang begitu banyak, ia melemahkan kekuatan pos dan akhirnya pos terpaksa dijual. Bukan saya mempersoalkan yang lain, bahkan tentang apa yang sebenarnya yang niat asal yang dilakukan begitu? Terima kasih.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** *Alhamdulillah*, kalau Yang Berhormat masih dalam Jemaah Menteri tentu sekali hal ini pun diketahui sama. Akan tetapi saya tidak ada halangan untuk menyatakan bahawa dalam sesuatu badan korporat, yang paling berkuasa ialah pemegang sahamnya. Jadi pada tahun 2007, apabila mesyuarat agung itu dilaksanakan, inilah yang di sebulat suarakan oleh mesyuarat tersebut. Jadi, dilaksanakan transaksinya. Sekiranya diarah berasingan, tentu sekali ia bercanggah dengan seksyen 36 Akta Syarikat ataupun badan yang bertanggungjawab di atas hal ehwal syarikat...

**Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Jadi, izinkan saya untuk meringkaskan Tuan Yang di-Pertua. Keadaan itu di luar kawalan mana-mana pihak kecuali pemegang saham pada ketika itu. Saya tidak dapat menjawab atau membuat dugaan apa yang terselit atau tersirat di belakang perkara-perkara yang kami sendiri tidak mengetahui pada saat itu ataupun pada masa ini. Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Padang Besar ada soalan lanjutan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri sebut Yang Berhormat Balik Pulau, jadi Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, kerisauan secara yang disimpulkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi betul. Kita lihat apa lagi kerajaan boleh pegang sebagai kita panggil *safety net*, sebagai satu garis pertahanan kepada rakyat kalau..., tadi saya faham dari segi Akta Syarikat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu. Secara asalnya, pos ini tidak ada di dalam Akta Syarikat. Itu sejarah pos. Kita yang membuatkan dia terpaksa diselia oleh Akta Syarikat. Kita yang buat pilihan tersebut. Kita itu maksud saya kerajaan, Parlimen ya? Keputusan kita, keputusan kerajaan.

Akan tetapi apabila saya melihat begitu, di peringkat itu pun kita telah membuat pilihan di mana melemahkan kuasa rakyat. Saya melihat di dalam suruhanjaya ini, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh tolong jelaskan dan bantu saya, saya lihat kita gunakan suruhanjaya untuk seliaan. Kuasanya saya rasa hanya untuk menasihati Menteri. Lesen-lesennya juga akan dikeluarkan oleh Menteri. Contohnya macam seksyen 10. Bukannya kita sentiasa buruk sangka kata Menteri terutama Yang Berhormat Jelebu ini saya rasa tidak kot, akan membuat perkara-perkara yang tidak baik, bukan begitu.

Akan tetapi apabila kita meletakkan kuasa kepada suruhanjaya, macam Suruhanjaya Komunikasi dan sebagainya, biarlah lesen-lesen itu diputuskan oleh suruhanjaya yang mempunyai lebih ramai orang untuk buat keputusan. Akan tetapi apabila kuasa dipusatkan kepada Menteri, dan suruhanjaya hanyalah menasihati, saya rasa tujuan asal menjadikan dengan izin, *decision making process* itu kepada suruhanjaya, itu agak tidak menepati tujuan kerana ia kembali kepada seorang individu. Jadi saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri kerana saya rasa sudahlah kita sudah agak pasrah dengan Akta Syarikat tadi dan mungkin Menteri di peringkat ini boleh menjelaskan siapa pemegang saham tersebut.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah didengar Yang Berhormat Balik Pulau itu, tentu sekali konsep untuk mengendalikan sesuatu kerajaan itu terletak kepada bidang-bidang yang disegmenkan menerusi undang-undang. Oleh kerana kerajaan yang berfikir masa depan dan juga cara mengendalikan SKMM selama ini pun berasas dalam pola ataupun paten seperti itu, maka diberi kuasa tersebut dan tidak lebih daripada kuasa-kuasa yang dialami atau diguna pakai oleh para Menteri lain dalam menentukan keselamatan, menentukan industri, menentukan juga hal ehwal kebajikan. Di bawah kebajikan keluarga, wanita misalnya, Menteri berkenaan diberi kuasa yang amat luas oleh undang-undang dan Dewan ini memberi kuasa tersebut. Lantaran itu, pola yang saya sebutkan tadi itu tidak berbeza daripada apa yang telah dilakukan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Saya tidak bercadang untuk bertukar-tukar banyak fikiran Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakan saya sedang menunggu untuk membawa rang undang-undang beliau. Jadi pandangan Yang Berhormat Balik Pulau khususnya dan rakan-rakan lain, *insya-Allah* saya akan ambil ingatan yang amat mendalam dan saya memahami sentimen-sentimen yang telah dizahirkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berikut adalah daripada Yang Berhormat Ledang juga...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Menteri, sikit boleh Menteri?

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Isu cuti posmen yang dicadangkan kepada lima hari. Berdasarkan hasil projek perintis yang telah dilaksanakan, maka cuti lima hari seminggu yang dilaksanakan di Melaka misalnya, telah pun memberangsangkan banyak pihak dan pelanggan masyarakat boleh menerimanya. Pihak yang telah memberi pandangan-pandangan supaya kebajikan-kebajikan yang lain perlu diberikan kepada posmen, kita sentiasa mengambil kira. Malah seperti Ahli Yang Berhormat maklum, gaji posmen kita yang dinaiktarafkan baru-baru ini sedang kita susun semula sama ada ia menepati apa yang telah digariskan sekali dengan beberapa pertimbangan kebajikan yang telah diberi ataupun sebaliknya. Jika sebaliknya, maka kami akan berunding dengan suruhanjaya supaya membantu Pos Malaysia meningkatkan lagi kebajikan yang harus diterima dan juga keadaan-keadaan pembayaran elaun yang lain.

Sebelum saya pergi menjurus kepada hal-hal lain Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Balik Pulau juga menyebut tentang gaji posmen perlu dikaji dan perlu ditingkatkan lagi. *Alhamdulillah*, ini selari kita dalam suasana untuk memperjuangkan hak yang ramai. Dengan kenaikan tarif pos baru-baru ini, pihak syarikat telah mengambil kira beberapa peningkatan dan juga hal yang memperbaiki keadaan. Gaji posmen dan kakitangan bukan eksekutif Pos Malaysia berkuat kuasa pada 1 Julai 2010.

#### ■ 1620

Gaji minimum posmen, gaji pokok untuk skala gaji terendah sekarang ialah di paras RM710 berbanding RM526 gaji pokok terendah. Sebelum kenaikan tarif, elaun khas atau COLA dinaikkan lagi sebanyak RM50 sebulan dan syarikat juga memberi insentif tambahan sebanyak RM50 sebagai elaun kehadiran untuk warga pos bukan eksekutif.

Jadi, hal-hal yang berkaitan dengan ini masih dalam pertimbangan dan juga pelaksanaan. Ada beberapa lagi elaun yang seharusnya kita teliti misalnya bayaran elaun rumah yang dikatakan sangat rendah, mesti kita atasi permasalahan tersebut. Selepas ini, satu penilaian baru akan dilihat bersama-sama dengan Kementerian Tenaga Manusia supaya apa yang dianggap sebagai pelarasan ini menepati kehendak kita, memberi kebaikan yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja pos kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ledang juga seterusnya menanyakan tentang bagaimana kementerian atau Pos Malaysia mengawal penghantaran surat yang mengandungi unsur-unsur komunisme, Yahudi, dadah dan lain-lain. Pos Malaysia tidak mempunyai sebenarnya pertukaran perkhidmatan *postal service exchange* dengan negara Israel. Jadi, soal ini tidak timbul sebagai isu setakat ini. Hal-hal yang berkaitan dengan bahan-bahan keselamatan tentu sekali jika dalam pengetahuan Pos Malaysia, ianya akan diambil tindakan dan dikecualikan daripada penghantaran. Akan tetapi, harus kita tentukan bahawa bahan-bahan ini disenaraikan dahulu menerusi peraturan dan peraturan ini akan diperbuat oleh pihak berkuasa setelah berunding dengan Kementerian Dalam Negeri, Kastam Diraja Malaysia dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Lenggong mengemukakan tentang masalah wakil pos. Sukacita kita menerangkan di sini iaitu pejabat pos mempunyai 705 sekarang; pos mini - 332; wakil pos - 123; pos bergerak - 24; dan penjual setem - 4,859 di seluruh negara. Penilaian terhadap khidmat mereka juga kita pinta daripada penghulu, ketua kampung malah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri dan apa-apa maklum balas akan kami lunaskan sekiranya setelah penyiasatan dilakukan, ianya terbukti.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan mempersoalkan tentang perpindahan pejabat pos dari kawasan perumahan ke kompleks perniagaan. Perpindahan ini dibuat atas kehendak sebahagian besar pelanggan sendiri. Jadi selepas dipindahkan, banyak maklum balas positif diterima lantaran ianya diteruskan sedemikian rupa. Akan tetapi setelah isu ini dibangkitkan, mungkin Pos Malaysia sendiri kita galakkan mereka membuat penilaian semula sama ada meletakkan pusat perkhidmatannya di kawasan-kawasan perumahan yang pesat dengan syarikat-syarikat pemasaran yang besar ataupun di kawasan-kawasan tanah yang mereka sendiri telah diperuntukkan. Sekali gus menjawab seterusnya Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Promosi untuk setem-setem baru telah dijawab tadi dan kami bersedia merekomen atau mengesyorkan kepada Pos Malaysia jika Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai grafik-grafik lain. Akan tetapi, perlu disebut di sini iaitu foto atau gambar sendiri boleh dijadikan sebagai setem dan di kalangan Ahli Yang Berhormat yang meminati khidmat ini, kita akan teruskan menjerus kepada khidmat tersebut bagi masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Tawau, sukacita saya mengemukakan pandangan beliau iaitu perkhidmatan pos katanya perlu dipertingkatkan mengikut perkembangan teknologi agar tidak terpinggir. *Alhamdulillah*, sememangnya inilah salah satu daripada masalah yang kita hadapi dengan pesatnya berlaku komunikasi SMS atau sistem mesej yang ringkas serta *email* dan *skype* serta bentuk-bentuk yang lain, penghantaran surat tradisional memang sudah menurun dan sekali gus kita dapati tidak kurang dari 25 peratus daripada nisbah yang dahulu. Ini akan menjejaskan pendapatan Pos tentu sekali. Akan tetapi dalam hal yang sama, kita harus meningkatkan perniagaan hantaran bungkusan, kurier dan juga aspek-aspek yang lain walaupun setem itu sendiri tidak mendatangkan keuntungan atau laba yang tinggi.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Pejabat pos di Selangor yang dikhuatiri oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, sukacita dimaklumkan iaitu di negeri ini terdapat 101 buah pejabat pos, pos mini berjumlah 52 buah dan wakil pos berjumlah 12 kesemuanya. Pos Malaysia sedang berusaha menambah cawangan-cawangan mengikut pertambahan penduduk dan kami sedang meneliti nanti apakah yang terjadi sebenarnya di kawasan-kawasan tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri kononnya ataupun hanya diperuntukkan dan menunggu untuk dibayar mengikut premium yang begitu tinggi kepada kerajaan negeri. Sekiranya premium yang tinggi itu dikenakan, tentulah Pos Malaysia tidak mampu untuk mendirikan bangunan. Akan tetapi jika premium itu berada di kadar yang munasabah, *Insyah-Allah* tawaran kerajaan negeri akan dapat kita pertimbangkan mengikut lunas kewibawaan perniagaan.

Dari Yang Berhormat Lipis, isu yang dibangkitkan ialah promosi menulis surat di kalangan remaja. Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia telah pun kita anjurkan pada tahun 2010 dan tahun 2011 bagi murid-murid sekolah rendah dan menengah. Datanya seperti berikut:

- (i) penyertaan tahun 2010 adalah 120,000 orang; dan
- (ii) penyertaan pada tahun ini adalah 46,000 orang.

Kita akan terus mempopularkan pendekatan ini supaya warga remaja dan generasi muda terus menghargai sistem tradisi hantar menghantar surat seperti yang dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Perhubungan tradisi ini seharusnya digalakkan menerusi kempen.

Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan (PJ Selatan) juga terus mendesak supaya pos laju sepatutnya berlaku pada masa-masa tertentu khasnya dan bukan pada 6 petang. Ini sedang diteliti tentunya dan maklum balas kepada Yang Berhormat akan kita berikan setelah perkara ini disiasat di mana letaknya kebenaran dakwaan tersebut ataupun hanya sebagai satu pandangan umum.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan orang ramai untuk transaksi yang melibatkan Suruhanjaya Pilihan Raya, caj transaksi bagi SPR yang ditentukan oleh kedua-dua pihak telah pun dipersetujui yakni misalnya tukar alamat dikenakan caj RM1 dan jumlah transaksi hingga Ogos 2011 ialah RM222,000. Ini bermakna khidmat ini telah di sedia pakai dan diterima oleh masyarakat didapati caj seperti itu tidaklah membebankan.

Yang Berhormat Kuala Kedah – kenaikan caj bil air yang beliau ragukan itu, saya amat bersedipati dengan keadaan itu. Sesungguhnya kita amat berharap khidmat ini dapat diterima oleh kedua-dua pihak. Jadi, kami telah meminta Pos Malaysia supaya berunding terus kembali dengan Kerajaan Negeri Kedah supaya khidmat ini dapat kita laksanakan mengikut kadar yang lebih diterima dan dipersetujukan.

Yang Berhormat Indera Mahkota, tiada peruntukan kata beliau dalam rang undang-undang ini untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Pos. Ini memang saya setuju dan telah pun disebutkan tadi. Akan tetapi, rang undang-undang ini tidak mencadangkan apa-apa tentang penubuhan yang baru dan diharapkan SKMM menjalankan tugasnya dengan lebih prihatin selepas ini memandangkan ia bertanggungjawab terhadap komunikasi dan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal berhubung dengan Myemail. Ini sukacita diterangkan secara jelas iaitu projek ini bukanlah projek di bawah Pos Malaysia. Ia merupakan projek yang dikendalikan terus oleh syarikat swasta dengan kewangan sendiri dan Pos Malaysia sebenarnya tidaklah begitu tertarik untuk menyokong kes seperti ini oleh sebab sekaligus ia boleh mengurangkan aktiviti dan khidmat namun didapati juga pewujudan projek yang baru ini tidaklah begitu diterima dan sekiranya ada apa-apa perkembangan baru yang menyebabkan ia menjadi popular kita akan maklumkan kemudian.

■ 1630

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Kepong hendak menjual pantun kepada Yang Berhormat Menteri... *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Boleh juga kerana Yang Berhormat Menteri memang seorang yang pakar di dalam hidup kesusasteraan termasuk isterinya sendiri.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Akan tetapi, kelewatan untuk menyahut orang yang hendak tanya itu sangat lambat. Saya berharap perkhidmatan pos akan datang pun tidak akan begitu lambat... *[Ketawa]*

*Perkhidmatan pos hampir 200 tahun,  
Perubahan masa menentukan nasib,  
Yang Berhormat Menteri hendak swasta dengan tekun,  
Adakah Pos diuruskan dengan tertib?*

Di sini saya dengar komen daripada Yang Berhormat Menteri tadi, ulasan tetapi saya tidak dengar macam mana masalah yang kena mengena dengan insurans. Perkhidmatan insurans yang diuruskan oleh pos. Perkhidmatan transaksi kewangan, transaksi wang, *postal order*, *money order*, pelaburan wang dana, *Post Office Saving Bank* tidak disebutkan langsung. Saya berharap dapat disebutkan di sini.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Jadi sebut beginilah:

*Kalau hendak tahu tingginya awan,  
Panjatlal dulu si pokok manggis,  
Kalau hendak tahu siapa kawan,  
Siapa yang dulu sama menangis.*

Jadi, Yang Berhormat Kepong dahulu sama menangis, jadi tidak nampak sekaligus sekarang saya nampak. Jadi ditembak itik harap tidak kenalah ayam. Pandangan ini adalah pandangan yang membina dan tentang *money order*, ataupun urusan kewangan kecil-kecilan itu, Pos Malaysia akan terus melaksanakannya. Oleh kerana ini menjadikan transaksi biasa tentu sekali pihak saya tidak perlu menyebut benda-benda yang sudah diketahui umum. Walau bagaimanapun, kita akan melihat semula jika khidmat-khidmat misalnya berkaitan *postal order* ataupun menggunakan amaun wang pertukaran kecil untuk keluarga-keluarga perlu dipanjangkan, tentu sekali akan dapat dibuat sedemikian.

Yang Berhormat Padang Terap, adakah *email* akan dikenakan bayaran jika rang undang-undang ini diluluskan. E-mel saya katakan kembali tidak ada kaitan dengan apa yang telah disebutkan dalam undang-undang ini dan memberi keyakinan kepada Yang Berhormat Padang Terap ia tidak akan melibatkan satu jurusan khidmat menerusi pos.

Yang Berhormat Lipis suka saya menyebut kembali tentang kawasan-kawasan pedalaman seperti Ulu Tembeling, Jerantut katanya surat-surat terpaksa dihantar menggunakan peralatan dan juga memakan masa yang panjang. Akan kita siasat perkara ini dan seterusnya pos digalakkan untuk melihat sendiri sama ada apa yang telah dikemukakan itu merupakan kenyataan dan seharusnya kita ambil tindakan segera.

Yang Berhormat Kuala Kedah juga meneruskan apakah status pelaburan Pos Malaysia dalam Syarikat Transmile ini. Pos Malaysia sebenarnya telah membuat peruntukan susut nilai akibat beberapa keadaan pelaburan dalam syarikat Transmile dan ini adalah merupakan akaun dilaporkan menerusi laporan tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, isu berhubung dengan status Telco dan Post. Keuntungan yang diterima daripada pengusaha-pengusaha Telco dan Post. Berkenaan soalan ini Pos Malaysia telah menamatkan kontrak dengan syarikat yang menjalankan perkhidmatan Telco dan Post kerana hak-hak dalam kontrak telah diserahkan hak ataupun *assigned* kepada pihak-pihak ketiga yang lain. Justeru berikutan penamatan ini, pengusaha Telco dan Post telah memohon Pos Malaysia untuk diberi peluang menjadi pengusaha perkhidmatan Pos Laju. Pos Laju Malaysia kini sedang merancang satu program agensi atau perwakilan untuk digunakan sebagai satu saranan yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua jawapan yang seharusnya saya sampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Adalah sempat saya kemukakan dan beberapa perkara yang saya imbasan sebagai simpati ataupun yang tidak bersetuju, saya akan mengambil imbasan dan ingatan supaya penyusunan kerja ini dilaksanakan secepat mungkin.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri hendak puji sedikit.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Berhubung dengan Yang Berhormat Lipis satu perkara yang saya belum menyebutnya ialah tentang tambah maju mutu khidmat kata beliau dan meneruskan supaya *kiosk* atau *stamp dispenser* ini dipertimbangkan supaya lebih banyak diwujudkan. *Insya-Allah* cadangan ini akan kita kemukakan dan Pos Malaysia harus mengambil pandangan serta tindakan sekiranya *viable* untuk dilaksanakan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri sedikit Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya hendak puji naskhah rejim undang-undang diperkenalkan kerana saya tidak jumpa benda ini dalam undang-undang yang lain, kebanyakannya. Yang Berhormat Menteri, terima kasih kerana memasukkan perkara pengawalan kawal selia.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Yang Berhormat Balik Pulau tidak payahlah tunjuk dengan telunjuk sangat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak tunjuk sini boleh...  
[Ketawa].

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Sudah biasa menunjuk dekat orang begini...  
[Menunjukkan isyarat tangan]

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sini, sini.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Ya, tetapi tunjuk dekat saya tadi.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Mula begini saya pusing sini... [Ketawa] Okey minta maaf. Saya mengatakan di sini dengan penuh ikhlas Yang Berhormat Menteri ya, sebab tidak banyak naskhah undang-undang yang seketat ini mungkin pegawai di belakang ada memberi nasihat yang baik ini.



Contohnya di sini amalan persaingan am, perlindungan pengguna tetapi alangkah lebih baik Yang Berhormat Menteri, pada pandangan saya ada pandangan-pandangan lain bersifat dengan izin, di Malaysia ini yang dipanggil *Freedom of Information Act* kerana kita lebih tahu andaian supaya perkara ini diketatkan bagus dalam ini Yang Berhormat Menteri tetapi kalau perkara itu rakyat tidak dapat maklumatnya susah juga dia hendak tahu apa hak dia itu. Akan tetapi dari segi secara umumnya prinsipnya ini merupakan satu naskhah yang bagi saya boleh saya banggakan. Terima kasih.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Di belakang sana Yang Berhormat Kapit bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah selesai menjawab soalan-soalan itu dan..

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit tadi tertinggal.

**Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim:** Sukacita mengemukakan untuk diputuskan.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Menteri sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.*

*Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.*

**Fasal-fasal 1 hingga 112** diperintahkan jadi sebahagian rang undang-undang.

*Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.*

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

*Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.*

■ 1640

## RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 2011

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.41 ptg.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 iaitu satu rang undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan antara majikan dan pekerja di sektor swasta serta mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak kerja dan standard-standard minimum pengajian dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta ini pada amnya memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja bukan manual yang bergaji tidak melebihi RM1,500 sebulan dan pekerja-pekerja manual tanpa had gaji. Objektif utama akta ini adalah untuk memberi perlindungan asas kepada pekerja-pekerja khususnya yang tidak berkesatuan untuk berunding dengan majikan mereka bagi mendapatkan terma dan syarat pekerja yang lebih baik. Akta ini berkuat kuasa di semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan manakala Sabah dan Sarawak dilindungi oleh Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak.

Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1957 akta ini telah melalui proses pindaan sebanyak sepuluh kali selaras dengan perubahan dan keperluan semasa. Akta ini telah dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa terutamanya dalam menyediakan suasana perburuhan yang lebih kondusif. Cadangan pindaan ini juga telah melalui proses konsultasi dengan pihak majikan, pekerja dan agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada 21 Jun 2011 Rang Undang-undang Kerja telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini untuk bacaan kali pertama. Cadangan pindaan ini melibatkan 28 peruntukan sedia ada yang dipinda, 17 peruntukan baru dan dua peruntukan yang dimansuhkan. Objektif utama cadangan kepada pindaan Akta Kerja kali ini adalah untuk menyesuaikan dengan keperluan semasa dan memantapkan penguatkuasaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya pindaan ini di bawah undang-undang adalah terbahagi kepada pindaan kepada peruntukan sedia ada, peruntukan baru dan peruntukan yang dimansuhkan. Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada peruntukan yang sedia ada adalah peruntukan-peruntukan sedia ada yang terlibat dalam pindaan ini ialah seksyen 2(1) untuk meminda takrif "waktu bersalin." Pada masa sekarang seksyen 2(1) mentafsirkan bahawa seseorang pekerja wanita hanya layak mendapat cuti bersalin bergaji sebanyak 60 hari jika dia melahirkan anak setelah hamil sekurang-kurangnya 28 minggu. Namun perkembangan teknologi perubatan yang terkini membolehkan bayi yang dilahirkan pramatang sebelum 28 minggu dapat diselamatkan dan terus hidup. Sehubungan itu, tafsiran ini dipinda supaya pekerja-pekerja wanita yang telah hamil sekurang-kurangnya 22 minggu juga turut dapat menikmati cuti bersalin yang bergaji dan pindaan ini ialah selaras dengan ketetapan Pertubuhan Keselamatan Sedunia (WHO).

Seksyen 19 dipinda dengan memansuhkan seksyen (2) bagi memberi tempoh yang sewajarnya kepada majikan untuk membuat bayaran bagi kerja lebih masa, kerja pada hari rehat dan kerja pada cuti umum selewat-lewatnya sehari sebelum tarikh gaji dibayar untuk bulan berikutnya. Cadangan ini dibuat bagi melicinkan pentadbiran yang mana sebelum ini majikan yang ingin membayar bayaran kerja lebih masa selepas tujuh hari hendaklah memohon pelepasan daripada ketua pengarah tenaga kerja tiap-tiap kali.

Seksyen 22 dipinda bagi membenarkan pemberian bayaran pendahuluan kepada pekerja untuk pembelian komputer perbelanjaan perubatan, perbelanjaan harian sementara menunggu pampasan untuk tempoh hilang upaya sementara di bawah Akta PERKESO 1969 dan perbelanjaan pendidikan. Peruntukan ini turut memberi kemudahan kepada pekerja untuk mendapat pendahuluan bagi tujuan perbelanjaan perubatan dan pendidikan kepada ahli keluarga terdekat. Pindaan ini dibuat selaras dengan keperluan semasa yang dihadapi oleh pekerja dan ahli keluarga.

Seksyen 25 dipinda bagi mengehendaki majikan membayar gaji pekerja termasuk perkhidmatan domestik melalui akaun bank. Pada masa ini terdapat banyak kes yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja berhubung dengan kegagalan majikan membayar gaji kepada pembantu rumah mereka. Apabila disiasat, majikan lazimnya mendakwa gaji telah dibayar secara tunai kepada pekerja berkenaan. Masalah seumpama ini sukar diselesaikan kerana tiada bukti-bukti yang kukuh. Sehubungan itu, pindaan ini dibuat bagi memastikan urusan pembayaran gaji yang dibuat melalui bank boleh dijadikan sebagai bukti pembayaran daripada majikan kepada pekerja yang berkenaan. Pindaan ini juga akan memastikan hak pekerja terbela dan kepentingan majikan terpelihara.

Seksyen 25A(1) dan (2) dipinda bagi membolehkan majikan dengan persetujuan bertulis daripada pekerja termasuk pekerja domestik membayar gaji melalui *legal tender* atau *cheque*.

Berikutan pindaan kepada seksyen 25 yang mengehendaki majikan membayar gaji melalui bank, pindaan ini membolehkan majikan masih membayar gaji secara tunai atau *cheque* yang bertujuan untuk membantu pekerja-pekerja yang bekerja di pedalaman dan tiada kemudahan perbankan. Walau bagaimanapun, majikan perlu mendapat kelulusan Ketua Tenaga Kerja terlebih dahulu.

Seksyen 37(4) dipinda untuk memperjelaskan lagi bahawa perkhidmatan seseorang pekerja wanita tidak boleh ditamatkan semasa dalam tempoh cuti bersalin walaupun pekerja wanita itu gagal memberikan notis mengenai cuti bersalin.

Seksyen 60(3)(b) dipinda bagi mengadakan peruntukan serta menjelaskan mengenai kaedah dan kadar pembayaran gaji pekerja yang 'digajikan' di negara ini sama ada secara bulanan, harian atau mingguan kerana bekerja pada hari rehat.

Seksyen 60D dipinda untuk memasukkan Hari Malaysia iaitu 16 September setiap tahun sebagai satu hari kelepasan am yang mandatori. Ini memandangkan cuti 16 September telah pun diwartakan di bawah Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951. Dengan pindaan ini maka akan terdapat lima hari kelepasan am bergaji yang mandatori, yang mesti diberikan majikan kepada para pekerja berbanding empat hari pada masa ini.

Seksyen 60K dipinda dengan memasukkan subseksyen 3 bagi mewajibkan majikan memaklumkan kepada Jabatan Tenaga Kerja dalam masa 30 hari daripada tarikh penamatan kontrak perkhidmatan oleh majikan atau pekerja asing termasuk melarikan diri atau permit kerja telah luput atau penghantaran pulang pekerja itu ke negara asal mereka. Dengan cara ini pihak kementerian khasnya Jabatan Tenaga Kerja akan dapat memantau dengan lebih terperinci maklumat mengenai penggajian pekerja asing yang bekerja di negara ini. Maklumat yang ada juga akan membantu kementerian dan membuat unjuran akan keperluan tenaga kerja secara keseluruhan. Proses ini akan dilaksanakan dengan kerjasama rapat Kementerian Dalam Negeri dalam untuk memastikan ia tidak menambah *red tape*.

Seksyen 69B dipinda bagi memperluaskan skop siasatan ketua pengarah tenaga kerja terhadap aduan oleh pekerja yang bergaji RM1,500 kepada RM2,000.

#### ■ 1650

Pindaan ini akan meningkatkan bilangan pekerja yang dilindungi di bawah akta daripada 50 peratus kepada 70 peratus. Ini adalah berdasarkan statistik jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada tahun 2010.

Seksyen 82 dipinda bagi membolehkan penyerahan saman ganti, *substitute service of summons* yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja bukan sahaja boleh diserahkan kepada ahli keluarga lelaki dewasa tetapi juga kepada mana-mana ahli keluarga dewasa termasuk wanita kecuali pembantu rumah yang tinggal bersama di dalam rumah. Ini akan dapat memudahkan penyerahan saman yang dibuat dan selaras dengan peruntukan di bawah Kanun Acara Jenayah.

Seksyen 101A dipinda untuk menurunkan kuasa mengkompaun kepada pegawai tertentu yang dilantik oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja, ini adalah selaras dengan prosedur-prosedur kompaun yang diamalkan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

Seksyen 102 dipinda untuk membolehkan menteri membuat peraturan-peraturan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pengajian pekerja asing di bawah seksyen 60K, tatacara bagi pengendalian aduan dan siasatan gangguan seksual serta menetapkan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan domestik. Dengan adanya peraturan berkaitan akan dapat memperjelaskan lagi tafsiran dan pelaksanaan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan-peruntukan yang baru ialah peruntukan baru di bawah seksyen 2(1) mengenai takrifan gangguan seksual. Tujuan takrifan baru ini adalah bagi maksud melanjutkan tatacara aduan gangguan seksual dalam bahagian baru iaitu XVA [Akta 265].

Peruntukan baru di bawah seksyen 2(1) mengenai pekhidmat domestik asing. Tujuan peruntukan ini diwujudkan adalah bagi membezakan pekhidmat domestik bertaraf warga negara dan penduduk tetap dengan pekhidmat domestik asing. Takrifan mempunyai kaitan rapat dengan peruntukan baru seksyen 57A dan 57B di mana pihak majikan perlu melaporkan penggajian dan penamatan pekhidmat asing di Jabatan Tenaga Kerja.

Peruntukan baru di bawah seksyen 2(1) mengenai takrifan kontraktor tenaga kerja dan memotong takrif subkontraktor tenaga kerja. Takrifan kontraktor tenaga kerja yang baru ini adalah sama seperti takrifan subkontraktor tenaga kerja yang sedia ada. Perkataan prinsipal dimasukkan ke dalam takrifan tersebut bagi memperluaskan pemakaian supaya meliputi dan memperjelaskan hubungan *principle* kontraktor dan subkontraktor yang membekalkan tenaga kerja.

Peruntukan baru seksyen 33A mempunyai kaitan dengan takrifan kontraktor tenaga kerja di mana peruntukan ini bertujuan untuk mewajibkan kontraktor tenaga kerja mendaftar dengan Ketua Pengarah Tenaga Kerja sekiranya mereka berniat untuk membekalkan pekerja atau mengaku janji untuk membekalkan pekerja. Peruntukan ini juga menghendaki kontraktor tenaga kerja untuk menyimpan dan penyelenggara maklumat mengenai pekerja yang dibekalkan di dalam satu daftar bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan.

Peruntukan ini bukanlah untuk menginstitusikan atau menggalakkan penggajian melalui kontraktor tenaga kerja tetapi bertujuan untuk memastikan pekerja yang digajikan oleh kontraktor tenaga kerja tersebut diberi perlindungan dan mendapat hak-hak mereka di bawah undang-undang.

Peruntukan baru ini amat penting bagi menangani masalah tenaga kerja di bawah prinsipal, kontraktor dan subkontraktor terutama di ladang-ladang serta kontraktor tenaga kerja yang menawarkan tenaga kerja. Melalui pindaan ini akan membolehkan Jabatan Tenaga Kerja mempunyai rekod daftar yang lengkap mengenai kontraktor tenaga kerja dan membolehkan pekerja-pekerja diberi perlindungan sebaiknya termasuk kebajikan mengenai caruman KWSP dan PERKESO.

Pindaan ini telah dicadang dan disokong oleh National Union of Plantation Workers (NUPW) yang mana amalan membekalkan pekerja oleh kontraktor tenaga kerja memang sedia berlaku sejak dahulu sehingga kini terutama di sektor perladangan. NUPW semasa membentangkan kertas kerja di ILO-Asia Pacific Regional Seminar di New Delhi, pada tahun 1997 menyatakan bahawa pendaftaran kontraktor tenaga kerja akan dapat meningkatkan ketelusan dalam sistem ini, memudahkan urusan penguatkuasaan undang-undang buruh, dapat mengurangkan insiden-insiden penindasan hak-hak pekerja yang dibekalkan oleh kontraktor tenaga kerja tersebut.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada tahun 1997 dan 1998 juga telah membincangkan isu *contract labour* dengan panjang lebar dan telah mencadangkan konvensyen dan *recommendation* mengenai *contract labour*. Antara lain, cadangan konvensyen tersebut menggariskan tanggungjawab negara-negara anggota ILO untuk mempromosikan hak sama rata di antara *contract labour* dengan pekerja-pekerja yang lain. Oleh yang demikian, cadangan pindaan ini adalah selaras dengan saranan ILO demi melindungi hak dan kepentingan golongan pekerja yang digaji melalui sistem ini.

Kementerian yakin dengan adanya peruntukan ini, ia akan memperjelaskan lagi status dan hubungan majikan dan kontraktor tenaga kerja dengan pekerja yang terlibat. Dalam masa yang sama, ini akan memudahkan pihak JTK mengesan pihak yang bertanggungjawab kepada hak-hak pekerja tersebut seperti urusan pembayaran gaji dan faedah-faedah yang lain serta mudah dan mempercepatkan penyelesaian kes-kes yang dilaporkan kepada JTK.

Kementerian mengambil maklum akan kegusaran sesetengah pihak bahawa perkara ini dilihat boleh menjejaskan perjawatan atau pekerjaan tetap. Walau bagaimanapun, penggajian melalui sistem ini akan dipastikan agar ia mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan termasuk kontrak perkhidmatan, waktu kerja dan sebagainya.

Perlu dimaklumkan juga bahawa peruntukan baru di bawah seksyen 33A ini tidak sama sekali menafikan hak pekerja yang dibekalkan itu untuk menyertai kesatuan sekerja dalam industri yang berkenaan.

Selain itu, seksyen 17(1)(b), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 juga telah menyatakan dengan jelas bahawa sesuatu perjanjian kolektif adalah mengikat dan terpakai ke atas kesemua pekerja yang bekerja atau kemudiannya diambil bekerja dalam pengusahaan atau sebahagian daripada pengusahaan di mana perjanjian itu berkaitan.

Di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 pula, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja diberi kuasa untuk memutuskan sama ada seseorang pekerja yang dibekalkan itu boleh menyertai kesatuan sekerja berdasarkan kesamaan jenis pekerjaan, dagangan atau industri perniagaan di mana pekerja yang dibekalkan itu bekerja.

Peruntukan baru seksyen 44A bertujuan untuk memberi perlindungan cuti bersalin kepada semua pekerja wanita tanpa mengira tahap gaji mereka. Peruntukan ini akan dapat memastikan semua pekerja wanita mendapat faedah-faedah bersalin seperti mana yang termaktub di bawah akta.

Peruntukan baru seksyen 57A bertujuan untuk mewajibkan majikan memaklumkan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengajian pekhidmat domestik asing yang bekerja dengan majikan untuk tujuan pemantauan jumlah sebenar pekerja asing yang digaji oleh majikan.

Seksyen 57B bertujuan untuk mewajibkan semua majikan memaklumkan kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja dalam masa 30 hari sekiranya kontrak perkhidmatan ditamatkan oleh majikan, pekhidmat domestik asing, tarikh permit kerja luput atau atas sebab penghantaran semula pekhidmat domestik asing ke negara asal.

Berdasarkan laporan ini, JTK akan mempunyai maklumat yang lebih tepat mengenai jumlah pekhidmat domestik asing yang masuk bekerja dan masih bekerja di negara ini. Ini akan membolehkan Kementerian menganalisis trend dan membuat unjuran mengenai keperluan bagi tenaga kerja ini.

Bahagian baru XVA dimasukkan bagi mewujudkan prosedur-prosedur berkaitan aduan, siasatan kes dan lain-lain peruntukan khusus dalam menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja dan di luar tempat kerja yang melibatkan aktiviti syarikat. Ini memandangkan gangguan seksual tidak terhad di tempat kerja sahaja.

Bahagian ini juga memasukkan peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah Tenaga Kerja menyiasat kes-kes berhubung majikan milikan tunggal.

Peruntukan-peruntukan dalam bahagian baru ini akan terpakai kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji. Sebarang pelanggaran dalam peruntukan di bawah bahagian ini boleh dikenakan penalti maksimum sebanyak RM10,000 sebagai langkah pencegahan terhadap kesalahan yang dilakukan.

Sebelum bahagian baru ini diwujudkan, Kementerian telah pun mempunyai kod amalan mencegah gangguan seksual di tempat kerja. Kementerian mengambil berat akan pandangan bahawa kod amalan ini tidak mempunyai kuat kuasa dari segi undang-undang dan hanya merupakan garis panduan. Sehubungan itu, bagi memastikan suasana tempat kerja yang kondusif, Bahagian ini diwujudkan untuk memberi lebih perlindungan kepada pekerja.

Peruntukan baru seksyen 90A bertujuan melindungi pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Kerja daripada apa-apa tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak selagi mana mereka bertindak dengan suci hati.

Peruntukan baru seksyen 101B dimasukkan bagi membolehkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan, perbadanan perkongsian pertubuhan dan kesatuan sekerja, maka mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus atau pegawai yang seumpamanya atau semua rakan kongsi dan pemegang jawatan pada masa kesalahan dilakukan, boleh didakwa berasingan atau bersama dan disifatkan telah melakukan kesalahan tersebut. Dengan adanya peruntukan ini, pegawai-pegawai utama syarikat boleh didakwa sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang oleh syarikat.

■ 1700

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan-peruntukan yang dimansuhkan adalah mengenai definisi *subcontractor for labour* dimansuhkan dan digantikan dengan definisi baru iaitu *contractor for labour*. Subseksyen 43 mengenai kesalahan majikan menamatkan pekerja wanita yang gagal memaklumkan mengenai cuti bersalinnya dimansuhkan memandangkan jenis kesalahan itu telah diliputi di bawah seksyen 37(4) yang memperuntukkan bahawa perkhidmatan seseorang pekerja wanita tidak boleh ditamatkan semasa cuti bersalin oleh majikan untuk apa-apa sebab kecuali yang dinyatakan dalam proviso kepada seksyen 37(4) yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berharap dengan pindaan dan cadangan baru yang telah dibuat terhadap rang undang-undang ini, aspek kebajikan, perlindungan dan pengurusan buruh di negara ini akan menjadi bertambah baik lagi dan saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kerja 1955 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Saya merujuk kepada *Standing Order 54(2)* iaitu selepas bacaan kali kedua, saya memohon kebenaran untuk merujuk perkara ini ke satu *Select Committee* seperti yang tertera di P.M.54(2). Saya baca Tuan Yang di-Pertua,

*"When a Bill has been read a second time it shall stand committed to a Committee of the whole House unless the House on motion commits it to a Select Committee. Such motion shall not require notice, must be made immediately after the Bill is read a second time, and may be proposed by any member; the question thereon shall be put forthwith and shall be decided without amendments or debate."*

Saya pohon kemukakan perkara tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita tidak pernah menginterpretasikan perkara 54(2) ini. Ianya boleh dibuat sebelum Bacaan Kali Kedua. *Can do that*. Selepas *didebate* sebelum bacaan kali yang ketiga, selepas Bacaan Kali Kedua boleh dibuat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Selepas *didebate*, bukan sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, bukan sekarang tetapi selepas *didebate*. Ia ada *bill* yang sebelum ini pun Yang Berhormat pernah *involve* 54(2).

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, saya ada bangkitkan. Ada beberapa tahun sebelum ini dibangkitkan tetapi Speaker pernah kata bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita telah laksanakan perkara ini iaitu selepas *didebate*, *you can rest that matter*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Very well*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rembau.

### 5.03 ptg.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut menyertai perbincangan pindaan kepada Akta Kerja 1955 seperti mana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Seperti mana yang kita ketahui, pindaan ini mendapat perhatian terutamanya daripada kesatuan pekerja. Pindaan ini saya percaya mendapat pelbagai reaksi dan dilihat melalui sudut yang positif seperti mana yang dibentangkan oleh Menteri tadi, tetapi juga daripada sudut yang kurang positif.

Di sini saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang mungkin perlu diperjelaskan oleh kerajaan supaya kita lebih terang tentang matlamat dan tujuan pindaan ini iaitu seperti mana yang disebutkan oleh Menteri tadi adalah untuk memberi perlindungan kepada pekerja dan bukannya untuk memberi satu tekanan dengan adanya galakan kepada pekerja-pekerja kontrak untuk diperbanyakkan lagi di Malaysia ini.

Pertamanya saya ingin merujuk kepada tuduhan bahawa pindaan ini tidaklah disertai dengan satu proses konsultasi daripada Kementerian Sumber Manusia. Setahu saya pindaan ini datang daripada cadangan yang dibuat oleh kesatuan *plantation workers* sendiri di mana pindaan ini adalah tujuan asalnya atau tujuan utamanya adalah untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di ladang yang diberi pekerjaan melalui kontrak ataupun melalui kontraktor. Pindaan ini dicadangkan supaya memberi perlindungan dengan adanya peruntukan untuk berdaftar kontraktor-kontraktor ini dengan Kementerian Sumber Manusia yang terlibat dengan pekerja-pekerja terutamanya yang ada di ladang.

Di sini saya merujuk kepada satu laporan prosiding yang telah disentuh oleh Menteri sendiri iaitu prosiding daripada *International Labour Organization – Asia Pacific Regional Seminar For Create Union Organization on Contract Labour* tahun 1997. Walaupun agak lama tetapi saya percaya masih lagi ada hujah-hujah yang relevan. Penting di sini adalah satu kajian yang telah dibuat pada persidangan tersebut mengenai kes *study contract labour in plantation sector* di Malaysia di mana dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan bahawa antara masalah yang dikenal pasti pada waktu itu yang masih lagi relevan pada hari ini, adalah kedudukan dan keadaan pekerja-pekerja terutamanya pekerja di ladang yang mana mereka berdepan dengan pelbagai salah guna kuasa, *abuses* dan sebagainya oleh majikan dan kontraktor pada waktu itu yang masih lagi wujud pada hari ini.

Antaranya saya bagi contoh yang telah digariskan dalam laporan ini: *evasion of payment of housing allowance to non resident contract workers; evasion of contribution to EPF and SOCSO; some contractors are unable to pay damages or other payment ordered by the labored court or industrial court; some contractors abscond without paying wages.*

Banyak di sini adalah mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja yang ada di ladang yang tidak dapat dikawal selia oleh kementerian memandangkan tidak ada apa-apa peruntukan supaya kontraktor-kontraktor, *labour contractor* ini diminta untuk daftar bersama dengan Kementerian Sumber Manusia. Jadi kalau kita lihat dari segi tujuan dan matlamat pindaan ini, sebenarnya adalah untuk memastikan bahawa pekerja yang ada di sektor ladang ini terutamanya, kita bagi keutamaan kepada mereka sebab ini adalah cadangan daripada *National Union of Plantation Workers* diberi perlindungan di bawah pindaan ini.

Di sini saya ingin menjelaskan bahawa mengikut apa yang saya baca, bahawa pindaan ini juga adalah selari dengan *recommendation concerning contract labour* yang telah dibentangkan oleh ILO di Geneva bahawa walaupun mereka itu adalah pekerja yang datang daripada kontraktor, mereka diberi perlindungan yang sama seperti pekerja-pekerja yang lain. Di sini saya melihat bahawa pindaan ini dengan adanya peruntukan supaya mereka didaftar dan sebagainya, akan memberi suatu kuasa kawal selia kepada kementerian untuk memastikan bahawa mereka ini dapat dikawal selia dengan baik. Ini saya melihat bahawa peruntukan ini bukanlah untuk menggalakkan lagi *contract workers* tetapi sebenarnya adalah untuk memastikan bahawa sektor dan industri di mana ada *contract workers* sekarang ini seperti mana perladangan, mereka itu diberi perlindungan.

Akan tetapi di sini saya ingin juga bangkitkan untuk perhatian dan mungkin penjelasan daripada pihak Menteri bahawa bagaimana kita boleh pastikan bahawa dengan adanya pindaan ini, kritikan yang kita dengar daripada contohnya *Malaysian Trade Union Congress*, dapat kita elakkan dengan pindaan ini ia akan menggalakkan ataupun *institutionalize contract workers*?

■ 1710

Walaupun ada pindaan ini sebenarnya tidaklah kita buat pindaan yang terlalu besar tetapi dengan kita masukkan perkataan, "*principal*" supaya kita jelaskan lagi hubungan antara *principal*, *contract workers* dan sebagainya tetapi ada kerisauan bahawa dengan adanya pindaan ini akan kita kembali ke era pra merdeka di mana kebanyakan dari segi *employment* itu dibuat melalui kontraktor dan tidak ada *security of tenure* ataupun tidak ada penggajian yang terus daripada majikan dan pekerja. Saya percaya ini adalah satu kerisauan yang ada asas yang perlu kerajaan memberi satu *comfort*, satu keyakinan kepada kesatuan pekerja dan juga kepada pekerja-pekerja di Malaysia ini bahawa sebenarnya *preference* kita adalah kepada penggajian yang tetap melalui majikan dan juga pekerja dan bukannya melalui penggalakan kita menggalakkan melalui *employment agency*, kontraktor dan sebagainya.

Akan tetapi sebenarnya ini adalah *isolated* kepada satu permintaan yang datang kalau tidak silap saya daripada satu cadangan sepertimana yang saya sebutkan tadi iaitu MUPW yang disokong oleh ILO dan sebagainya untuk memastikan perlindungan kepada pekerja yang ada contohnya di *plantation* sektor. Jadi saya minta supaya diperjelaskan lagi soal bagaimana perkara ini tidak akan menjadi dengan izin, *sleepy sloth*. Maka kita bagi satu kuasa ataupun satu pengiktirafan di mana seolah-olah nampak diinstitusikan *contract workers* ini dan kita akan melihat lebih ramai lagi sebab kita dan umum tahu bahawa di sektor perkilangan juga ada trend untuk kita melihat *contract workers* ini menjadi lebih ramai lagi. Ada kerisauan walaupun tidaklah kerisauan ini berasaskan kepada undang-undang bahawa mereka tidak boleh menjadi *unionize* dan sebagainya memang tidak betul. Akan tetapi ada persepsi begitu dan persepsi bahawa apabila *contract workers* ini menjadi satu trend maka hak dan juga kedudukan pekerja itu tidak tetap dan akhirnya mereka rasa bahawa hak mereka tergugat.

Jadi saya harap bahawa kita dapat penjelasan daripada kementerian soal bahawa perkara ini tidak akan menjadi trend kepada tempat yang lain dan tidak akan menginstitusikan *contract workers* sebagai satu *default*, satu keadaan yang mana menjadi lazim dan akan disalah guna oleh syarikat-syarikat besar yang tidak ingin memberi *security of tenure* dan juga jawatan tetap kepada pekerja. Kita tidak mahu bahawa kebanyakan daripada pekerja terus dialihkan kepada kontrak. Kita mahu supaya yang lazim itu masih lagi *permanent position* tetapi ini diguna untuk sektor-sektor tertentu di mana pada waktu ini tidak ada perlindungan, tidak ada kebajikan, tidak ada pembayaran yang tetap kepada PERKESO, KWSP dan sebagainya.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ringkaskan sahaja adalah mengenai cuti bersalin. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana memberi perlindungan kepada mereka yang bersalin daripada diberhentikan kerja semasa cuti bersalin. Akan tetapi saya ingin bangkitkan di sini bahawa kalau sekiranya kita melihat kepada norma antarabangsa kepada *best practices* antarabangsa, kita perlu melihat juga kepada tempoh cuti bersalin. Di mana pada hari ini di Malaysia, tempoh ini tidak diubah masih lagi 60 hari. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi sektor awam pula iaitu kakitangan awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 1968, pihak kerajaan memperuntukkan cuti bersalin bagi pekerja wanita dari 42 hari kepada 60 hari secara berturut-turut dan boleh melanjutkan cutinya sehingga 90 hari walaupun tanpa gaji. Cuti ini dikenali sebagai cuti menjaga anak.

Dalam konteks ini saya melihat bahawa kerajaan membuat keputusan bahawa mereka boleh melanjutkan cuti ini sebagai satu langkah yang positif supaya bukan hanya memberi masa untuk mereka *recover* dengan izin, daripada bersalin tetapi masa bersama dengan bayi. Apabila mereka kembali kepada *work force*, dengan izin nanti, mereka datang dengan penuh keyakinan dengan tempoh masa yang cukup untuk terus masuk semula ke dalam alam pekerjaan.



Kalau kita lihat dari segi konvensyen-konvensyen dunia dan kalau kita lihat dari segi saranan daripada *International Labor Organization* itu sendiri, kalau kita pakai saranan daripada ILO mengenai *contract labor*, sudah pasti perlu juga kita ikut saranan IMO dalam isu cuti bersalin ini. Hari ini ILO menyarankan supaya kita memberi cuti bersalin selama 12 minggu iaitu tiga bulan (90 hari). Jadi, kalau kita lihat dengan jiran-jiran kita yang sama tahap pembangunan mereka, mereka juga memberi cuti bersalin selama 90 hari sebagai satu langkah.

Sebenarnya kalau kita lihat, kalau tambah cuti ini tidak akan menambahkan produktiviti. Akan tetapi sebenarnya *empirical evidence* dengan izin, kalau kita tengok kepada kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa produktiviti kepada mereka yang kembali daripada cuti bersalin yang tempohnya lebih panjang daripada 60 hari lebih meningkat daripada sekiranya kita hanya ada cuti bersalin yang tempohnya singkat. Dengan hal ini, bukan hanya kalau kita lihat dari segi *maternity benefits*, kita juga harus memikirkan dari segi cuti bersalin untuk bapa (*paternity leave*).

Mungkin di negara ini kita tidak amalkan ataupun kita tidak menggalakkan dan kita tidak ada ketetapan yang jelas. Apa yang perlu kita melihat bahawa mungkin perlu kita melihat dengan *international best practices* iaitu saranan daripada *International Labor Organization* bahawa *paternity leave* itu adalah sebahagian daripada cuti yang boleh membina dan membantu ibu untuk pulih daripada bersalin dan juga untuk memastikan bahawa satu keluarga yang kondusif selepas kelahiran bayi yang baru.

Jadi di sini saya melihat dan kita perlu melihat perkara ini dengan lebih holistik lagi dan kita jangan hanya terbatas dengan pindaan ini yang melihat bahawa tidak ada *discrimination*, tidak ada mana-mana usaha untuk memberhentikan ibu itu daripada kerja beliau memandangkan diambil cuti bersalin tetapi juga untuk melihat kepada tempoh dan melihat secara menyeluruh lebih kepada *paternity leave* dan persekitaran yang lebih kondusif yang dapat kita lahirkan.

Sebenarnya *paternity leave* juga menunjukkan bahawa kajian, *empirical* menunjukkan bahawa meningkatkan produktiviti. Ini sebab bapa itu tidak rasa risau dengan apa yang berlaku di rumah, ada cukup masa untuk daftarkan anak, ada cukup masa untuk bawa ke hospital dan sebagainya supaya apabila kembali kepada alam pekerjaan dengan hati yang lapang dan juga fokus yang tenang untuk beri tumpuan kepada kerja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang saya hendak sampaikan. Cuma sekali lagi saya tekankan bahawa isu di sini yang saya hendak bangkitkan adalah soal kerja kontrak yang mana saya percaya ada terlalu banyak salah tanggapan atau *misconception* dengan perkara ini yang seolah-olah tidak memahami matlamat yang sebenar. Akan tetapi kita perlu dapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini tidak akan menggalakkan dan *institutionalize contract workers* sebagai *default setting* kepada industri-industri yang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**5.18 ptg.**

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya menyertai perbahasan rang undang-undang satu akta yang dipinda yang dinamakan Akta Kerja 1955. Mukadimah saya ialah mengimbuai kembali sejarah pindaan dibuat. Sebelum bulan Februari 2007, satu rang undang-undang yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini diberikan ketetapan daripada tempoh pampasan yang diberikan kepada mereka yang dibuang kerja daripada tanpa batas waktu kepada 24 bulan. Yang Berhormat Menteri terlupa di waktu itu di mahkamah industri rupanya ada lagi Mahkamah Tinggi. Selepas Mahkamah Tinggi ada lagi Mahkamah Rayuan. Amat malang ada lagi Mahkamah Persekutuan. Maka 24 bulan tidak pernah tercapai.

Akhirnya bilamana di bahas soal ini, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa 24 bulan itu sebagai satu tempoh yang sewajarnya di pihak *win-win situation*, dengan izin. Maka rang undang-undang itu diperkenalkan dan dikuatkuasakan. Mangsanya adalah pekerja. Tahun 2002 bilamana penurunan daripada pampasan 30,000 yang diberikan kepada pencarum KWSP dikurangkan kepada 2,500 ketika itu untuk mengawal tabung KWSP. Akhirnya, apa sahaja bentuk kebaikan yang dibuat oleh pemerintah sebelum ini maka terabai begitu sahaja. Hari ini telah pun dibentangkan satu rang undang-undang yang dikatakan untuk menyelamatkan pekerja yang didefinisikan diskriminasi pekerja yang berada dalam negara ini.

■ 1720

Sebelum pemerintahan dalam negara ini dibuat sebagai satu rang undang-undang, pemerintahan terdahulu Tuan Yang di-Pertua, pemerintahan terdahulu yang dipanggil pemerintahan penjajah telah pun mengharumkan konteks penjualan manusia secara dulu. Maka demikian, maka *sub-contractor labour* dibuat untuk mempertahankan penjualan perhambaan manusia tidak berlaku. Saya akui bahawa Menteri berniat baik untuk menjaga kepentingan segolongan mereka dalam kelompok yang kecil, tetapi percayalah hari ini saya hendak isytiharkan kalau diteruskan juga rang undang-undang ini, maka hari ini berperanglah kaum pekerja dengan pemerintah yang ada pada hari ini.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sikit sahaja pasal Yang Berhormat sebut tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat sebut tadi merujuk bahawa kerajaan dulu, kerajaan penjajah maknanya di negara kitakah? Saya pun keliru ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata memang kita kena jajah.

Hari ini Profesor Tan Sri Khoo Kay Kim dalam internet *paper* ini mengatakan, dia tetap mempertahankan pendirian bahawa Malaysia tidak pernah dijajah sambil menyifatkan kenyataan Timbalan Perdana Menteri semalam seperti orang kebanyakan yang tidak faham undang-undang. Saya pun tidak tahu, lagi pening bab-bab penjajah ni, dia kata macam orang tidak faham undang-undang. Ini Profesor Khoo Kay Kim kata ini, saya pun tidak tahulah macam mana hendak hujah undang-undang ini macam penjajah atau tidak. *Wallahualam.*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, pengetahuan saya terbatas, bukan seorang pengkaji sejarah tetapi buktinya ialah akta ini dibuat pada tahun 1955. Di kala 1957 diisytiharkan kemerdekaan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman, maka yang bercakap tadi dalam konteks tidak kira tahap mana mereka, tolong jangan buta sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, bila mana saya bercakap demikian, ini bukan ugutan tetapi barang diingat Februari 2007, bila mana kerajaan pemerintah meminda Akta Perusahaan 1967, mengecilkan pampasan daripada tanpa batas kepada 24 bulan, apa jadinya? Di mana kawasan-kawasan Parlimen yang ada pekerja lebih daripada paras 62 peratus, maka kecundanglah pemerintah. Ini terbukti sekali lagi akta ini diangkat yang memohonkan supaya Dewan yang mulia ini memastikan bahawa lima juta pekerja walaupun *sub-contractor labour* telah diwartakan pada tahun 1955 lagi, namun apabila dipinda kepada membenarkan *contractor labour* ini disalur-jalurkan di semua peringkat, saya terkagum dengan anak muda daripada Rembau, Yang Berhormat Rembau, bicaranya sungguh menyayat hati, maknanya peka dengan keadaan persekitaran.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang kita terima, lima juta pekerja yang dikategorikan kontrak ini kalau kita bandingkan dengan pekerja *plantation* ini yang lebih 71 peratus mereka pekerja-pekerja dari luar negara, itu yang kita hendak fokus dan kita membuka ruang yang luas kepada setiap majikan-majikan yang keparat ini akan mengambil ruang untuk memastikan majikan ketiga akan wujud. Benar, kita ada penguatkuasaan kuasa Menteri di bawah seksyen 2, saya akui. Namun apa yang berlaku pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, syarikat mana yang tidak mengambil pekerja kontrak? Syarikat mana yang tidak menggunakan agensi majikan kedua?

Baru-baru ini saya mengambil satu kes yang melibatkan pekerja-pekerja Bangladesh. Tujuh bulan lebih tidak mendapat gaji, akhirnya majikan cabut lari. Apa terjadi kepada pekerja itu, bertaburanlah mereka. Ini tidak boleh berlaku kepada anak warganegara Malaysia, tidak boleh juga berlaku kepada pekerja-pekerja asing kerana mereka juga manusiawi, mereka bukan haiwan. Ini kita kena pegang pada asasnya.

Tuan Yang di-Pertua, bicara saya, di mana syarikat yang tidak menggunakan kuasa agensi majikan ketiga. Contoh yang saya buat, syarikat RM2 mempunyai pekerja dua ribu orang. Kumpul wang mengambil keuntungan daripada hasil pembayaran oleh majikan utama dan majikan agensi ini bila sudah terkumpul kemewahan duit atau wang dia cabut lari. Akhirnya pekerja di bawah agensi itu siapa yang hendak bertanggungjawab? Saya bagi contoh, sebelum Ramadhan Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun memprivatisasikan satu anak syarikat yang dipanggil Dawama dan ketika itu tidak melalui perbadanan terus kepada penswastaaan, apa berlaku? Sebelum Ramadhan, hampir 400 pekerja telah dibuang oleh majikan yang tidak berhati perut, untung ambil dan hasilnya pekerja telah pun diheret dan dimangsakan, dibuang kerja. Siapa hendak bertanggungjawab? Ya, saya dengar Menteri kata, salah di segi undang-undang tetapi apakah penguatkuasaan itu berdirinya di mana, ini persoalan pokoknya.

Ruang yang diberikan di bawah seksyen 31 ini terlalu luas. Saya akui semua rakyat perlu dibela Tuan Yang di-Pertua tetapi pembelaan itu harus menjurus kepada mengetatkan, jangan melonggarkan. Sekarang ini kalau dibenarkan rang undang-undang ini dipinda di bawah seksyen 31 Tuan Yang di-Pertua..., "Ooohhho...!" Yang Berhormat Sri Gading, tidak ada.

Ini akan menjurus kepada malapetaka yang amat besar berlaku dalam gelombang pemerintahan negara, sejarah akan berulang. Saya beri contoh lagi, kesatuan mana yang bersetuju selain daripada *plantation*, namakan kepada saya. Satu kesatuan mana yang membenarkan seksyen ini dibuat dan saya tidak nampak Tuan Yang di-Pertua. Saya akui saya telah berjumpa dengan Menteri sebentar tadi dalam perbincangan terakhir secara abang adik. Minta tolong berikan balik kepada *Select Committee* untuk dikenal pasti. Panggil balik MTUC, duduk panggil MEF, duduk berbincang, ini melibatkan 42 peratus pekerja-pekerja yang terlibat, bukan perkara yang remeh-temeh, bukan perkara yang dianggap enteng, ini perkara nasional, perkara masa depan generasi kita.

Jangan ada kebongkakan daripada kalangan kita Yang Berhormat. Hari ini kita Yang Berhormat, mungkin esok kita menjadi manusia biasa. Anak cucu kita, jangan mereka tempelak kita dan amat memilukan apabila mereka meludah ke kubur kita dan mengatakan bahawa inilah yang datuk atau bapa aku laksanakan - macam mana mereka mempunyai kuasa. Ini dinamakan kalau bahasa utara, "Celaka! Haram jadah." Itu yang boleh saya katakan sebab atas pembelaan yang tidak langsung ada ke perikemanusiaannya. Memang benar, *sub-contractor labour*, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rembau, *sub-contractor labour* - "sub" itu maknanya kerja yang *specialist*. *Specialist* maksudnya kalau siling ini tidak boleh dibuat oleh orang tertentu, maka *specialist* dipanggil. Habis kontrak siling ini, balikkah dia macam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cakap, siap kerja, balikkah, tunggu apa lagi. Dia pun cakap, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang kita dok tagih mereka jadi majikan ini kenapa, yang akan membebankan esok.

Syarikat RM2 Tuan Yang di-Pertua, boleh cakaplah hari ini macam-macam tetapi esok syarikat RM2 ini akan menjadi majikan kepada ribuan pekerja dan akan lari malam, apa akan berlaku? Nikko contohnya lari malam, apa akan berlaku? Empat ribu lebih orang pekerja menjadi papa kedana, hidup melarat yang bekerja berpuluh tahun macam Dawama, 25 tahun Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dibuang begitu sahaja, *masya-Allah*. Hendak bayar pampasan pun Menteri terpaksa kejar, Menteri terpaksa kejar untuk mendapatkan pampasan pekerja-pekerja Dawama. Sebelum Ramadhan, menyambut Syawal, "*Masya-Allah*" P. Ramlee kata.

Ini yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, apakah penguatkuasaan yang kita ada pada hari ini boleh memastikan bahawa keselamatan, penghidupan rakyatnya ini diberikan keutamaan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selalu mengatakan bahawa "Rakyat Didahulukan", saya cabar Menteri tanpa berlengah waktu dan segan silu tarik balik, serahkan balik kepada *committee*. Bukan masalah maruah, masalah definisi yang akan *diabusekan* oleh majikan, itu yang saya khawatir. Rakan saya MTUC di belakang sana itu, tengok macam mana bekas MTUC berbahas dalam Dewan, tengok betul-betul. Ini yang kita tegaskan tidak mungkin kita akan layan dan kita tidak akan benarkan akta ini diteruskan dalam konteks seksyen 31...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ini Tuan Yang di-Pertua, bicara saya bukan untuk ke Kuala Langat sahaja, bicara saya 11.3 juta, 6.1 juta pengundi di seluruh negara, barang diingat, Yang Berhormat Sri Gading pun tidak masuk lagi ini, barang diingat Yang Berhormat Padang Besar, 61 peratus pengundi datang daripada kuasa keramat, kuasa pekerja. Yang Berhormat Balik Pulau ya.

■ 1730

Yang Berhormat Kuala Langat, pada masa yang sama bulan Ramadhan yang lalu, seorang anak muda menelefon saya katanya YB, saya sekarang ini tengah disiasat oleh polis kerana disyaki kononnya terlibat dalam kes curi barang di kilang Osram. Kilang Osram ini ialah kaitan dengan syarikat Siemens di Zon Bayan Lepas, Pulau Pinang tetapi dipendekkan ceritanya ialah beliau didapati tidak bersalah tetapi apa akibat kaitannya dengan pekerja kontrak ini, beliau bukan diambil kerja *direct* oleh Osram tetapi diambil kerja oleh ejen yang dikatakan majikan sub tadi. Majikan sub secara kononnya nak jaga hubungan dengan majikan utama ini mengambil keputusan mudah walaupun anak ini polis mengatakan tidak bersalah, dia dianiayai tetapi dia cara mudah, dia nak jaga hati syarikat utamanya ini, dibuang anak muda ini. Anak muda ini bila datang, saya kontrak, boleh dibuang sebegitu sahaja.

Jadi, kita mengandaikan bukan perkara begitu dan banyak lagi berlaku di zon-zon bebas pekerja kilang kebanyakan semua pekerja kontrak, *hired and fired*. Jadi, saya mengatakan perkara ini penting kerana ini ia bukan sahaja ada kaitan dengan hak asasi pekerja itu tetapi telah mengubah corak cara hidup orang-orang kampung yang mana sekarang ini nak mengambil cuti kenduri kendera pun dah takut sebab kerja kontrak. Jadi, mengakibatkan amalan gotong-royong dan mengubah karakter suasana masyarakat. Bebanan tekanan ekonomi yang mengakibatkan mereka tidak punya pilihan. Mohon penjelasan.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Itulah daripada hasil yang akan diperkenalkan oleh menteri yang dinamakan *subcontractor labor* ditukarkan kepada *contractor labor*. Itu baru cebisan cerita tangisan insan dinamakan pekerja. Saya nak bawa balik ke Dawama ini sebab saya *discuss* dengan Yang Berhormat Sri Gading tadi panjang lebar. Dalam konteks Dawama ini, kalau kita bayangkan Yang Berhormat sekalian, kalaulah pekerja- saya nak bagi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini bukan pasal Melayu, Cina, pasal semua pekerja Dawama yang terlibat itu Melayu saya nak pertahankan, tidak. Yang saya nak pertahankan rakyat Malaysia dan akhir pada pencetus cerita ini ialah siapa nak membela mereka ini? Hanya mendapat RM500 hasil duit raya ini, RM500 duit raya ini. Bayangkan, sebulan Ramadhan nak menyambut hari raya, RM500 nak makan apa Tuan Yang di-Pertua?

Anak enam orang, kerja 25 tahun, dah beruban. Rambut pun dah tak nampak dah macam Yang Berhormat Subang. Begitulah pemikiran jauh dia tetapi akhirnya siapa nak bela dia orang ini, Menteri boleh kata, saya tak setuju tetapi apa akan berlaku? Ini salah satu daripada *privatisation* atau kontrak yang ternama. Yang tak ternama, 277 ejen ini Tuan Yang di-Pertua. "Ho" kata Yang Berhormat Sri Gading. Ini akan membunuh 42 peratus bersamaan hampir lima juta pekerja. Contohnya, anak saya keluar universiti, baru keluar universiti. Kerja apa? Pegawai Telekom. *Alhamdulillah*, belajar belas tahun, keluaran diploma, *degree*. Gaji berapa? RM1,300. Anak aku gaji RM1,300, cukuplah. Tengok *appointment letter*, tiga tahun kontrak. Dengan siapa? Agensi. Kalau syarikat sebesar gajah begitu pun mengambil agensi, inikan pula syarikat yang remeh temeh, yang kecil sebiju buah saga atau sebagainya.

Ini tidak boleh kita galakkan... [*Menggoyangkan jari telunjuk*] Oh minta maaf, tarik balik. Ini tidak boleh kita galakkan Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh. Kalau kita benarkan, apa akan kita jawab pada generasi akan datang? Ini cukup luar biasa cadangannya. Tidak memalukan kalau ditarik balik dan diserahkan kepada *Selected Committee*. Tak memalukan, malah berbangga Yang Berhormat Menteri seorang tokoh hebat. Saya kata tokoh hebat ini kerana satu kes dengan Menteri yang dipanggil satu anak syarikat di bawah Menteri Sumber Manusia. Saya bagi tahu, "*Datuk, there is a problem..*" Dia kata, dengan izin, "*Oh tak apa, dalam masa 48 jam setel*". Itulah kehebatan Datuk Yang Berhormat Segamat.

Namun demikian, tak cukup dengan itu kalaulah sekiranya diteruskan juga rang undang-undang di bawah seksyen 31 yang mengejutkan saya dan amat-amat mengerikan kita. Ini, Tuan Yang di-Pertua. Ya, bila mana dikatakan satu longgokan rang undang-undang pindaan ini yang dicerminkan oleh Yang Berhormat Rembau tadi, *big issue* seksyen 37, dalam konteks 90 hari wanita. Saya setuju wanita itu perlu diberikan penghargaan. Seorang bayi, saya dah beritahu dalam Dewan yang mulia ini, usianya 30 hari masuk ICU kerana gegaran jantung dibuat oleh penjaganya dan amatlah malangnya sekiranya anak ini sepatutnya dapat diselamatkan, tak dapat diselamatkan. Kalau kita bagi 90 hari Tuan Yang di-Pertua, selamat bayi ini.

Oleh sebab itu cadangan dari Yang Berhormat Rembau berbandingkan dengan Thailand 90 hari, di Indonesia 90 hari dengan Singapura 112 hari, saya amat menghargai Yang Berhormat Rembau kerana dia memahami sebagai seorang suami yang prihatin dan mithali, *Alhamdulillah*. Apa bicara seterusnya? Tentang kelayakan di bawah seksyen yang telah pun dicadangkan 69B iaitu daripada RM1,500 dengan RM2,000. Saya ingin mengulas bahawa tidak ada perlulah Tuan Yang di-Pertua. Sabah dan Sarawak undang-undangnya lain, Semenanjung undang-undang lain. Kalau Sabah dan Sarawak RM2,500, bagilah RM2,500. Nak susah, berat sangat nak bagi RM2,500 itu pasal apa sedangkan itu adalah keperluan hak di waktu ini dan saya menganggap bahawa peningkatan penghidupan itu perlu dilaksanakan dengan berhemat dan saya yakin tidak ada diskriminasi antara daerah-daerah, wilayah-wilayah.

Saya punya prinsip kalau kata gaji minimum RM1,100, RM1,100 pada semua. Kalau kita kata RM900 oleh MTUC, kita bagi kepada semua. Dia tak kata Sabah dan Sarawak lain sedangkan harga barang gula, tepung, susu sama lebih kurang. Mahal lagi Sabah dan Sarawak tetapi dalam masa konteks yang sama tidak ada diskriminasi tentang wilayah, itu penting. Bicara saya seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan beberapa isu semasa yang melibatkan Akta Kerja ini yang dirungkaikan. Satu contoh yang paling baik ialah ketika saya duduk di kedai mamak, saya didatangi oleh seorang pekerja dan dia kata dengan saya, "*Saya kerja 16 jam*". "*Huh, 16 jam*", "*Berapa gaji?*", "*RM600*". RM600 gaji, kerjanya 16 jam. Saya kata, "*You tak mengantuk kah?*" Dia kata, "*Apa nak buat*". Makannya apa? Makannya nasi, kuah, sayur. Ambil ayam kena potong gaji.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan satu fenomena yang tak positif kalau kita benarkan *sub contractor labor* ini dipinda kepada *contractor labor* akan menjadi satu peradaban yang mana syarikat besar-besar, syarikat kecil-kecil boleh melaksanakan demikian. Yang berlaku itu mereka yang bekerja di luar negara, kembali ke dalam negara. Apa akan berlaku kalau ini dilaksanakan, anak kita diwatakkan demikian. Hanya boleh makan nasi, kuah kari, lencun nasi itu kemudian sayur. Sayur pun macam sayur bagi makan itik, sayur kubis. Ini yang berlaku dan kalau kita benarkan. Kita mungkin kata kita nak menyelamatkan. Okey, sekarang rekodnya, rekod. Saya nak cakap pasal rekod ini Tuan Yang di-Pertua. Kita ada pegawai-pegawai, kita ada Datuk Syeikh contohnya, dia Ketua Pengarah *labor*. Kita ada Tuan Haji Ismail contohnya, sebagai Pengarah Ir, Menteri ada timbalan, menteri ada pegawai-pegawai kanan yang hebat-hebat.

Kita ada Asri, contoh sahajalah. Pegawai-pegawainya saya kenal. Hebat mereka ini. Tak bolehkah dipantau di semua ladang-ladang dalam negara ini? Selesailah masalah. Rekod kata tak boleh dapat, buatlah rekod sebab dia kena melaporkan kepada Ketua Pengarah dan juga kepada Menteri. Ini masalah apa? Masalah adakah disebabkan yang sekecil ini kita nak bebaskan kepada keseluruhannya? Jadi, kita nak benarkan pintu itu dibuka seluas-luasnya?

Saya tahu menteri ada jawapan tetapi persoalan sekarang, apakah kita boleh benarkan berlakunya perhambaan secara moden dalam zaman moden ini? Ini tidak boleh berlaku...

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya, Yang Berhormat Sivarasa.

**Tuan R.Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Kuala Langat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Langat kerana memberi ruang. Saya minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Menteri kata dia bagi lebih kurang dua alasanlah untuk pindaan ataupun pemansuhan definisi sub-kontraktor dan perluasan itu. Satu alasan dia kata adalah permintaan NUPW. Tadi Yang Berhormat Kuala Langat sudah komen lah dekat situ tetapi alasan yang kedua, dia kata ini selaras dengan saranan ILO bahawa kita perlu selaraskan, ada kesamarataan di antara pekerja-pekerja kekal dan pekerja-pekerja kontrak, itu dikemukakan sebagai alasan.

Saya ingin Yang Berhormat Kuala Langat jelaskan sedikit. Apakah keadaan sebenarnya pekerja-pekerja kontrak dan pekerja-pekerja kekal. Adakah kita bagi manfaat kepada pekerja-pekerja kekal dengan pindaan ini? Fahaman saya, kedudukan di estet itu jauh beza. Katakan dalam Sime Darby, dia nak gajikan orang untuk siram racun, dia bagi subkontraktor, dia ada 50 orang, hari ini dia siram sini mungkin dalam bulan depan dia pergi estet lain. Itu kedudukan yang lain.

#### ■ 1740

Akan tetapi di dalam kilang, sekarang sudah macam hampir lima juta orang pekerja dalam kedudukan itu. Ramai di dalam sektor pembinaan, ramai dalam sektor pembuatan (*manufacturing*) dan *service sector* juga. Mereka pergi kepada kilang. Duduk dalam kilang untuk bekerja. Akan tetapi majikan dia bukan pemilik kilang itu. Majikan dia lain. Majikan dia adalah kontraktor yang bawa dia kerja di sana. Ini yang keadaan sekarang. Cukup pelik di mana dan bukan satu kilang, tetapi ribuan kilang di seluruh negara.

Betul. Akan tetapi isu pokoknya ialah Yang Berhormat Menteri berhujah, dengan pindaan ini dia akan bantu pekerja kekal. Ini yang logiknya. So, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Langat dari segi pandangan Yang Berhormat Kuala Langat, adakah ini membantu pekerja yang kekal atau seperti yang dikatakan tadi ini cukup menjejaskan hak-hak pekerja kekal yang ada sekarang. Minta penjelasan.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Saya memang bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Subang. Isunya sekarang ialah adakah dengan terwujudnya pindaan tentang rang undang-undang ini, manfaat kepada pekerja tempatan. Jawapannya tidak. Kesan buruknya ialah Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ini, 11.3 juta termasuk pekerja-pekerja luar negara, 11.3 juta lingkaran itu. Ahli-ahli kesatuan yang ada ini 9 peratus sahaja. Hendak tubuh kesatuan, kena pecat macam *electrical* tengah barat. Salah sahaja, komen kata majikan ada pekerja asing, dibuang kerja. NEC punya syarikat, hapak punya syarikat, buang. Begitu juga berlaku di syarikat yang akan berlaku iaitu AirAsia dengan MAS ini, Tuan Yang di-Pertua. Jangan terlepas pandang. Ia akan dibebankan akhirnya kepada pekerja.

Contohnya KPI yang dibuat oleh seorang Menteri. Beliau kata penurunan pendapatan MAS itu berpunca daripada pekerja. Kesan daripada itu, pekerja disalahkan ke atas penurunan pendapatan itu. Itu cerita tidak benar. Inilah masalahnya kalau kita bebankan semua kepada pekerja. Penyelesaian hendak cari pada pekerja, sedangkan pekerja ini pengikut arah, akur dengan perintah tanpa bantahan, tidak derhaka, tidak mengkhianati syarikat. Akan tetapi persoalan sekarang ini, mengapa kita hendak buka pintu luas sangat kepada yang berlaku begitu? Dalam kesatuan, Menteri boleh cakap persatuan itu ada. Persatuan ini 9 peratus sahaja. Persoalannya kita perlu faham dulu dia punya kerangka susahnyanya ini, sendat ini, tidak boleh bergerak ini.

Keduanya, apabila berlaku perjanjian bersama, ia bergantung kepada majikan Tuan Yang di-Pertua. Majikan kata tidak mahu, tidak mahu. Dia main buat sardin sahaja, buat bodoh.

Pergi mahkamah industri dia buat bodoh, mahkamah tinggi dia buat bodoh. Akhirnya yang menjadi mangsa dan juga terseksa adalah pekerja juga. Jadi kalau dikatakan ambil *convention LO*, saya setuju. Ambil *convention LO*. Kenapa tidak diambil *convention LO 87* yang mana mewajibkan apabila ada pekerja mohon tidak kira majoriti, iktiraf persatuan. Begitu, *alhamdulillah*.

Boleh dikatakan seluruh pekerja 11.3 juta itu dalam kelompok ataupun dalam kumpulan mereka yang terbela. Akan tetapi hari ini tidak berlaku begitu. Dalam satu syarikat Tuan Yang di-Pertua, pekerja yang sama, deskripsi kerja yang sama, spesifikasi kerja yang sama, gajinya berbeza, tuan punya syarikat pun berbeza. Jangan kata besar. Telekom pun samalah. Tenaga Nasional Berhad pun samalah. Guthrie pun samalah. Sime Darby pun sama. Ini yang berlaku. Akan tetapi kenapa dibenarkan perkara itu berlaku, mana penguatkuasaannya? Mana inisiatif daripada kementerian untuk memastikan bahawa mereka ini terbela, mana? Ini persoalannya. Buatlah apa-apa pun tetapi atas dasar penguatkuasaan, tidak akan timbul keadilan dan kebenaran dan juga keyakinan pekerja untuk dibela atau diberikan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan dari itu, saya cadangkanlah supaya *contractor of label* ini *discuss* di bawah *select committee* ataupun bawa kepada *Private Employments Agencies Act 1981* supaya benda ini tidak mengecut dan memberikan kesan buruk kepada pekerja-pekerja. Saya mohon ketepikanlah soal pemerintah dasar, pergilah kepada kemahuan pekerja. Tidak akan semua pekerja kesatuan membantah. Ada manfaatnya daripada implementasi yang dibuat ini. Kalau semua menentang, tidak betullah itu. Jadi perkara ini saya mohon direnung kembali, ditangguhkan supaya benda ini, perkara ini boleh diselesaikan dengan semaksimum dan pastikan bahawa 6.1 juta pengundi pekerja itu dia ada pertimbangan. Jangan esok, habis semua esok dua per tigalah kami jawabnya.

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal yang dikatakan sebagai pelibatan syarikat-syarikat yang mana secara langsung tidak diambil tindakan dan diberikan peluang banyak kepada mereka secara konsisten luar negara. Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya buat pemantauan. Banyak sangat beliau kata penerimaan pekerja-pekerja daripada profesional luar itu diberikan kepada mereka yang bukan anak tempatan. Ini harus diberi dasar jelas bahawa peluang itu perlu diberikan kepada anak tempatan tidak kira daripada lapisan mana mereka, yang penting mestilah diberikan peluang. Kalau *qualification* mereka itu sama taraf, diberikan pertimbangan supaya pemantauan ini dapat dilaksanakan. Maka, tidak adalah berlaku riuh pekik ataupun ketidakselesaan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini berulang kali termasuk Yang Berhormat Pasir Salak tidak puas hati dengan apa yang berlaku pada hari ini, perbetulkan.

Saya percaya dengan kedudukan Sumber Manusia yang berhubung kait dengan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan duduk semeja dan bincang supaya jangan terlampau banyak sangat memberikan kebenaran, kemasukan berhujan tali arus pekerja asing ini sehingga menenggelamkan dan menidakkan hak pekerja-pekerja tempatan. Walaupun dalam seksyen 60(m) Tuan Yang di-Pertua, ada termeterai bahawa diharamkan mengambil pekerja asing dan *terminate* ataupun membuang pekerja tempatan. Memang sudah ada, tetapi penguatkuasaan itu nampaknya kurang jelas.

Maka yang demikian, saya kira memendekkan bicara, merumus segala bentuk apa sahaja yang saya katakan tadi, saya merayu sebagai Ahli Parlimen Kuala Langat, Yang Berhormat Menteri, tolonglah tarik balik ataupun berbincang kembalilah seksyen 31 ini untuk memenangi ataupun memastikan bahawa generasi akan datang dapat dipelihara termasuklah mereka-mereka yang terlibat secara langsung dalam konteks pekerja kontrak ini. Saya harap Yang Berhormat Kinabatangan tidak menentang isu ini. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan kerana menganggu. Setujulah itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**5.47 ptg.**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penat saya mendengar hujah yang diberikan oleh rakan saya daripada Kuala Langat. Saya melihat hujah itu adalah satu hujah politik, hujah yang tidak berasaskan kepada fakta dan semangat rang undang-undang yang ada di hadapan mata kita sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Hujah tersebut Tuan Yang di-Pertua, menzalimi pekerja-pekerja yang ada di negara kita ini. Hujah tersebut menindas kepentingan pekerja-pekerja yang sedang kita pertahankan oleh Barisan Nasional. Ia menganiaya kepentingan pekerja-pekerja yang kita ingin bantu dan bela oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, 28 peruntukan yang sedia ada dipinda, 17 peruntukan baru seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, 2 peruntukan yang dimansuhkan. Hampir keseluruhan peruntukan-peruntukan yang dipinda, yang diperuntukkan baru dan dimansuhkan ini adalah hasrat yang begitu baik oleh kerajaan untuk membela pekerja. Cuma, yang menjadi satu isu besar kepada rakan-rakan kita di sebelah pembangkang ialah definisi subkontraktor kepada kontraktor, *contractor for labor*. Ini yang menjadi satu permasalahan yang besar kepada rakan-rakan saya. Akan tetapi, saya ingin nyatakan di sini bahawa definisi ini ataupun kebimbangan yang diujahkan oleh rakan-rakan saya tadi itu tidak ada ruang di dalam rang undang-undang ini.

Mereka mempunyai masalah Tuan Yang di-Pertua, mereka mempunyai masalah iaitu konsep *contract employment...*, *contract employment* berbanding dengan perjawatan tetap. Ini tidak disentuh di sini. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Kuala Langat dan rakan-rakan yang lain, sama ada undang-undang ini ada atau tidak, model *contract of employment*, *contract for labor* ini akan berlaku.

**■ 1750**

Model perjawatan sementara ini melalui kontrak ini akan berlaku Tuan Yang di-Pertua. Sama ada kita mahu atau tidak. Hari ini yang ada di depan mata kita ini bukan untuk membincangkan tentang model sama ada *contract for labour* itu bagus dengan *permanent employment*. Bukan! Itu mungkin ada satu lagi ruangan yang lain yang kita mahu bincangkan. Hari ini kerajaan Barisan Nasional dengan berani datang ke Parlimen ini untuk membuat satu peruntukan untuk membantu *contract for labour* pekerja-pekerja di bawah definisi ini.

Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua - Yang Berhormat Kinabatangan hendak mencelah? Silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Tadi Yang Berhormat Kuala Langat menyebut saya menyokong supaya akta ini ditarik. Yang Berhormat Kota Belud, saya membaca akta ini dan dahulu pun telah dibawa ke Dewan Rakyat. Sedarkah Yang Berhormat pada 12 Oktober 2010 tetapi untuk memberikan kepuasan kepada semua pihak termasuk menunggu cadangan daripada MTUC dan sebagainya, maka pada hari ini dibentangkan semula akta ini. Hasrat murni kerajaan ini jelas nampak. Setelah berpuluh-puluh tahun pekerja kita terbiar, tidak terbela dan pada hari ini dengan adanya akta ini, maka ia menyediakan ruang lingkup yang begitu kondusif kepada pekerja daripada aspek kebajikannya, keselamatannya, gajinya.

Seharusnya pihak di sana melihat secara bijaksana. Jangan terkunci hati itu, terkunci mati. Harus melihat bahawa apa-apa pun yang dibentangkan walaupun kita bertentangan ideologi dalam politik tetapi akta ini ada kebajikannya. Maka sokonglah! Saya hairan dengan pihak pembangkang di negara kita ini. Yang baik pun, dia bantah. Apa lagi kalau tidak baik. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Arau.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Arau dahulu.



**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Kota Belud. Kalau tanggapan mengatakan bahawa saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kota Belud bahawa rang undang-undang ini dibuat dengan tergesa-gesa, apakah maknanya proses konsultasi yang dibuat lebih daripada 18 kali semenjak 2010 untuk mendapatkan pandangan daripada semua kesatuan sekerja, bagi mendapat satu pandangan yang jelas, konkrit dan komprehensif untuk kita membentangkan di Dewan yang mulia ini. Pandangan Yang Berhormat Kota Belud...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Nanti saya beri kepada Yang Berhormat. Saya rasa, saya *establish* dahulu pandangan saya. Kemudian, saya akan beri ruang kepada Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan. Ini adalah untuk pekerja. Itu sebabnya saya katakan tadi lapangan dalam konteks rang undang-undang ini, hujah daripada pihak pembangkang tidak munasabah. Mereka mahu mempertikaikan tentang model pekerjaan. Sedangkan ini tidak disebut dalam rang undang-undang ini.

Rang undang-undang ini, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau, saya bersetuju. Tidak akanlah 18 kali proses konsultasi, kerajaan dituduh tidak mahu memberikan pandangan, tidak mahu memberikan ruang untuk kesatuan sekerja memberikan pandangan, 18 kali! Apakah kalau MTUC bersetuju, barulah rang undang-undang ini boleh dikatakan rang undang-undang yang baik? Tidak akanlah. Kerajaan ini bersetuju. Kerajaan ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab. Saya beri masa 20 saat kepada Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu zalim, Yang Berhormat Kota Belud. 20 saat dia beri kepada saya, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Saya hendak betulkan fakta Yang Berhormat Kota Belud cakap tadi.

Yang Berhormat Kota Belud, kalaulah dia kata lapan bulan lah, beberapa bulan kah, mengapakah MTUC berpiket di luar Parlimen dua hari yang lalu? Perkara ini tidak dibawa, dirujuk kepada MTUC. Saya *consult* MTUC, saya tahu. Usul itu telah dibawa oleh mesyuarat tertinggi MTUC. Kami tidak dipanggil. Perbetulkan fakta, Yang Berhormat Kinabatangan. Dia yang cakap... tidak betul.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Nanti saya beri ruang lagi.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Sebenarnya saya hendak cakap pasal subkontraktor *labour*, kontraktor *labour* ini jangan pandang daripada sudut subnya itu sendiri. Kena pandang keseluruhan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey. Faham Yang Berhormat. Saya pun baca Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** ...Besar Yang Berhormat Kota Belud. Kena pasang besar.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih. Saya beri ruang.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Kota Belud seorang peguam, harus menilai daripada persepsi ataupun definisi yang luas. Jangan sempitkan! Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kota Belud, boleh saya sambung sedikit?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya hendak memperbetulkan penyelewengan daripada rakan di sebelah sana.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Maaf. Yang Berhormat Kota Belud bukan peguam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya bukan peguam tetapi saya juga mempunyai pandangan yang wajar dan waras. Bukan seperti pandangan rakan saya yang di sana. Semuanya menuju ke jurang yang boleh memesonkan negara dan rakyat. Jelas bahawa kerajaan, kementerian telah membawa, membincangkan dengan kesatuan sekerja. Saya boleh baca satu-satu iaitu dengan MEF, FMN, MTUC, NUPM, WAMPA, EAMCH, MCCI dan banyak lagi. Semua ada. Sudah beri pandangan, sudah beri... kerajaan ikut... [Disampuk] Ini sahaja, memang kita akta ini supaya kebajikan, memberi jaminan kepada kerajaan, tidak menganiayai kerja. Ini bukan keliru. Yang Berhormat yang keliru terus.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta, Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu yang saya katakan tadi. Saya tidak tahulah kalau mungkin definisi konsultasi bagi pihak pembangkang ini ialah kerajaan tunduk pada tuntutan kesatuan sekerja. Saya rasa itu tidak berlaku adil kepada kerajaan. Kerajaan ini bertanggungjawab. Memang betul rang undang-undang ini kontroversi. Ini kerana ia selalu digembar-gemburkan oleh pihak pembangkang dan saya tahu kita akan mendapat risiko yang besar, berdepan dengan pilihan raya kerana diselewengkan semangat rang undang-undang ini oleh pihak pembangkang. Akan tetapi kerajaan ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab. Kerajaan yang mahu menjaga kepentingan pekerja. Itu.

Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tadi saya dengar rakan saya Yang Berhormat Kuala Langat mengatakan, tangguh! Yang Berhormat Subang kata, tangguh dahulu. Bawa dahulu konsultasi dalam jawatankuasa *select committee*. Saya hendak beritahu, apakah Yang Berhormat daripada pihak pembangkang mahu duduk diam apabila *allowances* rumah pekerja-pekerja ini tidak dibayar oleh majikan? Apakah pihak pembangkang mahu berdiam diri, mahu menanggungkan jika tidak ada pembayaran pada EPF dan SOCSO oleh majikan, oleh kontraktor atau subkontraktor? Apakah pihak pembangkang mahu menanggungkan ...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dan membiarkan pembayaran dan sebagainya oleh mahkamah buruh tidak dibayar oleh majikan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit, Yang Berhormat Kota Belud.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kota Belud, boleh mencelah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Oleh sebab itu, beri saya ruang dahulu. Saya *establish my case first*. Saya akan beri ruang.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Balik Pulau, sedikit, ya?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya akan beri dan saya tidak ada masalah. Ahli Parlimen Barisan Nasional bukan seperti Mat Sabu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dia belum menjadi Ahli Parlimen.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita akan beri ruang, berbincang.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tahun depan. *Election* sekali lagi.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Apa cerita pasal Mat Sabu ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya *establish* dahulu. Saya akan beri. Jangan susah. Tidak masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak duduk, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Balik Pulau kah...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Apa kaitan dengan Mat Sabu Yang Berhormat Kota Belud?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak ada masalah. Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah. Akan tetapi kalau kita lihat daripada semangat rang undang-undang ini, jelas. Kita mahu menyesuaikan dengan keperluan semasa, memantapkan peluasan undang-undang.

Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam satu kajian ataupun satu peraturan, satu kajian yang dibuat oleh yang di *sanction by international labour organization, Asia-Pasifik Regional Seminar for Trade Union Organizations on Contract Labour* di New Delhi pada tahun 1997. Dengan jelas menyatakan bahawa *contract for labour* ini, model *contract for labour* ini adalah satu model penggajian yang diterima pakai.

Persoalannya, apa yang dikatakan oleh pihak pembangkang ialah penguatkuasaan dan inilah, pada hari ini kita berdiri di sini untuk memberikan kuasa penguatkuasaan lebih ketat, yang lebih jelas kepada pihak berkuasa untuk menangani isu ini. Ini isunya. Saya beri 20 saat kepada Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Supaya kalau saya beri 20 saat Yang Berhormat, tidak perlu politik. Terus *straight to the point*.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** 20 saat dari sekarang.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Nasib baik Yang Berhormat Kota Belud tidak jadi Menteri Sumber Manusia. Kalau tidak, teruk saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Direct*, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kota Belud, bila kali terakhir Yang Berhormat Kota Belud pergi ke mahkamah industri? *[Disampuk]*. *Industrial court*. Soalan di sini ialah Yang Berhormat Kota Belud, saya tadi berikan satu sahaja contoh yang mangsa kontrak. Banyak lagi sehinggakan cuti raya baru-baru ini, kebetulan saya tanya, 'Ambil cuti tidak kali ini?' "Oh! Tidak ambil cuti Yang Berhormat. Kilang *shut down*". Eh! Kilang *shut down*...

■ 1800

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Nanti, nanti sekejap saya hendak cerita sebelum *you* boleh *respond*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak, bukan. Tadi cerita lain. Tadi cerita fasal kena ini...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *I give you 20 second* Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yes. Kenapa tidak kerja lagi? "Oh! Kilang shut down. So, jadi bila kilang shut down buat apa? Kita pun diarahkan untuk mengambil cuti. Kenapa masalah kilang, majikan yang masalah kamu yang kena ambil cuti? Ini disuruhkan majikan." Cuti itu dia punya hak tetapi bayangkan di kala ini Yang Berhormat Kota Belud, literasi pekerja di bawah ini teruk. Dia orang pekerja biasa, banyak yang saya tahu kawan-kawan kita di sekolah yang tidak dapat sambung kerja kilang, kerja bawahan atau *production workers*. Isunya ialah isu...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang pemantauan pun tidak boleh buat, hendak lagi undang-undang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya faham, terima kasih.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya merayu kepada Yang Berhormat Balik Pulau sokong rang undang-undang ini. Sokong rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini meminta...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Mewajibkan kontraktor ini mendaftar. *Let me finish my talk*. Nanti dulu. Mendaftar dan juga memantau, diberi kuasa kepada kerajaan, kepada Menteri, kepada ketua pengarah tenaga kerja. Apa yang masalahnya? Mungkin isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Balik Pulau ini akan dapat diselesaikan dengan kuasa yang lebih. Jadi apa? Kalau kita tidak mahu maka selesai masalah. Ini sebabnya saya katakan tadi hujah daripada pihak pembangkang *is out of place* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

*This debate*, perbincangan ini bukan untuk membahaskan sama ada model *contract for labour* ini sesuai atau tidak. Rang undang-undang ini dibuat untuk memastikan tidak ada penyelewengan kepada pekerja-pekerja di bawah *contract for labour* sekarang ini. *I think you are misplace*. Ini sebabnya masalah kita. Saya tahu, saya tahu!

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Contract for labour* ini adalah satu definisi yang berbeza-beza di antara satu dengan lain. Akan tetapi, di depan mata kita...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh Yang Berhormat Kota Belud?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Hari ini ialah rang undang-undang yang mahu membantu pekerja-pekerja di bawah *contract for service*. *Whether you like it* Yang Berhormat...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat boleh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Whether you like it or not...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sokong atau tidak sokong rang undang-undang ini atau rang undang-undang ini dibentangkan di Parlimen ini model *contract for labour* ini akan berterusan dan yang amat penting kepada kita ialah jangan khianati, jangan zalimi pekerja yang berada di bawah *contract for labours* sekarang ini, yang sedang dimanipulasikan oleh majikan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh Yang Berhormat Kota Belud?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini sebabnya, ini sebabnya saya katakan *contract for labour* ini harus disokong oleh Yang Berhormat Balik Pulau, oleh Yang Berhormat Hulu Langat, oleh Yang Berhormat Subang dan yang lain-lain.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Ketawa]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita harus sedarkan rakan-rakan kita. Yang kita bincang ini bukan untuk bagaimana *contract for labour* ini untuk di *discuss*. Akan tetapi yang ini, yang mana terkandung, ia hebat memberi ruang. Selain daripada itu memberi ruang faedah cuti bersalin kepada semua pekerja dan bergaji. Benarlah, apabila akta ini lulus maka selesailah masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat Balik Pulau. Akan tetapi, dia bincang lain. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu yang saya katakan tadi Yang Berhormat Kinabatangan. Perbincangan mereka ini adalah tersimpang jauh daripada dasar rang undang-undang ini. Saya faham Yang Berhormat Kuala Langat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya faham, saya faham. Saya amat bersetuju tetapi ini bukan ruangnya, bukan juga untuk bermain politik. Cuba menggigit simpati daripada rakyat seolah-olah kononnya kerajaan ini zalim. Kalau saya ikut apa yang dikatakan oleh pembangkang, saya ingin katakan di sini pembangkang yang zalim dan menganiaya pekerja di negara ini.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Bagi ruang kepada saya Yang Berhormat Kota Belud.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya bagi kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang meminta laluan tadi, biar...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Klang, *I give you 30 second.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Wah! 10 second not enough.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *No, I give you 30 second. Just straight to the point.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya memang terima pandangan Yang Berhormat Kota Belud yang mengatakan bahawa *contract for labour is... to say. I am not denying that, it's a fact.* Akan tetapi soalnya kepada Yang Berhormat Kota Belud ialah seperti berikut. Jikalau kerajaan betul-betul hendak *convince* rakyat saya hendak minta kerajaan pada hari ini, adakah mereka telah membuat satu *employment impact assessment study* yang akan menunjukkan bahawa sebenar-benarnya *contract for labour* akan memberi perlindungan untuk pekerja di negara ini. *So, my question is where is the study?* Jikalau kita tidak ada penyelidikan *then it's all talk shop. Talk shop!* Minta penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Thank you for the question.* Yang Berhormat Kinabatangan mahu berdiri? Yang Berhormat Jasin dahulu. Selepas Yang Berhormat Jasin baru Yang Berhormat Kinabatangan. 30 saat Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian sedikit. Saya tengok perbincangan kita sudah menyimpang cukup jauh sebenarnya.

Sebenarnya rang undang-undang ini bagi memartabatkan lagi hak pekerja. Saya mempunyai pengalaman bahawa setakat ini sebenarnya *contract for labour* ini telah digunakan di negara kita dengan begitu berleluasa sekali dan ianya cukup bertepatan sekali.

Apa yang kita buat pada ketika ini selain daripada pekerja-pekerja yang didaftarkan melalui kontraktor-kontraktor yang sebenarnya berdaftar kepada majikan, bertanggungjawab kepada majikan. Dia bukan sahaja membayar gaji mengikut daripada *piece rate* bahkan mereka juga membayar EPF dan SOCSO. Dengan adanya *contract for labour* dasar ini, kita dapat memastikan yang pertamanya bukan sahaja keluaran daripada produk itu akan terus meningkat bahkan pekerja akan benar-benar bertanggungjawab tentang tugas mereka. Kalau tidak, bukan sahaja mereka ponteng bahkan majikan tidak mendaftar apa juga hasil seperti yang diharapkan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kota Belud, boleh saya sambung sekejap. Saya ingin memberi makluman kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Dia tanya siapa wakil MTUC. Saya tengok mesyuarat wakil-wakil MTUC yang hadir pada 22 Oktober 2009, presiden MTUC hadir, Syed Shahir Syed Mohamud. 26 Januari dia juga, 3 April wakil MTUC...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat, dia mungkin hadir. Akan tetapi dia setuju ke tidak itu soalan dia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak setuju dia tidak hadir!... [*Dewan riuh*] Pada 27 Mei, presiden juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat menyeleweng ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pada 1 Jun 2010, J. Raja Krishnan, Mustapa Maarof ramai lagi. Jadi, ini menunjukkan bahawa mereka hadir memberi pandangan dan persetujuan. Bukan seperti tanggapan Yang Berhormat hendak memesongkan rakyat. Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat kita boleh cara baik macam awal-awal tadi. Minta kerjasama.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia tidak ada kelas!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Ruang saya bagi kepada pembangkang kalau saya berucap Yang Berhormat, saya sudah bagi.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak mengapalah. Tadi bagi Yang Berhormat Kinabatangan, bagi pula Yang Berhormat Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Yes, I know*, nanti, nanti. Ada ruang untuk Yang Berhormat berucap nanti ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk dulu Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya rasa rang undang-undang ini begitu penting untuk negara kita, jangan di selewengkan oleh pembangkang, saya rasa Tuan Yang di-Pertua akan beri ruang yang cukup luas untuk pembangkang. Saya ingin komen kepada Yang Berhormat Kinabatangan Tuan Yang di-Pertua. Alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kinabatangan ini betul.

Sebenarnya MTUC dibawa berunding. Masalahnya, ada dalam MTUC ini adalah pro pembangkang. Ini serius, tetapi saya kata tidak salah Yang Berhormat. Tidak salah, siapa kata salah? Tidak payah *you* mengeluh...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Apa salahnya ada MTUC menyokong pembangkang, hasrat aspirasi permainan pembangkang. Tidak ada masalah, tidak ada undang-undang yang mengatakan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja tidak boleh menyokong pembangkang. Akan tetapi, pada masa yang sama harga pendirian kerajaan. Pendirian kerajaan ialah kita tidak boleh membenarkan majikan menganiaya pekerja. Tidak boleh lagi majikan tidak membayar gaji seperti yang mana berlaku di Balik Pulau. Kita tidak mahu lagi majikan tidak membayar gaji...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak memberhentikan pekerja sewenang-wenangnya. Semua itu tadi terkandung di dalam peruntukan rang undang-undang ini Yang Berhormat. Itu sebabnya saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Memang *you* tidak faham.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kenapa pihak pembangkang terlalu menzalimi pekerja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Menganiaya pekerja. Saya tidak tahu sebab saya katakan tadi perbincangan mereka berasaskan...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Minta penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kepada sama ada konsep penggajian *contract for labour is something that you want or not* dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak bagi dulu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Bagilah Yang Berhormat Kota Belud.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kawan-kawan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Kawan-kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat selepas ini boleh berdebat, boleh berbahas selepas ini.

#### ■ 1810

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak ada masalah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Kita pun pekerja Parlimen.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Shah Alam dia punya *expertise* dalam bahagian...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Shah Alam banyak kilang... [Dewan riuh] Jauh lebih banyak daripada Kota Belud.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yalah tetapi banyak kilang yang hendak kena jelas kepada dia. Kalau saya tidak ada *expertise* dia lagi teruk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah cakaplah Yang Berhormat dia tidak bagi jalan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau, kalau - Yang Berhormat Shah Alam *stick* itu yang tidak bertauliah punya ini. Ceramah tidak bertauliah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan ada tauliah? Tuan ada tauliah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang ada tauliah di sini Yang Berhormat Kuala Langat. Sebab itu saya bagi dua tiga kali kepada Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kota Belud ada tauliah. Tunjuk tauliah kalau ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada tauliah pun hendak bising juga.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa pertama sekali seperti mana yang dikatakan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Rembau cadangan ini diutarakan oleh NUPW iaitu *National Union of Plantation Worker*. Yalah tadi Yang Berhormat Kuala Langat mengatakan NUPW ini salah satu tetapi mereka juga kesatuan sekerja yang mempunyai pekerja-pekerja yang ramai di bawah mereka di bawah *system contract for labor, do not underestimate that*, dengan izin. Jangan hanya kerana NUPW yang mempunyai pekerja-pekerja di bawah *contract for labor* ini menyokong rang undang-undang ini diketepikan terus. Ini yang saya katakan tadi ini permainan politik.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Bakal menteri, bakal menteri minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sebab itu satu lagi Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi telah diberi pengiktirafan oleh ILO di mana *contract for labor* ini adalah satu sistem penggajian yang sesuai.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jelaskan di sini pindaan ini tidak mengugat *permanent jobs* ataupun perjawatan tetap seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat rakan saya daripada pembangkang. Saya rasa tidak kerana Menteri boleh menggunakan seksyen 2A itu untuk mengadakan peraturan bagi memastikan perkara ini tidak disalahgunakan. Kalau kita ada masalah dari segi penguatkuasaan, penguatkuasaan tadi kita katakan banyak yang diberhentikan, yang dizalimi. Inilah dia rang undang-undang diperketatkan lagi. *It doesn't solve your problem by objecting to this* rang undang-undang Yang Berhormat. *It doesn't solve your problem*, dengan izin.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang akan meyakinkan Yang Berhormat ialah... [Disampuk]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]



**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Silakan keluarlah. You tidak ada Yang Berhormat. Tidak ada *class*, jalanlah. *You think, you can solve the problem?* Hindustan inilah...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Langsung tak mahu dengar pandangan yang lain.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Berdiri keluar, pergi tandas. Duduk kat tandas you masih boleh dengar ucapan saya dalam tandas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak payah bergaduh macam ini Yang Berhormat. Ya selepas ini pembangkang *this site* ada peluang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya bagi Yang Berhormat Subang nanti saya bagi kepada ini. Saya tidak ada masalah bagi tetapi Yang Berhormat Shah Alam punya *style* kurang ajar sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya ingin balik kepada isu pokok. Tadi Yang Berhormat Kota Belud kata *contract for labor* ini satu hakikat, *yes*. Akan tetapi isu bagi kita ialah itulah masalah pokok dia dan kita kena faham undang-undang yang sedia ada *the original act* hanya membenarkan pembekalan *labor, supplying labor* hanya kepada kontraktor ataupun subkontraktor. Sebab itu adalah satu keadaan yang terhadlah, *it limited situation*.

Macam saya sebut tadi dalam estet memang boleh sesuai untuk keadaan-keadaan tertentu tetapi kerajaan Barisan Nasional telah buka ruang untuk *contract labor* dalam lima, sepuluh tahun yang lalu ini *contract labor* telah merebak sampai ke tahap *it is actually illegal*. Akan tetapi dibiarkan berlaku. Contoh yang saya beri tadi macam kilang-kilang, you boleh pergi mana-mana kilang Shah Alam ada banyak kilang macam itu. Pekerja di bawa oleh *contractor for labor and working for the principle employ* dalam kilang tetapi majikan dia bukan pemilik kilang. Itu adalah *illegal*. Haram. Tidak dibenarkan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *I know*, saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Just a summary second say.*

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Faham *then withdraw* lah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *What you said, I know. You go straight to the point* sahaja. *What is your problem*, dengan izin. *You don't have to lecture me, I know, I also read the rang undang-undang* dan saya juga...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa, apa...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, saya faham, saya faham. Saya bagi ruang Yang Berhormat tetapi *straight to the point, you don't have to lecture me. You just straight to the point to what your problem, what is your question...* *[Disampuk]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Angkuh betul.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Biar saya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *What is soalan. Now you want the floor or not? You want the floor or not sir? If you want the floor you don't have to lecture me because I know the issue that you brought, just give me the issue.*

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *No the issue then tarik balik.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *The problem nanti you get out! You are not even given the chance.* Yang Berhormat tolong *straight to the point. I got no time.*

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Inilah Yang Berhormat Shah Alam tengok Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada disiplin langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak ada sebab untuk hendak memekik macam ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya cuma bagi tahu saya bagi ruang Yang Berhormat tidak ada masalah tetapi kalau you panjangkan cerita itu yang saya sudah tahu saya hendak bagi tahu saya tahu isunya. *Just ask me the question then if I can answer*, dengan izin saya akan *answer* kalau tidak saya akan bagi kepada Menteri untuk menjawab. *Very simple, straight forward, it is fair sir?*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Let me continue to finish the point.* You boleh ikuti ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, okey. *Don't waste my time.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Balik Pulau. *At this stage please sit down.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas kedudukan apa yang kita ada sekarang situasi atau keadaan di mana kedudukan ratusan beberapa juta boleh katakan pekerja kontrak dalam keadaan yang melanggar undang-undang yang sedia ada. *This is actually illegal.* Jadi bantahan kita kepada pindaan sekarang ialah ia akan perluaskan definisi *contract for labor* dan benarkan *supply the labor for the principal*. Ia akan menghalalkan apa yang sekarang ialah *illegal*. Itulah bantahan kita. *That is the issue you are going to legitimize what is illegal.*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kota Belud sedikit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Sorry.* Minta maaf dengan izin kita akan halalkan kedudukan di mana dibiarkan oleh kerajaan ini kerajaan sekarang satu kedudukan *contract labor* menjadi satu hakikat luas dan di mana hak mereka sebagai pekerja telah dijejaskan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Thank you sir.* Terima kasih, terima kasih. Saya kena bagi ruang yang terhad. Sebab saya pasti Tuan Yang di-Pertua, akan bagi ruang mereka berucap. *You know.* Macam soalan daripada Yang Berhormat Subang, mengatakan bahawa ada berlaku pelanggaran undang-undang, saya minta maaf saya tidak boleh jawab saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab nanti sama ada betul atau tidak tuduhan Yang Berhormat. Ya, kerana hujah ini *it's a to face argument.*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya, sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya bagi 20 saat Yang Berhormat. *Straight to the point*, jangan macam orang lain.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Kita doakan jadi Menteri lepas ini... *[Ketawa]* Yang Berhormat Kota Belud saya dengan yakin katakan Yang Berhormat Kota Belud hari ini amalan sekarang sebelum diluluskan melalui perundangan melalui *statutory allowed* sekarang ini tidak ada *statutory provision* tapi kita di Dewan hari ini kerajaan minta secara *statutory*. Implikasinya lain.

Yang Berhormat Kota Belud tadi yang saya cerita tadi itu ialah dalam keadaan apabila majikan subkontrak itu sepatutnya membela nasib orang yang dia ikat kontrak itu apabila ianya didapati tidak bersalah. Akan tetapi pilihan mereka selalu menjaga majikan yang utama kerana kontrak mereka bergantung kepada syarikat besar itu. Sehingga mereka datang mengadu kepada saya dia kata Yang Berhormat saya tidak bersalah, dan majikan saya pula bukan membela nasib saya, ke *labor office* dan sebagainya. Saya dibuang terus kerana dia hendak jaga hati *main contractors*. *I have point* begini Yang Berhormat Kota Belud. Yang Berhormat tahu Balik Pulau, Yang Berhormat pergi tengok di kawasan kilang seperti yang diujahkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat bukan ramai pun yang masuk persatuan, rata-rata di sana adalah orang kampung biasa, *production workers*.

Apa yang kita minta di sini akan memberikan implikasi langsung kepada mereka. Dahulu bila kerja dengan Motorola dan sebagainya sampai beranak cucu sampai tua tetapi sekarang tidak boleh. Tidak tadi yang diujahkan oleh Yang Berhormat Rembau *security of tenure* itu tidak ada. Jadi kita tidak boleh benarkan perkara ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu sebabnya saya ulang sekali lagi Yang Berhormat. Kalau itu kebimbangan Yang Berhormat sokong rang undang-undang ini. Tidak faham lagi Yang Berhormat. Saya hendak beritahu, kenapa kerajaan menggubah daripada *subcontract for labor* kepada *contract for labor* ini. Antara lainnya ialah untuk memastikan dan mewajibkan dari segi undang-undang supaya kontraktor ini didaftarkan. Sekarang ini Yang Berhormat tidak perlu didaftarkan. Kementerian Sumber Manusia tidak daftarkan. Sekarang ini diwajibkan...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** No, KDN daftar.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** No, no. KDN is difference story. Didaftarkan selepas didaftarkan dipantau *register* dan juga dipantau. Saya beritahu izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

#### ■ 1820

Ayatnya pendek sahaja. *You know?* Peruntukan baru mempunyai kaitan dengan takrifan kontraktor tenaga kerja di mana peruntukan ini bertujuan untuk mewajibkan kontraktor tenaga kerja mendaftar dengan Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Ini bagi membolehkan kontraktor tenaga kerja untuk menyimpan dan menyenggara maklumat mengenai pekerja yang dibekalkan dalam satu daftar bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mandatorilah itu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekarang tidak ada. Sekarang tidak ada Yang Berhormat. Oleh sebab itu kita mahu membantu Yang Berhormat di kawasan Balik Pulau.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jikalau tidak kontraktor itu lari bawa duit, tidak bayar gaji. Ini yang kita mahu. Saya faham. Itu sebabnya yang saya katakan tadi. Saya katakan tadi masalah yang ada sekarang di depan mata kita Tuan Yang di-Pertua, mereka membincangkan tentang *modality*.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sistem penggajian. Sistem *contract for labour* ini.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasakan di sini sekali lagi, kalau mereka menolak rang undang-undang ini saya ingin memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa ini akan menzalimi masa depan pekerja di Malaysia ini akan menganiaya dan juga akan menindas pekerja-pekerja yang akan dibela oleh rang undang-undang di bawah kerajaan Barisan Nasional. Saya bagi kepada Yang Berhormat Jasin sebelum saya menutup.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Belud. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok kita punya perbincangan ini telah berlarutan. Sebenarnya perkara yang pokok ialah kononnya kita mempertahankan seolah-olah hak pekerja dinafikan. Apa yang terjadi pada ketika ini ialah menjadi amalan biasa di mana-mana sektor. Saya dahulu di sektor perladangan. Jikalau tidak adalah perkara ini mungkin perladangan tidak ada majikan yang mahu mengambil bahagian. Ini kerana selain daripada *speech* saya sebut tadi, kita dapat memastikan *optimum production* kerana pekerja-pekerja akan berlumba-lumba untuk mendapatkan penggajian yang lebih tinggi dengan adanya dasar *contractor for labour* ini.

Keduanya saya hendak sebut di sini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi, kita mahu kalau boleh pendaftaran ini secara formal supaya dan dalam masa yang sama apa juga masalah yang dihadapi oleh pekerja masih lagi majikan dipertanggungjawabkan. Jikalau sekiranya kontraktor tidak membayar gaji, tidak bayar EPF, tidak bayar SOCSO, majikan masih lagi bertanggungjawab. Ini kerana majikan tidak memastikan kontraktor tidak membayar. Walaupun sebenarnya kontraktor bertanggungjawab kepada pekerja tetapi pekerja punya kebajikan masih lagi tanggungjawab majikan...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** [Bangun]

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Jadi tidak ada sebab bahkan rang undang-undang ini saya sebut tadi memperkasakan lagi hak pekerja. Terima kasih.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Kota Belud. Sekali, sekali mencelah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Arau.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Kota Belud, kecenderungan sekarang ini kita lihat yang diamalkan, subkontraktor dia lebih cenderung untuk jaga *human resources manager* kerana untuk dapat *payment* awal. Dia tidak peduli nasib pekerja. Jikalau di dalam kilang *manufacturing sector*, dia pastikan kalau tidak cukup pekerja pada waktu itu dia akan pergi tangkap muat sesiapa pun untuk pastikan pada masa itu cukup untuk 100 pekerja keperluan pada syif berkenaan. Akan tetapi dia tidak peduli dengan perkara-perkara yang lain. Apa yang penting bagaimana dia memastikan kontraknya dengan kontraktor itu berpanjangan. Jikalau kita menolak rang undang-undang ini kita tidak bermula kita tidak akan dapat apa-apa pun. Tidak akan terjadi apa-apa pun. Pandangan Yang Berhormat Kota Belud?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Arau. Itulah inti pati rang undang-undang ini rakan-rakan saya dari pihak pembangkang. Inilah inti patinya. Bukan soal hendak membincangkan tentang kebaikan *contractor for labour* ataupun *legality contractor for labour*. Bukan. Sekarang ini kita mahu supaya majikan ataupun subkontraktor yang sentiasa menganiaya, menzalimi pekerja ini didaftar secara rasmi kita tahu di mana mereka, mana alamat mereka, kita tahu kalau mereka lari dengan duit daripada majikan yang sepatutnya dibayar kepada pekerja. *We know where there are*, dengan izin. Ini *gist* ataupun inti pati rang undang-undang ini. Saya faham benda yang lain itu ada ruang dan masa untuk kita membincangkannya ini.

Jikalau ILO sendiri mengatakan bahawa *modality* ataupun penggajian secara *contract for labour* ini adalah satu perkara yang boleh diterima pakai, saya tidak merasa ini satu kezaliman kepada pekerja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi saya ingin menggulung Tuan Yang di-Pertua dengan mengatakan bahawa kalau rang undang-undang ini ditolak oleh pembangkang ia merupakan satu bukti yang jelas dan yang nyata bahawa Pakatan Rakyat mahu pekerja dizalimi terus oleh majikan yang tidak bertanggungjawab, dianiaya terus oleh majikan yang tidak bertanggungjawab dan juga terus ditekan dan ditindas.

Oleh sebab itu hari ini adalah amat penting kepada semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bersatu menyokong rang undang-undang ini supaya rakyat dan pekerja di negara ini tidak dizalimi oleh Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

6.25 ptg.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sebenarnya rang undang-undang ini banyak di antara cadangan-cadangan ini adalah satu yang saya rasa berpatutan. Saya juga ingin sebelum bermula berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memanggil kita untuk perbincangan dua-tiga kali mengenai isu ini.

Walaupun hari ini pun dengan Yang Berhormat Kuala Langat dengan Yang Berhormat Sungai Siput kita ada perbincangan akan tetapi perbincangan itu walaupun *gentleman* perbincangan tetapi ada sesuatu yang tidak kena.

Satu di antaranya adalah *contractor for labour* dan ini bukan kali pertama tahun 2010 kali pertama membawa rang undang-undang ini, saya dan beberapa Ahli Parlimen telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan mengatakan bahawa ia tidak kena kerana asas dan *fundamental aspect* antara majikan dan pekerja, *the basic element of employer – employee relationship* akan hilang. Apakah kawal selia dan apakah gerenti kepada pekerja-pekerja kalau kita ada *contractor for labour*?

Hari ini saya telah difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ini adalah kerana desakan NPWU. Akan tetapi saya hendak katakan bukan NPWU sahaja mewakili pihak pekerja di negara ini. Kita ada lebih kurang 500 *unions* di negara ini. Satu di antaranya adalah NPWU. Jika rang undang-undang ini diluluskan ia akan menolong siapa? Pekerja siapa? Pekerja asing Tuan Yang di-Pertua. Ramai di antara mereka yang *contractor for labour* yang terlibat bukan dari negara kita tetapi dengan membawa rang undang-undang ini ia akan memberi satu galakan kepada majikan untuk mengguna pakai *contractor for labour service* yang sedia ada. Saya khawatir bila ia terjadi, ia akan menyebabkan:

- (i) melemahkan (*weaken*) perundingan kebolehan pekerja-pekerja kita di antara mendapat gaji yang munasabah dan sebagainya; dan
- (ii) penglibatan mereka dalam *union* jika mereka *contractor for labour* dia pada sesuatu masa akan bekerja dengan satu *factory* selepas itu akan dialih ke lain dan dia tidak boleh menubuhkan satu *union* untuk mewakili pihak mereka.

Walaupun sebelum ini Yang Berhormat Menteri telah berkata kemungkinan menggunakan seksyen 2A. Saya rasa itu berpatutan dan saya khawatirlah kerana Kementerian Sumber Manusia sebelum ini pada tahun 1999 pada 17 Julai, satu aku janji telah diberi di Parlimen ini di mana semasa Rang Undang-undang *South Indian Labour Fund* sedang dimansuhkan. Dia telah memberi dua aku janji. Sekarang sudah lebih kurang 12 tahun aku janji itu tidak diikuti. Saya tahu di antaranya mengambil tanah kepunyaan masyarakat India dan kerajaan ingin membina satu kolej. Kita bantah tetapi selepas bantahan itu kerajaan memberi dua aku janji katakan ramai di antara penuntut-penuntut di sana adalah dari masyarakat India kerana tanah itu adalah tanah warisan masyarakat India. Kedua, guru-guru dan *lecturer-lecturer* kebanyakan atau majoritinya adalah dari masyarakat India. Kedua-dua pun tidak dicapai sehingga hari ini.

Saya ingat lagi pada tahun 2004 hanya satu murid sahaja di antara 400 murid yang belajar di sana adalah dari masyarakat India. Saya khawatir aku janji Yang Berhormat yang mungkin akan kata menggunakan guna pakai seksyen 2A, ini semua cakap-cakap angin sahaja. *There's nothing concrete*. Apa yang kita mahu seperti yang kita telah bincang, menarik balik *contractor for labour* ini. Tarik balik hari ini dan bila kita boleh kata guna pakai untuk satu sektor mungkin untuk *plantations sector*. Mungkin pada masa itu kita boleh guna pakai perkara ini...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Mencelah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya khawatir kerana kerajaan dengan tidak sengaja memberi galakan...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Telok Intan.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Ipoh Barat, adakah Yang Berhormat Ipoh Barat setuju bahawa *contractor for labour* ini sekarang kementerian dan kerajaan usahakan untuk membawa rang undang-undang ini sebagai satu akta adalah lebih mementingkan pihak majikan dan pihak-pihak swasta yang ada kepentingan untuk membuat ini sebagai satu perniagaan di arena *supply of labour*. Adakah Yang Berhormat setuju?

■ 1830

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya ingat lagi situasi sekarang nampaknya ia lebih mementingkan pihak-pihak majikan kerana obligasi mereka selepas *contractor for labour* ini mereka dapat lepas tangan, dia akan pergi kepada *contractor for labour* yang kita tahu pada masa sekarang pun *contractor for labour* ramai di antara mereka yang tidak membayar EPF, tidak membayar SOCSO, apabila masa untuk membayar gaji mereka melarikan diri dan sebagainya, ini menjadi masalah dan masalah ini lagi...

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** [Bangun]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Sekarang macam nampak Yang Berhormat Menteri *legalize an illegal act*.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya sebenarnya hairan kerana berdasarkan kepada apa yang disebutkan tadi memang banyak pertemuan dan perundingan telah diadakan oleh pihak kerajaan tetapi nampak gaya selepas pertemuan yang banyak dan rundingan yang banyak ini sekalipun akhirnya apa yang dikeluarkan ini, yang dihasilkan ini tetap tidak dipersetujui oleh pihak MTUC dan kebanyakan daripada persatuan-persatuan sekerja yang disebutkan tadi.

Tadi Yang Berhormat Ipoh Barat telah mendengar hujah daripada Yang Berhormat Kota Belud, sikapnya MTUC ini pembangkang. Kalau ada sikap yang seperti itu adakah mungkin satu rang undang-undang yang betul-betul baik boleh terhasil dan sikap saya sudah tahu, *don't lecture to me, I know everything, I already know it*. Sikap yang seperti ini, sedangkan kita tahu bahawa persatuan-persatuan sekerja ini seperti MTUC, merekalah yang mewakili pekerja, kita perlu dengar apakah bantahannya, mengapa, cara bagaimana hendak mengatasi kelemahan-kelemahan dalam klausa-klausa ataupun ayat-ayat yang terkandung dari pandangan pekerja, janganlah kita ini menganggap bahawa diri kita ini telah tahu semua.

Lalu bagi sayalah walaupun disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Kinabatangan bahawa Shah Alam ini tidak ada standard, apa semua tidak ada, ini menunjukkan mereka ini tidak ada hujah, tetapi apabila mereka mengemukakan orang ini sudah hadir, Syed Sahir sudah hadir, ini sudah hadir itu sudah hadir dan oleh sebab mereka hadir maknanya semua telah bersetuju. Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat tentang pendekatan, sikap dan seolah-olah MTUC ini semua hendak menzalimi pekerja...

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** [Bangun]

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Yang hendak membela pekerja hanya kerajaan. Itulah sikap dan saya rasa inilah masalah negara kita, satu kerajaan yang walaupun disebut oleh Perdana Menteri *the age* zaman kerajaan sudah tahu semua telah berakhir, *he said is over* ya tetapi *I think you are witness to that kind of attitude, it was shown just now, this is exactly the type of attitude that prevent us* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *that prevent us from achieving a good* rang undang-undang. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya bersetuju kepada Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Barat *you sit down* dulu.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu. Ramai lagi yang mahu bercakap, sila-sila / *want an indication*, di sebelah sana? Terima kasih-terima kasih, duduk Yang Berhormat duduk.

Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, saya tanya kerana apabila cara berbahas seperti tadi, kita akan habis jam 24, di dalam demokrasi Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan apabila sudah isu di bawa dan masing-masing telah berhujah tidak ada yang boleh berhujah empat, lima kali sehingga berpuas hati. Pada akhirnya saya berkuasa untuk *put to the vote*. Pada hari ini dan kelmarin saya hanya berdua dengan timbalan satu duduk. Jadi apabila berhujah nanti berhujah dengan cara baik, mencelah dengan cara baik dan kalau mencelah setiap kali saya *remind* jangan bawa *point* baru untuk helah berbahas, tidak akan kita habis.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua menegur saya kah? Apa di dalam hujah saya Tuan Yang di-Pertua, saya menegur cara dia berhujah iaitu Yang Berhormat Kota Belud, bila tidak habis soalan hendak bertanya soalan *I know, don't lecture to me*, apa ini macam mana sikap macam ini, hah inilah sikap dia samalah. *I mean to be fair* lah, kita patut memberikan peluang orang yang hendak bertanya soalan, *let him finish point*, jangan tunjuk sikap seperti itu, saya tegur kerana inilah sebabnya kenapa *all labour negotiation failed*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Ipoh Barat saya campur sedikit Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, sekejap-sekejap ya. Dua perkara yang Yang Berhormat Shah Alam bangkitkan. Pertama, saya bersetuju ada ramai di antara kita yang sangat angkuh. Perdana Menteri sendiri berkata *the era government know best is over* dan kita perlu mengambil kira pandangan orang lain lebih-lebih lagi Ahli-ahli Parlimen di sini. Kedua mengenai perkara-perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam, saya bersetuju bahawa perubahan-perubahan itu perlu tetapi apa yang lebih mustahak Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai perkara yang telah dibangkitkan *contract of labour*. Saya kluatir kerana ini adalah *fundamental movement of the first time* dalam lebih kurang 60 tahun di mana kita mengalih ke satu situasi di mana kita mungkin tanpa menyedari telah membawa satu revolusi dalam sistem *relationship* di antara yang dikatakan *master and servant, we are breaking them*. Walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan ILO dan sebagainya, saya kluatir bahawa *we maybe circumventing* hajat mereka, *we are not come to that situation* dan membawa satu rang undang-undang dan tidak membawa lebih manfaat kepada pekerja-pekerja.

Saya kluatir adakah *Minister of Labour* ini *is a Minister of Labour or a Minister of anti labour*. Saya mengatakan sebegini kerana *fundamental aspect I mean*, kalau Yang Berhormat tidak percaya tanya kepada peguam-peguam, *who* yang membuat *employment law, fundamental aspect, the master and servant relationship* sudah dialihkan. Pada saya ini adalah satu *shocking development* di dalam negara ini *and* ini adalah *it goes to the root of the whole aspect of masters and servant relationship*. *This is not* perkara yang kecil Tuan Yang di-Pertua, saya kluatir bahawa satu hari lagi Yang Berhormat akan tahu bahawa ini akan menyusahkan bukan sahaja pekerja-pekerja di negara kita tetapi pekerja-pekerja yang mendapat pendapatan yang sangat kurang dan kami semua tahu di negara kita 70 peratus daripada pekerja-pekerja mendapat pendapatan kurang daripada RM3000.00 dan apakah *protection* yang mereka ada, rang undang-undang ini kah?

Sebenarnya rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua melemahkan *bargaining power* mereka, melemahkan hak mereka sebagai pekerja di negara ini, itulah yang kita kluatir dan bukan kita menentang rang undang-undang ini semata-mata menentang, *we don't have to fear that kind of thing, is no more, before pre 2008 yes*, itu mungkin faktor tetapi pemikiran kita sekarang telah berubah. *We are ready to take the government, so we are really to do also bring the kind of changes* dan ini adalah satu di antaranya, itu yang dikatakan *and I think* rang undang-undang ini memihak kepada sesuatu yang tidak kena. Saya rasa ia akan pada akhir sekali apabila ia diperkenalkan saya berharap walaupun Yang Berhormat Menteri telah mengatakan seksyen 2(a) akta ini akan diguna pakai sebelum ia digazet, ia akan di *sector basis* kerana saya kluatir apabila kita meluluskan pada sesi yang dahulu Tuan Yang di-Pertua mengenai gaji minimum, perkara yang sama. Semua retorik-retorik sampai sekarang *nothing is happen*, berapa gaji dia bukan macam Pakatan Rakyat Tuan Yang di-Pertua.

■ 1840

Kita telah katakan RM1,100. Kita tidak khuatir. *We have set the floor ceiling.* Bagaimana dengan kerajaan? Selama 55 tahun cakap yang sama tetapi bawa undang-undang yang baru tetapi tapi-tapi sahaja. Semua sudah diketepikan dan tidak jalan. *Nothing realistic* telah terjadi. Mungkin dekat pilihan raya Kerajaan Barisan Nasional akan mengumumkan perkara tersebut.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya akan mengalih... Ya.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormatlah. Sebenarnya tujuan akta ini adalah untuk memberikan perlindungan yang lebih kepada pekerja. Ini sebenarnya telah menjadi amalan biasa. Saya hendak perbetulkan sedikit fakta Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat kata bahawa kita membiarkan pekerja-pekerja dieksploitasi. Mereka tidak dibayar EPF dan SOCSO. Saya sudah sebut tadi, bahkan majikan masih lagi dipertanggungjawabkan kepada pekerja-pekerja yang bekerja di bawah *contractor for labour*. Ia masih dipertanggungjawabkan. Ini kerana saya telah diheret beberapa kali ke mahkamah walaupun saya menggaji kontraktor. Yang ada masalah ialah antara pekerja dengan kontraktor tetapi majikan masih lagi dipertanggungjawabkan. Yang Berhormat sebagai ahli peguam, saya fikir lebih arif perkara seperti ini.

Saya hendak beri satu lagi senario. Dalam satu pejabat kita hendak buat kerja pembersihan, adakah kerani pejabat hendak buat kerja bersih ini? Kita perlu cari orang lain, kompeni lain yang membuat pembersihan yang menggaji pekerja untuk membuat pembersihan. Begitu juga tentang pengawal-pengawal, adakah kita hendak harapkan kakitangan pejabat untuk jadi pengawal? Kita cari syarikat lain yang menggaji pekerja. Itulah yang dipanggil *contract of labour*.

Sekarang kita hendak memperkasakan supaya kontraktor-kontraktor ini didaftarkan secara formal dan akan bertanggungjawab kepada pekerja mereka. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya tidak setuju langsung. Ini bukan *Minister of Labour*, tetapi ini *Minister of Anti Labour*.

Perkara yang kedua saya akan bangkitkan adalah mengenai kuantum yang mana kes-kes ini boleh dirujuk. Rang undang-undang ini dikatakan ia akan dinaikkan daripada RM1,500 ke RM2,000. Apa asasnya? Kenapa ia bukan menjadi satu terbuka supaya...? Kalau kita betul-betul hendak melindungi hak pekerja, kenapa kita, *that is a ceiling*. Saya telah mengatakan sebelum ini, 70 peratus dari rakyat Malaysia mendapat kurang dari RM3,000 sebulan. Kalau sedemikian, *not the ceiling* patut RM3,000, kenapa RM2,000?

Sebenarnya RM1,500 ini kalau saya ingat saya pernah *debate*, saya ingat pada tahun 1998 Tuan Yang di-Pertua, ia dimulakan dan selepas itu tidak dinaikkan walaupun nilai wang telah naik. Saya rasa yang praktikal ialah sekurang-kurangnya RM3,000 atau bebas seperti beberapa negara di dunia ini di mana tidak kisah dia mendapat berapa pendapatan asalkan ada majikan yang telah cuai atau tidak mengikut undang-undang, pekerja itu ada hak untuk membawa kes ke Mahkamah Buruh. Sekarang, walaupun di *Civil Court* kita ada macam-macam untuk meningkatkan taraf dan mempercepatkan perbicaraan, nampaknya di Mahkamah Perusahaan dan di Mahkamah Buruh ada banyak kes yang tertunggak. Adakah kita dalam satu situasi untuk ada buat pembaharuan atau adakah Yang Berhormat sendiri ada satu formula yang baru?

Ini kerana saya difahamkan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, pelantikan pengerusi-pengerusi perusahaan tidak lagi di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri. Separuh telah diambil alih oleh Jabatan Peguam Negara. Adakah ini benar? Ramai di antara pengerusi-pengerusi sekarang yang membuat keputusan mengenai *security of tenure*, mereka sendiri tidak ada *security of tenure*. Mereka diberi kontrak tiga bulan, enam bulan, empat bulan dan *renewable*.



Saya difahamkan ramai di antara mereka terlibat dalam perkara ini. *They are deciding on security of tenure for the other workers of the whole country and they do not have security of tenure.* Satu di antaranya adalah Yang Berhormat Menteri *must put your foot down.* Jangan beri kepada Peguam Negara memberi kuasa sedemikian. *All this while,* Menteri *Human Resources* dan menteri *Labor or anti-labor* pun tidak kisahlah, *you must take command of the whole thing.* Tidak boleh memberi kuasa pelantikan atau pembaharuan kontrak dan sedemikian kepada Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya pun baca rang undang-undang itu. Saya sebenarnya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan ada satu klausa yang mengatakan bahawa *weekly payment.* Saya mula-mula fikir itu adalah *weekly payment* mengenai gaji di negara ini. Akan tetapi selepas diberitahu oleh peguam di Kementerian Sumber Manusia, nampaknya ia tidak ada kena mengena dengan pembayaran gaji berminggu-minggu. Akan tetapi ini ada satu polisi yang perlu diambil kira. Ini bukan perkara yang baru Tuan Yang di-Pertua.

Di Malaysia, semua orang bekerja untuk 12 bulan kalau dia kerjalah selama setahun. Jadi dia dibayar gaji untuk 12 bulan, 54 minggu. Akan tetapi sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita hanya dibayar gaji untuk 48 minggu tetapi bekerja untuk 54 minggu, termasuk Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana ia kira gaji bulanan dan bukan kira gaji mingguan. Kalau kita lihat beberapa negara barat, di England dan lain-lain negara, apabila bayaran dibuat mengikut minggu-minggu, satu di antaranya faktor yang banyak memberi keuntungan adalah untuk orang-orang yang mendapat pendapatan yang kurang. Itu satu.

Ada analisis-analisis dibuat kalau mereka mendapat pendapatan RM700 sebulan untuk satu minggu, RM700 satu bulan kalau dia dibayar dengan minggu-mingguan setiap tahun tanpa kenaikan gaji langsung, kalau dibayar gaji dengan minggu, dia akan keuntungan RM700 satu tahun kerana pertama, *installment-installment* nya seperti pembayaran kepada perumahan, pembelian kereta dan sebagainya, faedah itu semua akan turun dan ini akan membawa manfaat yang baik. Akan tetapi sayangnya ia tidak dirangkumi dalam rang undang-undang ini. Ini satu di antara yang dapat menguatkan atau memberi lebih keuntungan kepada pekerja-pekerja.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Perkara ini saya telah beritahu Yang Berhormat Menteri dan telah bangkitkan sebelum ini. Kenapa satu perkara seperti ini, adakah ia dikaji dan adakah kerajaan akan mengambil atau mengimplementasikan perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang lain adalah mengenai *foreign domestic servant.* Di sini kita ada semua perlindungan untuk *foreign domestic servant.* Bagaimana *local domestic servant?* Kita memberi perhatian kepada *foreign domestic servant* tetapi *local domestic servant* tidak ada apa-apa perhatian diberi. Adakah mereka akan dilindungi oleh akta ini dan adakah mereka juga mendapat manfaat...

**Dato' Seri Azmi Khalid [Padang Besar]:** *Local domestic servant* tidak ada lagi dah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya?

**Dato' Seri Azmi Khalid [Padang Besar]:** *Local butler* ada. *Local domestic servant* tidak ada.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Siapa kata tidak ada? Ada, ramai. Mungkin perkataan *butler, doctier* dan *dobby* itu lainlah tetapi yang benarnya itu *domestic servant* itu ada, bukan tidak ada. Yang Berhormat mungkin perlu seorang *degree holder to be a domestic servant diplomat.*

Akan tetapi yang mustahak adalah ini Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kita perlu ambil perhatian bahawa di antara beberapa cadangan yang dibawa lebih daripada 29 *clause-clause* yang ada ini, yang banyak di antaranya tidak memberi manfaat kepada pekerja. Ini saya kluatir dan kalau kita lihat dari apa cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh MTUC, itu adalah cadangan-cadangan yang munasabah.

Sebelum ini Yang Berhormat Shah Alam ada membangkitkan perkara kenapa rundingan itu tidak berjaya. Saya rasa itu adalah satu di antara perkara kerajaan telah gagal. Kalau mereka sendiri tidak boleh *convince stakeholder* yang mustahak sekali, *the main stakeholders* dalam negara ini iaitu MTUC, menunjukkan satu kegagalan yang teruk. Kenapa Kementerian tidak boleh bekerjasama dan membawa satu rang undang-undang yang *win-win situation*?

■ 1850

Di sini adalah '*war-war situation*' di mana pihak kerajaan ingin *somehow push through* walaupun tidak kisah ada *objection-objection*, ada bantahan-bantahan bukan sahaja dari pembangkang, dari MPUC dan pekerja-pekerja di seluruh negara. Saya ingin ingatkan kepada Menteri dan kerajaan, ada lebih kurang 11 juta pekerja dan kalau kita lihat sistem yang sedia ada, ia akan merumitkan dan semua klausa-klausa ada, *I will agree* dengan Yang Berhormat Menteri bahawa ada klausa-klausa yang manfaat. *I must agree* tetapi ada yang *plus and minus end of the day*. Nampaknya lebih membawa kesudahan kepada pekerja dari kebaikan. Itu saya khuatir.

Saya haraplah macam *maternity leave*, kenapa ia tidak *standard international* memberi 90 hari? Kenapa dengan kerajaan dia lebih hari, dengan *private sector* kurang *protection* ini, kenapa ini berlaku? Ini adalah satu di antara perkara yang perlu diberi perhatian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pembayaran *overtime*. Undang-undang yang sedia ada saya rasa adalah cukup, ada merangkumi. Ini kerana saya khuatir, kalau kita baca cadangan yang dibuat oleh kerajaan, nampaknya pada satu aspek, ia memberi satu definisi yang lebih dalam. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir. Sebelum ini pembayaran *overtime* adalah seperti berkonvensi, bila mendapat gaji bulan hadapan, dia akan membayar *overtime* bulan sebelum ini. Akan tetapi dengan rang undang-undang ini, ia memberi keluasan kepada majikan untuk membayar *overtime* pada akhir bulan hadapan.

Ia *unknowingly or knowing fraudulently, illegally or wrongly*. Kerajaan tidak fikir bahawa dengan meningkat, memberi kuasa kepada majikan membayar *overtime* ini pada akhir bulan hadapan, pekerja tidak boleh *resign* pada bulan hadapan pada 7 hari bulan. Kalau dia *resign* pada 7 hari bulan, hilang walaupun Yang Berhormat Menteri boleh kata; "Oh, *no problem* boleh pergi ke mahkamah buruh. Saya kerap kali pergi ke mahkamah buruh. *I practice in Labour Court*. Kita tahu berapa lama ia mengambil dan berapa orang untuk RM70, RM200. Siapa peguam, mana peguam boleh mari. Yang Berhormat Menteri boleh pergikah ke mahkamah buruh? *People don't go* Tuan Yang di-Pertua. Ramai di antara peguam *no time*.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Itu politik, *free* pun tidak apa.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini adalah satu perkara yang menyusahkan pekerja. Saya rasa itu satu perkara. Walaupun kita memberi definisi kenapa ia tidak menghadkan pada 7 hari bulan hadapan pada masa yang ditetapkan oleh rang undang-undang yang sedia ada, semua gaji-gaji perlu dibayar sekurang-kurangnya 7 hari bulan pada bulan hadapan. Kenapa *overtime* pun bukan sedemikian? Tuan Yang di-Pertua, kenapa *instead of empower the workers, we weaken the workers, we are bullying the workers, they making the life more difficult*, kenapa?

Itu atas asas *competitiveness to be fair to the majikan*. Itu hasratnya, *bottom-line* Saya rasa itu adalah perkara-perkara yang perlu diambil kira dan...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Lualan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya selepas ini semestinya akan kemukakan bahawa perkara ini dirujuk kepada *select committee*.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tadi sebab Yang Berhormat Ipoh Barat menyebut mengenai *overtime*.

Pertama, saya hendak tahu sama ada di dalam akta ini para doktor dan *houseman*, doktor pelatih termasuk di bawah Akta Pekerja ini, tidak masuk ya? Ini kerana saya cuma ingin membangkitkan baru-baru ini saya mendapat maklumat para doktor pelatih kita sekarang sudah tidak lagi mendapat *allowance on call*.

Sebaliknya kementerian telah mengubah sistem pekerjaan mereka daripada *call* kepada *shift system*. Jadi sekarang mereka bekerja mengikut syif. Sekiranya mereka sudah bekerja berturut-turut tiga malam syif malam, maka mereka akan mendapat *off* seperti juga jururawat. Jadi dalam bidang kuasa profesional begini, di manakah terletaknya kawalan dan perbincangan tentang hak kerja mereka dan bayaran dan mereka tidak ada lagi kalau misalnya mereka bekerja secara syif hari Ahad atau hari Sabtu, mereka sudah tidak ada lagi bayaran *call*. Jadi, sekarang ini mereka mendapat bayaran *flat* untuk bulan dan tidak ada lagi imbuhan untuk buat kerja di hujung minggu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Rang undang-undang ini tidak ada kena mengena dengan doktor, tetapi saya rasa itu adalah satu perkara yang perlu diambil kira. Yang Berhormat Menteri pun seorang doktor, perlu faham bahawa *how difficult time they have gone through*.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai *sexual harassment*. Ini adalah satu kerana desakan seluruh pekerja-pekerja dan organisasi-organisasi, kerajaan membawa satu rang undang-undang yang saya rasa *reasonable*. Akan tetapi yang menjadi masalah, bukan kita hendak tunjukkan *the negativeness* dalam rang undang-undang tersebut. Dia ada banyak *limitation*. Satu di antaranya sebenarnya patut ada satu akta berkaitan dengan hal itu. Kenapa kerajaan sangat kedekut untuk membawa satu rang undang-undang *as though like bye the bye*. Ah, sudahlah, okeylah campur sedikit kari sana, ini masak, tidak mengapalah lebih kurangnya. Tidak dapat kopi, minum teh pun tidak mengapalah, *it's okay, doesn't matter*.

Nampaknya itu, *because there are no seriousness*. Nampaknya macam remeh-temehlah. *This is nothing, bye the bye*. Saya kuarir kerana ini bila mengimplementasikannya, *there will be lots of problem*. Pertama, adakah kita pegawai-pegawai yang terlatih dalam perkara ini. *Director General* terlibat, dia ada kuasa dan sebagainya. Adakah dia ada kelayakan dan sebagainya? Kalau kita dalam rang undang-undang yang tertentu, kita akan *more focus* dan akan memberi kuasa dan mereka juga akan lebih *trained* dalam perkara tersebut supaya mereka boleh mendengar dan mereka faham hal-hal sedemikian.

Kalau tidak, kita akan ada satu situasi yang *by* satu undang-undang yang diluluskan, tetapi dalam implementasikan rang undang-undang ini tidak ada kena dengan itu. Itu adalah cadangan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hitung tadi Ahli Yang Berhormat, lebih kurang enam, tujuh orang yang akan berucap. Jadi apabila saya *make a mental calculation, I think 3 hours will not be over*. Jadi, saya limit setiap yang berhujah itu 10 minit. Sepuluh minit *because* Yang Berhormat Menteri akan menjawab dan ada enam cadangan untuk usul mengubah nanti peringkat jawatankuasa. Setiap itu akan saya kemukakan. Mungkin ada belah bahagian. *We will not be finish until twelve*. Jadi, banyak sudah diperkatakan dengan ini. Sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

6.57 ptg

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 10 *minute* ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** *I would not take that much of the time, it is very short presentation*. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber Manusia kerana telah mencadangkan pindaan Rang undang-undang Kerja 2011.

Saya harap apabila terlaksananya undang-undang ini pada hari ini, maka salah satu masalah yang saya sering kali menerima di kawasan saya ialah rintihan daripada pekerja-pekerja ladang yang diambil kerja oleh kontraktor-kontraktor ini, yang mana tidak menjaga hak mereka dan juga hal ehwal mereka.

Mereka tertinggal, akhirnya syarikat atau pun kontraktor-kontraktor yang mengambil mereka bekerja ini melepaskan tangan dan tidak membantu mereka untuk menjaga hal ehwal mereka. Syarikat perladangan tersebut pun tidak dapat membantu kerana mereka tidak dengan izin, *employed by them*. Saya harap rang undang-undang ini setelah diluluskan akan dapat mengatasi masalah pekerja-pekerja ladang bukan sahaja di kawasan Hulu Selangor, tetapi pekerja-pekerja ladang di seluruh Malaysia.

Pada masa yang sama, saya juga nampak kerajaan prihatin terhadap keperluan untuk mewujudkan tempat kerja yang selamat kepada semua pekerja. Oleh itu, rang undang-undang ini mencadangkan diwujudkan bahagian baru yang khas untuk menangani isu-isu gangguan seksual di tempat kerja. Menerusi pindaan ini, akan wujud peruntukan-peruntukan yang jelas berhubung masalah ini dan cara bagaimana ia boleh ditangani.

Saya juga dimaklumkan bahawa peraturan-peraturan mengenai perkara ini akan digubal bagi menyatakan kaedah-kaedah yang jelas dalam mengendalikan aduan dan menjalankan siasatan serta tindakan-tindakan wajar yang boleh diambil. Sebelum bahagian baru ini diwujudkan, kod amalan mencegah gangguan seksual di tempat kerja telah pun diguna pakai.

#### ■ 1900

Walau bagaimanapun, kod amalan ini tidak mempunyai kuat kuasa dari segi undang-undang dan hanya merupakan garis panduan kepada para majikan. Dengan adanya bahagian baru ini saya yakin ia akan dapat menangani masalah gangguan seksual di tempat kerja dan lebih berkesan adalah pekerja yang teraniaya mempunyai pilihan ke atas tindakan undang-undang yang boleh diambil.

Saya pasti apabila rang undang-undang ini khasnya isu gangguan seksual ini dimasukkan dalam rang undang-undang ini, ia bukan dibuatkan hanya sebagai remeh temeh seperti yang dikatakan oleh rakan seperjuangan tadi akan tetapi ia merupakan satu tindakan yang harus diambil dan tahniah diucapkan kepada Kementerian.

Peruntukan-peruntukan dalam bahagian baru ini juga diperluaskan pemakainya kepada semua pekerja tanpa mengira had gaji. Maknanya semua pekerja akan dilindungi dan ini akan dapat memastikan suasana kerja yang kondusif. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang.

#### 7.01 mlm.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Kerja ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa rang undang-undang ini ada perkara yang baik, bukan semua yang kita bantah. Sebagai contoh fasal yang perluaskan skop Akta Kerja untuk pekerja yang dengan gaji yang sampai RM2,000. Itu yang baik kita mengalu-alukan itu. Akan tetapi ada bahagian ada beberapa fasal yang kita berpendapat daripada Pakatan Rakyat, rakan-rakan dari Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Klang dan sebagainya telah berhujah. Ada implikasi yang cukup serius kepada hak pekerja. Khususnya pekerja-pekerja yang digajikan oleh *contractor for labor*. Itulah masalah yang kita hendak hujahkan.

Tadi Yang Berhormat Kota Belud dan beberapa Ahli Parlimen lain telah berkata tidak ada impak kepada hak pekerja. Saya ingin menjelaskan macam mana pindaan ini memperluaskan skop *contract for labor* itu. Undang-undang sekarang yang sedia ada, Akta Kerja yang sedia ada menghadkan skop *contract for labor*. Seorang yang bawa *labor* membawa *workers* untuk majikan lain hanya kepada satu kontraktor atau sub kontraktor. Dia tidak benarkan untuk prinsipal. Ini satu perlindungan kepada akta yang sedia ada.

Jadi ini hanya berlaku macam kes-kes di estet. Mungkin memang kita mengakui ada *problem* itu di estet. Ada ramai subkontraktor. Dia menyeleweng pekerja.

Sekarang cadangan daripada Menteri adalah pendaftaran. Kita setuju itu tidak ada masalah. Daftarkan mereka tetapi kekalkan di peringkat sub atau subkontraktor sahaja. Itu sahaja itu penyelesaian dia bukan susah. Kita boleh buat melalui peraturan baru atau *regulation* keperluan mendaftar. Itu tidak ada isu langsung. Kita mahu perlindungan itu. Jangan kita macam Yang Berhormat Hulu Selangor baru *twit* pembangkang tidak mahu beri perlindungan kepada pekerja. Itu tidak tepat tidak betul Yang Berhormat Hulu Selangor. Tolong betulkan itu. Sebab kita mahu perlindungan itu. Hanya caranya adalah senang memerlukan pendaftaran untuk sub-sub kontraktor.

Akan tetapi apa yang kita buat, apa yang Menteri cadangkan sekarang ini yang kita kena faham, semua kena faham. Definisi baru dalam pindaan saya dengan izin saya baca, “*Contractor for labor means a person who contract with a principal.*” Sekarang kita tambah perkataan yang penting ini ‘*principal.*’ Kita perluaskan skop *the contract for labor.* Sekarang dia boleh bawa pekerja-pekerja untuk pada *principal.* Ini yang masalah dia yang pokok ini kita kena faham. Ini perubahan besar ini yang kita kena faham. Yang Berhormat Kota Belud masih belum faham ini. Apakah maksudnya ini yang saya ingin perjelaskan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang boleh tambah sedikit, sedikit sahaja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya sila ringkas.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ringkas. Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Subang sebab nampak gaya macam ada perkara yang sedang berlaku yang kerajaan sibuk untuk *legalizekan* atau sahkan perkara yang telah pun mereka lakukan. Sebagai contoh bila Yang Berhormat Subang itu saya teringat.

Saya baca dalam *website* ada satu anak syarikat *subsidiaries* kepada CIDB itu sendiri yang dikatakan sebagai *Construction Labour Exchange Centre Berhad.* CLAB dikatakan. Ini yang menguruskan lebih daripada 20,000 tenaga kerja yang didaftarkan. Mereka adalah *outsourcing company* yang maknanya kerja dia mendapatkan atau mengambil pekerja untuk bagi kepada majikan lain. Adakah ini sebahagian daripada yang hendak dicapai sekarang hari ini kerana perkara ini telah pun berlaku semenjak tahun 2004 lagi. Adakah itu maksudnya? Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Memang betul dan saya terima itu sebagai ucapan saya juga, saya masukkan juga itulah *point* saya. Apa yang telah berlaku Tuan Yang di-Pertua dalam lebih kurang 10 tahun kebelakangan ini. Kerajaan telah membuat keputusan untuk memperluaskan skop untuk memasukkan pekerja asing. Itu pada masa dahulu. Kita mula pada tahun lebih kurang 1992 tetapi pada tahun 2000 kita memperluaskan, kita bawa mereka ramai-ramai dalam sektor pembuatan, *manufacturing* dan *service sector.* Lepas itu 2002 kita biarkan mereka kerja ini semua. Di sinilah permulaan dia hakikat ini *contract for labor* jadi satu masalah besar.

Sekarang kita sudah daftarkan 277 syarikat yang boleh buat *outsource* ini *outsourcing for labor.* Pada masa itu terhad kepada pekerja asing tetapi sekarang ramai daripada pekerja-pekerja yang digajikan oleh *contractor for labor* ini adalah pekerja kita, pekerja *local.* Ini yang sudah jadi masalah besar. Ini yang kita kena faham. Apa masalah dia? Pekerja-pekerja yang dibawa oleh *contractor for labor* ke kilang. Bulan ini kilang ini, tiga bulan daripada sekarang kilang lain. Keadaan yang tidak tentu langsung. Apakah nasib mereka? Ini hakikat ini kita kena faham. Gaji mereka lebih rendah, waktu kerja panjang 12 jam, biasa, tidak ada *medical benefit* yang tentu ini yang kedudukan mereka.

Tadi Menteri dan Yang Berhormat Kota Belud kata, Oh! Inilah saranan ILO. Saya tidak setuju. ILO berkata dan ini prinsip utama dalam pendekatan ILO kita mesti ada *security of tenure,* mesti ini fundamental. Akan tetapi apa yang kita telah menggalakkan di negara kita *insecurity.* Pekerja-pekerja tidak tahu mana mereka, sama ada mereka akan ada kerja tiga bulan daripada sekarang. Itu dia. Sekarang apa kita buat dengan undang-undang ini, pindaan ini.

Kita halalkan kedudukan sekarang. Ini dia. Pada hal undang-undang asal yang dibuat oleh British sendiri, penjajah kita tahun 1955 tidak membenarkannya. Ini yang kita buat, ini yang saya kesal Tuan Yang di-Pertua pada hari ini.

Sepatutnya kita buat undang-undang progresif kita pergi ke tahap yang lebih baik. Akan tetapi hari ini Menteri bawa undang-undang yang akan membawa kita ke belakang, kita mundur hari ini. Kita pergi ke belakang. *Today* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *the minister would be responsible for bringing back the 'Kangani system'*. Ini dia akan tanggungjawab. Sebab hari ini kita halalkan sistem itu. Kita bawa itu balik.

Sebab itulah sebenarnya *the nature of contract for labor system* yang dahulu diharamkan oleh penjajah dahulu. Dahulu kita boleh ingat *system 'indentured labor', 'bonded labor'* semua tetapi dengan akta yang asal 1955 pihak British telah buat akta ini dan kita ada dua prinsip yang penting. Satu *security of tenure* dibuat dalam akta dijamin perlindungan itu ada. Satu lagi adalah konsep dengan izin *propriety right to the job* bermaksud pekerja itu tidak boleh diberhentikan asalkan ada alasan yang baiklah yang diberi. *Just for an excuse*. Dengan *dual* proses mesti ada siasatan. Semua ini dijamin dalam akta. Akan tetapi apa yang kita buat sekarang kita halalkan amalan di mana mereka boleh digajikan oleh *contractor for labor*, bawakan kepada kilang mereka kerja di sana tetapi tuan punya kilang itu bukan majikan dia. Keadaan mereka tidak tentu. Nasib mereka tidak tahu dan inilah yang kita telah buat.

#### ■ 1910

Kita sudah mulakan ini dengan pekerja asing, 10 tahun dahulu tetapi sekarang warganegara kita sudah menjadi mangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Inilah masalahnya. Itulah asas bantahan kita kepada pindaan yang dicadangkan, mungkin tujuan Menteri itu ikhlas, dia hendak beri perlindungan bagi kumpulan *estet workers*, betul, itu kita setuju, tidak ada masalah. Buat peraturan tetapi jangan jejakkan kedudukan pekerja-pekerja sekarang yang telah dipaksa lepas itu dimasukkan dalam keadaan yang tidak menentu di bawah *contract for labour*. Sepatutnya kita mesti bertindak dan Menteri mesti menggunakan kuasa untuk kawal keadaan ini dan pastikan bahawa amalan untuk *contract labour* ini disekat, dihentikan untuk memberi pekerja kita lebih perlindungan. Akan tetapi, malangnya pada hari ini kita akan melihat kita akan memberi melalui pindaan ini satu legitimasi atau keabsahan kepada satu kedudukan yang sebenarnya tidak sah. Saya anggap secara haram, melanggar prinsip keadilan, melanggar prinsip ILO, yang kita telah biarkan merebak dan hari ini pendekatan kita adalah untuk menghalalkannya, itu kita tidak boleh terima.

Sepatutnya kita ambil tindakan yang tegas untuk menghentikan amalannya. Tuan Yang di-Pertua, saya alih kepada dua *point* yang ringkas sebelum saya tamatkan ucapan saya. Pertamanya, adalah yang berkaitan dengan bab yang dimasukkan di sini berkaitan *sexual harassment*. Tuan Yang di-Pertua, satu yang saya perhatikan, bab yang dalam versi bahasa Melayu, apa sebab semua peruntukan ini masih dalam bahasa Inggeris? Bagi saya pelik, 56 tahun selepas penggubalan Akta Kerja ini, kita masih belum buat dalam Bahasa Melayu. Kita baca dua-dua versi ini dalam bahasa Inggeris, itu satu yang saya nampak. Pindaan yang dibuat sekarang memasukkan satu bab baru iaitu *Part XVA* yang dengan tajuk *sexual harassment*. Saya setuju yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, kalau kita hendak buat satu, tujuannya baik, untuk memberi perlindungan yang penting ini tetapi cara yang dibuat tidak lengkap, sebab apa? Mengikut definisi di sini, perlindungan ini hanyalah untuk pekerja.

Walaupun dikatakan di sini semua pekerja bukan sahaja yang bergaji RM2,000 ke bawah, apa sahaja gaji dia, dia akan dapat perlindungan, itu yang baik. Akan tetapi pada masa yang sama, masalah *sexual harassment* ini berlaku dalam konteks apa? Konteks tempat kerja memang satu konteks, betul. Akan tetapi bukan selalunya, *sexual harassment* ini berlaku di merata konteks yang lain. Sebagai contoh, di sekolah, di antara murid dan guru, satu konteks. Di mahkamah pun ada kompelin peguam muda wanita dengan hakim, ada berlaku.

Satu lagi konteks, kaunselor dengan yang di kaunseling, di mana seorang yang ada kuasa yang lebih tinggi kepada pengikut dia atau yang diberi tunjuk ajar dan sebagainya.

Ada beberapa konteks macam itu, *sexual harassment* berlaku dalam konteks itu. Itu semua adalah di luar, tidak dapat ditangkap di bawah skop perlindungan yang dibuat di dalam akta ini, jadi apa makna kita buat ini? Jadi itulah, saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat tadi, kalau hasrat Menteri adalah untuk memberi perlindungan ini dengan cara yang lengkap, dengan bentuk yang bermakna, adalah lebih baik kita buat satu undang-undang baru, bukan memasukkan ia sebagai satu bab di sini, sebab ini tidak akan memberi perlindungan yang sewajarnya, di mana semua situasinya dilitupi di bawah perlindungan itu.

Jadi, saya setuju dengan rayuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya bukan tarik balik rang undang-undang ini tetapi hantar ini, setuju dengan satu rujukan kepada Jawatankuasa Pilihan. Di mana kita boleh teliti dan kita boleh setuju satu rang undang-undang yang benar-benar baik untuk menjaga hak pekerja dan menjaga hak mereka, bukan seperti sekarang, sepertimana kita lihat dengan definisi baru ini, kita akan buat satu, hari ini kita akan menandakan sebagai satu tanda hitam yang cukup dalam sejarah pekerja.

Perlindungan untuk pekerja, di mana kita akan bawa negara kita ke belakang dan bukan ke depan. Pekerja telah melalui era *indentured labour*, *bonded labour*, sistem *Kangani* dahulu, datuk nenek kita yang datang daripada India, daripada Cina yang diharamkan oleh penjajah kita, yang buat akta yang asal ini pada tahun 1955 dan hari ini pada tahun 2011, kerajaan kita sekarang akan bawa kita kepada tempat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita akan bawa sistem *Kangani* semula, kita mesti faham tanggungjawab semua kita yang terlibat hari ini. Saya juga merayu bersama dengan Yang Berhormat Kuala Langat tadi, kepada kita semua, jangan kita lakukannya hari ini. Saya ingatkan Menteri lagi, dia akan diingatkan sebagai Menteri yang telah kembalikan kita kepada sistem *Kangani* yang diharamkan oleh pihak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Besar.

**7.17 mlm.**

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Saya mengajak Dewan yang mulia ini melihat dalam konteks yang meluas, konteks makro. Negara kita bersaing di persada antarabangsa, pasaran antarabangsa, maka industri-industri negara kita juga perlu mewujudkan satu sistem di mana kos di semua bidang daripada *production cost*, *services* dan sebagainya, diperturunkan untuk kita bersaing di pasaran antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, kalau kita tanya kepada pihak industri, ia memang hendak mengurangkan kos pengeluaran, paling baik ia hendak gunakan semua kalau boleh pekerja asing yang bergaji murah tetapi inilah tujuannya undang-undang yang hendak diperkenalkan.

Kalau dia hendak menggunakan pekerja asing pun, kalau ada maklumat yang dapat dibekalkan kepada pihak kerajaan dan kerajaan boleh mengawal dengan bermacam-macam cara sekarang, dengan sistem berkomputer, sistem biometrik dan sebagainya. Kita boleh menentukan berapa peratus daripada pekerja kamu dapat digunakan daripada pekerja asing. Tanpa maklumat, semua ini tidak dapat dilaksanakan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Jadi, dalam konteks ini, kita boleh melihat dalam negara kita, banyak sektor yang memerlukan tenaga, saya ada 10 minit sahaja.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit boleh? Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Okey.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Padang Besar punya banyak pengalaman di Pulau Pinang. Pada pengalaman Yang Berhormat Padang Besar ketika membangunkannya Pulau Pinang dengan dasar-dasar perindustrian, tidak dapat dinafikan pada ketika itu. Adakah pekerja-pekerja ini semua adalah pekerja-pekerja kontrak? Seingat saya, saya membesar dengan teman-teman yang kerja Motorola, kerja kilang-kilang yang lama, Kilang MS dan macam-macam, beranak cucu. Tidak pernah kita dengar bekerja secara kontrak, yang sehingga hari ini, yang dikatakan *security for tenure* itu, amat terkejut. Kalau tarikan isu globalisasi yang dikatakan sebagai tarikan *competitiveness* itu, mohon penjelasan. Saya rasa tidak ada perkara itu.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mahu masuk dalam bidang itu lagi. Pada zaman itu, negara kita pun sama miskin dengan negara jiran. Hari ini negara jiran yang banyak miskin, yang tenaga kerja mereka murah, yang mahu masuk ke mari secara halal dan secara tidak halal. Jadi, antara cara untuk kerajaan mengawal yang datang secara haram, yang tidak haram ini ialah mengadakan satu kumpulan data bagi mengetahui siapa yang menggaji, siapa yang menjadi majikan, siapa yang jadi pekerja. Jadi, dengan adanya keperluan dan undang-undang ini bermakna mereka yang membekal pekerja kepada kilang atau kepada sektor-sektor tertentu seperti ladang-ladang sawit.

#### ■ 1920

Ada juga sektor baru yang wujud sekarang ini. Banyak bangunan di bandar-bandar besar. Orang-orang yang tinggal di kondo, di tempat-tempat yang mewah tetapi tidak mahu menggaji pembantu rumah secara penuh. Maka mengkontrakkan urusan pembersihan rumah dan sebagainya kepada kontraktor-kontraktor dan mereka ini memerlukan pekerja. Tidak ada pekerja tempatan yang mahu bekerja begini bahkan daripada pekerja asing.

Jadi saya membaca undang-undang ini lebih menjurus kepada pekerja asing. Walaupun ada pembangkang, pihak di sebelah sana menyatakan ada pekerja tempatan tetapi saya membaca ini lebih menjuruskan kepada cara kita mengurus tenaga kerja dalam konteks yang lebih terkawal. Tanpa kawalan apa sahaja yang disebutkan oleh Yang Berhormat di sebelah sana tadi memang tidak ada cara untuk kita menentukan sama ada sebuah kilang itu, sebuah syarikat itu wajar mendapat pekerja asing atau tidak, wajar mengurangkan bilangan pekerja sama ada peratusan asing dan tempatan itu dilebihkan ataupun dikurangkan. Jadi dengan adanya pangkalan data sebegini saya rasa tujuannya ialah supaya sistem yang ada dalam negara kita termasuk juga dengan diperkenalkan sistem 6P di bawah KDN dahulu yang sekarang baru diperkenalkan. Semuanya ini saya rasa, undang-undang ini juga dapat melengkapkan lagi apa yang sedang diusahakan oleh kerajaan dalam masa-masa terdekat ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, hanya yang saya hendak masukkan di sini mahu tidak mahu ada syarikat-syarikat yang membekalkan pekerja. Ada masa-masanya kita tidak tahu ada industri, ada *business* yang begitu. Tadi Yang Berhormat dari Kuala Langat menyebutkan CLAB. CLAB menguruskan pekerja-pekerja binaan. Yang Berhormat Ulu Langat?... [Disampuk] Yang Berhormat Indera Mahkota. Maaf. Kenapa diizinkan pekerja-pekerja *construction* atau binaan ini diletakkan di bawah CLAB? Peratusan yang tinggi datang daripada Indonesia adalah untuk dalam bidang binaan dan dalam bidang binaan pekerja-pekerja ini hanya buat *concreting, bar bending*, kerja kasar. Bagi kerja-kerja halus dalam *electrification* dan juga benda-benda yang lebih rumit, *tiling* dan sebagainya digunakan tenaga tempatan.

Kerja-kerja ini bagi satu bangunan hanya dalam enam atau tujuh bulan habis tetapi pekerja ini datang daripada Indonesia untuk dua tahun paling kurang. Dalam tempoh berkenaan apabila kerja telah habis mereka cari di tempat-tempat lain. Kalau tidak diizinkan pun mereka akan cari tempat lain. Mereka ini dikatakan *the floating workers*.



Maka diizinkan CIDB mengawal pekerja-pekerja ini supaya dia lebih fleksibel, tidak perlu lagi syarikat kontrak itu dia ada kontrak untuk membina satu bangunan seperti Parlimen ini, dia memerlukan pekerja dan dia mengkontrakkan pekerja. Dalam dua tahun itu pekerja asing ini hanya diperlukan enam bulan paling kurang setahun. Jadi diperlukan satu agensi yang lain untuk menguruskan mereka secara fleksibel iaitu boleh dibawa kepada binaan-binaan di tempat lain...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Saya tidak mahu diganggu. Minta maaf. Ini waktu yang singkat. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, ada dengan tiada. Pada saya lebih baik ada satu undang-undang. Dengan tiadanya undang-undang, kerajaan seolah-olah *flying blind*, dengan izin. Membawa kapal terbang tengah malam tidak nampak apa, *blind*. Akan tetapi dengan adanya radar maka dia boleh mengawal kapal terbangnya walaupun tengah malam, walaupun gelap gelita, dia tahu di mana landasannya, di mana hendak ditujunya. Tanpa undang-undang ini tidak ada cara bagi kerajaan untuk mengawal dan saya amat menyokong supaya rang undang-undang ini diberi sokongan. Terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Boleh sekejap..., sudah habis?

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Habis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**7.25 mlm.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ada rekod di sini. PKR sudah bercakap, PAS sudah bercakap. Sila.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rujuk perbahasan saya pada..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sepuluh minit ya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Bahagian berkenaan dengan gangguan seksual sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adalah mengapakah kementerian tidak boleh mengadakan satu akta anti gangguan seksual dengan spesifiknya. Mengapakah sekadar menyelitkan satu bahagian yang mempunyai tujuh seksyen sahaja dalam Akta Kerja. Apakah halangannya untuk kementerian mengadakan satu akta anti gangguan seksual ini yang telah diminta oleh NGO wanita lebih sepuluh tahun. Kod amalan mencegah dan membasminya gangguan seksual di tempat kerja telah gagal sebab ia tiada kuat kuasa undang-undang. Akan tetapi apabila saya meneliti bahagian gangguan seksual yang diselitkan dalam rang undang-undang ini, saya amat kecewa melihat nampaknya kementerian tidak memandang serius masalah gangguan seksual ini.

Memang benar apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Ia dibuat sekadar lebih kurang sahaja, maklumatnya tidak lengkap, tidak sempurna kerana saya akan memberitahu mengapa begitu banyak kelemahan dan tidak akan berjaya dengan efektifnya mencegah menggalakkan mangsa untuk keluar membuat aduan dan juga memberi pembelaan kepada mangsanya.

Saya rujuk kepada interpretasi 81A – *Complaint of Sexual Harassment* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Subang tadi. Ia terhad kepada mereka di bawah *contract and service. Employee..., employer relationship* sahaja. Ia mengecualikan interpretasi yang saya baca. Mereka yang mempunyai *relationship* seperti seorang jururawat dengan pesakit. Kalau seorang jururawat menjadi mangsa seksual kerana diganggu oleh seorang pesakit, bagaimana pula? Apakah ia dirangkumi di bawah rang undang-undang ini? Bagaimana pula seorang wartawan diganggu seksual oleh seorang yang ditemui?

Bagaimana pula seorang Ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini? Bagaimana pula dengan pelatih dan jurulatihnya? Ini tidak dirangkumi sebab kementerian buat sekadar lebih kurang sahaja. Walaupun di sini ada menyatakan tanpa mengira, *irrespective of the wages of the employee* tetapi situasi sedemikian tidak dirangkumi bersama. Apakah kementerian ada merujuk kepada akta negara Filipina?...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Batu Gajah. Ada satu situasi lagi. Kalau seorang pekerja di kilang A yang dia diganggu oleh pekerja di kilang B, macam mana? Adakah ia termasuk di dalam sini juga?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ia tidak dirangkumi setahu yang saya baca dari rang undang-undang, cadangan yang dipinda di bawah bahagian ini.

Seterusnya itulah yang saya katakan ia begitu lemah dan tidak lengkap. Saya merujuk kepada 81B Yang Berhormat Menteri. Ia menyatakan bahawa apabila majikan menerima aduan ia haruslah membuat penyiasatan. *Shall inquire into the complaint in a manner prescribed by the Minister* tetapi tiada maklumat bagaimanakah *inquiry* ini patut dijalankan. *Inquiry* ini adalah yang paling penting tetapi dia simpan untuk bila Tuan Yang di-Pertua? Dia simpan di bawah seksyen 102. Selepas ini barulah Yang Berhormat Menteri buat *regulation*, buat peraturan. Di dalam Dewan ini dia harus ada *check and balance* sama ada mekanisme yang digunakan untuk menjalankan *inquiry* ini apakah ia bebas? Apakah komposisi anggotanya? Mesti tertera di dalam seksyen ini tetapi dia senyap. Simpan untuk Yang Berhormat Menteri buat untuk selepas ini.

#### ■ 1930

Kalau kita tengok akta yang lain dari negara Filipina mereka ada katakan ia mesti mempunyai wakil pekerja, mesti mempunyai wakil majikan, mesti mempunyai komposisi wanita di dalam mendengar *inquiry* tersebut tetapi senyap. Dia simpan untuk Yang Berhormat Menteri gunakan kuasa dia. Kita tidak boleh *check and balance* dalam Dewan yang mulia ini.

Selepas itu Tuan Yang di-Pertua apa yang mengejutkan saya ialah apabila membaca rang undang-undang ini, ia memperuntukkan kalau majikan enggan mengadakan *inquiry* berkenaan aduan yang diterimanya, dia diberi masa tidak lebih daripada 30 hari untuk memaklumkan kepada pengadu bahawa saya tidak mahu menyiasat. Tidak lebih daripada 30 hari walaupun di sini ada mengatakan *as soon as practicable but in any case not later than 30 days*. Dia ada 29 hari lah itu begitu panjang masanya dan majikan boleh Tuan Yang di-Pertua. Dia boleh kata ini kompelin, ini *frivolous, vexations or is not made in good faith* bawah 81B subseksyen 3(b). Dia boleh tolak terus. Saya tidak mahu, tidak mahu menyiasat.

Semua kes aduan patut dipandang serius tetapi diberikan peruntukan boleh tolak terus. Tuan Yang di-Pertua, kalau majikan enggan menyiasat aduan menggunakan peruntukan ini mangsa lari pergi ke *Director General*. Apa *Director General* boleh buat Tuan Yang di-Pertua. Bawah peruntukan ini dia kata *Director General* kata, "Ya, saya dapat ini kes memang patut disiasat." *Director* buat apa saya hantar balik kepada majikan. Ini 81B subseksyen 5(a), *"If he thinks the matter should be inquired into, direct the employer to conduct an inquiry"*. Tolak balik kepada majikan.

Ini apa Tuan Yang di-Pertua or kalau saya pergi *Director General* sebab majikan tidak hendak siasat, or, *Director General if he agrees with the decision of the employer not to conduct the inquiry, inform the person who referred the matter to him that no further action will be taken*. *Director General* seorang diri boleh tentukan sama ada, ada kes atau tidak ada kes. Kalau ada kes dia tolak balik kepada majikan. Bagi majikan 30 hari tulis *report* dan beritahu saya apa kedudukan kes? Kalau tidak dimaklumkan dia akan didenda. Ini tidak memandang serius langsung, gangguan, aduan masalah gangguan seksual ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi situasi yang saya katakan hubungan jururawat, pesakit, pelatih, jurulatih, sukarelawan, Ahli Parlimen, wartawan dan orang yang ditemu duga, situasi ini apakah ia tidak dirangkumi ini mereka terus perlu membuat aduan kepada pihak yang lain. Itu melalui pihak polis, membuat aduan kepada pihak polis, menjadi kes di bawah *Penal Code*, jika sedemikian akan mengambil masa yang panjang. Atau dia kena pergi ke *Civil Court* untuk mengambil tindakan. Ini adalah peluang yang baik pihak kementerian mengadakan satu akta. Akan tetapi pihak kementerian tidak. Selitkan satu bahagian sahaja.

Di bawah seksyen 81C dia menyatakan bahawa 81C subseksyen 1(b); "*in the case where the person against whom the complaint of sexual harassment is made is a person other than the employee, recommend that the person to be brought before an appropriate disciplinary authority to which the person is subject to*". Apa maksudnya? *To be brought before an appropriate disciplinary authority to which the person is subject to*. Apakah definisinya, apakah maksudnya? Tiada penjelasan diberi Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya *Director General* tugasnya sedikit sahaja, tendang balik kepada majikan kalau dia dapati ada kes atau kalau ia melibatkan satu aduan terhadap seorang majikan yang dia adalah *sole proprietor* baru dia akan menyiasat kes tersebut. Jika tidak dia tendang balik kepada majikan atau dia seorang diri memutuskan sama ada kes atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua saya rasa adalah baik seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, rang undang-undang ini seharusnya dirujuk balik kepada satu jawatankuasa pilihan untuk meneliti semua khasnya yang saya bangkitkan tadi, gangguan seksual. NGO wanita meminta agar mengadakan satu akta untuk memastikan bahawa kerajaan memandang serius untuk menggalakkan mangsa-mangsa ini keluar untuk membuat aduan, ini kerana kalau mangsa-mangsa ini tidak keluar membuat aduan ini kita tidak tahu sejauh mana keseriusan gangguan seksual ini, satu. Ia juga menjejaskan produktiviti sesebuah syarikat juga.

Jadi, ia adalah untuk kepentingan semua, jadi saya tidak faham itu soalan yang saya tanya tadi, apakah halangan untuk kerajaan mengadakan suatu akta. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan tadi saya pohon, saya pohon agar rang undang-undang ini dirujuk semula kepada satu jawatankuasa pilihan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Salak.

### 7.36 mlm.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh rakan-rakan kita daripada pembangkang yang menyatakan banyaknya berlaku kepincangan di dalam aktiviti *contract labour* ini. Di mana terdapatnya majikan-majikan seperti ini yang mengeksploitasi pekerja-pekerja dalam bentuk berbagai-bagai *exploitation*, dengan izin. Seperti tidak memberikan kemudahan penginapan, kebajikan yang sepatutnya diberikan kepada pekerja ataupun dalam bentuk tidak membayar gaji secara teratur ataupun gaji yang terlalu rendah ataupun tidak mencarum kepada EPF dan sebagainya.

Ini banyak berlaku di merata tempat di mana syarikat-syarikat ini ada secara sah atau tidak sah banyak melakukan perbuatan-perbuatan yang sungguh menyedihkan. Kita berasa sangat bersimpati dengan perkara ini. Walau bagaimanapun, kita berhadapan dengan satu keadaan di mana iaitu permintaan kepada pekerja oleh majikan-majikan sebenar, *the real employers* adalah begitu tinggi dan menghadapi berbagai-bagai masalah.

Saya memberi contoh sebagai FELCRA umpamanya. FELCRA memerlukan seramai hampir 20,000 tenaga pekerja ladang dan sehingga hari ini, kita masih lagi kekurangan pekerja lebih kurang 2,000 pekerja. Kekurangan pekerja ini menyebabkan kehilangan hasil kepada bukan sahaja syarikat tetapi juga kepada peserta FELCRA yang sepatutnya mendapat bahagian daripada keuntungan perladangan ini.

Oleh kerana pengambilan tenaga kerja tempatan begitu sukar sekali kerana sambutan daripada pekerja-pekerja tempatan begitu dingin walaupun diiklankan, walaupun diuar-uarkan ke seluruh pelosok kampung dan daerah. Suka tidak suka kita terpaksa bergantung pada mana juga sumber tenaga kerja yang kita boleh perolehi dan dibenarkan oleh kerajaan. Kita mendapati bahawa untuk mendapatkan pekerja daripada luar dengan secara bersendirian ataupun menghantar pegawai-pegawai ke negeri-negeri di luar sana kosnya begitu tinggi dan juga tidak mudah untuk kita dapat.

#### ■ 1940

Jadi dengan sebab itu kadang-kadang kita terpaksa menggunakan khidmat apa yang disebut *contract labor* ini. Mereka merupakan satu kumpulan yang khusus perniagaannya berhubung dengan perbekalan tenaga kerja, pengurusan tenaga kerja yang mana perkhidmatan mereka itu memberikan sumbangan membantu kepada kita dan saya kira bukan sahaja FELCRA, Sime Darby juga begitu. Sime Darby memerlukan kira-kira lebih daripada 30,000 pekerja di ladangnya. FELDA pun begitu, RISDA pun begitu dan syarikat-syarikat perladangan yang lain seperti KL-Kepong dan juga Tabung Haji juga memerlukan tenaga kerja yang sedemikian pentingnya. Kita juga berhadapan di mana pekebun-pekebun kecil pun memerlukan tenaga kerja. Mereka sekarang ini pekebun kecil sudah jadi tauke, sudah jadi tuan tidak mahu bekerja di kebun sendiri. Mereka mahu supaya ada buruh yang boleh menjaga kebun mereka walaupun lima ekar atau 10 ekar pemilikannya. Mereka tidak begitu minat untuk bekerja di kebun sendiri. Mereka ada pilihan lain yang mungkin lebih produktif, yang lebih memberikan keuntungan kepada mereka.

Jadi dengan sebab itu permintaan adakah kita juga melihat bahawa pekebun-pekebun kecil ini juga mampu untuk menangani ataupun mendapatkan bekalan tenaga kerja daripada luar dengan izin *on their own*. So, they are very much dependent on the *supplier's* dan *supplier* inilah yang dikatakan *contract labor*.

Perkara yang menjadi masalahnya sekarang ini ialah kepincangan atau pelanggaran yang dilakukan oleh mereka ini yang menjadi persoalan yang perlu kita tangani. Bagaimana kita hendak menangani perbuatan-perbuatan yang melanggar undang-undang-undang, perbuatan yang tidak adil, perbuatan yang menganiaya pekerja-pekerja? Itu yang dicari *solution*nya atau kaedahnya bagaimana dan saya percaya kerajaan dari semasa ke semasa berusaha untuk mencari jalan penyelesaian dalam hal ini. Mungkin pencapaian pihak kerajaan dalam ikhtiar ataupun kaedah serta inisiatif yang dilakukan begitu meleset sekali dari segi sebagaimana yang kita kehendaki. Kita berkehendakkan yang sempurna, ideal tetapi kerajaan berhadapan dengan berbagai-bagai rintangan dan sebagainya dan pindaan ini dibawa kali ini sebagai kesinambungan kepada usaha kerajaan untuk menangani masalah itu.

Saya bersetuju macam kata Yang Berhormat Subang yang mengatakan bahawa terdapatnya kegiatan juga dari *contract labor* yang tidak mengikut peraturan atau lebih tepat disebut *illegal*. Haram. Jadi yang haram ini tidak boleh dibiarkan terus haram. Ia perlunya satu tindakan yang diambil untuk mungkin tidak sesuai digunakan perkataan menghalalkan. Kita tidak boleh melihat dalam konteks seolah-olah menghalalkan benda yang haram. Ini bukan hendak menghalalkan judi haram. Ini perlu kita ingatkan judi itu haram. Kita tidak boleh menghalalkannya dan kita berasa itu sudah bertentangan dengan apa yang sepatutnya kita lakukan tetapi ini tidak bertentangan. Kita hendak membetulkan keadaan, dengan izin, *to regularize*.

Ini kaedahnya, *to regularize* ini kita perlu ada satu kaedah, satu sistem, satu undang-undang yang boleh mewujudkan mekanisme di mana perkara yang salah itu tidak terus diamalkan secara bersalahan. Ia mesti mengikut undang-undang dan kita tidak mahu lagi melihat apabila pindaan ini diluluskan wujud lagi, adanya *exploitation*, adanya penindasan, adanya penghisapan darah terhadap pekerja-pekerja. Tidak kiralah pekerja siapa pun dari luar atau dalam negeri. Kita hendak membela mereka supaya mereka mendapat keadilan yang sepatutnya diperolehi daripada kita satu kerajaan yang bertanggungjawab.

Jadi ini yang perlu kita hujahkan dalam membahaskan pindaan ini. Jangan kita kaitkan contoh konon kerajaan tidak mampu melakukannya bagi contoh satu tanah yang kononnya diperuntukkan kepada masyarakat India yang mana ia telah diabaikan.

Itu satu contoh mungkin satu contoh. Saya boleh beri contoh bagaimana kerajaan membantu masyarakat India. Bukan hanya memberi sekeping tanah banyak tanah yang kita berikan. Banyak pertolongan yang kita berikan.

Saya beritahu di kawasan saya Parlimen Pasir Salak, masyarakat India di Langkap telah diluluskan tanah untuk membina dewan kuil mereka oleh Kerajaan Negeri Perak pada hari ini dan saya juga telah setiap kali menghadiri perjumpaan-perjumpaan masyarakat India dan meluluskan dan memberikan segala peruntukan yang dipohon oleh mereka dan saya beri komitmen kepada mereka bahawa tidak ada bezanya di antara masyarakat India dengan Melayu. Di hati saya sebagai seorang wakil rakyat, tindakan saya sebagai seorang wakil rakyat. Mereka juga rakyat Malaysia. Baik India, baik Melayu, baik Cina, orang asli ataupun kaum-kaum yang lain.

Jadi jangan diambil peluang berhujah begini untuk membawa kes-kes yang *isolated*. Satu atau dua kes yang menidakkan keupayaan dan kemampuan kerajaan untuk menjayakan undang-undang ini. Kita perlu berdoa kepada Allah SWT dengan baik hati pohonkan pertolongan daripada Allah bagi orang Islam supaya diberikan kekuatan pertolongan dan bantuan kepada kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab besar ini untuk membela pekerja. Ini dia cara yang betul. Doakan yang terbaik bukan doakan perkara yang tidak baik ataupun mendoakan kepada kegagalan.

Segala ucapan yang kita lemparkan kita luahkan pada hari ini tidak saya lihat bersemangat untuk berdoa mendapatkan kejayaan dan kebaikan. Apa sudah jadi kepada kita ini? Sebenarnya apa sudah jadi? Saya hendak tanya apa sudah jadi kepada hati-hati kita ini? Kononnya pemimpin-pemimpin, kononnya orang-orang yang luhur dari segi perjuangannya. Tidak kiralah Islam atau tidak Islam pun. Kita semua ini beragama, ada kepercayaan. Mesti kita bersangka baik, tidak bersangka buruk, selalu menimbulkan waswas, bacalah surah-surah di dalam itu apa dia surah yang tersebut yang Allah Taala memperingatkan kita jangan waswas. Ini bila saya cakap jangan ingat saya hendak menggunakan agama atau Al-Quran untuk menegakkan hujah saya. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya mahu habiskan sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habiskan dalam dua minit. Saya mendengar Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebetulnya saya sudah bagi lima minit.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Satu minit saya hendak habiskan. Dalam satu minit saya hendak habiskan. Saya ingin mengajak rakan dan taulan sama ada daripada BN ataupun daripada sebelah sana mari kita menyucikan hati kita. Sucikan hati kita. Sudahlah yang sudah itu kita tutup bukulah. Kita buka buku baru supaya perbincangan di dalam Dewan ini membawa kebaikan. Tidak perlulah kita hendak macam kata P. Ramlee hendak ambil pisau belah dada begitu begini.

#### ■ 1950

Kita akuilah kesilapan kita yang lalu. Kita bermuhasabahlah, kita pohonlah kepada Allah SWT berikan kita taufik dan hidayah. Ya, betul. *I am already 64, Tuan Yang di-Pertua. What I am here for?*

**Tuan Yang di-Pertua:** *You do not look like 64 to me... [Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Does not look like 64 but I am 64.* Apa kita mahu buang masa lagi? Kita tidak ada banyak masa. Berapa banyak masa yang kita ada? Kenapa kita hendak habiskan masa ini, buang masa ini dengan perkara-perkara perbalahan yang tidak kehabisan? Saya bagi tahu saudara saya Yang Berhormat Permatang Pauh, *he was my best friend before*, dengan izin. Saya ingatkan dia, saya kata ke mana kita hendak bawa rakyat Malaysia ini? Mana kita hendak bawa?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa dia..., jangan apa?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu terpulanglah kepada pihak pengadilan. Saya bukan menyokong dan tidak pula menentang. Itu keadilan. Biar ditegakkan oleh pihak keadilan. *It is not for me* dengan izin, *and it is not for you*. Ia ada pihak yang berhak untuk membuat keputusan. Bukan begitu?

**Tuan Yang di-Pertua:** *Don't forget the one minute*, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi saya pohonlah sekali lagi, apa-apa juga yang kita hendak buat, biar niat kita itu baik. Orang yang tidak membuat, mendoakanlah yang terbaik. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

### 7.52 m.m.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* Tuan Yang di-Pertua. Kami menyokong pandangan dari wakil Kuala Langat tadi yang menyebut tentang keraguan-keraguan kita dan *reservation* kita dengan izin terhadap beberapa peruntukan di dalam rang undang-undang ini yang diminta dirujuk kepada suatu *Select Committee* Parlimen untuk disemak dan diperhalusi serta diperbaiki untuk memberikan suatu jawapan yang bukan sekadar yang memuaskan hati pihak-pihak yang berkaitan ataupun *stakeholders*, tetapi untuk mencari keadilan kepada pihak pekerja kita.

Kita tadi telah mendengar bahawa rang undang-undang ini dahulu pun telah dibentangkan, dikaji semula, dirujuk semula dan beberapa siri konsultasi 18 kali katanya, yang telah dibaca oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi nama-nama pihak-pihak yang telah dipanggil termasuk MTUC, MEF, MAPA yang merupakan badan-badan yang mewakili majikan-majikan dan juga pekerja. Yang disebut ialah pra kepada penarikan balik rang undang-undang ini pada Oktober tahun lepas iaitu disebut bulan Januari 2010. Semua ini sebelum. Ertinya ada beberapa perkara yang apabila di bawa konsultasi menyebabkan rang undang-undang di tangguh dahulu kemudian dibawa semula.

Akan tetapi dalam proses membawa semula inilah yang dipertikaikan kerana suara MTUC tidak diambil kira walaupun mungkin hadir, mungkin dijemput, sedangkan MTUC ialah satu badan yang diwakili ramai pekerja. Komponen MTUC ini pun ramai dan kalau pun *National Union of Plantation Workers* (NUPW) berbeza pandangan dalam konteks ini, kalau satu organisasi tidak bersetuju dan majoriti yang setuju, takkan kita hendak nafikan suara majoriti?

Semalam kita berbahas panjang mengenai Rang Undang-Undang Pembangunan Kampong Bharu, kita bercakap mengenai majoriti rakyat Kampong Bharu walaupun *research* hanya menunjukkan 35 peratus yang menyokong tetapi dianggap majoriti, maka majoriti *prevail*. Dalam hal ini, majoriti pekerja menolak tidak pula diambil kira majoriti tetapi sebut pula kerajaan pun bertanggungjawab. Kita tidak menafikan kerajaan bertanggungjawab. Akan tetapi dalam hal ini, pihak yang sangat berkepentingan ialah para pekerja. Jadi seharusnya hasrat daripada MTUC yang datang kepada kita menyampaikan pandangan mereka harus diambil kira.

Ada pihak tadi cuba untuk menidakkan hujah daripada pihak sebelah sini mengenai isu *contractor of labour* ini seolah-olah kita tidak sepatutnya mengambil perbincangan seolah-olah kita hendak membandingkan antara dua sistem penggajian yang antara pekerja kontrak dan pekerja tetap ini. Saya rasa bukan ini isunya. Kita telah membuka satu *flood gate*, dengan izin, kalau rang undang-undang ini diluluskan, sehingga menjadikan urusan pengambilan pekerja kontrak ini akan menjadi dominan dan disebut juga pihak ILO sudah mempunyai *reservation* dan memberikan cadangan-cadangan bagaimana menangani isu ini.

Ini kerana diketahui akan berlaku salah guna kuasa dalam urusan penyediaan *contract labour* ini oleh syarikat-syarikat yang mengambil tanggungjawab ini. Jadi kita tidak boleh memandang ringan seolah-olah isu ini tidak sebenarnya termasuk di dalam rang undang-undang ini. Memang disebut tentang pindaan kepada perkara 73(1) undang-undang induknya tentang terminologi, dan inilah yang menarik perhatian pihak pekerja, kerana sekarang ini sudah ada lima juta pekerja kontrak.

Apabila ini menjadikan suatu perkara yang disahkan melalui undang-undang, maka akan menjadi suatu permulaan pihak-pihak majikan akan menggunakan lebih ramai pekerja kontrak ini yang sudah pasti masalah yang sekarang kita hadapi dengan masalah pekerja kontrak ini akan *amplify*, melipat kali ganda apabila rang undang-undang ini diluluskan. Jadi perhatian besar dan berat harus diambil ke atas isu ini dan tidak diambil mudah bahawa sebenarnya kita bukan hendak membandingkan model. Ia tidak begitu.

Saya rasa ini satu benda yang sangat penting. Dari segi kelangsungan pekerjaan mereka, imbuhan-imbuhan mereka. Kalau pun ada cadangan mengatakan bahawa oleh kerana tidak ada undang-undang yang hendak dipinda, maka inilah berlakunya segala penyelewengan, segala salah laku pihak-pihak yang mengambil pekerja-pekerja kontrak ini, jawapannya bukan dengan melakukan satu lagi pindaan rang undang-undang kerana terlalu banyak sudah undang-undang yang mana disebut oleh rakan-rakan di sebelah sini tadi, bukan dengan menambah lagi undang-undang tetapi menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Yang dipertikaikan tadi ialah kelemahan penguatkuasaan di pihak yang bertanggungjawab, di pihak kerajaan. Ertinya di sana kalau persoalannya ialah kekurangan tenaga untuk menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan, bukan dengan menyelesaikannya melalui satu lagi pindaan undang-undang tetapi menambah pihak penguat kuasa, memberikan kuasa kepada lebih ramai penguat kuasa untuk mencari dan juga untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang melanggar peraturan itu.

Mengubah atau meminda dan membuat undang-undang yang baru akan hanya memberikan ruang pula untuk salah laku yang lebih banyak. Kalau isu utamanya ialah masalah penguatkuasaan tidak diselesaikan, apa undang-undang baru boleh membantu dalam hal ini? Jadi kita bersetuju bahawa kita ini hendak mencari kebaikan untuk kaum pekerja. Kita bukan hendak membawa kemusnahan seperti yang didakwa. Amat sedihlah kalau ada pihak yang mengatakan hujah daripada pihak pembangkang ini hendak meruntuhkan masa hadapan pekerja, generasi kita akan datang. Saya rasa ini *totally absurd contention*...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sila.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit penjelasan. Tadi sebut pasal masalah penguatkuasaan. Yang Berhormat sedar tidak hari ini ada satu syarikat dari Pahang, Gemilang Makmur, syarikat berkaitan dengan perhutanan balak ini, dia sudah mendapat perintah mahkamah untuk Kerajaan Negeri Pahang kena bayar kepada dia RM30 juta dan faedah dia sudah naik sampai RM71 juta, tetapi sehingga sekarang, Kerajaan Negeri Pahang yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah jadi Menteri Besar, tidak bayar duit itu kepada Syarikat Gemilang Makmur.

#### ■ 2000

Maknanya undang-undang sudah ada, sudah diputuskan oleh mahkamah. Maknanya ada, bukannya syarikat ini, tetapi kerajaan sendiri yang ingkar kepada keputusan mahkamah. Jadi, suatu perkara yang sangat memalukan dan menunjukkan pembuktian bahawa bagaimana bahawa penyalahgunaan kuasa itu bebas berlaku bukan sahaja pada syarikat, sampai ke peringkat kerajaan sendiri yang di bawah Barisan Nasional. Bukan Kerajaan Pakatan Rakyat ini, Kerajaan Barisan Nasional Negeri Pahang. Maknanya kalau dia itu bukan kerajaan, dia hanya syarikat, boleh sita itu. Maknanya *bankruptcy*.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Suatu analogi walaupun tidak menggambarkan situasi antara majikan dengan pekerja, tetapi menggambarkan bahawa undang-undang sudah ada, tetapi penguatkuasaannya. Ini pihak kerajaan, siapa hendak ambil tindakan kepada pihak kerajaan. Minta syarikat yang berkenaan saman, tetapi itulah suasananya.

Jadi, saya berpandangan bahawa memang yang penting hari ini ialah penguatkuasaan. Banyak masalah yang berlaku kepada kaum pekerja kita seperti yang dibawa contoh oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi, Dawama di tempat di mana saya tinggal memang suatu perkara yang *pathetic*, dengan izin. Masa hadapan pekerja kalau diambil ataupun dibiarkan sedemikian, sudah pasti ia akan menjejaskan masa hadapan bukan hanya kelompok pekerja ini, tetapi menggambarkan suasana yang boleh berlaku kepada banyak industri.

Industri di Malaysia ini bukan hanya Tuan Yang di-Pertua terhad kepada industri perladangan. Memang, kalau dalam perladangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi, memang tidak cukup memanjang pekerja-pekerjanya. Kalau disebutkan tadi FELCRA, disebut juga Sime Darby dan disebut juga ladang-ladang Tabung Haji, semua GLC ini. Adakah rang undang-undang ini dirangka untuk menggambarkan desakan-desakan daripada GLC-GLC ini? Itu hanya persoalan yang boleh diperjelaskan oleh Menteri. Akan tetapi memang ada masalah di situ, cumanya ada sektor-sektor lain seperti sektor pembuatan, kilang-kilang elektronik dan sebagainya. Bagaimana kalau pekerja-pekerja kontrak ini seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi berada dalam industri ini, mereka tidak dapat berhubung dengan majikan secara *direct* melainkan dengan pembekal-pembekal mereka.

Jadi, sudah tentulah kebajikan mereka bukan bergantung kepada empunya syarikat pengeluaran tersebut, tetapi pihak yang lain. Walaupun mungkin di sektor-sektor ladang mungkin ini satu perkara yang normal, tetapi dalam industri pembuatan seperti begini ianya akan menyebabkan masa hadapan pekerja-pekerja ini tidak terjamin dan mereka boleh ditukar-tukarkan ke industri lain. Bila mereka hendak membina suatu kebijaksanaan dan kepakaran dalam mana-mana bidang yang mereka sertai?

Kemudian mungkin dalam satu syarikat, dua tiga pembekal pekerja kontrak dalam suatu tempat bekerja, kerana mungkin suatu syarikat tidak dapat menyempurnakan keperluan 500 orang misalnya, dia boleh bagi 100 dan yang lainnya ada lima syarikat yang lain untuk menyempurnakannya. Jadi, ini menambahkan lagi kelemahan pihak pekerja itu sendiri. Mereka tidak dapat *organize themselves* dengan izin. Mereka tidak ada dapat suatu suara yang kuat di kalangan 500 mereka itu untuk menyampaikan pandangan mereka kepada kilang ataupun kepada majikan. Jadi mereka ini sudah semacam di pecah perintah. Ini yang dikhuatiri oleh MTUC. Jangan pula kita kata *so what*, dengan izin. Kenapa kita harus berpihak dan bersimpati dengan masalah MTUC.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, MTUC mewakili kaum pekerja untuk kebajikan mereka. Saya tidak pernah dengar lagi MTUC ini memperjuangkan sesuatu yang boleh meruntuh dan merugikan kaum pekerja. Jadi, ini merupakan suatu usaha yang perlu disokong oleh kita semua dalam Dewan ini supaya bahagian yang dituntut tadi ditangguhkan kelulusannya sehingga suatu keputusan yang baru, yang disemak semula dan diperbaiki supaya memuaskan kumpulan yang sangat terkesan iaitu kumpulan pekerja dengan menyerahkan perkara ini kepada suatu *Select Committee* Parlimen. Saya menyokong Yang Berhormat Kuala Langat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perlu lagikah semua ini berhujah sebelum Yang Berhormat Menteri saya panggil untuk menjawab? Kalau perlu, boleh *point* yang telah *diraise* oleh kawan cakap sebelum itu jangan lagi dibangkitkan balik kerana saya memerhatikan kebanyakan *point* telah *diraise* balik. Yang Berhormat Ledang saya nampak berdiri tadi. Selepas Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Kalau tiada lagi daripada Barisan Nasional, Yang Berhormat Klang, selepas itu Bandar Kuching dan *of course* Yang Berhormat Bakri dan Yang Berhormat Sungai Siput. Selepas itu Menteri jawab. Sila.



**8.06 mlm.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidaklah panjang sangat. Cuma, saya rasa tanggungjawab hendak menyokong rang undang-undang ini kerana saya hendak membawa satu lagi analogi iaitu orang semakin pandai Tuan Yang di-Pertua. Kontraktor pembekal semakin pandai, peguam semakin pandai.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini penting supaya sekurang-kurangnya dapat mengurangkan *loophole* di mana-mana, celah-celah mana untuk pembekal buruh ataupun peguam-peguam mengambil kesempatan di atas kekurangan undang-undang yang sedia ada dalam mencari keuntungan umpamanya disebut tadi kontraktor pembekal buruh. Banyak aduan yang kita terima dan kita sebagai wakil rakyat pun kerap terima aduan, tauke yang membekalkan buruh ini atau pun syarikat yang membekalkan buruh ini tidak bayar gaji walhal pemaju utama misalnya kontraktor utama sudah bayar upah pekerja kepada pembekal buruh. Untuk melicinkan proses pengesanan, perlu ada undang-undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya kerap berbual dengan peguam. Peguam bercakap dengan saya, dia kata Hamim, tiga pihak *you* tidak boleh bohong, pertama Tuhan dia kata, saya setuju. Kedua diri *you* sendiri, saya setuju tetapi ada ketiga. Ketiga *you* tidak boleh bohong saya sebagai peguam. Saya kata kenapa? Ini kerana saya peguam, saya perlu tahu jalan cerita yang sebenar supaya saya boleh pusing fakta, pusing cerita untuk lepaskan *you* daripada dihukum kerana kesalahan tertentu dan saya juga pernah berbual dengan Hakim. Hakim Mahkamah Tinggi, sama-sama main golf Tuan Yang di-Pertua, dahululah. Hakim bercakap dengan saya mudah sahaja. Saya hanya akan menjatuhkan hukuman tanpa apa-apa keraguan berdasarkan kepada segala hujah, bukti, saksi dalam mahkamah dan di luar bukan kerja saya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu pentingnya undang-undang ini untuk bukan soal hendak menyaman, bukan soal hendak menyusahkan, tidak. Ini supaya semuanya teratur kerana dunia berubah, manusia semakin pandai dan mereka nampak ada kekurangan-kekurangan tertentu dalam akta yang sedia ada sehingga disebut tadi kontraktor pembekal buruh terlepas daripada tanggungjawabnya untuk membayar gaji kepada buruh yang dibawanya bekerja sedangkan kontraktor utama ataupun pemaju perumahan ataupun tuan punya ladang sudah bayar upah kepada kontraktor buruh berkenaan.

**■ 2010**

Ini satu perkara Tuan Yang di-Pertua yang saya perlu bangun menyokong kerana perkara pokok perlu diselesaikan. Saya fikir kalaulah semua pekerja, ahli-ahli MTUC faham tentang rang undang-undang ini, maknanya mereka tidak diberikan hujah putar belit dan sebagainya, mereka akan menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekarang mereka tidak menyokong kerana terpengaruh dengan hujah-hujah lain, saya yakin Tuan Yang di-Pertua setahun lagi atau dua tahun lagi paling lama pun dua tahun, akhirnya mereka bersyukur kerana adanya rang undang-undang ini, kerana adanya Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 yang sebenarnya menjaga kepentingan kebajikan mereka sebagai pekerja yang sentiasa dilindungi oleh kerajaan kita. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**8.17 mlm.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri satu senario. Ada seorang anak kawan saya, dia baru lepasan universiti. Dia melalui satu ejen dan sekarang bekerja dengan satu *international company*. Dia kerja di situ tetapi dia adalah dibayar oleh ejen ini. Jadi apabila berlakunya gangguan seksual di tempat kerjanya, macam mana dia boleh berharap kepada syarikatnya kerana dia bukan staf di situ. Jadi dia tidak boleh adu kepada tempat yang dia bekerja. Ini satu masalah.

Kedua, dia ada kontrak satu tahun. Selepas itu sama ada kontrak dia akan diperbaharui, dia tidak tahu lagi, tidak pasti. Ini bermakna bahawa kepentingan beliau sebagai seorang pekerja tidak terjamin. Jadi sekiranya hendak melalui *outsourcing* untuk mengurangkan beban syarikat itu, saya rasa apabila syarikat itu setuju dia ambil pekerja itu, dia mesti di bawah syarikat itu dan tidak boleh di bawah ejen itu.

Jadi mengenai pekerja-pekerja pendatang asing, saya rasa masalahnya ialah di dalam proses pengambilan. Sekarang dia melalui beberapa kementerian. Saya selalunya diberitahu bahawa begitu susahnya hendak ambil pekerja dari negeri lain. Oleh sebab itu jadi ada banyak mesti bayar duit kopi. Oleh sebab ia menjadi satu industri yang begitu lumayan, *you can make profit out of getting the pekerja*. Jadi ini adalah masalahnya. Saya rasa proses pengambilan itu mesti *distreamline* di bawah satu kementerian sahaja dan ada satu *open, transparency process* supaya ia dikurangkan dan ia boleh *to make unreasonable profit*. Jadi saya rasa untuk *outsourcing* kontraktor, ini bukan cara untuk menangani masalahnya. Saya bersetuju dengan MTUC ataupun Yang Berhormat dari Ipoh Barat, ini adalah untuk melemahkan perlindungan kepada pekerja-pekerja. Jadi ini adalah *anti labor*, bukan *pro labor*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Batu Gajah tentang seksyen *sexual harrasment* di sini. Ia tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam akta ini kerana kalau definisinya, *protectionnya* amatlah terhad. Kalau dia bekerja di bawah ejen, kerja di syarikat yang lain, dia tidak dapat diperlindungi. Itu yang pertama. Keduanya, ia mesti seperti Akta Keganasan Rumah Tangga supaya ini adalah jelas. Keganasan itu adalah salah dari segi undang-undang. Jadi kita ada satu akta gangguan seksual.

Jadi kita semua jelas bahawa ini adalah salah dari sisi undang-undang. Ini adalah yang amat penting supaya ia bukan hanya di tempat kerja dia salah. Kalau di tempat yang lain tidak salah. Umpamanya, sekiranya di kelab ataupun di lobi hotel ada pekerja di situ tetapi ada pelanggan yang lain. Dia bukan pekerja yang di dalam hotel itu ataupun majikan dia tetapi pelanggan yang lain yang boleh melakukan gangguan seksual tetapi dia tidak diperlindungi. *Reasonnya* yang kedua ialah banyak *company*, banyak syarikat, ia hanya ada lima orang atau kecil-kecilan. Ia tidak ada *resources* untuk menjalankan siasatan dan dia tidak mampu.

Jadi saya rasa adalah kerajaan harus memainkan satu peranan dalam mencegah gangguan seksual di mana-mana. Kerajaan mesti ada satu mekanisme. Ia tidak boleh mengharapkan syarikat *private sector* untuk menjalankannya. Jadi saya meminta dan saya merayu supaya akta ini diwujudkan. Dikeluarkan dari sini dan diwujudkan satu akta supaya menunjukkan bahawa kerajaan betul-betul memandang serius. Gangguan seksual adalah satu kesalahan yang tidak boleh diterima di mana-mana. Bukan hanya di tempat kerja sahaja. Yang kedua saya ingin bertanya...

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat, boleh minta laluan sedikit? Rantau Panjang, okey. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pandangan Yang Berhormat. Kalau kita lihat bagaimana pindaan akta ini sebagaimana Yang Berhormat sebut ini adalah sebenarnya gagal menangani isu gangguan seksual di kalangan para pekerja terutama yang melibatkan wanita. Jadi kita melihat di sini seolah-olah isu ini tidak diambil berat oleh pihak pemerintah. Seolah-olah ini satu perkara yang remeh sedangkan kita melihat masalah yang sedang berlaku begitu banyak kes-kes sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, perlu sebagaimana yang disebut oleh Ahli-ahli Parlimen daripada BN mengatakan seharusnya kita sokong akta ini sedangkan akta ini sebenarnya tidak membela pekerja. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, saya rasa akta ini boleh diperbaiki lagi. Apa yang kita buat di sini ialah cuba menolong supaya akta ini diperbaiki lagi, supaya ia benar-benar melindungi pekerja-pekerja. Saya ingin satu penjelasan sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersetuju dengan seksyen ini di mana *sexual harrasment* dimasukkan dalam akta ini. Ini kerana sekiranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga bersetuju dengan cara ini maka kementerian ini tidak memainkan peranan yang betul. Ia tidak memainkan peranan untuk melindungi hak-hak wanita untuk tidak diganggu seksual.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Boleh minta laluan?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya baru dengar dalam ucapan dari Yang Berhormat tentang *outsourcing*. Saya hendak minta sedikit pandangan dari Yang Berhormat. Kita sedia dimaklumkan bahawa *outsourcing* ini tentang pekerja asing. Memang sebelum ini kerajaan menggalakkan *outsourcing* dan kebelakangan ini *outsourcing* sudah diberhentikan atau dikurangkan kerana menghadapi banyak masalah tentang pekerja asing ini telah diabaikan ataupun kepentingan mereka tidak dapat dipertahankan oleh mereka sendiri.

■ 2020

Banyak masalah juga dihadapi oleh majikan. Adakah rang undang-undang ini jika seperti kita wujudkan, lebih *outsourcing* untuk pekerja tempatan? Apakah pandangan daripada Yang Berhormat? Ini saya minta sedikit penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Memang *outsourcing* ini menjadikan lebih banyak masalah kerana pekerja-pekerja ini yang melalui agensi-agensi, kepentingan mereka tidak dilindungi. Sepatutnya agen-agen ini yang membawa mereka masuk harus bertanggungjawab ke atas kepentingan mereka tetapi pada sekarang tidak dan bukan murah untuk membawa seorang pekerja asing, mahal. Majikan bayar, umpamanya sekarang kalau domestik naik, lebih kurang RM10,000 tetapi kalau *maid* ini larikan diri, bukan agen yang bertanggungjawab tetapi majikan yang menanggung segala kerugian.

Jadi, saya rasa ini mesti dikaji balik, umpamanya saya rasa Singapura, ia juga banyak pekerja asing, mengapa Singapura tidak menghadapi masalah seperti kita? Apakah sistem, mana salah kita? Saya rasa ini adalah kerana *recruitment of foreign worker* sudah menjadi satu industri yang begitu lumayan, *profit* yang begitu lumayan untuk sesetengah orang, untuk kekayaan sesetengah orang. Jadi, saya harap kerajaan mengkaji balik bagaimana kita wujudkan satu prosedur yang *transparent* yang tidak payah pergi jumpa *Minister* atau mana-mana orang dan dapat bawa masuk pekerja-pekerja. Ini demi kebaikan negara kita. Sekian terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat, bolehkah sedikit? Tadi saya ada tanya tentang pekerja tempatan. Nampaknya kontraktor untuk pekerja ini seperti *outsourcing* untuk pekerja tempatan. Adakah ini sudah diambil alih *role* yang dimainkan oleh kementerian. Selalu kita tidak digalakkan majikan jika susah mendapat pekerja tempatan ini, mesti melalui Jabatan Buruh atau kementerian sebab itu dengan adakan kontraktor untuk pekerja, adakah tugas ini semua diambil alih oleh kontraktor-kontraktor dan kementerian tidak perlu lagi menjadi orang tengah atau menjadikan agensi untuk membantu majikan. Jadi sebab itu saya tanya adakah satu..., kita sudah kurangkan *outsourcing* untuk pekerja asing dan kita wujud lagi *outsourcing* untuk pekerja tempatan. Oleh sebab itu saya tidak berapa faham tentang tujuan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya rasa ini maksudnya, bererti bahawa kementerian sudah *transfer* kerjanya kepada orang lain tetapi ia masih ada kementeriannya, pekerjaannya masih ada, *staff* masih ada dan juga Menteri pun masih ambil gaji yang sama, tidak kurang tetapi kerjanya sudah beri kepada orang lain. Ini pun menunjukkan bahawa kementerian ini kurang berkesan, saya rasa haruslah mendengar hujah-hujah di sini dan untuk memperbaiki, betul-betul melindungi pekerja-pekerja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Klang.

8.24 mlm.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berucap walaupun sepuluh minit tetapi saya akan fokus kepada isu yang pokok yang saya bangkit iaitu definisi.

Apakah definisi perhubungan pekerjaan ataupun definisi *employment relationship*. Apakah ciri-ciri yang merangkumi *employment relationship*? Sebenarnya kalau kita baca buku-buku *employment law*, kita dapati bahawa ada dua definisi yang merangka *employment relationship*. Satu, adalah di mana majikan dan pekerja masuk dalam satu persetujuan, satu *agreement* iaitu *contract of service* di mana seorang diterima sebagai pekerja dan majikan menerima seorang sebagai pekerja, itu ciri pertama.

Ciri yang kedua, adalah lebih penting sebab ini berkait dengan isu yang kita bincang sekarang iaitu *contractor for labor*. Mengapa ini adalah penting sebab ciri yang kedua yang menentukan *employment relationship* ialah *the employer is also the owner operator of the factory*, dengan izin. *The owner operator of the factory*, apakah maksudnya? Ini bermaksud bahawa *owner operator* itu memiliki mesin-mesin, dia memiliki satu *factory*, tempat di mana mereka mengeluarkan barang-barang dan juga hasil iaitu keuntungan itu pergi kepada seseorang *owner operator*. Ini adalah ciri-ciri seorang *owner operator*.

So, kalau kita nampak dua-dua ciri ini dan kita katakan ini adalah *employment relationship*, kita dapati bahawa Profesor Maimunah Aminuddin dalam buku beliau, *3rd Edition Malaysian Industrial Relations and Employment Law* mengatakan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*in determine the employment status of a worker, the courts has developed a number of test to assist in the decision making process*" iaitu untuk menentukan status *employment*, pekerjaan. Pertama ialah, "*thus the employer control when and how the work is done and who does it*". Kedua, "*thus the employer provides the tools, raw materials and equipment necessary to do the work*". Ada lain-lain ciri tetapi ciri kedua, yang pokok ini jelas menunjukkan bahawa *contractor of labor does not provide the tools, does not provide the raw materials, does not provide the equipment* untuk membuat kerja. *The contractor of labor* hanya memberikan badan-badan iaitu pekerja untuk bekerja di satu kilang atau satu ladang getah dan sebagainya.

So, apa yang kita buat sekarang ialah kita..., kalau satu implikasi Tuan Yang di-Pertua, implikasi di sini ialah sekarang *the principal company*, kita katakan *company A* itu tidak lagi menjadi tanggungjawab kepada pekerja, *they are not liable to the workers anymore* dan sebenarnya mereka tidak lagi menjadi majikan. Apakah maksudnya? Ini bermaksud bahawa kalau saya seorang *outsourcer worker* dan saya pergi ke kilang, kerja di dalam kilang 'A'. Kilang 'A' itu tidak bertanggungjawab ke atas saya, mereka bukan majikan saya. Majikan saya ialah *outsourcer company* yang ada di luar. Itu adalah majikan saya, bukan kilang 'A' yang saya bekerja. So, ini merupakan bahawa *the principal company is no longer liable, no longer* bertanggungjawab kepada kepentingan saya sebagai seorang pekerja. *Therefore they have no responsibilities to the worker*.

Sekarang oleh kerana pindaan. Kalau pindaan ini diluluskan, maka *contractor of employer* menjadi majikan baru. *This is very serious*. So, soalan saya yang saya hendak tujukan kepada pihak Menteri dan juga kementerian ialah untuk menjawab soalan ini iaitu saya hendak tanya kepada Menteri bagaimana *contract of service can be established* di antara *contractor of labor* dan pekerja bila *contractor of labor is not owner operator*. Kalau soalan ini boleh dijawab dengan sesuai, dengan..., sekali saya akan terima pandangan yang diberikan oleh pihak kementerian. Akan tetapi ini adalah perbincangan pokok kita pada hari ini dan apa yang dibuat sekarang ialah untuk sahkan, untuk halalkan satu yang tidak sah, *to make legal what is illegal at this time*.

Isu yang kedua, kementerian ada mengatakan bahawa *bill* - rang undang-undang ini dibawa untuk perbincangan perbahasan ini untuk melindungi pekerja tetapi kalau kita tengok struktur terma *outsourcing* ini, mereka akan hantar satu kumpulan pekerja untuk dua bulan untuk bekerja dalam satu kilang 'A'. Kemudian pekerja 40 hingga 50 orang itu akan ditukar kepada kilang B dan selepas itu kilang 'C'. Kalau mereka di *transfer* dari kilang 'A', 'B' dan 'C', masalah di sini ialah kilang itu tidak memenuhi *recognition* pekerja, *recognition* untuk menubuhkan *trade union*. So, oleh sebab itu, masalah yang akan dihadapi oleh pekerja ialah mereka tidak boleh memilih dan juga realisasikan *trade union* yang dikatakan akan melindungi pekerja.

#### ■ 2030

Secara *indirect*, sebenarnya pihak kementerian hendak membunuh, hendak menghapuskan *trade union* di Malaysia dan ini bukan sahaja...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tunggu dulu, *one second*. Ini bukan saya nak katakan sebab saya...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Serious issue* lah.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Yes, it is very serious. Thank you.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *I would like to ask for* penjelasan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tunggu, saya nak habis sikit, nak habis. Kalau kita nampak di Indonesia, kalau kita nampak di Filipina, kalau kita nampak di Thailand, terma-terma *outsourcing* ini digunakan untuk menjejaskan hak pekerja, untuk menurunkan *benefits* ataupun kebajikan yang diberikan kepada pekerja. Itu adalah isu yang bukan kita kuarir di sini tetapi dilihat ada pengalaman, ada *experience* di negara-negara lain dan jelas menunjukkan bahawa *outsourcing firms will reduce the rights of workers and therefore we in Malaysian Parliament must be sensitive with that.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat tadi. Satu, *owner operator*. Bagaimana kalau *owner operator* itu *closed shop*? *You*, dengan izin, *you think every owner operator will guarantee employment all the time*? Bagaimana kalau dia lepas enam bulan bekerja di situ tiba-tiba *factory* dia tutup? Tak ada *demand, no business*. Apa dia tanggungjawab dia? Tanggungjawab dia hantar dia balik? *That's about all you can do*. Dia datang sini nak bekerja, ada permit dua tahun. Dia dah bayar *air ticket*, dah bayar permit, levi, dia dah *incurred cost*. *How do you help them? I want to ask*, itu satu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, maknanya *owner operator* pun tidak boleh kita kata menjamin 100 peratus jaminan kepada kebajikan pekerja daripada segi *continued employment*. *This you have to remember*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Lagi satu, *I don't agree with you encouraging union unionize foreign workers. That's not good for the country. Please, you tahu one million people* kalau dia *unionize*, *they will bring down the country to your knees*. Ini *you* cakap *union, union. They are many other ways of looking after them, not allowing them to have a union and start politicking. The whole industry will be paralyze. You better be careful*, dengan izin.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat Pasir Salak tak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat. Habiskan, habiskan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tak faham apa itu *outsourcing*. Sebenarnya *outsourcing* juga dijalankan, *Malaysian citizen* pun berkait dengan *outsourcing* dan bila pekerja-pekerja dari Sabah datang ke Semenanjung, kerja di Selangor, kerja di Pulau Pinang, di Johor dan sebagainya, mereka tidak dibayar EPF dan SOCSO. Ini adalah isu yang *clear*.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *This is what we are trying to address. This act is going to address that problem.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tunggu dulu, tunggu dulu. Isu dengan *owner operator* itu ada undang-undang yang sedia ada. Kalau tutup selepas enam bulan ke satu tahun, ada *retrenchment benefit* ada...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *That's all?*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...*The others*, yang sedia ada.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Ya, is that all? I want to ask you.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *I think you have to ask the Minister, bukan saya. Saya bukan Menteri.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, I want to ask you. You know so much.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Of course, thank you very much tetapi itu mesti dijawab oleh Menteri.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You kata owner operator can protect the workers and I want to know how they can protect. You please speak on their behalf.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat baca...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, no. You don't know what you're talking about.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *If you read the Employment Act, kalau Yang Berhormat baca Employment Act, owner operator itu ada dalam contract of service.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Ya, what kind of...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat tak faham, keliru.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Yes.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Come on man, you don't under estimate my intellectual capacity.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Baca, bacalah akta baru cakap. Baca akta sebelum bercakap. Tak baca.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, I want to do. Owner operator dia boleh bagi retrenchment and after that? Habis, hantar balik! Is that the way to protect?*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Then you ask the Minister, dia punya job bukan saya.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Apa Minister?*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Kalau saya Minister, saya boleh jawab.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *No, you said the owner operator can protect. I want to ask you, dengan izin, how can they protect?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Itulah saya kata tak dengar, tak dengar.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Apa pula tak dengar? I'm listening.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Owner operator merupakan satu ciri untuk employment arrangement.*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *Then you encourage union, then you encourage union.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *They encourage union. This is asking for trouble.*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *You are asking for trouble already.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Dengan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya dan kawan-kawan saya, bahawa akta ini ataupun pindaan ini dibawa untuk dibincang dalam *Select Committee* tetapi yang lebih penting sekali saya minta kalau kerajaan boleh buat satu *impact assessment*. *Impact assessment* yang dibuat di negara lain dan juga digalakkan oleh pihak ILO dan *impact assessment* ini akan memberi satu senario dan apakah impak terhadap pekerja di Malaysia, impak terhadap pekerja luar negara ataupun *foreign workers* dan juga kepada kebajikan-kebajikan, *privileges* dan hak kepada pekerja termasuk juga hak daripada perspektif majikan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

### 8.36 mlm.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu Dewan ini dan juga Yang Berhormat Menteri tentang satu ketidakadilan dan kezaliman yang telah dilakukan oleh kerajaan ke atas segolongan pekerja-pekerja di Sarawak. Walaupun Akta Kerja ini tidak diguna pakai di Sarawak tetapi peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan dalam Akta Kerja telah dimasukkan ke dalam *Sarawak Labour Ordinance*, *Labour Ordinance of Sarawak* dan akta itu telah diluluskan di Dewan ini dalam tahun 2004.

Oleh itu saya fikir dan berpendapat bahawa ia amatlah tepat untuk saya untuk membangkitkan isu ini dan golongan pekerja-pekerja yang saya rujuk adalah golongan pekerja dalam *timber industry* di Sarawak. Walaupun Akta Kerja telah diluluskan atas semangat untuk melindungi dan memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja tetapi selepas kelulusan akta itu, satu *exemption* telah diberi kepada pekerja-pekerja di *timber industry* di Sarawak dan *exemptionnya* mengenai *guarantee week*, *holidays hours of work*, *shift work*, *rest day*, *work on rest day and annual leave*. Kesemua ini peruntukan untuk memperlingkungi pekerja-pekerja supaya mereka dijamin supaya majikan mereka diwajibkan untuk memberi *rest day*, memberi *rest hour*, *guarantee week* dan *annual leave*.

Semua ini telah dikecualikan di bidang *timber industry* di Sarawak. Apa guna kita meluluskan akta-akta di Dewan ini? Selepas kelulusan akta itu, perlindungan yang diperuntukkan dalam akta tidak diguna pakai dan saya diberi tahu bahawa *exemption* yang diberi ke atas industri *timber* di Sarawak ini adalah atas permintaan STA iaitu *Sarawak Timber Association*. Mereka yang buat permohonan kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi *exemption* supaya seksyen-seksyen yang berkenaan tidak diguna pakai dalam *Sarawak Labour Ordinance* dan siapa itu *Sarawak Timber Association*? Mereka ini adalah syarikat-syarikat pembalok yang besar yang banyak keuntungan daripada pembalakan dan mereka tak sudi beri *guarantee week of service*.

Tidak sudi bayar gaji kepada pekerja-pekerja syarikat mereka. Alasan yang diberi oleh mereka adalah industri *timber* di Sarawak adalah berbeza dan sekiranya hujan, tidak dapat buat kerja. Tidak ada hujan, baru boleh buat kerja.

■ 2040

Bukankah ini..., *this is the point why do we have The Employment Act*, dengan izin, supaya pekerja-pekerja ini boleh dijamin, ada jaminan supaya mereka ada gaji yang minimum. Gaji yang dibayar sepanjang tahun. Bukan ada kerja, baru bayar. Tidak ada kerja, tidak bayar. Oleh itu saya tidak dapat terima dan banyak MTUC Sarawak Chapter pun tidak terima kenapa sedangkan industri pembalakan telah mengaut keuntungan yang banyak tetapi pekerja-pekerja industri ini telah dikecualikan kebaikan yang diperuntukkan dalam Akta Kerja.

Oleh itu saya ingin menyeru kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengulang kaji lagi. Mereka telah dieksploitasi dan ramai daripada mereka adalah dari kaum Dayak yang dieksploitasi. Satu dua bulan hujan, mereka tidak ada gaji langsung. Jangan dengar daripada pihak STA sahaja kerana STA ini diwakili oleh syarikat-syarikat pembalakan yang besar itu, yang mengeksploitasi pekerja-pekerja ini. Saya harap satu keputusan boleh dibuat dengan segera supaya kaum Dayak, kaum peribumi di Sarawak tidak terus dieksploitasi oleh syarikat pembalakan yang besar itu.

Isu yang kedua yang saya ingin bangkitkan adalah mengenai kontraktor yang menjalankan kerja kontrak daripada kerajaan. Kerja kontrak kerajaan khususnya mereka yang kerja sesetengah dan jadi mufliis. Banyak daripada syarikat ini, mereka tidak bayar gaji. Saya ingin menyeru supaya satu polisi dibuat oleh kerajaan. Kalau mereka masih ada *progressive claim* yang harus dibayar atas kerja yang telah dibuat oleh kontraktor yang mufliis itu, *priority of claim* harus dibuat untuk membayar pekerja-pekerja yang gaji mereka yang telah tidak dibayar oleh kontraktor-kontraktor ini. Saya ada terima satu kes juga di Sarawak iaitu NDC Dredging. Dia sudah potong gaji pekerja-pekerjanya untuk EPF...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** [Bangun]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Nanti. Saya akan habiskan *point* ini dan saya akan beri. Potong EPF itu tetapi tidak bayar EPF. Gaji pekerja-pekerjanya pun tidak dibayar. *Retrenchment benefit* pun tidak ada. Dia masih ada *progressive claim* daripada kerajaan untuk kerja yang telah dibuat sebelum mereka jadi mufliis.

Oleh itu, boleh satu polisi dibuat supaya *progressive claim* mereka dipotong untuk membayar gaji pekerja-pekerjanya. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Kapit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ini saya setuju. Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat di sebelah sana sebab ini untuk kebaikan orang kita. Memang betul yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching. Kalau tauke-tauke dia yang *timber tycoon* itu dia bertanggungjawablah sebab terlalu banyak kes-kes seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching ini di mana orang-orang kita yang bekerja itu selalunya sebab lebih-lebih lagi kaum Dayak itu dia bekerja bermusimlah. Jadi, apabila dia lepas kerja, terlalu banyak kes di mana gaji-gaji mereka ataupun elaun yang sepatutnya mereka terima itu tidak diterima. Lagi pun apabila ada kemalangan, yang mati itu sekarang pada saya ada dua kes di mana tauke itu tidak mahu tulis surat untuk menyokong untuk *claim*. Jadi, SOCSO tidak dapat terima, insurans pun tidak dibayar.

Jadi, saya memang setuju. Jadi Yang Berhormat Bandar Kuching, kalau boleh beritahulah bukan sahaja di Dewan ini. Ceritakan juga di Dewan Undangan Negeri Sarawaklah bagaimana kita hendak pastikan tauke-tauke syarikat balak itu bertanggungjawab kepada pekerja-pekerja yang kebanyakannya memang orang-orang asal, orang dari kaum di tempat di mana kawasan balak itu...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kapit,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya. Peluang tauke-tauke ini untuk mengeksploitasi pekerja-pekerja mereka telah diwujudkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Itu Yang Berhormat tidak usahlah. Tidak perlulah kita berpolitik... [Dewan riuh]



**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya. Tidak boleh. Ya

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Kalau hendak membela rakyat, tidak perlu berpolitik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oleh itu, polisi...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Perlu ikhlas. Perlu ada keikhlasan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Memang saya ikhlas.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *The problem with you.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Mula-mula baik. Seolah-olahnya begitu prihatin kepada rakyat. Sudahnya berpolitik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Memang saya prihatin. Oleh itu saya bangkitkan isu ini. Oleh itu saya bangkitkan isu.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sekarang tidak berani hendak tegur tauke.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia tidak berani hendak tegur taukelah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat sekarang...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kita berani tegur tauke.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Pun dengar teguran daripada Barisan Nasional.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Masalahnya Briged Resources Sdn. Bhd. pun kita berani tegur.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ahli Parlimen dari Barisan Nasional pun sokong apa yang saya kata...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Briged Resources Sdn. Bhd. pun kita berani tegur.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Mengenai *exemption* yang diberikan kepada tauke-tauke pembalakan itu. Oleh itu saya fikir ia adalah amat tepat untuk satu tindakan diambil dengan segera supaya kaum Dayak tidak terus dieksploitasi. Oleh itu, tauke-tauke yang tidak mahu sokong itu SOCSO, mungkin dia tidak bayar SOCSO pun. Oleh itu *Labour Department* harus buat siasatan dan saya harap Yang Berhormat dari Kapit boleh menulis atau menyampaikan ini kepada *Labour Department*.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Ya, memang. Memang itu saya usahakan. Memang.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini adalah tindakan sebabnya...

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Bukan sahaja setakat di Dewan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Ini adalah kerja kita untuk membangkitkan apa yang tidak ada.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tadi saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi jangan berpolitik sangattlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya setuju pun. Saya buat cadangan. Tidaklah tetapi ini hakikat. Ini hakikat. Ini hakikat *exemption* ini telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini hakikatnya. Ini *exemption* diberi oleh Yang Berhormat Menteri dan *exemption* ini harus dibatalkan sekarang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bakri.

**8.48 m.m.**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada 81B(1) di bawah fasal 27 mengenai aduan gangguan seksual. Di bawah seksyen 81B menyatakan kewajipan ke atas majikan untuk menyasat aduan gangguan seksual mengikut jadual yang ditetapkan oleh Menteri. Soalannya di sini ialah mengapa bukan kementerian berkenaan atau perbadanan bebas untuk menjalankan penyiasatan ini memandangkan penyiasatan kes gangguan seksual adalah sensitif terutamanya di negara Asia yang jauh lebih konsevetif dari negara maju yang lain tambahan lagi ia memerlukan pengetahuan untuk menangani gangguan seksual.

Kalau menurut apa yang dikatakan dalam rang undang-undang ini, sekiranya majikan tidak menjalankan siasatan, pekerja boleh membuat aduan kepada ketua pengarah. Selepas itu kalau ketua pengarah merasakan perkara ini perlu disiasat, beliau akan mengarahkan majikan untuk menjalankan siasatan. Akhirnya majikan pula yang menjalankan siasatan. Kalau begitu, adakah ketua pengarah boleh menerima laporan siasatan yang dibuat oleh majikan? Macam mana Menteri boleh mengenal pasti laporan itu boleh dipercayai?

■ **2050**

Selain itu, apakah sekiranya pekerja tidak puas hati dengan hasil penyiasatan berkenaan? Adakah peruntukan undang-undang untuk mangsa tersebut membuat rayuan kepada Mahkamah Buruh atau Mahkamah Tinggi? Walaupun dalam seksyen 77(1) menyatakan bahawa sekiranya seseorang tidak berpuas hati dengan keputusan yang diperintahkan oleh Ketua Pengarah kerana faedah kewangan seseorang terjejas, beliau boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Seksyen ini hanya melibatkan faedah kewangan. Kes gangguan seksual tidak berkait dengan faedah kewangan. Maka, sila Menteri menjelaskan bagaimana mangsa-mangsa yang terlibat dalam kes gangguan seksual boleh membuat rayuan sekiranya beliau tidak berpuas hati dengan laporan siasatan tersebut?

Dalam konteks ini, langsung tiada peluang untuk membawa rayuan ke pihak berkuasa yang lebih tinggi tidak kira:

- (i) keputusan majikan tidak menjalankan siasatan;
- (ii) keputusan majikan menjalankan siasatan; atau
- (iii) keputusan Ketua Pengarah tidak mengarahkan majikan menjalankan siasatan.

Seterusnya saya merujuk pada seksyen 81(b) yang mana sekiranya majikan berpuas hati bahawa gangguan seksual telah dibuktikan, sekiranya yang berlaku bukanlah pekerja, adalah disyorkan supaya orang itu dibawa ke hadapan pihak berkuasa disiplin. Kalau dalam sebuah syarikat, pihak berkuasa disiplin ini mungkin bermakna Lembaga Pengarah. Soalannya ialah bukankah gangguan seksual dianggap sebagai jenayah dan sepatutnya dilaporkan kepada polis? Menteri perlu menjelaskan tentang perkara ini kerana ia amat penting. Sekiranya pelaku ini adalah salah seorang daripada Lembaga Pengarah atau pengurus tinggi di syarikat tersebut, apakah liabiliti syarikat atau pemilik tunggal terhadap mangsa-mangsa pekerjanya?

Dalam rang undang-undang ini telah memperkenalkan apakah jika pelaku itu adalah pekerja daripada kontraktor atau *out-sourcing agent* kepada syarikat tersebut. Siapakah yang akan menjalankan siasatan dalam aspek ini? Majikan mangsa atau majikan pelaku? Apakah yang akan terjadi jika seseorang itu melakukan gangguan seksual di dalam satu kilang?

Adakah majikan harus bertanggungjawab jika mangsa gangguan seksual ialah daripada kontraktor tenaga pekerja, adakah kilang tersebut harus bertanggungjawab? Saya harap menteri boleh menjelaskan apakah logiknya di antara satu sama lain.

Saya ingin menyentuh seksyen 77(1) yang mana saya mencadangkan untuk mengadakan pindaan perkataan 'or 73' dengan perkataan '73 or subseksyen 81D(4)' supaya jika seseorang mangsa tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah. Beliau boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Seterusnya saya ingin menyentuh fasal 23 mengenai menaikkan had gaji pekerja daripada RM1,500 ke RM2,000 bagi maksud penyiasatan aduan oleh Ketua Pengarah.

Pada bulan Mac tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan skim pemberian bantuan perolehan rumah murah yang disebut skim 'Rumah Pertamaku' bagi mereka pekerja swasta muda, warganegara Malaysia dengan pendapatan rendah. Dalam ucapan beliau, golongan yang dimaksudkan dengan berpendapatan rendah adalah mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000 per bulanannya. Jika definisi 'pendapatan rendah' yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu benar, bukankah kenaikan had gaji pekerja dalam konteks ini seharusnya ditetapkan ke RM3,000 dan bukannya RM2,000. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah kaedah yang digunakan untuk kenaikan had gaji pekerja ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

#### 8.56 mlm.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya yang akan berucap *last* sekali. Saya sedih dan kecewa kerana pada hari ini saya mendengar ramai Ahli Parlimen nampaknya tidak faham akan masalah yang dihadapi oleh pekerja kita oleh kerana sistem kontrak.

Saya beri satu contoh dari Sungai Siput, ada sebuah kilang simen di Sungai Siput yang mana *housekeeping* telah di *contractualize*. Apabila itu berlaku, pekerja diberikan pilihan; berhenti kerja, dapat pampasan atau kerja untuk kontraktor baru. Ramai pilih bekerja untuk kontraktor baru. Masalahnya ialah tiga tahun selepas itu, apabila sampai masa untuk membaharui kontrak itu, ada persaingan dengan *company* yang lain. Jadi, kontraktor yang asal itu, dia kata kepada pekerjanya, "Adakah you sedia terima satu cut in your pay ataupun kerja habis?" kerana dia mendapat tawaran yang lebih rendah. Ini telah berlaku berkali-kali. Setiap tiga tahun bukan *pay rise* tetapi *pay cut*. Sekarang dia dibayar RM22 sehari dibandingkan dengan RM32 sehari, sepuluh tahun dahulu.

Ini satu masalah yang kita hadapi pada *contractualize*, *security of tenure* tidak ada. Setiap tiga tahun, tidak ada kerja. You kena *bargain* lah. Jika you kata beri saya gaji lebih, mungkin tidak ada kerja lagi. Satu lagi, gaji pun turun. Lagi, mereka tidak ada *member* pada *union*. Dahulu *union* itu *non-metallic workers union* sekarang mereka *housekeeping*. Mereka bukan dalam *union*. Lagi satu ialah *company* ini yang kontraktor itu bukan *deep pocket* lah. Jika dia kehilangan kerja, jika pampasan dia tidak ada cukup duit untuk membayar pampasan. Akta *employment* kita ada, seksyen 33 hanya mengatakan majikan prinsipal itu dia bertanggungjawab untuk membayar *the last months only*. *Only one month*. Bukan *retrenchment*, bukan *months* sebelum itu.

Jadi, inilah masalahnya yang kita hadapi, pekerja kita. Ini bukan satu kes yang terpencil. Ini berlaku di banyak kilang. *The contractualization*, untuk pekerja Malaysia, dua masalah; pekerja asing dan *contractualization*. Jadi apabila Menteri cakap, kita hendak bawa ini undang-undang baru untuk hadapi masalah ini, untuk kendalikan masalah ini, *very good*. Akan tetapi apa yang dibuat di sini *is too little*. You hanya mendaftarkan siapakah kontraktor dan you wajibkan dia untuk tulis nama-nama siapa pekerja you. *It is too little*. Satu yang you boleh buat ialah ini seksyen 33 boleh diketatkan. Katakan majikan ini, prinsipal itu bertanggungjawab untuk menggaji untuk beberapa bulan dan juga untuk pampasan berhenti kerja, bayaran SOCSO, bayaran EPF.

Jika kontraktor itu lari, dua ringgit *company* itu lari, *you couldn't do that*. Tidak ada *or you could said*, tidak boleh pakai kaedah kontrak jika itu kerja yang berterusan. Jika dalam kilang itu, kerja itu *full* satu tahun kena kerja, tidak boleh kontrak. Katakan macam buat siling, *you specialized thing*, boleh masuk kontraktor. Akan tetapi ini semua tidak ada. *So, that is why we disappointed* kerana kita rasa inilah undang-undang yang harus dipinda untuk beri perlindungan.

#### ■ 2100

Akan tetapi kita kata kita memberi perlindungan yang lebih baik kepada pekerja kita. *What we are doing is so little*. Jadi itulah saya kecewa dan juga sedih. Saya pun dengar daripada kawan-kawan saya daripada sebelah itu yang saya pun tak tahu, tak faham kah ataupun pura-pura tidak faham. *It is very weak*. Apa kita buat ini untuk katakan kita mahu melindungi pekerja kita, *it is very, very lemah, you know*. Selain daripada Yang Berhormat Rembau – Yang Berhormat Rembau nampaknya dia tahu isunya, dan mungkin Yang Berhormat Kapit juga. Akan tetapi selain daripada itu, *all the Speakers you know*, kita...

*So* saya rasa ini satu isu yang kita kena tengok iaitu saya ingat negara kita, kita dalam satu perlumbaan ke bawah. Kita bersaing dengan Vietnam, Thailand dan negara-negara yang miskin untuk merendahkan standard kita, merendahkan perlindungan kita kepada pekerja, *and this is not going to get us very far*. Apabila kita tanya kenapa ada mat rempit, kenapa kita ada geng India apa semua, ini sebabnya. Dasar kita meminggirkan anak muda kita... *[Disampuk]* Yes, ini masalahnya. Jika kita tidak boleh hadapinya *and* kita pura-pura apa kita buat ini akan melindungi ini. *It is very-very inadequate*.

*So*, saya pohon lagi sekali kepada Yang Berhormat Menteri. Tarik balik ini *and let's sit down and discuss it. If you really want to help workers, we can tell you how to do it. Let's have a discussion*. Akan tetapi saya rasa ini mungkin di *committee stage* mungkin kita boleh tarik balik, bincang dulu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 9.01 mlm.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam pindaan Akta Kerja. Kepada mereka yang faham dan sokong dan mereka yang tidak faham dan tidak sokong, saya mengucapkan terima kasih.

Akan tetapi, saya mahu memberitahu bahawa pada awalnya saya berdiri di sini bukannya untuk mempertahankan sistem kontrak pekerja. Saya tidak berdiri sini untuk memberitahu Dewan ini bahawa sistem *contract labour* ini bagus. Saya tidak berdiri sini untuk memberi tahu bahawa kita kena meningkatkan atau memberi ruang untuk meluaskan lagi sistem kontrak.

Akan tetapi, seperti apa yang saya sudah terangkan di dalam bacaan kedua tadi, tujuan kita dengan niat yang mulia dan murni ialah untuk memberi perlindungan kepada pekerja. Itulah tujuannya. Ini ialah permulaan gerakan kita untuk memberi perlindungan kepada pekerja ini sepenuhnya. Saya berharap saudara dan saudari, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memahami perkara ini di dalam... *[Disampuk]* Ya, ya. Saya terlupa, bukan kempen di sini.

Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa boleh faham ini dan nampak walaupun daripada mereka yang tidak sokong tetapi tujuan itu sama. Yang sokong, tujuan pun sama. *So*, apa yang kita perlukan ialah satu perkongsian pandangan untuk bergerak ke hadapan supaya kita boleh menghadapi satu masalah yang sudah ada di dalam negara. Semua Ahli Yang Berhormat yang beri perutusan pada hari ini telah menerima hakikat bahawa perkara ini sedang berlangsung di negara kita. Tiap-tiap Ahli Yang Berhormat telah memberi pengalaman mereka tentang insiden-insiden yang telah berlaku di dalam kawasan-kawasan mereka daripada mereka yang kontraktor-kontraktor ini.

Jikalau isu ini sudah berlaku dan kita tahu sudah ada masalah, bukankah ini tanggungjawab sesuatu kerajaan yang bertanggungjawab untuk menghadapi masalah ini dan untuk mencapai satu penyelesaian kepada masalah? So, apa yang dibuat pada hari ini ialah tindakan pertama atau boleh dikatakan tapak permulaan supaya kita boleh menghadapi isu ini. Itulah tujuannya di mana kita telah mulakan. Seperti yang telah saya beritahu tadi dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya telah berjumpa beberapa kali, bahawa permintaan untuk mengadakan pindaan ini datangnya daripada pihak kesatuan sekerja, bukan daripada majikan. Ia tidak mula daripada majikan, tidak datang daripada kerajaan, tetapi datang daripada kesatuan sekerja. Satu kesatuan sekerja di mana beribu-ribu pekerja di dalam beberapa puluh tahun telah menghadapi penindasan dan penderaan daripada sistem kontraktor itu. Mereka di dalam usaha mereka untuk mengawal perkara ini dan mengawal keadaan ini, telah menghadapi kesulitan untuk menjaga dan memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di bawah mereka. Itulah sebabnya kita mula untuk mengadakan pindaan ini.

Tambahan pula, masa pihak wakil NUPW pergi ke satu persidangan antarabangsa ILO tentang *contract labour* di New Delhi di dalam tahun 1997, di situ wakil mereka di dalam ucapannya, selain daripada menyenaraikan beberapa kelemahan yang ada di dalam sistem *contract labour* di negara kita, telah membuat satu cadangan di pentas antarabangsa bahawa negara Malaysia mesti memberi lesen kepada kontraktor-kontraktor *labour*. Akan tetapi kita tidak sudi dengan itu kerana pelesenan ini bermaksud apa yang diberitahu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ini akan *institutionalized* berkat.

Kita tidak setuju. Mereka telah meminta beberapa kali bahawa mereka diberi lesen, sampai tahun yang dulu ini kerana ada banyak kes. Ahli-ahli Yang Berhormat mesti ingat, Selancar di Mersing, di kawasan-kawasan yang lain di mana pekerja-pekerja di bawah kontraktor-kontraktor ini tidak dibayar gaji. Didera, dipukul, disimpan sebagai hamba dan ini semua berlaku di dalam sistem. Kalau kita tidak bergerak ke hadapan, kita tidak berani untuk menghadapi masalah ini dan mewujudkan satu sistem untuk memberi perlindungan kepada mereka, maka ini akan bererti kerajaan ini walaupun sudah mengetahui perkara ini berlaku tetapi tidak membuka mata dan telinga kepada keperluan pekerja-pekerja.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** *Let me finish.* Itulah sebabnya Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian menerima pandangan NUPW dan telah mengadakan perbincangan. Sebetulnya kita telah mengadakan perbincangan 18 kali dengan *stakeholders* daripada semua pihak. Tiap-tiap kali ada orang-orang lain yang datang, ada kemungkinan apa yang dibincangkan di peringkat mesyuarat kita tidak dibawa ke pandangan ahli-ahli mereka di akar umbi. Itu mungkin ada berlaku tetapi itu bukan kesilapan kita.

Tanggungjawab kementerian ialah untuk memastikan kita mengadakan perbincangan. Tanggungjawab kementerian ialah untuk memastikan kita panggil *stakeholders* dan mengadakan perbincangan. Tanggungjawab kita ialah untuk memastikan di dalam suasana tripartisme yang ada di dalam negara kita, perkara ini di bincang secara telus. Di dalam suasana tripartisme, kita bertanggungjawab untuk mengambil kira keperluan pekerja dan keperluan majikan. Bukannya tiap-tiap kali kita sokong majikan. Sama macam itu juga, bukan tiap-tiap kali kita sokong pekerja. Kerajaan sebagai parti yang tengah kena mengambil kira keperluan kedua-dua pihak dan membuat keputusan yang sewajarnya dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan negara.

Di dalam perbincangan ini, pandangan-pandangan yang dikemukakan telah diambil kira. Hasil daripada perbincangan ini, bukan sahaja dengan isu ini tetapi beberapa daripada pindaan-pindaan yang telah dicadangkan, perbincangannya sudah ada. Tadi... Okey, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Susulan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa pendiriannya adalah bahawa itu adalah untuk kebaikan pekerja. Pendirian kami di sebelah ini, ramai di antara kami berpendapat, dari hujah-hujah boleh tahu, bahawa ada banyak aspek di mana pekerja tidak dilindungi.

■ 2110

Satu di antaranya adalah di mana mereka tidak boleh di *unionize* dan ini...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Saya akan jawab itu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Membawa ke hakisan kepada *privilege* dan *right* mereka. Jadi, bagaimana kita akan dapat atasi.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Saya akan jawab itu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya ada bangkitkan mengenai seksyen 2A.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Isu itu saya akan jawab. Semua itu saya akan jawab. Biar saya teruskan dengan ucapan saya. Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi dalam ucapan semua Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan bahawa perkara ini sedang berlaku, bukan satu perkara yang baru. Bukan berlaku pada hari ini, sudah berlaku di dalam negara kita untuk berpuluh-puluh tahun, 70 tahun 80 tahun. Sepanjang masa ini, banyak isu yang kita telah hadapi. Memang pada masa sekarang kita sedang lihat isu ini sudah menjadi lebih luas. Isu-isu ini sedang menjadi lebih teruk dan kes-kes yang datang ke kementerian saya pun sudah jadi lebih bertambah.

So bila perkara seperti itu berlaku, bila pekerja tidak dibayar gaji dan bila kita cuba untuk berhubung dengan mereka yang menjadi kontraktor yang membekal mereka dan menggaji mereka dan kalau kita tidak boleh kesan siapa mereka, mana mereka ada, apakah nama mereka, maka susahlah untuk kementerian untuk memberi keadilan kepada pekerja-pekerja yang telah menghadapi penindasan. Dengan semangat itu, kementerian telah membuat keputusan supaya perkara ini mesti diselenggarakan supaya kita kena hadapi itu dan lepas tahu siapanya, mengambil langkah-langkah untuk mengetatkan mereka, menurunkan mereka seberapa banyak yang boleh, memastikan keadilan diberikan kepada pekerja. Semua boleh dibuat kalau kita tahu siapa yang kontraktor dan di mana mereka berada...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Kalau butiran tentang siapa mereka dan di mana mereka berada tidak diketahui, bagaimana kita boleh memberikan keadilan kepada mereka. Isu penindasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, mungkin kerana saudara saudari kamu tidak menjadi mangsa, mungkin tidak rasa kepahitan daripadanya, kalau tahu dan mesti pada masa itu semua orang berharap mengapa kerajaan tidak mengambil tindakan. Saya sudah cuba banyak kali di dalam beberapa keadaan untuk mengambil tindakan dan kita telah menghadapi halangan dan pelbagai jenis isu yang kita hadapi untuk memastikan isu ini boleh diselesaikan. So lebih baik - Okey Yang Berhormat Subang *very short*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya rasa tadi Yang Berhormat Menteri membuat dua kenyataan yang penting. Satu, masalah kontrak. Apabila Yang Berhormat sebut pekerja, saya buat anggapan pekerja ini adalah termasuk pekerja asing dan pekerja tempatan. Betul bukan? *You are talking about both categories of workers*. Kedua, masalah *contract labour* ini bukan berdekatan-dekat tujuh lapan bukan, baru 10 hingga 15 tahun dari segi...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Bukan begitu Yang Berhormat. Itu salah, itu salah. Dalam sistem perladangan ini sudah berpuluh-puluh tahun.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** No, maksud saya tahap masalah itu telah mula menjadi serius selepas kerajaan...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tidak mengapa Yang Berhormat. Saya sudah jelaskan tadi. Isu kita, pandangan saya dan pendirian kerajaan sama macam pendirian kamu di sebelah sana bahawa kita mahu menangani isu ini, memperketatkannya, memastikan perlindungan diberi kepada pekerja dan pada masa yang sama untuk memastikan *outsourcing* ini tidak menjadi budaya di dalam negara kita. Pendirian itu sama.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, saya terima itu.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Cuma tujuan kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Bagaimana kita mahu jalan. Ini adalah permulaan. Itu saya sudah beritahu, ini bukan tempat yang sudah habis. Ini cuma permulaan. So biarlah saya menjelaskan apakah langkah-langkah yang kita ada, cadangan yang ada dan perbincangan yang ada untuk mengatasi isu. So, Ahli Yang Berhormat semua telah memberikan pandangan tadi, saya ingat tidak ada pandangan-pandangan yang baru. Biarlah saya memberikan jawapan...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri hendak meneruskan dahulu Yang Berhormat. Biarkan dia meneruskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ya, saya teruskan. Saya ingat lepas saya sudah jawab, saya boleh beri satu dua orang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa guna ada jawapan. Kita minta penjelasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Yang Berhormat Menteri *allowed by the standing order* untuk memberi penjelasan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, kalau *you* hendak ada perbincangan buat cara perbincangan untuk ada yang bermakna...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat *miss the point*. Dia hendak menjawab *he will give you later. You can't force him*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *No, I know. But...*

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** *Later okay.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Later boleh.*

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** *Listen to me.*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri minta pencelahan.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** So, bagaimana kita mahu bergerak kepada hal ini. Permulaannya - lepas saya sudah habis berhujah, Yang Berhormat Kuala Langat. So, permulaannya ialah untuk mendaftar mereka. Selepas mendaftar mereka, langkah-langkah lain untuk memberikan perlindungan yang boleh dibuat. Sebenarnya pada pagi ini, saya sudah panggil pemimpin di peringkat tinggi MTUC dan mengadakan perbincangan dengan mereka di mana saya telah berkongsi pandangan saya dengan cadangan yang kementerian ada untuk menjaga golongan-golongan ini. Saya telah mengadakan perbincangan ini diasaskan kepada satu resolusi yang telah dibuat oleh *International Labour Organization* yang telah bincang isu *contract labour* ini secara dalam yang berlaku bukan sahaja di negara kita tetapi berlaku di seluruh dunia.

Semua negara yang membangunkan menghadapi masalah ini dan telah memberitahu mereka kerana mereka pun ada keraguan-keraguan tertentu bagaimana kita boleh bergerak ke depan di dalam hal ini. Salah satu daripada isu ialah adakah dia ini akan membuka ruang supaya sektor-sektor di mana tidak ada *contract labour* akan mengambil *contract labour* pada masa yang akan datang. Untuk menghadapi itu, saya telah beritahu mereka di dalam seksyen 2A. Di dalam Akta Kerja, ada kuasa untuk Menteri untuk memastikan atau menghalang satu-satu sektor di mana *contract labour* tidak boleh dibenarkan. Saya telah memberitahu mereka kita boleh sebagai satu pasukan duduk dan kongsi dan bincang dan lihat kawasan seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Klang bahawa atau Yang Berhormat Sungai Siput di mana ada pekerjaan yang tetap, *core activities* yang tetap itu tidak boleh diberi kontrak.

So, perkara-perkara in saya ada beritahu mereka kita boleh di dalam semangat tripartisme iaitu dengan pihak *union* MTUC dan pihak *employer* duduk bersama untuk mencari satu langkah untuk jangka masa panjang dan masa hadapan negara kita, bagaimana kita boleh memastikan bahawa *contract labour* ini tidak menjadi lebih luas daripada apa yang ada pada masa sekarang. So ini permulaan dengan ada...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Saya sudah beritahu selepas saya habis. Saya ada ruang di dalam sistem perundangan kita yang boleh digunakan untuk menghadkan bilangan yang ada, bilangan kontraktor-kontraktor *labour*.

So untuk ketahui itu, kita memerlukan kalau ada satu *factory* yang pada masa sekarang tidak mempunyai *contract labour* dan lepas itu kita nampak di dalam beberapa bulan bilangan kontrak-kontrak *labour* itu sudah bertambah jadi lima dan sepuluh, ini akan memberikan peluang kepada pihak kementerian untuk panggil *factory* itu dan memberikan nasihat menghalang supaya mereka tidak boleh sedemikian kerana menggunakan akta yang sudah ada dan *schedule* yang ada. Pada masa sekarang kerana mereka tidak perlu lapor dan kita tidak tahu apa-apa langkah tidak boleh diambil terhadap kes-kes sedemikian di mana secara lebih luas pihak-pihak *factory* atau industri menggunakan pekerja-pekerja daripada *outsourcing*.

Selain daripada itu, isu tentang *outsourcing* yang telah di bincang, *outsourcing companies* yang telah diluluskan dahulu oleh Kementerian Dalam Negeri, saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah membuat satu keputusan untuk membekukan *outsourcing*. So, tidak ada lesen baru diberikan kepada *outsourcing companies* di dalam negara kita. Cuma lesen lama yang telah diberi, itu pun daripada 200 lebih yang ada pada masa dahulu, bilangan *outsourcing* yang berfungsi secara aktif pada masa sekarang ialah dalam lingkungan 100 sahaja dengan masa ini akan kurang dan kerajaan telah membuat satu keputusan secara dasar tidak ada *outsourcing companies* di dalam negara kita.

#### ■ 2120

Hak pekerja untuk mendapat gaji, untuk mendapat KWSP dan PERKESO mesti diberi perlindungan. Saya semasa perbincangan, selepas saya habis bincang Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Di dalam perbincangan dengan MTUC pagi ini...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Selepas perbincangan tadi semua orang sudah cakap. Semua pandangan sudah diberi, sekarang peluang saya menjawab apa yang Ahli Yang Berhormat sudah beritahu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini kita minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri jawab kita perlu...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** So ini jawapan saya daripada soalan yang diberi. Saya sudah bincang, di dalam negara-negara lain saya sudah mengambil contoh negara India di mana mereka telah wujudkan satu akta, *The Contract Labour (Regulation and Abolition) Act* di mana akta itu telah menyenaraikan langkah-langkah yang digunakan untuk menjaga hak pekerja di dalam sistem kontrak.

Salah satu daripada perkara yang dibuat di situ yang saya telah kongsi dengan MTUC ialah di mana pihak *principal* digunakan sebagai saksi untuk memastikan *contract labour* membayar segala bayaran dan daripada segi gaji dan perlindungan sosial yang diberi untuk pekerja. Ini salah satu contoh sahaja. Macam itu ada pelbagai contoh di beberapa negara yang lain di mana langkah-langkah telah diambil... [Disampuk]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi kenapa kita hendak buat *then why we do that?*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kenapa kita tidak gubal undang-undang macam itu? Ha, itu lebih baik.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tadi... Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, bagus. Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kalau kita tidak beri peluang ini yang kita terpaksa buat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Okey Yang Berhormat Subang, *ask your question?*

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Di mahkamah pun ada prosedur.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tanya question.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita bagi peluang *at least we have discussion*. Kalau you buat dalam *speech, speech* tentang apa ini? *I never interrupt you*.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Subang. Yang Berhormat Subang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Okey. Cepat, cepat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tunjukkan contoh di negeri Pakatan Rakyat dahululah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Let have a discussion... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Cepat, cepat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Di negeri Kedah datang tengok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Subang sila.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Saya sudah beri ruang.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Subang kena wujudkan contoh di negeri-negeri Pakatan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila, sila.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** *Mic* sudah *on*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, terima kasih. Saya hormat... *[Disampuk]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tengok, ada pekerja-pekerja di negeri Pakatan Rakyat bawa balik gaji RM300 hingga RM400, pergi tengok itu dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Biar dia Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Pergi tengok negeri-negeri kamu di mana kamu bayar kurang daripada RM500... [*Dewan riuh*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tolong diamkan budak itu atau keluarkan dia.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saja sini datang ke Parlimen untuk publisiti buat apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ini masalah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tolong keluarkan dialah.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Okey. Cepat,cepat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Sekarang sudah mahu jadi Speaker pula Yang Berhormat Subang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Ini masalah saya di sini. Tadi pun saya susah hendak diamkan Yang Berhormat sekarang sudah susah juga hendak diamkan dia Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri sudah beri ruang saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sekarang Yang Berhormat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Okey, saya sudah beri ruang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih, saya hormati itu dan saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya minta maaf tadi sebab saya rasa perlu kita dialog sedikit. Saya cukup gembira mendengar Yang Berhormat Menteri menjelaskan pendirian. Itu sangat penting iaitu hasrat kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri adalah untuk mengawal dan akhirnya menghentikan *contract labour*. Itu sangat penting.

Apa yang kita hendak bincang sekarang ialah apakah tindakan atau langkah yang sepatutnya kita buat untuk mencapai hasrat itu. *That is important* dan tadi Yang Berhormat Menteri sebut contoh daripada India. Kita setuju. Itu yang kita patut buat. Gubal satu undang-undang untuk ada *effect* macam itu mengawal dan akhirnya menghentikan. Apa yang kita bantah pindaan ini ialah kita tafsirkan sekarang kita memperluaskan skop untuk *contract labour*. Apa yang kita buat di sini bercanggah dengan hasrat itu. Itu yang jelas pada tafsiran.

Dahulu *contractor for labour* hanya boleh *supply labour* untuk subkontraktor atau kontraktor. Sekarang Yang Berhormat Menteri sudah buat pindaan untuk memperluaskan untuk *principal*. Ini yang kita bantah dalam tafsiran sini... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini jelas. Ini fakta. *This is clear*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu yang kita bantah.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Okey. Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Subang. Biarlah saya beritahu. Di dalam keadaan tadi, ini kalau Yang Berhormat Subang kalau *you* dengar mungkin jelas di dalam contoh estet yang saya beritahu tadi, ada majikan. Majikan melantik kontraktor dan kontraktor yang membekalkan tenaga kerja. *So* kontraktor itu menjadi *contractor for labour*. Tidak ada satu kontraktor lain di antara mereka dan subkontraktor. *So* keadaan ini bukan sahaja berlaku di dalam sistem ladang tetapi ada berlaku di sistem yang lain.

Contoh di satu *factory*, mereka yang membekalkan pengawal keselamatan. Ini *outsourcing*. *Contract for services* ialah dengan majikan dan pembekal pengawal keselamatan. *Contract of services* ialah *between* mereka yang membekal dan pekerja-pekerja pengawal keselamatan. Itu ialah perhubungan yang ada pada masa sekarang.

So kalau masa itu Ahli Yang Berhormat mesti sedar bahawa di dalam kategori itu kalau cuma ada *subcontractor for labour* sahaja, mereka ini yang sudah mengadakan perhubungan yang secara langsung dengan majikan itu tidak akan ditangkap.

So untuk memastikan mereka pun diperlu memberi perlindungan yang mencukupi, kita dipaksa supaya meluaskan skop ini supaya mereka pun mesti beri perlindungan kepada pekerja-pekerja di dalam sistem mereka.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, kita setuju. Kita setuju dengan hasrat memberi perlindungan. Cadangan sekarang ialah hanya pendaftaran. Apa yang kita hendak cadang secara yang lebih baik adalah berhentikan sistem kontrak itu tidak membenarkan *principal* membuat ini. Itu yang perlu dibuat di negara India bukan daftarkan.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Bukan, saya tidak cakap India tidak buat itu. *Principal* menjadi saksi untuk memastikan hak diberi kepada pekerja. Bukan mengambil tanggungjawab tetapi isu itu boleh dibincangkan iaitu masa kita bincang dengan pihak MTUC dan majikan lagi untuk langkah-langkah untuk meningkatkan perlindungan-perindungan golongan ini kita boleh mengambil ini sebagai satu cadangan dan membuat perbincangan untuk mendapat penyelesaian. Okey, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Tekun saya mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan kerisauan daripada... [Disampuk] Belum habis lagi dah 'huu' tu kira hebatlah Tuan Yang di-Pertua. Hebatlah. Kerisauan Yang Berhormat Menteri ialah diskriminasi berlaku dalam pekerja yang digelar sebagai kontrak. Sebelum ini penjajah dulu telah pun mewartakan *subcontractor labour* kerana tidak membenarkan pekerja kontrak. Hari ini pekerja kontrak berleluasa. Penguatkuasaan langsung tidak dibuat.

Jadi bagaimana mungkin yang dulu *subcontractor labour* yang telah pun diharamkan kontraknya itu sebagai *contractor labour* dihalalkan sekarang ini kerana *subcontractor labour* bersikap sementara dan sikap sementara itu tidak boleh dipermanenkan. Yang Berhormat Menteri mencadangkan supaya *contractor labour* itu dipermanenkan. Mana mungkin satu kerja yang sama, satu menggajikan majikan yang lain, satu majikan yang lain. Ini sudah di luar kemampuan fikiran. Yang Berhormat Menteri, saya merayu supaya penguatkuasaan itu diketatkan supaya kontrak itu diharamkan berlaku yang melibatkan hampir 5,000,000 pekerja, 42 peratus pekerja di seluruh negara termasuk pekerja asing. Jadi saya mohon pada Yang Berhormat Menteri kenderukan sedikit, kendur dan bincang balik...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Okey, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Seksyen 31 sahaja, tidak banyak. Seksyen 31.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri. Soalan susulan. Soalan pendek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat mesti faham bahawa ada keadaan ini kita boleh mengharamkan ada keadaan yang ada pada masa sekarang mungkin susah untuk diharamkan. Saya sudah beri...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan pendek. *Very* pendek.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Okey.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Soalan saya ialah mengapa kerajaan hendak meminda Akta Kerja dan bukan meminda *Private Employment Agency Act* untuk menyelenggarakan *outsourcing company's*.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Di dalam *Private Employment Act*, *employer-employee relationship* tidak 'termaktub' dan hak pekerja-pekerja tidak boleh diberi perlindungan di bawah *Private Employment Act*. So kalau kita memberi perlindungan kepada pekerja, tempat yang mana perlindungan boleh diberi kepada perlindungan ialah di dalam Akta Kerja. Oleh itu selaras dengan ruang yang telah ada di dalam Akta Kerja.

■ 2130

Itulah sebabnya kita memasukkan ini, kita masukkan di dalam Akta Kerja dan selain daripada isu gaji, satu perkara lain yang telah dibangkitkan ialah tentang bolehkah mereka menjadi ahli di dalam kesatuan sekerja. Pada masa sekarang di dalam NUPW, lebih ada dibenarkan mereka yang di bawah *contract of labour*, pekerja-pekerja yang bekerja di dalam estet boleh menjadi ahli di dalam kesatuan sekerja. Adalah lebih kurang 10,000 pekerja daripada kontraktor yang bekerja di estet yang menjadi ahli...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** So, tujuan kita dengan kesudian MTUC dan MEF ialah untuk mencari langkah-langkah yang boleh untuk memperluaskan apa yang sudah berlaku di dalam NUPW kepada sektor-sektor yang lain, supaya mereka yang menjadi kontraktor ataupun pekerja-pekerja kontrak di sektor-sektor yang lain juga boleh mendapatkan hak untuk menjadi ahli di dalam kesatuan sekerja. Tujuan saya menyenaraikan isu-isu ini, ini ialah isu-isu yang menjadi kebimbangan, kerisauan bahawa macam mana mengurangkan bilangan mereka, memastikan hak pekerja diberikan perlindungan, memastikan hak mereka untuk menjadi ahli di dalam kesatuan sekerja. Saya secara dalam dan jelas memberitahu tujuan kerajaan ialah untuk mencari langkah-langkah supaya perkara-perkara ini semua boleh dilakukan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit sahaja Menteri, pendek...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tujuan kita, niat kita baik, bertujuan mulia dan ini seperti yang telah saya beritahu tadi ialah permulaan untuk memberikan perlindungan kepada satu golongan yang sampai masa ini telah dipinggirkan dan tidak diberikan perlindungan oleh kerajaan yang sepatutnya melindungi.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, saya mahu penjelasan Menteri kerana saya melihat apabila kita berbahas mengenai undang-undang yang akan menentukan 'keefektifan' undang-undang ialah pelaksanaan. Menteri, saya bercerita mengenai implikasi di lapangan, saya berkata begini rata-rata, kebetulan ramai warga di Balik Pulau ialah *production worker* atau pekerja pengeluaran di kilang-kilang di Zon Bebas Bayan Lepas. Menteri, saya melihat semenjak memperkenalkan sistem kontrak ini ia memberikan impak langsung terhadap perkara sosial seperti yang kita bahaskan tadi. Ini kerana rata-rata kontraknya ialah kebanyakan sekarang, semua mesti bekerja 12 jam satu hari dan kebetulan pula Yang Berhormat Menteri mengaitkan satu isu yang amat penting tadi ialah dari segi kesatuan sekerja. Kebanyakan mereka ini tidak pun – atas sebab halangan-halangan yang lain, yang mungkin Menteri lebih tahu, tidak semua kilang ada. Jadi, dari segi aspek literasinya pun tidak ada, dari segi aspek sosialnya makin buruk, jadi apa yang berlaku ialah benda makin lama makin teruk, itu satu.

Saya menegaskan ini Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri membuat dasar untuk membawa negara ke hadapan, dasarnya implikasi sosial lemah, literasinya tidak berlaku, bebanan masyarakat teruk sehinggakan mereka-mereka yang hendak menjaga anak pinak pergi sekolah kadang-kadang bekerja 12 jam, teruk Menteri. Jadi, saya mohon penjelasan Menteri kerana ini adalah isu dasar. Kalau betul seperti yang dikatakan oleh rakan saya tadi bahawa ia tidak ada – zaman *British*. Cuma saya tidak arif perkara ini. Kenapa kita perlu menjadikan pilihan ini yang pada pandangan saya bukan perkara ini berlaku kita terpaksa menguruskannya. Kita sebenarnya boleh mempunyai pilihan satu lagi yang memudaratkan negara jangan diteruskan tetapi kenapa kita mengambil pilihan? Saya faham di era globalisasi ada perkara yang dipanggil *irreversible effect* tetapi ini perkara yang kita mungkin tidak perlu meneruskannya, saya melihat dasar yang...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, saya menerima pandangan dan saya ingat saya sudah menjelaskannya, kita boleh... seperti ada keadaan-keadaan di mana perkara ini boleh diletakkan, bagaimana ini boleh diharamkan dan mungkin ada di mana ini sudah dibenarkan. So, dengan mengambil kira perkara itu dengan apa yang saya telah beritahu tadi, dengan perbincangan yang kita akan lanjutkan dengan pihak... di dalam *tripartisme* kita, boleh mencari langkah-langkah untuk menghadapi segala isu masalah yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pergi kepada isu yang lain iaitu tentang gangguan seksual, secara ringkas tujuan mengadakan pindaan gangguan seksual untuk mengawal gangguan seksual ialah daripada segi perhubungan *employer-employee* iaitu kerana ini akta kerja, kalau luar daripada itu gangguan seksual yang berlaku di luar perhubungan *employer-employee* yang mungkin berlaku dengan orang yang luar, ini luar daripada skop akta kerja. So, tujuan mengadakan pindaan untuk memasukkan seksyen gangguan seksual ialah untuk memastikan, untuk mewujudkan satu suasana yang baik di tempat kerja. Mewujudkan satu tempat kerja yang mempunyai satu prasarana yang sesuai supaya pekerja boleh bekerja di dalam satu suasana yang baik dan majikan boleh bekerja di dalam situasi. Itu tujuannya.

Oleh itu ada kes-kes yang diberitahu tadi yang luar daripada kuasa dan skop undang-undang. Untuk menjawab soalan, adakah satu akta yang khusus diwujudkan, mungkin ada dan mengikut pandangan saya ada cadangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, mungkin mereka akan mengambil kira tentang isu yang lain. Pada masa sekarang di dalam *Criminal Procedure Code* memang ada ruang untuk mengambil tindakan ke atas *sexual harassment*. So, ada tempat-tempat yang berbeza di mana perkara ini boleh diambil kira dan tujuan mengadakan seksyen ini di bawah akta kerja untuk memastikan di dalam perhubungan antara pekerja dan majikan, maka ada satu perhubungan yang baik, yang selesa, bebas daripada isu gangguan-gangguan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Menyampuk]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ha! Itu ada, seperti yang ada di dalam seksyen 81A, kita akan mewujudkan peraturan dengan berbincang dengan semua parti yang akan digunakan sebagai akta cara untuk menangani isu ini seperti yang telah dijelaskan di bawah akta. Ahli Yang Berhormat itulah...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Secara ringkas...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Penjelasan-penjelasan saya kepada kebanyakan dari...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ya, *last* ya, ini penghabisan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya saya hendak maklumkan bahawa interpretasi yang terlalu sempit untuk menangani gangguan seksual, sebab seorang pekerja yang dihantar untuk bekerja di tempat yang lain. Tadi saya kata seorang wartawan, kalau dia menghadapi gangguan seksual ini dari pihak yang lain. Ia akan menjejaskan produktiviti di syarikat, itu perkara pertama. Perkara kedua, tadi saya ada menyatakan tentang 81B(1), prosedur itu harus dinyatakan dalam undang-undang ini, yang paling minimum ialah anggotanya, komposisinya. Kalau tidak ada di dalam ini, kita tidak boleh membuat penilaian sama ada proses itu adil atau tidak.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tidak apa Ahli Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tiada rayuan diperuntukkan juga.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Selepas kita sudah mewujudkan peraturan, saya akan menunjukkannya kepada Ahli Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Itu sudah lewat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Dengan... *[Ketawa]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Itu sudah lewat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Dengan kata-kata itu...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Soalan *labour ordinance, exemption* yang diberikan kepada *timber companies*...

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Itu saya akan... Isu ini tidak berapa jelas kepada saya, saya perlu...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Haiih!

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Saya perlu mendapatkan pandangan daripada pihak Sarawak, sebelum boleh menjawab kepada kamu. Dengan kata-kata itu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya berharap ini adalah satu permulaan baru di dalam sejarah negara kita... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan mengemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara ini adalah satu perkara yang sangat mustahak, saya pohon menggunakan *Standing Order 54(2)* memohon agar rang undang-undang ini dirujuk kepada *Select Committee* untuk pertimbangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan mengemukakan kepada Majlis usul Yang Berhormat Ipoh Barat seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda ataupun dibahas.

*Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan mengemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.*

*Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.*

*Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.*

**Fasal 1** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.*

**Fasal 2 [Pindaan] -**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

## ■ 2140

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang Pengerusi. Fasal 2 dipinda untuk memasukkan selepas huraian takrif kontraktor di akta ibu, perkataan seperti berikut; “*dengan syarat bahawa hanya tugas-tugas yang bercorak musim atau seasonal boleh ditawarkan sebagai kerja kontrak. Tugas-tugas lain yang berterusan tidak boleh dijadikan kerja kontrak*”. Dan juga mansuhkan takrif kontraktor buruh. Jadi, sebabnya saya syorkan ini ialah supaya *contractualization* ini boleh dihentikan. Hanya kerja untuk beberapa minggu sahaja dan bukan kerja yang berterusanlah. Jadi ini untuk sekat kerja kontrak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan pindaan ini kerana tadi pun Yang Berhormat Menteri pun kata bahawa ini adalah boleh diterima. Ini kerana ini untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja. Jadi, saya harap ini dapat disetujui supaya dia tidak perlu tunggu-tunggu lagi. Sekarang kita boleh memberi perlindungan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum ini Yang Berhormat Menteri telah memberi tahu bahawa kemungkinan besar menggunakan seksyen 2(a) akta ibu dan bolehkah Yang Berhormat mengesahkan secara ikhlas bahawa dengan pemindahan ini, penggunaannya hanya terhad kepada sektor tertentu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tambah sedikit secara ringkas sahaja. Tadi kita telah dengar Yang Berhormat Menteri dengan penjelasan tadi mengesahkan bahawa dia tidak sokong amalan *contract labor* dan itulah hasrat dia. Walau bagaimanapun, kita lihat kuasa yang diberikan di bawah seksyen 2(a) itu tidak pernah digunakan sehingga sekarang. So itu pun menimbulkan persoalan sama ada kerajaan memang komited untuk mengawal dan mengurangkan dan akhirnya menghentikan amalan *contract labor* ini yang menjejaskan hak pekerja. Akan tetapi walau bagaimanapun kita tunggulah, ya tindakan di bawah seksyen 2(a). Akan tetapi sekarang kita telah dapat cadangan untuk pindaan yang selaras dengan hasrat Yang Berhormat Menteri untuk menyekat penggunaan *contract labor* dengan menyekat ia kepada keadaan *seasonal*, ya.

Saya bangun untuk menyokong pindaan itu dan menyeru kepada Yang Berhormat Menteri ini selaras dengan hasrat yang baru tadi disebut dalam penjelasan dan bolehkah kerajaan menerima pindaan ini dan menguatkuasakan serta-merta sebagai langkah pertama yang telah disebut. Tadi Yang Berhormat Menteri kata kita akan mula beberapa langkah-langkah. Sekarang kita ada satu cadangan yang cukup baik daripada Yang Berhormat Sungai Siput dan saya cadangkan seharusnya kita terima ini. Sebagai langkah pertama sehingga kita. *I mean* kita harap kita akan mula membincangkan langkah-langkah susulan untuk mengawal dan menghentikan *contract labor*. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, saya mengambil sisi yang lagi satu. Tadi sisi dari segi untuk kita menangani secara yang dikatakan oleh Yang Berhormat Subang. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya mengatakan di sini ini peluang kita *to regulate*. Ini kerana Yang Berhormat Menteri, pada pandangan saya implikasi di lapangan pada setakat hari ini tidak ada contoh-contoh yang saya ada contoh yang baik banyak yang memudaratkan. Peluang untuk Yang Berhormat Menteri, saya tidak guna had *to regulate* kontrak ini sedikit sebanyak akan meletakkan usaha tadi iaitu usaha pemantauan dan usaha dari segi *enforcement*. Ini kerana seksyen 2(a) tadi itu Yang Berhormat Menteri saya katakan sepatutnya telah lama digunakan.

Ini kerana saya beri contoh, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Subang walaupun sejarahnya bila Yang Berhormat Menteri kaitkan dengan *plantation* mungkin lebih lama. Akan tetapi sejarah yang kita panggil *manufacturing*, kilang di Bayan Lepas itu yang saya tahu hanya sejak akhir-akhir ini kontrak menjadi pilihan dan sehinggakan dijadikan seolah-olah pilihan *permanent*. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya tahu majikan-majikan ini ke kampung-kampung di luar bandar untuk mendapatkan pekerja. Akan tetapi yang ditawarkan tidak...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sudahlah Yang Berhormat Balik Pulau, malam Jumaat ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat..., sudah Yang Berhormat Kinabatangan, hendak balik sebab hendak buat kerja itu. Saya tahu itu.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Akan tetapi perlu *regulate* juga. Tidak, Yang Berhormat Menteri saya mohon. Ini mungkin peluang yang agak menarik. Ya, pohon jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput kerana cadangan ini. Akan tetapi cadangan ini berbunyi cadangan dasar. Di dalam Kementerian Sumber Manusia, keputusan untuk dasar ini kita perlu mengadakan perbincangan dengan semua *tripartite*. Oleh itu, saya tidak boleh memberi sokongan kepada cadangan ini kerana ini adalah cadangan daripada satu pihak saja. Kita memerlukan pandangan dari pihak *employer* atau majikan dan selepas mendapat... Ini kerana di dalam nagara kita, saya mahu ingatkan kesatuan sekerja tanpa majikan itu tidak boleh hidup. Kesatuan sekerja memerlukan majikan kerana majikanlah ada kerja kalau tidak ada majikan tidak kerja. *So tolong, tolong.* Oleh itu, kedua-duanya mesti sihat. *So* kita perlu mengadakan perbincangan dengan kedua-dua pihak sebelum boleh membaca. *So* saya tidak menyokong isu ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujui.*

*Fasal-fasal dikemukakan kepada Mesyuarat.*

**Fasal 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal-fasal 3 hingga 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

#### **Fasal 9 [Pindaan] -**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** So, oleh kerana fasal 2 tidak diterima saya tarik balik fasal ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Fasal ditarik balik, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebetulnya yang fasal 9 itu kita mahu sokong tetapi dia sudah mahu tarik.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Fasal 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.



**Fasal 11 [Pindaan] -**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Kinabatangan bagaimana..., boleh sokong, kah?

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya tarik balik.

*Fasal-fasal dikemukakan kepada Mesyuarat.*

**Fasal 11** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal-fasal 12 hingga 26** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 27 [Pindaan] -**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, ini perlu bahas sedikit ya. Okey, seksyen baru 81B dipinda dengan masukkan perkataan seperti berikut selepas *the Minister*. Di kes-kes di mana seorang kakitangan pengurusan tinggi adalah terlibat sebagai pengadu atau pun suspek godaan seksual, Yang Berhormat Menteri harus mengarahkan seorang pegawai buruh menghadiri dan memantau proses *enquiry* terhadap aduan tersebut.

**■ 2150**

Dalam undang-undang yang sedia ada lembaga *inquiry* itu oleh majikan tetapi jika majikan sendiri terlibat dalam kes itu, jadi macam mana majikan akan kendalikan. *So*, itulah sebabnya saya masukkan ini supaya seorang pegawai buruh boleh memantau atau pun mengendalikan proses *inquiry* itu.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, ...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Saya sudah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Bukan, sebelum dibahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan Yang Berhormat Sungai Siput yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**9.51 mlm**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya menyokong usul yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput itu. Persoalan yang timbul ialah tadi seperti yang saya nyatakan oleh kerana tidak dinyatakan prosedur-prosedurnya, anggotanya, komposisinya, ia tidak akan memberi jaminan keyakinan kepada mangsa terhadap proses untuk mencegah dan untuk melindungi daripada gangguan seksual ini.

Sebab itu saya pohon agar pihak Menteri boleh menarik balik dan meletakkan prosedur-prosedurnya dalam rang undang-undang. Kalau Akta Anti Gangguan Seksual itu dipinda boleh menyatakan komposisi anggotanya mesti ada wanita, prosesnya. Mengapa kita tidak boleh. Ini semua kuasa disimpan oleh Menteri. Kita tidak boleh menilainya sama ada proses itu adil atau tidak. Jadi, saya menyokong usul Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**9.52 mlm.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, saya pun menyokong pindaan ini dan saya ingin meminta Menteri supaya menjelaskan sama ada prosedur yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini sudah menjadi *final*. Adakah ada lagi dan sekiranya ada prosedur lain yang boleh dibincangkan sama ada pihak di sini atau pun orang yang pakar dalam aspek ini mereka boleh dijemput untuk memberi pandangan. Terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, seperti yang saya beritahu tadi peraturan tentang cara-cara untuk menangani isu ini dan untuk siasatan, kita sedang menggubal pada masa sekarang. Semasa perbincangan saya dengan Yang Berhormat Sungai Siput, saya ada beritahu mungkin kita boleh masukkan ini di dalam peraturan. Tidak memerlukan pindaan kepada akta. Terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya hendak bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**9.53 mlm.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Fasal 27 iaitu seksyen 81. Saya masih belum mendapat jawapan sebab tadi jawapan Yang Berhormat Menteri semuanya sangat ringkas berkenaan gangguan seksual bahagian ini dan semua jawapan yang diberikan itu lebih kurang sahaja, tidak serius.

Saya hendak tanya mengapakah mengadakan peruntukan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, malam Jumaat lah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat ada sejarah, ada rekod dalam Dewan ini. Jadi, saya mesti pastikan ini rang undang-undangnya. Memang benar boleh melindungi wanita daripada menjadi mangsa gangguan seksual. Jadi, Yang Berhormat lebih baik diam. Diam! Sudah ada rekod hitam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, boleh saya cadangkan supaya tempat kerja ini masukkan Dewan Parlimen juga, bolehkah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat di sini jangan buat begitu terutamanya Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kinabatangan, dengar kah?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Itulah saya katakan rang undang-undang yang dicadangkan ini telah mengecualikan perlindungan dan pencegahannya kepada ramai wanita sebab Yang Berhormat hanya hadkan kepada tempat kerja. Saya ingin rujuk kepada rang undang-undang ini, fasal 27. Mengapakah memperuntukkan majikan, satu peruntukan di mana dia boleh tolak untuk tidak mengadakan *inquiry*. Boleh tolak begitu sahaja untuk tidak mengadakan *inquiry* dan apa yang dimaksudkan sebagai satu aduan yang "...frivolous, vexatious or is not made in good faith." Adakah ini terlalu luas?

Kalau mangsa itu tidak puas hati dengan keputusan majikan tersebut, ke mana dia pergi? Tiada peruntukan di sini. Senyap. Nampaknya rang undang-undang ini tidak serius langsung untuk menangani gangguan seksual di tempat kerja. Ia tergantung. Kalau *director general* ini menerima aduan terus daripada mangsa tersebut, *director general* hantar balik kepada majikan. Kalau keputusan tidak puas hati, ke mana pula mangsa itu pergi? Mengapa memperuntukkan 30 hari untuk mangsa mendapat jawapan daripada majikan yang enggan mengadakan sebarang siasatan.

Saya ingin tahu apakah benar kementerian memandang serius gangguan seksual ini sebab sekarang Yang Berhormat Menteri tolak. Dia kata ini bukan di bawah bidang kuasa saya. Ini di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Tiada orang mahu bertanggungjawab isu masalah besar ini. Kod amalan mencegah gangguan dan membasmi gangguan seksual di bawah kementerian. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan.

Fasal 81C(1)(b) itu apa yang dimaksudkan kalau dia bukan pekerja dia, apa yang dimaksudkan "...shall be brought before an appropriate disciplinary authority..."? Apakah definisi "appropriate authority" di bawah cadangan dalam fasal ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ahli Yang Berhormat, ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Mertajam hendak berbahas.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Oh, belum habis lagi.

#### 9.57 mlm.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yes, yes. Walaupun tadi Yang Berhormat Menteri sudah jelaskan bahawa ini hanya di tempat kerja di antara hubungan di antara majikan dan pekerja-pekerja di antara pekerja. Akan tetapi ada di sini, tadi pun sudah jelas bahawa ada pekerja di tempat kerja yang tidak dapat dilindungi oleh seksyen ini, umpamanya kerja kontrak, kerja melalui ejen. Jadi, bagaimana Yang Berhormat yang dikatakan begitu mementingkan kebajikan pekerja akan mencari jalan supaya semua pekerja di tempat kerja akan dilindungi? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi Datuk Ronald Kiandee:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 9.58 mlm.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Ahli Yang Berhormat, di dalam akta itu, pindaan itu, pihak yang menjadi pihak aduan, rujukan kalau tidak puas hati ialah pihak ketua pengarah. Kalau ada apa-apa yang dibuat oleh majikan selepas siasatan, tidak puas hati oleh seseorang yang telah membawa aduan tentang gangguan seksual, beliau boleh membuat aduan kepada pihak Ketua Pengarah.

Kalau Ketua Pengarah berpendapat bahawa apa yang dibuat oleh majikan itu ialah bukan selaras, tidak betul dan ada ruang di dalam rang undang-undang ini untuk mengadakan tindakan ke atas majikan itu. Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat Bukit Mertajam, di mana-mana tempat seseorang pekerja bekerja itu menjadi tempat kerja.

Kalau di dalam tempat kerja itu ada gangguan seksual di dalam perhubungan pekerja dan majikan, ada diberi perlindungan di bawah akta. Oleh itu, kalau gangguan itu berlaku luar daripada skop majikan dan pekerja, *then* itu mesti diambil tindakan oleh pihak yang lain seperti polis kerana itu adalah skop mereka. Ini kerana pihak majikan atau pihak pekerja tidak boleh mengambil tindakan ke atas orang ketiga. *So*, itu yang menjadi satu perkara yang kita mahu ambil kira. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Satu senario di mana pekerja ini dia dikontrak melalui ejen dan ejen ini adalah majikannya tetapi dia bekerja di syarikat 'A'. Apabila gangguan seksual berlaku di syarikat 'A', macam mana? Dia bukan pekerja di syarikat 'A', dia bukan pekerjanya dari undang-undang. Di adalah pekerja ejen. Ejen yang bayar gaji, macam mana?

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Syarikat 'A' yang itu prinsipal kerana pekerja yang membuat gangguan itu ialah pekerja dia. Dia kena mengambil tindakan.

**Fasal 27** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

**Fasal-fasal 28 hingga 33** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

Rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 4 petang, hari Jumaat, 7 Oktober 2011.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 10.02 malam.***